



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 7)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 28)
Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 28)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Datuk Azhar bin Azizan @ Harun
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PPBM
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
2. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S., D.S.M.S. [Gombak] – PPBM
3. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
4. “ Menteri Kewangan, YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Senator]
5. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya] – PBB
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Radzi bin Jidin – Senator
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
9. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu] - PAS
10. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri - Senator
11. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
12. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
13. “ Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] – PAS
14. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
15. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
17. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
18. “ Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
19. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggaru] – UMNO
21. “ Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – PPBM

22. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M., S.S.A.P., P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
23. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
24. “ Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
25. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PPBM
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PPBM
27. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
29. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus] – PAS
30. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
31. “ Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong – Senator
2. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P., S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Eddin Syazlee bin Shith [Kuala Pilah] – PPBM
6. “ Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato’ Dr. Mah Hang Soon, - Senator
7. “ Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] – PBRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] – PAS
12. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Mukah] – PBB
13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] – PBB

14. Yang Berhormat Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad – Senator
15. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] - PAS
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PPBM
17. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, D.J.M.K. [Rantau Panjang] – PAS
18. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PPBM
19. “ Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PPBM
20. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PPBM
22. “ Timbalan Menteri Kesihatan I, Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – PPBM
23. “ Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit] – PRS
24. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] – PAS
26. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I, Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PPBM
29. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
30. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - PAS
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M., [Tanjong Piai] – MCA
35. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II, Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
36. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau] – STAR
37. “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato' Sri Ti Lian Ker – Senator
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal – Senator

AHLI-AHLI (PN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang] – PAS
3. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] – PAS
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas] – PAS
6. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
7. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
8. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
9. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] – PAS
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – PPBM
12. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
13. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] – PAS
14. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
15. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
18. “ Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] - UMNO
19. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
20. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
21. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
22. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
23. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
24. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] – PAS
25. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] – PAS
26. “ Tan Sri Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
27. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
28. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai] – PAS
29. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
30. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
31. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] – PPBM

32. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
33. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
34. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
35. “ Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu] – PAS
36. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] – PAS
37. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] – PPBM
38. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – PPBM

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] – WARISAN
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
6. “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] – PKR
9. “ Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepang] – WARISAN
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
19. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
20. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
21. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
22. “ Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
23. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
24. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
25. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
26. “ Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
28. “ Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR

31. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
32. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
33. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
34. “ Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
35. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
36. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
37. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
38. “ Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
39. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
40. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
41. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
42. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
43. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
44. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
45. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
46. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan] – WARISAN
47. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
48. “ Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
49. “ Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
50. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
51. “ Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
52. “ Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
53. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna] - WARISAN
54. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
55. “ Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
56. “ Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
57. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
58. “ Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP
59. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
60. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
61. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
62. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
63. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
64. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
65. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
66. “ Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
67. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
68. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
69. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
70. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan] - WARISAN
71. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
72. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP

73. Yang Berhormat Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
74. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim-Bandar Baharu] – PKR
75. “ Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
76. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
77. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
78. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
79. “ Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
80. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
81. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
82. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
83. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
84. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
85. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
86. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
87. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
88. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
89. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
90. “ Dato’ Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] - PKR
91. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] - UPKO
92. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
93. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
94. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
95. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
96. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP
97. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
98. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
99. “ Dato’ Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam D.J.M.K. [Kuala Langat] – PKR
100. “ Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
101. “ Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]
2. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu]
3. “ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]
4. “ Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]
5. “ Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]
6. “ Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]
7. “ Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
3. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
4. “ Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupa]
5. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
6. “ Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PSB)

1. Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
2. “ Tuan Baru Bian [Selangau]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat

Nizam Mydin bin Bacha Mydin

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Nurul Atikah binti Basrudin

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Selasa, 4 Ogos 2020
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Pasir Mas kemukakan pertanyaan dalam masa satu minit.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Angkut-angkut terbang ke langit;
Mati disambar si burung hantu;
Biar bertangkup bumi dan langit;
Soalan saya di nombor satu.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab dalam tempoh masa tiga minit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja bentuk kalau kita sebutkan SOP, kita berpaksikan kepada Perlembagaan kita. Kalau negara ini yang kita tahu sebagai agamanya agama rasmi Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Menteri, saya hendak membangkitkan ini pertanyaan-pertanyaan jawab untuk MQT. Diminta Yang Berhormat Pasir Mas untuk membaca soalan tersebut dalam tempoh satu minit.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Ya, terima kasih *[Ketawa]*

1. **Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah NADMA sudah menyediakan garis panduan patuh syariah dalam pengurusan dan penempatan mangsa banjir terutama yang melibatkan mangsa bermalam di pusat penempatan sementara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pasir Mas. Selamat pagi kepada semua. Jawapannya mudah, sudah tetapi saya hendak memberi sedikit keterangan. Apa sahaja bentuk *standard operating procedure*, kita selalu melihat Perlembagaan kita sendiri, contohnya kita melaksanakan sesuatu itu berlandaskan apa dia negara Malaysia. *Inclusivity*, konsep keagamaan dan sebagainya.

Jadinya kalau dilihat hari ini, apabila kita membentuk SOP, *it's all inclusive* dan merangkumi semua kaum dan agama. Akan tetapi bila kita lihat SOP dari sudut bencana, memang spesifik. Kita tidak mengatakan yang ini begitu, yang ini begini tetapi ia adalah secara keseluruhan kita kembali kepada Perlembagaan, *syariah compliance*. Jadi SOP yang kita tubuhkan itu sudah pasti menepati kehendak-kehendak yang dikehendaki oleh syariah.

Contoh, Agensi Pengurusan Bencana (NADMA) telah menyediakan SOP pengurusan pusat pemindahan sementara (PPS) untuk penempatan semasa bencana yang kini juga mengambil kira pandemik COVID-19. SOP tersebut telah diedarkan bersama Jawatankuasa Pengurusan Bencana setiap negeri yang terdiri daripada pelbagai agensi berkaitan di peringkat negeri untuk dilaksanakan.

SOP yang dikemukakan mematuhi syariah yang mana keluarga, lelaki dan wanita, yang bukan muhrim diasingkan mengikut kesesuaian ruang PPS berkaitan. Dari sudut penyediaan makanan, sumber makanan disediakan oleh penyedia servis yang menepati standard halal ditetapkan. Di samping itu, ruang ibadat yang disediakan turut dimestikan untuk mematuhi SOP penjarakan fizikal yang digariskan.

Saya mengalu-alukan Yang Berhormat Pasir Mas, apa sahaja cadangan, perincian menambah baik pengurusan pusat-pusat pemindahan secara keseluruhan untuk mematuhi ataupun yang *syariah compliance* supaya kita boleh memperbaiki jika perlu SOP yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berbeza dengan kawasan lain, Pasir Mas dan juga Rantau Panjang khususnya hampir pasti dilanda banjir setiap tahun. Lebih kurang dua atau tiga bulan dari sekarang, kawasan kami ini akan dilanda oleh banjir. Jadi isu yang berlaku Yang Berhormat Menteri ialah apabila tibanya waktu banjir, pada malam atau pada siang hari berkenaan pusat penempatan dibuka akan berlaku suasana yang kalut, hiruk-pikuk yang tidak menentu.

Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat memastikan persiapan lebih awal dapat dilaksanakan dan juga khemah-khemah ataupun pembahagi-pembahagi yang jelas ini dapat dibekalkan lebih awal. Suasana yang berlaku Yang Berhormat Menteri ialah keluarga ini akan bercampur di antara satu sama lain dalam satu kelas, dalam satu penempatan yang menyebabkan berlakunya percampuran di antara bukan muhrim. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Kita kena faham NADMA satu unit pengurusan. Segala *resources* dengan izin, kepakaran dan pengurusan di daerah-daerah kita bahagikan kepada Jawatankuasa Bencana Daerah ataupun Jawatankuasa Negeri. Kita lengkapi dengan agensi yang lain, contohnya APM. Kita sekarang sedang membuat persediaan untuk memastikan kalau ada kelemahan terdahulu, kalau ada hiruk-pikuk yang disebutkan tadi, kita pastikan itu tidak berlaku.

Contohnya di Kelantan, saya telah melawat satu tempat di mana kita akan wujudkan satu pusat APM di mana di situ kita akan memastikan segala barangan untuk persediaan menghadapi banjir diadakan sebelum berlakunya banjir. Contohnya hari ini, kita telah mula membeli lebih kurang 20,000 unit khemah-khemah yang *syariah compliance*. Dahulunya, kalau khemah itu dahulu 2017 seingat saya, kalau khemah itu setakat pinggang, apabila wanita tukar pakaian nak solat- kita hari ini menggunakan khemah yang tertutup. Jadi tidak terdedah kepada yang disebutkan tadi yang tak *syariah compliance*. Terima kasih.

■1010

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu NADMA ialah untuk- sebagai agensi mengurus bencana, menguruskan banjir apabila berlaku- apabila bencana berlaku. Akan tetapi saya melihat bahawa sepatutnya setelah sekian lama NADMA mengurus bencana apabila berlaku, itu sudah dapat mengenal pasti apa punca-punca. Jadi, sepatutnya NADMA sudah dapat menyelaras dengan kementerian-kementerian yang lain untuk memastikan pengurusan mengelak daripada berlaku bencana khususnya banjir, bencana banjir.

Oleh sebab kita tahu punca banjirnya perparitan, banjir termenung dan sebagainya, kita tidak perlu lagi hendak habiskan duit hendak beli khemah baharu, hendak sedia itu dan sebagainya. Ini yang sepatutnya dilakukan. Apa langkah-langkah yang telah pun diambil oleh NADMA sebagai badan pengurusan bencana untuk mengurus, mengelak daripada berlaku bencana seperti mana banjir khususnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tugas NADMA cuma menguruskan bencana. Jadi, NADMA cuma berfungsi ketika ada bencana. Sekiranya berlaku bencana yang lebih besar, tugas itu diangkat kepada Majlis Keselamatan Negara... [*Tepuk*] Kita tidak terlibat dalam- kita boleh memberi cadangan dan sebagainya. Sebagai NADMA, dasar-dasar pengalaman kita menghadapi banjir.

Jadi, perkara itu memang dibincangkan. Contoh hari ini kita mempunyai kaedah yang sedang diperhalusi, mengangkat kepada Majlis Keselamatan Negara supaya pengurusan banjir itu lebih orang kata mempunyai matlamat untuk tidak ada banjir lagi, pengurusan air dan sebagainya.

Memang ada cadangan sedang dibincangkan, dan diperhalusi untuk menggunakan kepakaran asing sekalipun ataupun pengalaman kita untuk contoh sekiranya tempat itu ada kaedah tertentu dan yang dibawa dari negara Amerika Selatan. Ada kepakaran yang boleh apabila- kita boleh menjangkakan banjir akan berlaku, banjir itu tidak akan berlaku dengan pengurusan yang disebutkan tadi, pengurusan yang lebih baik dengan penggunaan teknologi terkini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk Pertanyaan-pertanyaan Menteri seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Kulai.

2. Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada KPM merancang untuk menutup sekolah di Zon Merah COVID-19, seperti Kuching, Sarawak dan sekiranya tidak, sama ada pemakaian pelitup muka diwajibkan.

Menteri Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan kesihatan murid, guru dan warga sekolah. Dalam hal pembukaan semula sekolah sebelum ini, KPM telah mendapatkan pertimbangan serta nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan keadaan adalah selamat untuk murid kembali ke sekolah.

Selepas sekolah dibuka semula, KPM terus bekerjasama rapat dengan KKM dan MKN bagi memastikan sesi persekolahan berjalan dalam keadaan yang selamat. Perbincangan juga dibuat untuk melihat sekiranya ada keperluan bagi menambah baik garis panduan pengurusan pembukaan semula sekolah. Di peringkat negeri, KPM sentiasa memantau perkembangan sesi persekolahan melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Pengarah JPN merupakan ahli dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang turut dianggotai oleh Pengarah Kesihatan Negeri dan Setiausaha Keselamatan Negeri (MKN Negeri). Sehubungan itu, KPM melalui Pengarah JPN akan berbincang bersama-sama semua pihak yang berkaitan untuk melihat sekiranya terdapat keperluan menutup sekolah bagi mencegah penularan wabak COVID-19 di mana-mana kawasan yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pengumuman pelaksanaan Kawalan Pergerakan Antara Bahagian di negeri Sarawak pada 29 Julai 2020, JPPN Sarawak dengan persetujuan KPM telah memutuskan untuk menangguhkan pembukaan semula 213 buah sekolah di daerah Kuching. Ini melibatkan sebanyak 87 buah sekolah di bawah PPD Kuching, sebanyak 99 buah sekolah di bawah PPD Padawan dan sebanyak 27 buah sekolah di bawah PPD Samarahan. Pembukaan semula sekolah yang diumumkan pada 3 Ogos 2020 telah ditangguhkan ke 17 Ogos 2020. Walau bagaimanapun, kelas bagi prasekolah, Tingkatan 5, dan Tingkatan 6, adalah beroperasi seperti biasa di ketiga-tiga PPD tersebut.

Bagi negeri Kedah pula, kerajaan negeri telah melaksanakan *Targeted Enhancement Movement Control Order* (TEMCO) di empat buah mukim iaitu Mukim Ah, Mukim Hosba, Mukim Binjal dan Mukim Padang Sanai bermula pada 2 Ogos 2020. Berikutan itu, JPPN Kedah dengan persetujuan KPM telah memutuskan untuk menutup empat buah sekolah di bawah PPD Kubang Pasu dan sebuah sekolah di bawah PPD Padang Terap bermula pada 2 Ogos 2020 sehingga 29 Ogos 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan pertama, sila Yang Berhormat Kulai 30 saat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain dari Kuching dan juga Kubang Pasu, Kedah, sekarang di Sabah juga ada dua orang murid yang disahkan positif. Saya hendak tahu sama ada sekolah di Sabah juga akan ditutup untuk daerah yang terlibat?

Juga memandangkan bahawa sekarang kita menggalakkan murid-murid kita untuk memakai pelitup muka, sama ada KPM akan membekalkan pelitup muka yang *reusable* kepada murid-murid terutamanya mereka yang datang daripada golongan B40 memandangkan bahawa sarapan pagi percuma telah ditangguhkan. Sekian, soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Radzi bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali berkaitan dengan penutupan sekolah di Sabah. Apa yang dilaksanakan di peringkat kerajaan negeri berbincang bersama-sama dengan pihak KPM melalui Pengarah JPN kita melihat *case-by-case basis*. Jika ada keperluan untuk menutup sekolah di kawasan tersebut, kami di KPM berdasarkan nasihat daripada profesional di KKM dan juga MKN serta kerajaan negeri berbincang, kita bersedia.

Jadi, setiap kes itu berbeza. Setiap kes yang berlaku berbeza seperti mana saya sebut di Sarawak banyak- lebih 200 buah sekolah ditutup. Akan tetapi di Kedah kita tutup lima buah sekolah berdasarkan kes yang ada dan berdasarkan risiko dan cara menangani risiko tersebut. Itu soalan pertama.

Soalan kedua berkaitan dengan pelitup muka guna semula- *reusable face mask*. Dalam garis panduan pembukaan semula sekolah, kita menggalakkan pemakaian *face mask* tetapi masih belum diwajibkan. Pada waktu ini, pihak kami sedang berbincang dengan pelbagai pihak untuk melihat tentang kebolegunaan *reusable face mask* di sekolah. Sebarang makluman akan dimaklumkan kepada awam dalam masa terdekat jika ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang kedua, saya jemput Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila 30 saat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya meneliti tetapi saya hendak kalau boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan secara terperinci, apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk membuat keputusan sama ada untuk menangguhkan sekolah tersebut? Seperti yang dikatakan tadi, MKN Negeri dan KPM mereka duduk bersama berbincang, apakah kriteria-kriteria yang dilihat? Adakah *zoning* yang digunakan atau kriteria yang lain?

Soalan kedua, apakah pelan kementerian untuk menolong pelajar-pelajar yang ketinggalan disebabkan penangguhan sesi persekolahan ini? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, dua minit 30 saat.

Dr. Radzi bin Jidin: Saya jawab soalan pertama berkaitan dengan kriteria yang digunakan seperti mana Yang Berhormat Bandar Kuching sebut sama ada menggunakan *zoning* dan sebagainya. Berkaitan dengan penggunaan *zoning* ini, ini bergantung kepada *assessment* yang dibuat oleh JPPN dalam semua- melibatkan semua pihak yang berkaitan untuk melihat apakah keadaan yang berlaku dan bagaimanakah cara yang terbaik untuk menanganinya.

Tidak semestinya kita hanya menutup sekolah di zon merah sahaja. Jika ada keperluan untuk menutup sekolah di zon lain juga seperti mana di Kedah. Di Kedah masih belum zon merah tetapi kita membuat keputusan untuk menutup sekolah bagi mencegah penularan. Ia lebih kepada *risk assessment* dan *risk management*, dengan izin. Itu pertama.

Kedua, berkaitan dengan- soalan kedua tadi berkaitan dengan...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Pelajar yang ketinggalan.

Dr. Radzi bin Jidin: Oh pelajar yang ketinggalan, minta maaf. Okey, pelajar yang ketinggalan. Dalam konteks ini, seperti mana yang kita- saya sebut semalam, bahawa kita teruskan *home-based learning* tetapi kita apabila sekolah mula dibuka semula di sesetengah kawasan, kita dapat melihat bagaimanakah kaedah yang terbaik untuk membawa kembali pelajar dalam konteks pendidikan semasa walaupun mereka tidak berada di sekolah. *Home-based learning* akan diteruskan untuk pelajar-pelajar yang tidak dapat hadir ke sekolah. Ini amat penting khususnya untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Batu Sapi.

■1020

3. Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang memperkenalkan undang-undang khas seperti *Administration of Justice (Protection) Act 2016* di Singapura bagi menangani kes-kes menghina mahkamah yang kian meningkat, terutamanya di media sosial, secara lebih efektif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih sahabat saya mantan Menteri Undang-undang, Yang Berhormat Batu Sapi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa apabila kita menyebut menghina mahkamah ataupun, dengan izin, *contempt of court*, ia merujuk kepada kesalahan-kesalahan terhadap pentadbiran keadilan iaitu sama ada mahkamah ataupun hakim, dengan izin, *an offence against the administration of justice*. Buat masa ini, kerajaan sedang mengkaji keperluan untuk menggubal sesuatu undang-undang khusus bagi menangani kes-kes penghinaan mahkamah sebagaimana yang ada di Singapura iaitu *Administration of Justice (Protection) Act 2016*.

Dalam hal ini, Jabatan Peguam Negara sedang menjalankan kajian dengan membuat perbandingan dengan undang-undang yang ada di beberapa buah negara umpamanya di India, United Kingdom, Singapura dan beberapa buah negara yang lain. Kerajaan juga akan mendapatkan input daripada semua pemegang taruh yang berkepentingan dengan perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu Sapi, sebagaimana Ahli Yang Berhormat Batu Sapi pernah maklum bahawa Jabatan Peguam Negara sebenarnya telah melihat perkara ini sejak tahun 2010 lagi, lama sudah. Pada tahun 2013, satu draf telah disiapkan mengenai perkara ini dan telah dirujuk kepada pihak mahkamah dan mahkamah memberi suatu *feedback* yang agak baik.

Pada tahun 2016, draf rang undang-undang telah pun di peringkat pengesahan oleh Bahagian Penggubalan Jabatan Peguam Negara. Namun demikian, setahun sebelum ini, ada berlaku suatu perkara di mana Kementerian Dalam Negeri telah membuat suatu pindaan terhadap Akta Hasutan atau *Sedition Act*, perkara yang melibatkan penghinaan mahkamah dan sebagainya. Khususnya seksyen 3(1)(c) *Sedition Act* atau Akta Hasutan. Oleh sebab itu, perkara ini telah dikaji semula oleh pihak kerajaan untuk memperlengkapkan dan diselaraskan dengan pindaan yang dibuat.

Buat masa ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak ada undang-undang khusus di dalam negara kita ini bagi menangani kes penghinaan mahkamah. Memandangkan tiadanya undang-undang ini, apa yang digunakan oleh mahkamah ialah prinsip *common law* ataupun *common law principles*. Ia juga sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Undang-undang Sivil 1956, khususnya seksyen 3, di samping beberapa peruntukan lain umpamanya Perkara 126, Perlembagaan dan seksyen 13, Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang hadir untuk menjawab soalan ini. Terima kasih atas jawapan. Saya menunggu pihak kementerian untuk mengenalkan undang-undang yang telah pun dicadangkan oleh pihak kerajaan.

Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, perbuatan menghina mahkamah ini kita lihat baru-baru ini kita menjadi satu norma baharu dalam Kerajaan Perikatan Nasional GPS ini, di mana kita dapat lihat ramai yang telah pun mengambil peranan dalam *Twitter* untuk mengatakan ini dan itu terhadap penghakiman mahkamah bau-baru ini mengenai seorang Ahli Parlimen. Pada masa yang sama, dalam satu kenyataan *Twitter*, kita juga dapat lihat Yang Berhormat Menteri yang duduk di sana telah pun menyatakan dengan menteri-menteri yang lain, Menteri Alam Sekitar dan Air, 'Menteri ke Timur Tengah' dan juga 'Menteri Komoditi' bersama-sama dengan Ahli Parlimen Pekan di mana beliau...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalnya?

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: ...Di mana beliau mengatakan "*There may be times when we are powerless to prevent injustice, but there must never be a time when we fail to protest*".

Jadi, dengan kenyataan yang dibuat oleh seorang *Twitter* yang dinamakan Ramesh Rao AKS yang telah pun dilaporkan yang akan diminta memberikan penjelasan kepada pihak polis pagi ini, jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sama ada Yang Berhormat Menteri punya kenyataan ini bercanggah dengan prinsip undang-undang yang telah pun dikatakan tadi menggunakan *common law concept*? Juga penjelasan sama ada ini adalah *double standard* di mana aspek perundangan di antara Menteri Undang-undang tersebut dengan individu?

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan dah diberikan tadi. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi]: Ya, sila [*Ketawa*] Relakslah, relaks.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih sahabat saya sekali lagi. Mungkin beliau merujuk kepada kunjungan saya dan beberapa pimpinan saya pada Yang Berhormat Pekan pada malam beliau telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat Batu Sapi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, amalan sebegini bukanlah satu perkara yang luar biasa. Pada suatu masa dahulu semasa Yang Berhormat Port Dickson telah dikenakan tindakan oleh parti dia dan juga oleh mahkamah, Presiden PAS pada masa itu telah berkunjung menziarahi Yang Berhormat Port Dickson. Pada masa itu bukan Port Dickson lah, saya rasa Permatang Pauh. Jadi, itu amalan yang biasa.

Keduanya, saya tidak pasti yang dirujuk *Twitter* itu *Twitter* yang mana. Sama ada *Twitter* saya atau *Twitter* mana-mana pihak? Walaupun demikian, sebagai seorang pengamal undang-undang, saya juga tertakluk kepada undang-undang. Sekiranya apa yang saya lakukan tertakluk kepada undang-undang tertentu dan saya dipanggil oleh polis, saya bersedia untuk pergi ke balai polis memberi keterangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang soalan tambahan kedua, saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Menteri, ialah bagaimanakah mahkamah mengendalikan kes-kes penghinaan mahkamah dengan ketiadaan undang-undang khusus mengenai penghinaan mahkamah ini? Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krai. Sebagaimana saya sebutkan tadi, bahawa buat masa ini dalam negara kita, tidak ada undang-undang khusus mengenai kesalahan penghinaan mahkamah ini.

Namun demikian, penghinaan mahkamah ini yang merupakan satu kesalahan tertakluk di bawah bidang kuasa mahkamah yang dilaksanakan melalui apa yang dipanggil kuasa sedia ada atau *inherent jurisdiction*, *inherent powers* yang ada kepada mahkamah sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 126, Perlembagaan Persekutuan, seksyen 13, Akta Mahkamah Kehakiman 1964, dan juga seksyen 99A, Akta Mahkamah Rendah 1948 yang dibaca bersama perenggan 26 Jadual Ketiga Akta Mahkamah Rendah tadi. Tatacara pengendalian kes penghinaan mahkamah diperuntukkan sebagaimana di bawah Aturan 52, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.

Pada masa yang sama, kes penghinaan mahkamah ini dikendalikan berdasarkan kuasa sedia ada tadi dan menggunakan apa yang saya sebut tadi prinsip *common law* ataupun prinsip undang-undang *common law* itu sendiri. Antara contoh- ini untuk mempermudah penjelasan.

Antara contoh kes penghinaan mahkamah yang telah dikendalikan oleh mahkamah berdasarkan *inherent powers* ini dan juga *common law principles*, dengan izin, adalah antaranya satu kes yang diputuskan pada tahun 2012. Kes Hoslan bin Hussin melawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Mahkamah Persekutuan di mana tertuduh telah mengeluarkan kata-kata yang tidak wajar kepada mahkamah dan membaling kasut ke arah hakim. Jadi, beliau telah didapati menghina mahkamah.

Keduanya, kes Zainur bin Zakaria *versus Public Prosecutor* di mana seorang peguam Zainur bin Zakaria telah memfailkan affidavit yang diikrarkan oleh tertuduh yang menuduh bahawa berlakunya pemalsuan keterangan terhadap tertuduh.

Dalam kes yang ketiga, kes yang terbaru tahun 2019 yang melibatkan seorang peguam bernama Arun Kasi.

■1030

Arun Kasi telah membuat kenyataan media di dalam satu penerbitan NGO, Aliran yang menyentuh mengenai keputusan Mahkamah Persekutuan dan dalam kenyataannya peguam ini mengatakan bahawa demi kepentingan awam, beliau telah membuat laporan kepada SPRM untuk menyiasat *serious anomaly* dalam keputusan Mahkamah Persekutuan. Beliau telah dihukum denda RM40 ribu, dan penjara selama 30 hari. Itu kes-kes yang ada dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri untuk hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apa peranan dan usaha yang dilaksanakan oleh MOSTI ketika negara berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]: *Assalamualaikum*, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Timbalan Menteri, saya hendak memaklumkan bahawa pernah berlaku Ahli Yang Berhormat yang sama MQT dan juga soalan jawab lisan pada 13 November 2018. Yang Berhormat Puan Maria Chin bin Abdullah. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensi pelaksana di bawahnya telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu negara ketika menghadapi ancaman serta cabaran akibat wabak COVID-19. Antara usaha dan peranan yang telah dilaksanakan oleh MOSTI ialah kerjasama strategik antara MOSTI dengan Kementerian Pengajian Tinggi bagi membantu Kementerian Kesihatan Malaysia melalui pasukan khas saringan COVID-19 yang terdiri daripada saintis pakar di dalam bidang biologi, mikrobiologi, biologi molekul dan penyakit berjangkit bertujuan untuk menjalankan saringan COVID-19.

Selain daripada itu, MOSTI juga menyelaraskan makmal diagnostik saringan dan pengesanan COVID-19 untuk meningkatkan kapasiti makmal yang terbergerak dalam pengesanan virus ini. Sebanyak 10 buah makmal diagnostik telah bergerak aktif menjalankan ujian saringan COVID-19 bermula pada 30 Mac 2020. MOSTI melalui *Malaysia Genome Institut* (MGI) telah bekerjasama dengan Makmal Awam Kesihatan Kebangsaan dan Institut Penyelidikan Perubatan Kementerian Perubatan Malaysia bekerjasama untuk menjalankan penjujukan keseluruhan *genome* terhadap sampel-sampel COVID-19 untuk membangunkan data jujukan *genome acid ribonucleic* lengkap yang boleh dipadankan untuk hubung kait dengan *strain* COVID-19 yang dikesan di dalam dan di luar negara.

Pemasangan lapan unit COVID-19 *screening booth* menggunakan *technology nano coating* nyah kuman di beberapa buah hospital dan pusat kesihatan daerah, Agensi Nuklear Malaysia, menyelaraskan proses penyaluran dan penempatan sumbangan peralatan pengesanan dan pengujian jangkitan COVID-19 di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan dan Institut Penyelidikan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Jabatan Kimia Malaysia turut menyediakan khidmat sokongan daripada pelbagai sudut kepakaran kepada kementerian dan agensi berkaitan seperti penempatan pegawai pakar kimia Malaysia di makmal kesihatan awam kebangsaan Sungai Buloh. Penghasilan *face shield* serta sumbangan kelengkapan PPE untuk kegunaan *frontliners* dan bantuan sokongan teknikal dalam kerja-kerja penyediaan larutan bagi tujuan sanitasi awam.

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI telah menjalankan kerjasama strategik dengan beberapa kementerian seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, FELDA dan Universiti Malaysia Sabah di dalam mengetengahkan produk-produk berasaskan teknologi robotik dan kecerdasan buatan yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat tempatan di bawah seliaan MOSTI. Sebagai contohnya, sebuah robot penghantaran, robot dinamakan 'Makcik Kiah' untuk menjalankan fungsi penghantaran makanan, ubat-ubatan, bahan buangan, lapik tilam dan sebagainya.

Melalui penubuhan *National Technology and Innovation Sandbox*, sebagai sebuah platform yang membolehkan syarikat permulaan- *startup*, penyelidik penggerak inovasi, perusahaan kecil sederhana dan usahawan berteknologi tinggi menguji produk, perkhidmatan model perniagaan dan mekanisme penyampaian dalam persekitaran yang sebenar dan dalam keadaan yang selamat dengan memberi kelonggaran daripada undang-undang dan peraturan sedia ada.

Selain daripada itu, pembiayaan bagi syarikat-syarikat *start-up* berkaitan teknologi, melalui *Malaysia Debt Ventures Berhad*, *Malaysia Venture Capital (MAVCAP)*, Kumpulan Modal Perdana Sendirian Berhad, *Cradle Fund*, dan *Malaysia Technology Development Corporation (MTDC)*. Antara program yang dilaksanakan ialah teknologi *Start-ups Funding Relief Facility* bagi membolehkan *start-up* di Malaysia mengakses kemudahan pembiayaan dalam bentuk pinjaman *cash line* untuk tujuan modal kerja dan mengurangkan beban aliran tunai semasa.

Selain daripada itu, MIMOS juga telah mengambil peranan dengan kerjasama rakan-rakan strategik dalam pembangunan beberapa penyelesaian digital untuk kerajaan. Contohnya, Pusat Maklumat COVID-19 Malaysia (MYC19) untuk penjejakan *contact* dan analisis sentimen melalui sistem analisis teks berasaskan kecerdasan buatan. Proses digitalisasi perniagaan seperti portal Agrobazaar yang dibangunkan oleh FAMA dengan kerjasama MIMOS untuk membolehkan petani dan industri kecil-kecilan mempamerkan dan memasarkan produk mereka kepada rakyat Malaysia tanpa memerlukan pasaran fizikal.

Selain daripada itu, agensi-agensi MOSTI juga telah melaksanakan pelbagai sesi webinar, interaksi maya dan sesi *pitching* bersama pemain industri *start-up* sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lebih masa sudah, Timbalan Menteri. Sila soalan tambahan pertama, 30 saat.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, antara inisiatif yang di bawah PENJANA, MOSTI memperkenalkan PENJANA Nasional dan *National Technology and Innovation Sandbox (NTIS)*. Soalan saya, apa perbezaan kedua-dua inisiatif ini memandangkan kedua-duanya memberi manfaat kepada syarikat pemula. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Dana untuk NTIS ini diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan sokongan beberapa buah agensi seperti *Malaysian Global Innovation Creativity Center (MaGIC)*, MTDC, MIMOS Berhad, *Technology Park* dengan kerjasama *Futurise*. Tujuan utama inisiatif adalah untuk mendorong perkembangan inovasi dan kreativiti dalam negara dengan memangkinkan usaha seperti pendigitalan, penawaran perkhidmatan dan peningkatan kadar pengkomersialan produk tempatan, teknologi serta perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan R&D baharu terutamanya daripada syarikat permulaan dan usahawan teknologi tinggi.

Kerajaan mengumumkan dana berjumlah RM100 juta. Manakala bagi Dana Penjana Nasional merupakan inisiatif di bawah Teras 3 Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) iaitu merangsang ekonomi. Inisiatif Dana Penjana Nasional ini diterajui oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan objektif untuk menggalakkan pelaburan antarabangsa ke pasaran modal teroka tempatan untuk menyokong usaha pendigitalan perniagaan tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan kedua, sila. Yang Berhormat Hang Tuah.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, di negara ASEAN sekarang dilaporkan ada 138 ribu kes COVID-19 ini dan daripada itu 4,000 dilaporkan kematian. Baru-baru ini Perdana Menteri umumkan perlu ada kerjasama di rantau ini untuk pastikan bahawa vaksin yang disediakan itu *affordable* dengan izin, dan juga mampu dimiliki ataupun mampu dibekalkan kepada seluruh rakyat yang memerlukan. Apakah ada kerjasama yang strategik di antara MOSTI dengan kementerian-kementerian negara-negara di rantau ASEAN ini dalam usaha untuk membekalkan vaksin dengan kadar segera? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Sila, satu minit Timbalan Menteri.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Ya, setakat ini MOSTI melalui pelbagai perbincangan dengan pelbagai negara antara lain MOSTI telah terlibat di dalam CEPI yang mana ini bagi membolehkan MOSTI sentiasa berhubung rapat dengan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak di dalam mendapatkan vaksin yang sedang dibangunkan oleh pihak di China, Rusia, UK dan sebagainya. Ia bagi membolehkan sekiranya ada mana-mana negara yang telah mencapai tahap di mana selepas daripada fasa tiga kajian klinikal itu selesai, kemudian ia akan kepada kelulusan boleh dipakai. Jadi, sebaik sahaja Kementerian Kesihatan menentukan yang mana vaksin yang diterima untuk dipakai di Malaysia.

■1040

Maka, melalui satu mesyuarat yang telah dibuatkan baru ini, di bawah Akademi Sains Malaysia yang mana telah meluluskan supaya di negara kita, sebaik saja vaksin itu tersedia, kita akan boleh beli secara pukal dan proses pembotolan dilakukan di dalam negara kita. Terima kasih.

2. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta Perdana Menteri menyatakan, sebab-sebab pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK) ditangguhkan dari bulan Ogos sehingga ke tahun depan dan sejauh manakah permasalahan fiskal menjadi punca kepada penangguhan tersebut selain daripada penularan wabak COVID-19 dan penyusunan semula kementerian.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Port Dickson, pembentangan RMKe-12 seperti sedia maklum sepatutnya bulan Ogos, tapi ditunda ke awal tahun depan dan antara sebab-sebabnya adalah seperti berikut.

Pertama, Kerajaan Perikatan Nasional baru ditubuhkan pada 26 Mac lalu. Perdana Menteri baharu, Yang Berhormat Menteri-menteri pun ada yang baharu dan beberapa kementerian telah disusun semula. Wawasan PN pun berbeza daripada kerajaan dahulu. Beberapa bentuk dasar dan pendekatan menguruskan ekonomi perlu dikaji semula untuk menangani isu-isu ekonomi semasa.

Kedua, andaian-andaian dibuat sebelum COVID-19 mengenai beberapa petunjuk penting ekonomi perlu dilihat semula. Ini termasuklah kadar pertumbuhan ekonomi dunia. Dulunya dianggarkan positif sejumlah 3.5 peratus. Akan tetapi, sekarang dijangka menguncup sebanyak 4.9 peratus pada tahun ini. Perdagangan dunia lembap, kadar pertumbuhan ekonomi negara kita pun mencabar, harga minyak mentah rendah dan kadar pengangguran meningkat.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua pandemik COVID-19 ini telah memberi kesan besar kepada ekonomi dunia. Kesannya kepada ekonomi negara perlu diambil kira dan menggubal dasar jangka pendek dan jangka panjang.

Keempat, landskap ekonomi Malaysia dan global telah berubah akibat COVID-19. Umpamanya peranan ekonomi digital semakin penting, industri pelancongan dan PKS akan mengambil masa sebelum mengalami pemulihan, sekuriti makanan atau *food security* perlu diberi lebih perhatian pada masa ini.

Kelima, kedudukan fiskal negara tahun ini adalah mencabar daripada kadar defisit sebanyak 3.2 peratus yang dijangkakan sebelum ini. Kadar ini dijangka meningkat kepada 5.8 peratus hingga enam peratus pada tahun 2020.

Walaupun pembentangan RMKe-12 ditunda ke awal tahun hadapan, ia masih berteraskan kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang telah dilancarkan pada bulan Oktober tahun lalu.

Objektif WKB 2030 adalah untuk membawa pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta mewujudkan negara yang bersatu, makmur dan bernaung. WKB 2030 ini kesinambungan kepada beberapa bentuk dasar terdahulu dan bersifat lebih inklusif. Jika RMKe-12 dibentangkan esok lusa, sudah pasti beberapa andaian akan tersasar dan tidak realistik.

Sebenarnya, bukan Malaysia sahaja menghadapi cabaran ini, seluruh dunia menghadapi masalah yang sama. Walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran, langkah-langkah yang telah diambil di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuk inisiatif-inisiatif di bawah PRIHATIN, PENJANA serta Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan pada bulan November tahun ini akan meletakkan ekonomi Malaysia di atas landasan yang lebih kukuh untuk menghadapi cabaran-cabaran pada masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Port Dickson, soalan tambahan pertama.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak jelaskan bahawa sebahagian besar Yang Berhormat Menteri yang terlibat itu Yang Berhormat Menteri-menteri, yang sama dalam Kerajaan Pakatan Harapan dulu. Jadi, alasan itu bagi saya terlalu sangat remeh.

Keduanya, ia terkait dengan beberapa langkah yang harus dibuat sebelumnya, termasuk membahaskan Pakej Rangsangan, Belanjawan 2021 juga ditunda. Malaysia satu-satu negara di mana hal ini tidak dibahaskan. Alasan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu menangguhkan pelaksanaan. Kita ada jelaskan pelaksanaan tidak semestinya ditangguhkan tetapi perbincangan di Parlimen harus didahulukan atau diteruskan. Ini tidak menyebabkan kita melengahkan tindakan.

Ini kerana seperti biasa sepertimana kita buat belanjawan tambahan, kita boleh belanja dulu. Jadi, nyata bahawa ada keengganan bagi pihak kerajaan untuk menggunakan ruang Parlimen membahaskan secara teratur dan bebas sama ada Pakej Rangsangan ataupun juga Rancangan Malaysia Kedua Belas. Yang terkait juga ialah tentang *suboptimal stimulus* ini, dengan izin, tidak mengambil kira beberapa perkembangan yang lebih dinamik yang dilakukan oleh negara-negara luar.

Germany umpamanya dengan *European Economic Stimulus Fund*, *Stimulation Fund* itu sejumlah RM500 bilion- itu memastikan bahawa pelaksanaan itu disegerakan. Kita memilih untuk menyerahkan kepada bank dan bank umpamanya, sekarang ini nampak diberi keutamaan dan dipertahankan daripada kepentingan ekonomi, kepentingan peminjam dan peniaga.

Kanada umpamanya menggunakan ruang ini seperti yang kita sebut tentang keadaan yang mendesak sekarang ini iaitu *new normal* untuk mengetatkan peraturan-peraturan terkait dengan persekitaran dan *climate change*...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat ajukan soalan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: ...Dan juga India. Yang Berhormat, saya tanya juga bahawa India memberikan tumpuan yang lebih tegas tentang sektor pertanian dan SME's yang kita sebut tetapi tidak laksanakan pada kadar segera. Oleh sebab itu lah, kita sekali lagi menegaskan keperluan membahaskan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberikan input yang sebaiknya serta menunjukkan bagaimana apa yang diumumkan di sini, jumlah besar berbilion-bilion, itu berbeza dengan apa yang dirasakan di peringkat bawah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Baik. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Panjang lebar soalan. Isu utama saya kira ialah perkataan perbincangan. Telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab sama oleh Yang Berhormat Port Dickson. Oleh sebab masa menuntut kita untuk melaksanakan secepat mungkin dan ada ruang selepas ini untuk kita bincangkan tentang pakej yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Jadi, isu tidak timbul. Sekarang ini, hari ini kita bicarakan tentang RMKe-12. Yang Berhormat Port Dickson dia agak keliru sedikit ya. Asalnya betul- saya faham ya. Maknanya perbincangan, itu pokoknya ya.

Jadi, RMKe-12 ini akan dibentangkan awal tahun depan dan ada ruang yang cukup besar untuk Yang Berhormat Port Dickson bagi membahaskannya. Ini bukan perkara yang luar biasa... [Tepuk]

Lagipun kita belum lagi tahun 2021. RMKe-12 ini bermula tahun 2021. Kalau dibentangkan 6 Ogos, belum sampai masanya lagi. Jadi saya rasa, masalah perbahasan tidak timbul Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya minta Yang Berhormat Menteri baca soalan. Soalan itu fiskal Rancangan Malaysia Kedua Belas dan juga Pakej Rangsangan. Dia tidak hanya kepada Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Saya faham Yang Berhormat Port Dickson tapi berkisar kepada ruang untuk berbahas. *Insyah-Allah* akan ada ruang yang besar. Betul, ramai di antara pemimpin dan kerajaan orang sama. Akan tetapi, kita ada juga orang baharu. Ada Yang Berhormat Menteri baharu yang perlu melihat semula kepada rancangan yang lama. Apa pun, seperti saya katakan dalam jawapan saya RMKe-12 akan terus berteraskan kepada WKB 2030 ataupun Wawasan Kemakmuran Bersama yang dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri pada bulan Oktober tahun lepas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Pertanyaan jawab lisan yang kedua. Soalan tambahan, saya menjemput Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri pada 22 hari bulan Jun yang lalu Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa sesi libat urus bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas membabitkan kerajaan negeri, kementerian dan agensi berkaitan akan dapat diselesaikan sebelum pertengahan bulan Julai. Soalan saya, berapakah jumlah pihak yang telah dilibatkan dalam sesi libat urus yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas dan adakah sesi libat urus ini telah ditamatkan sepenuhnya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling, Rancangan Malaysia Kedua Belas ini asasnya ada dua perkara. Yang pertama ialah peruntukan. Yang kedua, dasar dan strategi. Yang penting ialah libat urus. Benar, itu kenyataan saya. Ini masih lagi berjalan. Kita sudah mengadakan libat urus dengan kebanyakan kerajaan negeri. Diadakan libat urus juga dengan beberapa orang Ahli Parlimen dan diadakan libat urus dengan beberapa badan pemikir.

Apabila kita mengadakan libat urus ini, kita dapati bahawa ada perkara-perkara yang perlu dilihat semula dan kita ucap terima kasih kepada tokoh-tokoh yang telah kita jumpai dan saya tidak ada masalah jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang ingin meneruskan libat urus ini kerana masa ada lagi. Tidak banyakkah masa ini tetapi masih ada lagi.

Yang penting ialah, kita mendengar dan ada perkara-perkara yang telah kita ambil kira. Satu perkara baharu yang telah saya umumkan dalam Dewan ialah berkaitan dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), atau *Poverty Line Income*. Kita telah mengadakan libat urus dengan 12 orang Ahli Parlimen masa dahulu dan banyak pandangan bernas yang telah kita terima untuk membolehkan kita merangka dasar yang lebih berkesan untuk menangani masalah kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

3. **Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]** minta Perdana Menteri menyatakan, penjelasan setakat mana sumbangan wang zakat dan baitulmal digunakan untuk membantu golongan terkesan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Tampin pada hari ini iaitu 4 Ogos.

Tuan Yang di-Pertua, mewakili Kerajaan Persekutuan, saya terlebih dahulu ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua majlis agama Islam negeri (MAIN) dan agensi mengurus zakat (AMZ) yang juga merupakan petugas barisan hadapan yang cekap dan pantas dalam menjalankan tanggungjawab memberi sumbangan serta bantuan kepada golongan yang terjejas di negeri masing-masing sepanjang tempoh PKP.

Peranan yang dimainkan oleh pihak MAIN dan juga AMZ dalam tempoh PKP amatlah besar dalam membantu pihak yang terjejas dan juga petugas barisan hadapan.

Untuk makluman Ahli Dewan, jumlah bantuan yang telah diagihkan oleh pihak majlis agama Islam negeri dan juga agensi mengurus zakat adalah sebanyak RM426,930,452.75. Bagi membantu mereka yang terjejas di Wilayah Persekutuan pula, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah meluluskan keseluruhan bantuan sebanyak RM45,653,237 bermula hari pertama PKP berkuat kuasa iaitu pada 18 Mac 2020 sehingga 27 Julai 2020 kepada kumpulan sasar yang dikenal pasti merangkumi golongan asnaf, golongan terjejas, barisan hadapan, pelajar, NGO dan juga gelandangan. Antara bentuk bantuan yang diberikan adalah dalam bantuan zakat khas tambahan sebanyak RM500 kepada seramai 24,196 asnaf berjumlah keseluruhan RM12,000,098.

Selain itu, MAIWP juga telah mempercepatkan penyaluran bantuan kewangan bulanan pada bulan pertama PKP diumumkan. Bagi mereka yang terjejas pendapatan akibat PKP, MAIWP turut menyediakan Bantuan Zakat Kecemasan COVID-19. Sehingga kini, seramai 17,500 orang telah menerima manfaat daripada skim bantuan ini yang berjumlah keseluruhan RM8.65 juta. MAIWP turut mengagihkan bantuan makanan harian kepada barisan petugas hadapan, menyalurkan bantuan kewangan bagi peralatan perubatan kepada tujuh buah hospital dan bantuan peralatan PPE kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan berhubung penubuhan satu perbadanan zakat negara, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, menurut Butiran (1) Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal agama Islam termasuklah urusan berkaitan zakat termasuk di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri kerana majlis agama Islam negeri dengan Seri Paduka Baginda atau Raja bertindak selaku Ketua Agama Islam Negeri.

Manakala bagi Wilayah Persekutuan, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang, maka Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah bertindak selaku Ketua Agama Islam. Walau bagaimanapun, buat masa ini, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji bertindak sebagai penyelaras dan pemudah cara kepada majlis agama Islam negeri dan agensi mengurus zakat dalam isu-isu berkaitan zakat di peringkat Persekutuan. Sekian, terima kasih.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berasaskan kepada kajian yang pernah saya buat waktu menyiapkan tesis di peringkat PhD, di sana ada beberapa kelompangan dalam urusan pengurusan wang zakat yang menjadi milik kepada umat Islam terutamanya dalam isu membabitkan *al-mu'allafati qulubuhum* dan dalam isu yang membabitkan ada harta-harta wakaf dan seumpamanya yang terbiar. Saya tidak menafikan usaha gigih yang telah dilaksanakan sebelum daripada ini.

Cuma, saya ingin bertanya, apa langkah-langkah strategik yang telah diambil oleh kerajaan sekarang dan yang akan diambil selepas daripada ini supaya harta benda yang membabitkan zakat, wakaf dan seumpamanya ini dapat digunakan lebih berkesan di dalam negara kita? Sekian, terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Pasir Puteh. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada tahun 2011 telah membangunkan sebuah projek di atas tanah wakaf Lot 168 dan 169, Jalan Perak, Kuala Lumpur seluas 1.21 ekar. Projek ini telah menjadi projek wakaf pertama dibangunkan bagi tujuan komersial di negara ini. Ia dibangunkan di atas tanah wakaf milik Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy. Bangunan setinggi 34 tingkat ini telah dibangunkan hasil kerjasama strategik Lembaga Tabung Haji dan Bank Islam Malaysia Berhad.

Dalam perkongsian pintar ini, Lembaga Tabung Haji sebagai peneraju menawarkan pembiayaan 100 peratus bagi pembangunan tanah wakaf MAIWP ini dan BIMB sebagai perintis perbankan Islam di Malaysia menjadi penyewa utama. Tabung Haji Properties pula memainkan peranan sebagai pengurus projek. Berdasarkan struktur pembiayaan *built, operate dan transfer*, MAIWP akan mendapat pulangan sebanyak RM56.6 juta sepanjang tanah tersebut dipajakan ke Lembaga Tabung Haji itu selama 25 tahun. Selepas tamat tempoh pajakan, maka menara tersebut termasuk hasil sewaan akan menjadi milik Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Selain harta wakaf, MAIWP turut membangunkan beberapa hartanah milik MAIWP bagi tujuan pendidikan dan sebagainya.

Selain itu, Yayasan Waqaf bersama majlis agama Islam negeri telah dan sedang giat memperkasakan medium kutipan wakaf tunai bagi memudahkan orang ramai berwakaf. Kutipan tunai ini kelak akan digunakan bagi tujuan pembangunan hartanah wakaf sedia ada atau mewujudkan wakaf baharu. Yayasan Waqaf Malaysia juga akan dalam tindakan mewujudkan Tabung Waqaf Malaysia di mana tabung ini kelak akan menjadi payung wakaf-wakaf lain untuk capaian lebih menyeluruh merangkumi sektor kerajaan, korporat dan juga masyarakat umum.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang Wakaf Wilayah Persekutuan bagi memperkasakan institusi wakaf, rang undang-undang tersebut dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada Disember tahun ini iaitu tahun 2020. Rang Undang-undang Wakaf Wilayah Persekutuan ini hanya akan mempunyai kuasa di peringkat Wilayah Persekutuan sahaja dan tidak memberi kesan kepada negeri kecuali sekiranya negeri meminda dan menggubal enakmen yang sama dengan Rang Undang-undang Wakaf Wilayah Persekutuan tersebut. Ini berdasarkan Butiran (1), Senarai Negeri, Jadual Kesembilan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan. Persoalan saya sepanjang COVID-19 berlaku, apakah agihan zakat yang dilakukan merentasi sempadan negeri? Pertama- kedua, sejauh mana ataupun sebanyak mana pembangunan tanah wakaf di seluruh Malaysia ini telah dibangunkan oleh Yayasan Waqaf Malaysia? Terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tampin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan dan agihan zakat di Wilayah Persekutuan hanya untuk Wilayah Persekutuan sahaja. Adapun kutipan dan agihan di negeri-negeri, itu terpulang kepada pihak berkuasa agama negeri yang menguruskan tentang zakat.

Soal pembangunan tanah wakaf yang melibatkan Yayasan Waqaf Malaysia, sehingga ini, kita masih lagi dalam perbincangan untuk bekerjasama dengan negeri-negeri dalam pembangunan tanah wakaf dan ia lebih jelas akan kita laksanakan libat urus dengan negeri-negeri ini selepas daripada Rang Undang-undang Wakaf Wilayah Persekutuan ini dibentangkan pada Disember 2020 ini, *insya-Allah*.

4. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilangan doktor yang bekerja bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, dan berapa nisbah doktor dan penduduk Malaysia. Adakah Malaysia merancang untuk menambah bilangan doktor sesuai dengan saranan nisbah Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa atau *World Health Organization (WHO)* yang menyarankan 1 orang doktor bagi setiap 500 orang penduduk. Sekiranya ya, apakah perancangan kementerian agar nisbah 1:500 ini dapat dicapai. Seterusnya, maklumat yang sama diberikan bagi doktor pergigian dan ahli farmasi daripada segi nisbah dan langkah yang akan diambil.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini, terdapat seramai 71,041 doktor perubatan yang bekerja di sektor awam dan swasta di negara kita menjadikan nisbah doktor kepada penduduk adalah bersamaan dengan sebanyak 1:454.

■1100

Nisbah ini adalah lebih baik daripada nisbah 1:500. Daripada jumlah ini, seramai 51,912 orang doktor perubatan iaitu bersamaan dengan 73 peratus, bekerja di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehingga 30 Jun 2020, terdapat 11,059 orang doktor pergigian yang bekerja di sektor awam dan swasta, menjadikan nisbah doktor pergigian kepada penduduk adalah bersamaan dengan 1:2,963. Daripada jumlah ini, seramai 6,530 orang doktor pergigian adalah berdaftar dan berkhidmat di KKM.

Bagi farmasi pula, terdapat seramai 19,341 orang ahli farmasi yang bekerja di sektor awam dan swasta negara kita. Ini menjadikan nisbah ahli farmasi kepada penduduk bersamaan dengan 1:1,694. Daripada jumlah ini, seramai 11,616 orang ahli farmasi adalah berdaftar dan berkhidmat di KKM.

Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) atau mana-mana pertubuhan antarabangsa, tidak pernah menetapkan sasaran nisbah anggota perubatan kepada penduduk bagi mana-mana negara.

Walau bagaimanapun, WHO melalui Laporan *Health Workforce Requirements for Universal Health Coverage and Sustainable Development Goals*, dengan izin, pada tahun 2016 menyatakan bahawa untuk mendapatkan liputan kesihatan sejagat atau *universal health coverage* yang lebih baik pada kadar 80 peratus bagi perkhidmatan melibatkan ibu anak, penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit, nisbah yang disarankan sekurang-kurangnya seorang anggota kesihatan- Anggota kesihatan ialah terlibat daripada doktor dan jururawat terlatih bagi setiap 225 ataupun 225 orang penduduk diperlukan.

Malaysia pada tahun ini telah mencapai seorang anggota kesihatan- saya ulang balik iaitu seorang anggota kesihatan terdiri daripada doktor dan jururawat terlatih bagi setiap 186 orang penduduk, melebihi sasaran yang telah disyorkan oleh WHO untuk mendapatkan liputan kesihatan sejagat ataupun *universal health coverage* yang baik.

Walaupun WHO atau lain-lain badan antarabangsa tidak menetapkan sasaran nisbah spesifik untuk mana-mana profesion dalam sektor kesihatan, KKM sentiasa mengambil langkah menambah kapasiti latihan kepada graduan perubatan, pergigian dan farmasi untuk menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib yang mereka perlukan. Ini melayakkan mereka untuk mengamal sebagai pengamal perubatan sama ada pengamal pergigian, ahli farmasi berdaftar, baik di sektor awam ataupun sektor swasta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan pertama Yang Berhormat Kuala Selangor, sila, 30 saat.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar dengan tekun jawapan Yang Berhormat Menteri. Juga dalam suasana berlatarbelakangkan pandemik COVID-19 ini, perlu ada satu keinsafan terutama dengan Laporan Ketua Audit Negara sedikit waktu dahulu khususnya di Jabatan Kecemasan dan Trauma, di mana kita dapati tidak cukup kakitangan- *understaff*; tidak cukup dana- *underfunded*; dan juga terlalu banyak kerja - *overwork*.

Justeru, daripada kita hanya melihat kepada perjawatan yang diberikan oleh JPA, perlu ada satu *comprehensive reappraisal*, dengan izin penilaian semula secara menyeluruh untuk mengenal pasti dari sudut keperluan kita, khususnya ketika kita sedang menghadapi pandemik COVID-19 ini. Jadi ini adalah antara yang sangat saya mahu lakukan.

Ini juga termasuk sebab KKM adalah *custodian* kesihatan bukan sahaja pada pihak awam dan juga sebenarnya merangkumi swasta. Jadi khususnya, kita akan dapat mengenal pasti *the demand side*, bukan sahaja *the supply side* daripada JPA, dengan izin, tetapi keperluan sebenar-benarnya untuk kita pertingkatkan sistem penghantaran kesihatan di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat, atas pandangan sebenarnya itu. Saya rasa kita akui bahawa apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat melalui pandemik COVID-19 dan juga yang berlaku di negara kita, Jabatan Kecemasan dan Trauma memang menjadi *focal point* kepada pesakit-pesakit yang datang.

Kita menggunakan kaedah pengasingan iaitu mereka yang kita jangka bergejala ataupun disaring sebagai COVID-19, mereka diasingkan seterusnya di Jabatan Kecemasan. Oleh sebab itu memerlukan lebih ramai kakitangan terutama doktor pakar yang dipanggil *infectious disease physician* yang patut kita tambah jumlahnya dalam negara kita.

Setakat ini, seperti yang saya maklumkan bahawa jumlah doktor perubatan dalam negara kita kalau ikutkan melebihi nisbah yang telah ditetapkan, seperti yang diberitahu kepada Yang Berhormat iaitu nisbah 1:500. Untuk itu, kementerian akan sentiasa memastikan cadangan Yang Berhormat dapat dilaksanakan dalam bentuk tindakan terhadap menambah baik keperluan tempat-tempat tertentu dalam fokus kita memberi perkhidmatan kesihatan di sektor awam dan swasta.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching.

Tuan Shaharizukir bin Abd Kadir [Setiu]: [Bangun]

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang kedua saya jemput sebelah sini. Saya jemput Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nisbah doktor kepada pesakit di Malaysia masih belum mencapai keperluan negara. Setakat tahun 2018, nisbah doktor kepada pesakit di Malaysia adalah pada seorang doktor bagi setiap 650 orang. Sejauh manakah tahap keseriusan masalah kekurangan doktor pakar di Malaysia dan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah pemindahan doktor pakar perubatan dari hospital kerajaan kepada hospital swasta? Apakah faktor gaji yang rendah menyebabkan graduan perubatan kurang berminat untuk berkhidmat di hospital kerajaan? Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Saya lihat ada dua fokus di sini iaitu pertama, berkenaan dengan jumlah nisbah. Sebenarnya 2018, memang belum mencapai apa yang dikehendaki. Akan tetapi pada tahun 2020, ia sudah capai nisbah 1:454. *Alhamdulillah*, kita dengan peranan yang dimainkan oleh kerajaan sebelum ini, dapat menambah jumlah kakitangan perubatan.

Untuk mengatasi kekurangan doktor pakar dan langkah untuk mengatasi pemindahan ke sektor swasta, sebenarnya KKM hendak maklumkan bahawa setakat hari ini, kita ada lebih kurang 5,322 orang pakar perubatan KKM berbanding dengan tahun 2016 iaitu 4,525 sahaja. KKM mengambil langkah untuk menambah bilangan pakar dengan meningkatkan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot pada tahun 2009 kepada 1,100 slot pada tahun 2019. Ini slot untuk menambahkan lebih ramai pegawai perubatan sama ada mereka berminat untuk menjadi pakar dan dapat melanjutkan pelajaran.

Kita juga beri peluang untuk mereka mendapat latihan kepakaran melalui Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM dan juga kita melantik semula pakar-pakar perubatan kontrak warganegara yang telah bersara dan berkhidmat.

Tentu sekali saya ingin menyatakan bahawa KKM bersedia untuk melaksanakan lantikan terhadap doktor-doktor pakar di mana kita membenarkan doktor pakar di KKM yang pakar pada Gred UD54, dia boleh naik gred kepada lebih tinggi dalam masa sembilan tahun sahaja berbanding kalau mereka bukan pakar iaitu 12 tahun.

Kita membenarkan pakar perubatan membuat lokum di hospital swasta juga. Ada satu perkara yang penting iaitu untuk hari minggu, sekiranya mereka boleh membuat kes-kes pembedahan, kita akan beri elaun sebanyak RM200 sejam mengikut masa yang diakui. Kenaikan pangkat pakar KKM lebih cepat perkara yang kita telah jadikan sebagai satu perkara penting. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta satu soalan tambahan? Soalan penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan. Minta maaf kepada yang ingin bertanya. Saya jemput sekarang Yang Berhormat Pontian untuk menanyakan soalan.

5. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta Perdana Menteri menyatakan, 10 perancangan utama secara terperinci untuk meningkatkan pendapatan bumiputera serta menambahkan bilangan masyarakat kelas menengah merentasi pelbagai kaum. Apa contoh-contoh perancangan RMKe-12 yang akan mengukuhkan ekonomi bumiputera.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Kerajaan komited dalam melaksanakan dasar meningkatkan kedudukan sosioekonomi bumiputera tanpa meminggirkan kepentingan rakyat Malaysia yang lain bagi memastikan pembangunan yang lebih seimbang dan adil.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mulai tahun 2021, Dasar Ekonomi Baru telah memberi penekanan kepada strategi serampang dua-mata, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi merapatkan jurang ekonomi di kalangan rakyat Malaysia. Semangat DEB ini diteruskan di bawah dasar selepasnya termasuklah Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Warisan Negara dan Model Ekonomi Baru.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat seterusnya, saya akan simpulkan 10 perancangan utama yang dipohon oleh Yang Berhormat Pontian dalam meningkatkan pendapatan bumiputera dan tambah pendapatan golongan menengah kepada lima perkara berikut.

Pertama, kerajaan sedang menubuhkan Majlis Kemakmuran Bersama Bumiputera yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menetapkan hala tuju pembangunan susur ekonomi bumiputera di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Kedua, memperkukuhkan institusi yang ditubuhkan untuk membantu bumiputera seperti MARA, TERAJU dan TEKUN melalui tadbir urus yang lebih baik dan berfokus.

Ketiga, terus memberi penekanan kepada usaha-usaha meningkatkan pencapaian bumiputera dalam bidang pendidikan melalui institusi seperti MARA, UiTM, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Keempat, menggalakkan penyertaan bumiputera dalam bidang keusahawanan melalui pembinaan kapasiti dan penyertaan yang lebih efektif dalam pelbagai bidang selaras dengan dasar keusahawanan negara dan kelima meningkatkan pemilikan ekuiti korporat dengan kawalan efektif- *effective control*, serta pemilikan aset hartanah bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut *survey* Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada awal Julai 2020, pencapaian bumiputera berbanding bukan bumiputera secara relatif masih rendah. Umpamanya pendapatan bulanan purata isi rumah bumiputera tahun lalu RM7,093 berbanding Cina sebanyak RM9,895 dan India sebanyak RM8,216.

Mengenai penyertaan bumiputera dalam PKS, sejumlah lebih 900 ribu PKS, PKS milik bumiputera ialah 39 peratus dan mereka terlibat dalam aktiviti tradisional dan sektor bernilai tambah yang rendah. Manakala pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat dianggarkan 16.2 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian dua soalan Yang Berhormat Pontian, Rancangan Malaysia Kedua Belas masih belum dimuktamadkan. Dalam merangka rancangan ini kerajaan akan meneruskan dasar-dasar sebelum ini yang didapati berkesan. Selain itu, tumpuan juga akan diberikan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan pemilikan bumiputera dalam bidang hartanah komersial, bidang-bidang baharu seperti digital dan teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kerajaan akan menggandakan usaha-usaha bagi mengurangkan kadar kemiskinan tanpa mengira kaum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan pertama, sila Yang Berhormat Pontian 30 saat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya kira antara yang terpenting ialah untuk meningkatkan peratusan keusahawanan, peratusan berpendidikan tinggi dan juga berkemahiran tinggi.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, jumlah anggaran bumiputera dalam bidang keusahawanan, anggaran bumiputera peratusan dalam pendidikan tinggi dan peratusan dalam kemahiran tinggi.

Seterusnya, apa punca-punca kegagalan perancangan-perancangan sebelum ini dan bagaimana cara untuk mengatasi supaya pemilikan ekuiti bumiputera itu kekal, hartanah, aset itu kekal dan tidak bersifat sementara? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, satu minit.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Mengenai penyertaan bumiputera berpendidikan tinggi dalam keusahawanan. Ada satu kajian yang dibuat oleh Universiti Malaysia Kelantan umpamanya, graduan-graduan yang *graduate* dari universiti tersebut sekitar 10 peratus menyertai bidang keusahawanan. Ini contohlah untuk makluman Yang Berhormat. Hasrat kita adalah untuk menambahkan bilangan tersebut di masa akan datang. Ada terdapat beberapa orang usahawan yang unggul yang datang daripada pelbagai universiti termasuk UiTM dan lain-lain.

Berkaitan dengan punca kegagalan yang pertamanya, kita harus sedar bahawa ada juga yang berjaya. Ramai juga berjaya tetapi seperti yang disebut Yang Berhormat Pontian, mereka mungkin gagal untuk mempertahankan kejayaannya buat waktu tertentu. Dalam bidang pembinaan umpamanya ada di antara mereka dalam G7 iaitu kontraktor yang paling besar kategorinya berjaya, tetapi ada juga yang kecundang.

Jadi, faktornya banyak. Ini telah menjadi bahan kajian oleh pelbagai pihak dan menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan pengusaha bumiputera mempunyai daya tahan supaya mampu mempertahankan pekerjaan mereka dan tidak lain antara bukan kita perlu bina daya ketahanan mereka, memberi dorongan kepada mereka dan juga mungkin mengurangkan ketergantungan kepada kerajaan.

Ini salah satu daripada usaha yang telah dilakukan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan seterusnya kerajaan akan meneruskan usaha untuk memastikan bahawa daya tahan pengusaha bumiputera ini dapat ditingkatkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan kedua Yang Berhormat Port Dickson, sila.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih. Sementara kita menyokong beberapa langkah tambahan untuk membantu bumiputera terutama di kalangan yang lebih miskin, adakah wajar menurut pandangan Yang Berhormat Menteri kita mulakan dengan membuat penilaian berapa puluh bilion ringgit nilai saham bumiputera yang dibelanjakan dan yang dianggap bocor kerana diserahkan kepada beberapa orang bumiputera yang tidak bertanggungjawab. Kita mahu angka-angka itu dibentangkan sebelum dilantik jawatankuasa baharu.

Keduanya, kita juga tahu tanah-tanah milik bumiputera, tanah-tanah rizab Melayu yang kehilangan tidak perlu diganti. Walaupun ini urusan kerajaan-kerajaan negeri, tetapi harus juga melibatkan pemilihan tanah strategik oleh bumiputera. Jadi saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri dan jaminan kajian kerana membentuk jawatankuasa baharu tidak akan bermakna kalau kehilangan berpuluh bilion saham sebelum ini tidak dikenal pasti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Port Dickson bernas sedikit soalannya. Terima kasih banyak. Bocor-bocor ini perkara yang memang lazimlah kita sedia maklum. Bocor kontrak saham yang disebut oleh Yang Berhormat Port Dickson, tanah tadi yang Yang Berhormat Port Dickson mengusulkan supaya dibuat kajian.

Kajian-kajian telah dibuat dan angka-angka pun mungkin ada dan hakikatnya kalau diberikan saham ada yang menjual. Cumanya sekarang ini saham tidak berapa lakulah kalau pun membeli saham, tidak ramai. Satu masa dahulu semasa Yang Berhormat Port Dickson Menteri Kewangan, saya Timbalan Port Dickson dahulu... [Tepuk] Masa itu memanglah banyak saham yang dikeluarkan dan laris dan dijual dalam mungkin tiga, empat hari. Jadi terima kasih atas cadangan.

Kedua, berkenaan tanah-tanah ini juga sudah menjadi bahan kajian oleh tokoh-tokoh akademik oleh dua, tiga orang yang pakar dalam hal ini. Isunya penggantian. Penggantian ini satu perkara yang diusulkan ramai bumiputera dan kita memandang serius saranan tersebut. *Insya-Allah* kita akan cuba sebaik mungkin untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya menjurus kepada penyerahan saham kepada tokoh-tokoh bumiputera tertentu yang mendapat ratusan juta nilai saham. [Tepuk] Itu mesti dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Pertanyaan jawab lisan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh Tseow Suan.

6. Puan Hannah Yeoh [Segambut] minta Perdana Menteri menyatakan apakah fungsi, bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) ini, agensi kerajaan yang ditempatkan di bawah penyeliaan dan pemantauan beliau dan pencapaian 100 hari beliau dilantik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selaku Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, secara khusus terdapat lima buah agensi yang telah diletakkan di bawah portfolio saya iaitu Agensi Pertahanan Awam, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama yang disebut sebagai *Shared Prosperity Delivery Unit* (SEPADU) iaitu unit yang menjadi sekretariat kepada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Selaras dengan fungsi NADMA sebagai contoh sebagai agensi yang mengkoordinasi pengurusan bencana negara ini, saya diamanahkan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) dan juga bertanggungjawab ke atas perbelanjaan peruntukan pengurusan bencana di bawah Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN). NADMA dan APM telah memainkan peranan yang besar dalam membantu kerajaan menangani penularan wabak COVID-19.

Antara pencapaian utama dalam pengurusan bencana negara khususnya dalam menangani COVID-19 adalah antaranya pengurusan 322 buah pusat pemindahan yang boleh menempatkan seramai 104,467 orang yang kita panggil *person under surveillance*, menguruskan penerimaan sumbangan dan perbelanjaan Tabung COVID-19, mengkoordinasi penerimaan dan agihan sumbangan item-item yang berbentuk untuk perlindungan, penularan COVID-19 iaitu *hand sanitizer*, termometer *even* yang kita sebutkan *personal protection equipment* dan kit ujian COVID-19.

■1120

Kita menguruskan pengagihan perolehan dan sumbangan 52.86 juta pelitup muka, yang kita ketahui, dan banyak juga sumbangan kita uruskan yang melibatkan *hand sanitizer* dan juga termometer digital kita bagi kepada rakyat dan masyarakat. Termasuk juga 1.5 juta sarung tangan dan lain-lain item kepada agensi-agensi di barisan hadapan-*the frontliners*, termasuk pegawai-pegawai yang terlibat dalam *omnipresence* dan sebagainya.

Kita menguruskan COVID-19 seperti misi *Humanitarian Assistance and Disaster Relief* (HADR), pengurusan stesen kuarantin, penyaluran kewangan kepada negeri-negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk pengurusan COVID-19, bantuan makanan pelajar mengikut Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Pengurusan Hospital Sementara MAEPS di Serdang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi SEPADU pula berfungsi untuk menetapkan hala tuju dan merangka pelan tindakan serta memantau pelaksanaan inisiatif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dalam memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai menjelang tahun 2030. SEPADU juga berperanan sebagai pemudah cara dalam usaha mempergiatkan pembangunan ekonomi untuk semua rakyat Malaysia dan negara oleh pemain-pemain industri dari dalam negara ataupun dari luar negara dalam mencapai kemakmuran bersama dengan keutamaan kepada masyarakat B40.

Sebuah lagi agensi iaitu TERAJU merupakan unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara. Pada 14 Julai 2020 lalu, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah bersetuju untuk mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera *specifically* di bawah TERAJU yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. TERAJU sebagai agensi penyelaras tunggal bagi MKB ini diberi tanggungjawab untuk melaksanakan segala keputusan yang dibuat oleh kerajaan di dalam majlis ini untuk memenuhi keperluan bumiputera termasuk usaha pemulihan ekonomi dalam pasca COVID-19.

Yayasan Peneraju pula berperanan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti yang keberkesanan bakat-bakat bumiputera sejajar dengan usaha menaik taraf Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi melalui pendidikan akademik, pensijilan profesional dan vokasional.

Selain daripada fungsi-fungsi yang saya sebutkan tadi, portfolio Menteri Tugas-tugas Khas juga termasuklah melaksanakan apa-apa tugas-tugas khas yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari semasa ke semasa termasuk Majlis Keselamatan Negara, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan lain-lain yang saya agakkan belum lagi kita menerima arahan secara spesifik daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perkara yang memerlukan penjelasan. Pertamanya adalah bidang kuasa tugas khas ini merupakan sebahagian daripada bidang tugas Timbalan Perdana Menteri yang dahulu. Jadi, memandangkan sekarang ini Kerajaan Perikatan Nasional tiada Timbalan Perdana Menteri, adakah jawatan menteri setaraf dengan empat jawatan Menteri Kanan?

Perkara kedua yang memerlukan penjelasan adalah setujukah Yang Berhormat Menteri bahawa satu penyelaras bidang tugas antara semua menteri seharusnya dibuat? Ini kerana ada kementerian seperti KKMM dan KPKT yang mempunyai lapan ataupun 12 buah agensi. Ada Menteri yang lain hanya ada tiga atau empat buah agensi untuk dijaga tetapi gaji sama. Terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Bidang tugas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua, amat luas. Jadi, semua menteri sebenarnya ditugaskan untuk membantu Perdana Menteri. Saya sebutkan tadi, saya cuma menjadi sebagai Menteri Tugas-tugas Khas yang mempunyai punca kuasa yang telah digazetkan untuk lima buah agensi tersebut. Manakala yang lainnya kita membantu untuk meringankan beban Perdana Menteri jika perlu. Punca kuasa masih lagi terletak kepada Perdana Menteri.

Ini tidak boleh dianggap sebagai jawatan Timbalan Perdana Menteri. Ia fungsi tugas-tugas khas, lima spesifik. Yang lain itu menurut budi bicara sama ada saya perlu mempunyai kepakaran, kebolehan saya sendiri, boleh atau tidak membantu Perdana Menteri. Contohnya kalau disebutkan ICU, kita bekerja merangkumi semua kementerian, menyelaraskan sekiranya perlu campur tangan untuk kita memastikan pelaksanaan itu dapat dijalankan secara efektif, menurut perintah Perdana Menteri. Terima kasih.

7. Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta Menteri Kesihatan menyatakan, status pembinaan Projek Klinik Kesihatan Kelas Tiga di Bahagian Serian, Sarawak.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Serian.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha menambah baik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia termasuk penduduk Sabah dan Sarawak. Jadi, untuk Projek Klinik Kesihatan Jenis Tiga (KK3) Serian telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh tahun 2015 dahulu. Projek ini dilaksanakan oleh JKR Negeri Sarawak secara berfasa.

Fasa pertama melibatkan kerja tanah telah bermula pada 1 Disember 2016 dan siap sepenuhnya pada 20 Julai 2017. Fasa Kedua melibatkan kerja bangunan telah disenter pada 14 September 2019 dengan tarikh tutup tender pada 7 Oktober 2019. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 3 Mac 2020 pada tahun ini, Yang Berhormat Serian. Projek ini telah bermula pada 10 Jun yang lalu dengan tempoh pembinaan dijangka mengambil masa 24 bulan ataupun dua tahun dan dijangka siap pada 9 Jun 2022.

Kementerian Kesihatan bersama JKR Negeri Sarawak dan agensi kerajaan yang lain akan sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan menjadi aspirasi kementerian agar projek-projek ini disiapkan pada masa, kos dan *standard* yang telah ditetapkan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Orang Serian ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas pemberian yang besar ini. Besar. Jadi, soalan tambahan saya. Di Dewan yang mulia ini, saya telah juga memohon agar Klinik Kesihatan Jenis Tiga dibina di, satu, Tebedu dan, dua, di Bunan Gega. Jadi, soalan tambahan saya ialah bilakah kedua-dua Klinik Jenis Tiga ini akan dibina? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba: Terima kasih, soalan yang spesifik. Untuk Klinik Kesihatan Bahagian Serian, kita telah nyatakan bahawa ia berkaitan dengan Klinik Kesihatan untuk Serian. Untuk KK Bunan Gega dan juga KK Tebedu, saya bacakan dahulu apa yang ada dekat dua-dua tempat ini.

Jadi, untuk di KK Bunan Gega, kita ada Jabatan Pesakit Luar, Klinik Ibu dan Anak, farmasi dan makmal untuk di KK Bunan Gega. Untuk KK Tebedu, kita ada Jabatan Pesakit Luar, Klinik Ibu dan Anak dan farmasi. Untuk Tebedu, insya-Allah, kita rancang untuk bina KK gantian di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas di KK Tebedu dahulu. Terima kasih.

8. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta Perdana Menteri menyatakan, semua pusat kuarantin, kontraktor swasta yang terlibat dalam penyediaan makanan dan perkhidmatan lain (nyatakan setiap satu), tempoh dan kos kontrak setiap satunya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu-satu masa, di tahap maksimum terdapat 322 buah pusat kuarantin ataupun *quarantine station* yang siap sedia untuk digunakan untuk menempatkan seramai 104,467 *person under surveillance* (PUS), dengan izin. *Quarantine station* ini terdiri daripada 157 buah hotel dan 165 Institut Latihan Awam yang mana pendaftaran masuk dan keluar PUS di setiap *quarantine station* adalah secara berperingkat. Jumlah semua *quarantine station* yang diwartakan adalah sebanyak 1,572 buah yang terdiri dari hotel dan ILA di seluruh negara.

■1130

Sehingga 24 Julai 2020, kos penggunaan sebanyak 322 buah *quarantine station* dan ILA adalah sebanyak RM115.9 juta iaitu sebanyak RM49.6 juta untuk *quarantine station hotel* dan selebihnya untuk institut latihan awam. Bagi pengurusan *quarantine station* di hotel, penyediaan makanan dan perkhidmatan lain yang berkaitan telah termasuk dalam caj hotel iaitu sebanyak RM150 seorang untuk satu hari manakala pemilihan dan pelantikan kontraktor pembekal penyediaan makanan institut latihan awam (ILA) di negeri-negeri diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.

Bayaran untuk seramai 21 orang kontraktor pembekal makanan dan lain-lain perkhidmatan yang diuruskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berjumlah sebanyak RM2.12 juta telah diselesaikan, manakala bayaran kepada satu kontraktor masih dalam proses pembayaran, pembayaran. Perolehan pembekalan dilaksanakan secara perolehan darurat berdasarkan Peraturan Kewangan yang berkuat kuasa.

Dalam tempoh menjawab yang singkat ini Yang Berhormat, adalah amat sukar untuk saya menyebut senarai setiap kontraktor makanan dan perkhidmatan lain seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi, sekiranya perlu, kita akan memberikan segala senarai dalam bentuk tulisan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Silakan soalan tambahan pertama Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri untuk memberikan senarai dan juga pecahan secara bertulis.

Soalan saya ialah baru-baru ini saya terbaca dalam surat khabar bahawa had bayaran maksimum untuk pembayaran sendiri bagi warga Malaysia yang pulang dan tinggal di pusat kuarantin adalah mencecah sebanyak RM2,100.

Jadi, saya hendak minta, nombor satu, adakah betul bayaran RM2,100 kadar maksimumnya? Kedua ialah pecahan kos yang terlibat dalam RM2,100 ini, dan ketiga saya minta jasa baik kerajaan untuk memberikan pengecualian terus kepada golongan B40, golongan OKU dan juga para pelajar yang pulang daripada segi bayaran sendiri ini di pusat-pusat kuarantin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Menteri selama satu minit.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perbelanjaan untuk mengurus seseorang yang diletakkan di bawah *quarantine station* atau di dalam *quarantine station*- Kalau diletakkan di bawah institut latihan awam, kita kena berbelanja sebanyak RM4,700. Kalau kita letakkan di hotel-hotel yang kita wartakan sebagai *quarantine station*, perbelanjaannya adalah sebanyak RM4,100.

Jadi, kalau kita lihat hari ini, apa yang dikatakan prihatin Kerajaan Perikatan Nasional, B40, pelajar-pelajar dan juga orang kurang upaya ditanggung oleh kerajaan dan yang lainnya, kita cuma contoh kalau dilihatkan di hotel-hotel, PUS ataupun orang yang wajib dikuarantinkan kalau mereka datang dari luar negara, mereka kena diletakkan di hotel itu dengan membayar sebanyak RM150. Ini adalah setengah daripada total perbelanjaan yang disebutkan yang ditanggung oleh kerajaan.

Jadi, kalau kita lihat hari ini, kita amat- kita mahu mengekang segala bentuk perbelanjaan yang lebih besar. Saya sebutkan tadi, kita telah berbelanja begitu besar. Kita tidak mahu lagi memikul tanggungan yang begitu banyak yang meningkat dan kita pastikan cuma kita memberi keprihatinan kepada golongan B40, orang kurang upaya dan pelajar-pelajar yang tertentu.

Kalau mereka ini contohnya, ibu bapa sebagai pelajar-pelajar persendirian yang mempunyai pendapatan yang tinggi, ini Kementerian Luar Negeri akan menyelaraskan maklumat-maklumat untuk memastikan kita memberi bantuan yang bersasar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Minta Yang Berhormat Menteri bagi pecahan mungkin dalam bentuk bertulis. Pecahan itu dan kos.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Pecahan itu kita akan bagi dalam bentuk bertulis. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Secara bertulis.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan kedua...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai, Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Saya jemput sebelah sini. *Please start* Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya berhubung dengan isu yang tular dua hari lepas iaitu seramai lebih kurang seratus lebih orang pelajar yang tiba dari Yaman yang dikuarantin di sebuah hotel dengan bayaran sebanyak RM1,890 untuk seorang pelajar dan kalau mereka masih belum menjelaskan bayaran tersebut, mereka dikehendaki tunggu di lobi hotel sehingga datang keluarga untuk bayar dan isu ini tular. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tuan Yang di-Pertua, masalah itu telah pun diselesaikan. Ketika itu, kita hendak menyelaraskan maklumat. Contohnya, saya hendak sebutkan tadi, pelajar-pelajar yang pulang dari Yaman, kita telah buat ketetapan untuk golongan B40 dan juga yang kurang berpendapatan. Jadi, maklumat itu diselarasakan oleh Kementerian Luar Negeri dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini sebab kita tidak boleh buka pintu untuk semua pelajar untuk kembali sebab melibatkan perbelanjaan yang begitu tinggi.

Apa pun bayaran sebanyak RM150 lebih kurang, sebanyak RM148 tidak silap saya, telah pun ditempatkan dikuarantin itu, sebab mereka mengambil masa untuk membayar deposit dan kita mengenal pasti siapa yang mampu bayar dan siapa yang tidak mampu bayar, siapa yang B40 dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Soalan tambahan saya buka satu lagi. Yang Berhormat Lembah Pantai selama 30 saat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ringkasnya, sama seperti Yang Berhormat Pasir Mas, ada tular di dalam media sosial gambar mereka yang dikuarantinkan di hotel dalam keadaan bilik sedemikian rupa.

Cadar yang tidak terurus dan makanan yang datang lambat. Kadang-kadang dikatakan dua jam lambat atau lebih dari itu. Apa yang akan diusahakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan keadaan bilik-bilik ini adalah sanitari, selamat daripada segi kesihatan dan makan itu sampai dan tidak ada masalah? Saya lihat kadang-kadang yang dihantar itu sama ada betul ataupun tidak, bagaimanakah mereka hendak *complaint* dan macam mana hendak selesaikan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sila.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Kita mesti mengenal pasti Tuan Yang di-Pertua. Apa yang tular itu keadaan sebenar. Kita bukan sembarangan untuk memilih pusat-pusat kuarantin yang tidak boleh membawa ke sebuah tempat yang kondusif untuk kita panggil *quarantine station*. Jadi, kalau ada yang tular, kita akan kenal pasti. Sekiranya itu berlaku dan *insya-Allah*, kita akan pastikan ia tidak berlaku dan kalau perlu kita tambah baikkan.

Jadinya, hotel-hotel yang kita pilih pun memenuhi syarat-syarat untuk mereka digazetkan sebagai *quarantine station*. Jadi, tidak timbul isu yang disebutkan tadi iaitu cadar tidak ditukar. Kalau kita ambil pun gambar, kita tidak tahu sama ada hotel itu hotel yang kita telah gazetkan. Akan tetapi, apa pun kita akan buat siasatan dan pasti kita akan perbetulkan untuk kesejahteraan mereka yang diberi ataupun diwajibkan untuk dikuarantin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Boleh minta *netizen tag* Yang Berhormat Menteri ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Untuk Pertanyaan jawab Lisan seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Sibuti.

9. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan telah mengkaji sepenuhnya undang-undang berkaitan mufliis dan pihak kerajaan akan meminda undang-undang tersebut bagi memudahkan mereka yang diisytiharkan mufliis dapat menyelesaikan hutang mereka lebih mudah agar status kebangkrapan tidak berkekalan sepanjang hayat?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Sibuti yang prihatin kepada golongan bankrap. Sebagaimana kerajaan juga, kita prihatin kepada golongan ini di samping juga prihatin kepada pihak *creditors*.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat kajian undang-undang berkaitan dengan kebangkrapan ini terutamanya yang terakhir melalui Akta Kebankrapan yang dipinda pada tahun 2017 yang telah berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017. Ia melibatkan kenaikan amaun minimum- *threshold*, daripada RM30 ribu kepada RM50 ribu.

Melalui pindaan ini juga, kerajaan telah memberi perlindungan dan jaminan kepada mereka yang bankrap berdasarkan pada lunas undang-undang yang telah digariskan berdasarkan rujukan kita dan juga perbandingan dengan negara-negara luar seumpama United Kingdom, *Singapore*, New Zealand, Hong Kong dan seumpamanya.

Di samping itu, pindaan 2017 ini juga telah memperkenalkan satu peruntukan baharu di bawah seksyen 33C iaitu mengenai pelepasan automatik- *automatic discharge* di mana tempoh kebangkrutan seseorang yang bankrap itu ditadbir selama tiga tahun daripada tarikh beliau memfailkan pernyataan hal ehwal- *statement of affairs* dengan mengambil kira amalan terbaik antarabangsa bagi melayakkan orang yang bankrap itu dilepaskan secara automatik.

Sebagai contoh amalannya, di negara-negara lain iaitu Hong Kong mengambil masa empat tahun, *Thailand*, tiga tahun, Australia, tiga tahun dan New Zealand, tiga tahun.

Bankrap dalam masa memohon pelepasan automatik ini juga perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan digariskan di bawah Akta Insolvensi 1967. Justeru, pindaan tersebut dapat membantu dan memudahkan mereka yang bankrap untuk memahami dan mematuhi arahan yang telah ditetapkan berdasarkan undang-undang yang telah ditetapkan.

Kunci utama, saya tekankan, kunci utama seseorang bankrap agar status kebangkrutannya tidak menjadi berkekalan sepanjang hayat ialah mereka perlu memahami, memberi kerjasama yang penuh dan mematuhi arahan Jabatan Insolvensi Malaysia di mana ia banyak akan membantu perkara ini.

■1140

Pindaan ini tidak akan memberi kesan atau impak yang positif sekiranya si bankrap ini tidak memberi kerjasama yang penuh kepada jabatan yang berkaitan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sila Yang Berhormat Sibuti soalan tambahan yang pertama.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Saya telah menyemak data di laman Jabatan Insolvensi Malaysia, di dapati bahawa jumlah yang bankrap di kalangan berumur 35 tahun ke bawah adalah sangat besar. Antara 25 ke-34 tahun sebanyak 10,532 orang dan juga di bawah 25 tahun dari tahun 2018 dan juga 2019 terdapat 193 jumlah mangsa bankrap.

Saya ingin mengetahui pandangan pihak Menteri dan juga kementerian, adakah masalah bankrap di kalangan orang muda ini semakin serius bagi pasca COVID-19? Apa tindakan kerajaan untuk memberitahu kepada masyarakat terutamanya golongan muda berkenaan tentang pengurusan kewangan adalah sangat penting supaya kita dapat mengelak jumlah *bankruptcy* yang sangat tinggi. Lebih-lebih lagi pasca COVID-19 ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Sibuti dengan persoalan yang telah dikemukakan. Memang sebagai sebuah kerajaan khususnya jabatan yang berkaitan iaitu Jabatan Insolvensi, kita amat prihatin dan sentiasa bimbang kemungkinan bertambahnya jumlah mereka yang diisytiharkan bankrap kerana ini satu proses undang-undang yang tidak boleh dielakkan, hak kepada *creditors* yang mana mereka mempunyai *debtors* ataupun penghutang, mereka boleh mengambil tindakan kebangkrutan ini sebagai satu *mode of execution*. Satu kaedah untuk melaksanakan penghakiman yang mereka boleh.

Namun demikian, dalam merangka untuk memastikan jumlah ini tidak akan berleluasa dan bertambah, kerajaan mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan mereka terutamanya golongan muda tidak terjebak dalam status sebagai seorang bankrap dengan memberi kefahaman dan juga kesedaran. *Awareness* kepada mereka supaya mereka tidak mengamalkan perkara-perkara yang mungkin boleh membawa mereka di saman dan juga di isytiharkan bankrap.

Antara perkara yang telah dibuat semasa- saya hendak sebutkan antara perkara yang dibuat oleh Jabatan Insolvensi semasa tempoh COVID-19 ini, sebagaimana dasar kerajaan memberikan moratorium kepada peminjam-peminjam bank dan institusi kewangan, Jabatan Insolvensi juga memberikan moratorium bayaran bulanan kepada mereka yang bankrap ini bermula daripada 1 April 2020 sehingga 30 September 2020, dengan harapan ini boleh meringankan beban kepada si bankrap.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menjelaskan bahawa di bawah undang-undang kebangkrutan ini juga ada satu peruntukan iaitu seksyen 33A yang bertajuk "*Pelepasan tanpa bantahan pemiutang*" iaitu jika si bankrap itu menjadi bankrap sebagai penjamin sosial.

Kemudian orang yang bankrap, kemudian selepas dia bankrap itu didaftarkan sebagai OKU juga dilepaskan sebagai bankrap. Kemudian *of course* kalau si bankrap itu meninggal dunia dan juga si bankrap itu selepas bankrap ini dia mengidap penyakit yang serius.

Jadi jabatan atau kerajaan melepaskan mereka ini yang biasanya tanpa bantahan daripada pihak *creditors* atau pemiutang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Segambut, soalan tambahan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan, Batu Kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Segambut, dia bangkit dulu. Sila.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, dalam era COVID-19 ini adakah kerajaan akan menaikkan *bankruptcy threshold* memandangkan ramai orang akan kehilangan kerja ataupun tiada keupayaan untuk membayar balik. Jika ya, bilakah pindaan itu akan dibuat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Beliau seorang peguam, beliau mengetahui dan boleh membuat andaian. Ya, memang sebagaimana yang saya sebut bahawa kerajaan prihatin terutamanya dalam masa pasca COVID-19 ini memang kerajaan akan membentangkan dalam persidangan ini satu pindaan khususnya kepada seksyen 5(1) Akta Insolvensi yang melibatkan *threshold* yang baru. Saya tak boleh umumkan lagi kerana ia akan dibentangkan dalam persidangan ini juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya mohon soalan mengenai *bankruptcy* dalam tempoh COVID-19 ini, Batu Kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya benarkan soalan tambahan yang ketiga. Silakan Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya mengenai jawapan Yang Berhormat Menteri berikan tadi bahawa selepas beberapa tahun seorang yang digelar bankrap akan dibersihkan namanya selepas tiga tahun. Akan tetapi pindaan pada tahun 2017 ini bukanlah pindaan retrospektif. Maksudnya yang sudah berstatus bankrap, pindaan ini tak ada apa-apa impak terhadap mereka. Mereka masih lagi kekal dalam status bankrap.

Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh- saya ingin mencadangkan kalau Yang Berhormat Menteri boleh membuat pertimbangan supaya pindaan dibuat kepada akta *bankruptcy* ini untuk memastikan yang retrospektif cases juga diambil kira ataupun pindaan tersebut boleh memberi kesan terhadap golongan yang sudah bergelar *bankruptcy* sebab pindaan ini yang 2017, dia akan membantu kes-kes selepas 2017 atau 2018. Mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Menteri, sila.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mahu *meaningful*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Rakan saya Yang Berhormat Batu Kawan. Secara jujur saya tidak ada maklumat sama ada pindaan 2017 itu retrospektif efek atau tidak. *I need to check that*, dengan izin. Namun demikian, kalau tidak retrospektif efek *insya-Allah* kerajaan akan memikirkan perkara ini demi memikirkan orang yang bankrap sebelum daripada 2017. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertanyaan jawab lisan yang seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Bentong.

10. Tuan Wong Tack [Bentong] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan tapak yang telah diluluskan untuk membina PDF Lynas. Adakah DEIA telah dilakukan, berapa keluasan tanah yang akan digadaikan, 'buffer zone' dan bilakah kawasan ini boleh digunakan semula untuk aktiviti pembangunan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ahli Yang Berhormat. Saya mohon untuk menjawab bersekali bagi soalan bertarikh 10 Ogos daripada Ahli Parlimen Kemaman yang menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan negeri Pahang telah meluluskan pewujudan tapak pelupusan sisa industri berjadual pelbagai kategori seluas 202.35 hektar di Bukit Ketam, Mukim Kuala Kuantan. Pada masa ini kerajaan negeri sedang memproses pewartaan secara rasmi kawasan ini sebagai tapak pelupusan industri.

Kerajaan Negeri Pahang juga telah meluluskan permohonan syarikat Lynas Malaysia Sdn. Berhad. untuk membina tapak PDF nya atau *permanent disposal facility* di mana-mana kawasan di dalam tapak pelupusan, tapak industri Bukit Ketam yang telah diluluskan. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dalam mesyuaratnya pada 28 Julai 2020 telah meluluskan cadangan tapak tersebut tertakluk kepada kelulusan kajian *Radiological Impact Assessment* (RIA), *Environmental Impact Assessment* (EIA), dengan izin, dan lain-lain keperluan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan. Laporan semua kajian tersebut perlu dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan untuk penilaian sebelum kebenaran membina PDF dikeluarkan oleh AELB.

Untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan DEIA, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada EIA *Order* tahun 2015 istilah DEIA tidak lagi diguna pakai. DEIA diguna pakai pada EIA *Order* tahun 1987. Namun demikian, dalam EIA *Order* 2015, wujud jadual satu dan juga jadual dua. PDF ini jatuh di bawah jadual dua iaitu permohonan ini akan diproses dan dibuat penilaian di peringkat ibu pejabat Jabatan Alam Sekitar Malaysia di mana paparan umum atau *public display* akan dilaksanakan apabila proses EIA ini dilaksanakan.

Kedua, jumlah keluasan tanah yang diguna iaitu untuk tapak pelupusan sisa industri yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang 202.35 hektar. Namun PDF ini hanya memerlukan 12 hektar iaitu enam peratus daripada *total area* yang telah akan diwartakan oleh Kerajaan Negeri Pahang sebagai tapak pelupusan sisa industri berjadual pelbagai kategori.

Berkenaan dengan *buffer zone* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kita menggunakan contoh sepertimana yang ada di *repository* Bukit Keledang Ipoh, Perak yang mengandungi sisa radioaktif dari kilang Asian Rare Earth.

■1150

Untuk *repository* tersebut, zon penampungan, *buffer zone* daripada *repository* ke kawasan awam adalah seluas 1.7 kilometer. Akan tetapi, untuk meletakkan perkara itu dalam konteks yang lebih jelas, daripada segi kandungan keradioaktifan daripada *repository* Bukit Kledang, Ipoh iaitu thorium-232 sebanyak 200 *becquerel* per *gram* manakala bagi keradioaktifan WLP Lynas adalah enam *becquerel* per gram. Jadi, soal *buffer zone* itu kita akan sesuaikan dengan pengalaman kita di *repository* Bukit Kledang, Ipoh.

Akhir sekali, bilakah kawasan ini boleh digunakan semula untuk aktiviti pembangunan? Konteks yang saya sebut, merujuk sekali lagi, kawalan institusi *repository* Bukit Kledang, Ipoh untuk Asian Rare Earth. Di situ, AELB telah menetapkan tempoh kawalan institusi selama 300 tahun, *300 years of institutional control at the repository in Bukit Kledang for the Asian Rare Earth thorium-232 radioactive material*. Jadi, soal bila untuk PDF Lynas ini, kita juga akan rujuk kepada pengalaman kita di Bukit Kledang. Terima kasih.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, so *300 years, that means permanently we lost a piece of land for Lynas waste*. Yang Berhormat Menteri, pada 16 Julai, Yang Berhormat Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa Lynas perlu memulakan proses pembangunan PDF sebelum Mac 2021. Jika gagal, maka lesen Lynas akan ditarik balik.

Soalan saya. Pertama, apa maksudnya perkataan "Mula" ini? Mula cari tapak kah? Mula kajian kah? Ataupun cuma mula korek satu lubang di tapak- apa maksudnya?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Bentong. Lynas, apabila disebut, bahawa antara satu syaratnya pemegang lesen iaitu Lynas hendaklah memulakan proses pembangunan kemudahan pelupusan PDF di lokasi bersesuaian pada tahun pertama daripada tarikh kelulusan lesen. Jadi, maksudnya Mac 2021 ya. Itu betul yang disebutkan Yang Berhormat.

Di sini istilah memulakan proses pembangunan bermaksud- pertamanya, RIA telah disediakan dan dikemukakan kepada AELB. EIA telah disediakan dan dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar. Kedua, Lynas mematuhi semua *milestones* yang telah ditetapkan, yang akan saya bacakan nanti. Dan ketiga, lokasi PDF telah diperoleh dan lembaga telah meluluskan lokasi tersebut.

Milestones yang telah diserahkan oleh Lynas pada 24 Julai 2020 iaitu syaratnya, *milestones* yang ditetapkan oleh syarikat sendiri. Pertamanya, Mei 2020, dengan izin, *detailed studies of recommended site for site confirmation* selesai. Kedua, September 2020, *submission of all study reports of recommended site*, sedang dan akan berlangsung. Ketiga, Disember 2020- ini *milestones* yang dikeluarkan oleh Lynas sendiri- *regulatory approval*. Januari 2021, *construction of PDF*, maksudnya mula pembinaan. Keempat, Ogos 2023, *closure of PDF*. Dan seterusnya September 2023, *post construction phase*.

Ini berdasarkan kepada *milestones* yang diserahkan oleh Lynas kepada AELB dan ini disyaratkan sebagai memulakan proses pembangunan. Kalau tidak mengikut *milestones* yang ditetapkan oleh syarikat Lynas sendiri, lesen itu boleh dibatalkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang kedua saya jemput sebelah sini, Yang Berhormat Kuala Krai.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Kemudian pohon soalan tambahan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tunggu sebentar.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri sebelum ini, syarat lesen terdahulu mewajibkan Lynas untuk menjalankan R&D bagi sistem buangan kilang tersebut. Namun, kerajaan terdahulu telah mengarahkan semua R&D ditamatkan. Lynas dikhabarkan sebelum ini telah berjaya menghasilkan *soil conditioner*, *CondiSoil* yang boleh digunakan bagi menambah baik ciri-ciri tanah untuk aktiviti pertanian.

Soalan saya ialah, Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengaktifkan semula R&D ke atas bahan buangan Lynas yang dilihat berpotensi dikomersialkan untuk kegunaan sektor pertanian? Adakah *Condisoil* yang dihasilkan pernah dibuat ujian keberkesananannya ke atas mana-mana jenis tanaman? Jika pernah, apakah hasilnya? Terakhir ialah, adakah *Condisoil* ataupun mana-mana hasil R&D yang dihasilkan sebelum ini pernah ditawarkan penggunaannya kepada mana-mana pihak terutamanya dalam sektor pertanian sama ada dari dalam atau luar negara bagi menentukan keberkesananannya? Mohon penjelasan Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian lapangan yang dijalankan oleh MARDI dan UPM untuk tanaman padi, kenaf, *napier*, jagung dan kelapa sawit mendapati hasil tanaman yang ditanam menggunakan bahan *Condisoil* yang dimaksudkan itu tadi memberikan hasil yang lebih baik daripada tanah biasa. Hasil tuaian bagi tanaman kenaf, sebagai contoh, mendapati hasil meningkat lebih 80 peratus. Manakala hasil tuaian jagung pula, *yields* meningkat melebihi 100 peratus bagi yang ditanam dengan tanah yang dicampur dengan *Condisoil* tersebut. Ini membuktikan *Condisoil* boleh digunakan untuk merawat dan menyuburkan tanah bagi kegunaan pertanian.

Namun demikian, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, keputusan Jemaah Menteri pada 12 dan 19 Februari 2020, iaitu Lynas hendaklah menamatkan semua aktiviti R&D berkaitan penggunaan *water leach purification* (WLP) *residue* sebagai *Condisoil* dalam bidang pertanian.

Namun, pandangan saya dalam Dewan pada hari ini, kita sudah setuju syaratnya adalah untuk membina tapak pelupusan kekal (PDF). Akan tetapi, dalam tempoh kita tunggu PDF itu dibina dan siap dibina berdasarkan kepada *milestones* yang saya sebutkan tadi, *emplacement of WLP* iaitu maksudnya sisa itu dipindah kepada PDF pada Julai 2021, mungkin boleh kita teruskan dengan R&D tersebut.

Oleh sebab, kalau didapati bahawa kalau R&D untuk sisa WLP itu betul-betul boleh diguna sebagai *Condisoil* tersebut, apa salahnya kalau sekiranya tidak ada kesan bahaya, kesan radioaktif dan sebagainya. Jadi, saya bercadang untuk melihat semula dan kita menimbang dan meneliti cadangan bagi Lynas meneruskan semula R&D tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri. Akan tetapi, kita akan kekal dengan perancangan untuk pindahkan sisa tersebut kepada PDF sekiranya R&D ini tidak berjaya untuk dikomersialkan. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bagi ruang satu soalan...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Tambahan ketiga. Sila Yang Berhormat Kuantan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin merujuk balik kepada keputusan untuk melihat semula kepada R&D.

Saya pohon sangat-sangat Yang Berhormat Menteri tidak *regress* ataupun kembali ke belakang kerana WLP itu walaupun dibuktikan boleh menjadi *soil conditioner* atau- kerana ia mengandungi *gypsum*. Memang dia menjadi baja tetapi juga di dalam WLP mengandungi *radionuclide thorium*. *Thorium* ini ialah *a known carcinogen* dan mempunyai *half-life* 14 bilion tahun. Maksudnya sehingga kiamat. Kalau ia masuk ke dalam kita punya *food chain*, ia merupakan satu perkara yang amat bahaya kepada kita yang akan memakan hasil dari ladang ataupun tanaman-tanaman yang di mana *Condisoil* itu digunakan. Oleh sebab itulah, keputusan kerajaan terdahulu untuk menghentikan R&D dan penggunaan *Condisoil* ke atas tanaman-tanaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat ajukan soalnya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Soalan saya. Bukit Ketam itu, Tuan Yang di-Pertua, Bukit Ketam itu ialah *watershed*, tempat tadahan air di mana di bawah itu ialah Bukit Goh dan terus turun ke loji rawatan air di Kobat di Kuantan. Bagaimana kita mahu menangani sekiranya ada berlaku sesuatu, ada *leakage* dan sebagainya kepada tapak PDF dan juga *schedule waste* tadi? Jadi, pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kuantan.

■1200

Pertamanya, hendak menjawab soalan mengenai *Condisoil*. Kita tidak akan meneruskan R&D sekiranya ada bukti saintifik yang mengatakan bahawa ini akan memberi kesan kepada kesihatan dan keselamatan manusia. Ujian lapangan penggunaan *Condisoil* dalam tanaman jagung dan kenaf setakat ini yang telah diuji oleh *Atomic Energy Licensing Board Malaysia* menunjukkan bahawa tiada pencemaran radioaktif dan tiada pertambahan keradioaktifan dalam tanah, air, bawah tanah dan hasil tanaman, manakala hasil tuaian pula semakin meningkat.

Ulasan Jabatan Pertanian berdasarkan kepada analisis kandungan logam berat bagi *Condisoil* ini adalah di bawah paras yang dibenarkan, maka Jabatan Pertanian tiada halangan terhadap penggunaan *Condisoil* ke atas tanaman. Namun, saya serius untuk menjaga keselamatan dan juga kesihatan rakyat kita. Sebarang keputusan mestilah kita buat berdasarkan kepada kajian sains.

Saya minta izin sedikit masa lagi Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan kawasan tadahan air. Ya, memang ada kajian yang kita telah buat, telah menunjukkan bahawa ada alur air yang mengalir ke Sungai Ara dan seterusnya ke Sungai Kuantan di mana ada kawasan pengambilan air di Empangan Kobalt. Oleh sebab itu, ini sangat penting untuk EIA dilaksanakan dengan telus dan dengan teliti untuk memastikan sama ada kawasan tadahan air itu akan memberi kesan kepada sumber air yang menjadi sumber kepada penduduk di Kuantan. Saya akan mengambil serius perkara tersebut.

Kalau sekiranya kita dapati bahawa alur air itu ada risiko pencemaran yang sampai ke Sungai Ara, maka kita akan buat keputusan yang sesuai. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.02 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Pengajian Tinggi; Kementerian Pertanian dan Industri Makanan; Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Komunikasi dan Multimedia; dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan seperti yang tertera di Nombor 7 sehingga 13 dalam senarai Susunan Giliran Yang Berhormat Menteri-menteri Menjawab Ke Atas Perbahasan Titah Diraja dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 5 Ogos 2020".

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas." **[3 Ogos 2020]**

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Kementerian Sumber Manusia untuk mula menjawab, 45 minit.

12.03 tgh.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu Kementerian Sumber Manusia ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dalam hal berkaitan dengan warga pekerja dan perkembangan modal insan yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan negara.

Seramai 28 orang Ahli Yang Berhormat telah memberikan pandangan dan saranan dan teguran yang cukup di mana sebanyak 58 isu yang menyentuh lapar perkara utama berkaitan Kementerian Sumber Manusia yang telah dibangkitkan sepanjang perbincangan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mulai 14 Julai sehingga 29 Julai 2020.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, 18 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Alor Setar dan Yang Berhormat Permatang Pauh telah membangkitkan isu mengenai pengangguran, peluang pekerjaan dan juga hak pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan popular dalam kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu mengenai pengangguran- isu pengangguran di kalangan belia. Kerajaan sedar mengenai kadar pengangguran di kalangan belia dan golongan muda serta memahami akan kepentingan untuk memperkasa tenaga kerja dan bakat tempatan ataupun *talent* tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, data kini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa kadar pengangguran belia berumur 15 tahun sehingga 24 tahun pada tahun 2019 adalah pada kadar 10.5 peratus iaitu sejumlah 295,800 orang. Manakala bagi suku tahun pertama 2020 adalah pada kadar 11 peratus iaitu sejumlah 291,400 orang. Malahan, saban tahun dianggarkan seramai lebih kurang 300 orang graduan sehingga 350 orang graduan menamatkan pengajian dan bersedia untuk masuk ke alam pekerjaan. Namun, pada tahun ini berikutan pandemik COVID-19 lebih menyukarkan golongan ini untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

Susulan itu, kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan langkah-langkah bagi mengatasi isu pengangguran termasuk dalam kalangan belia dengan terus menggiatkan penambahbaikan ekosistem tenaga bakat muda dan pembangunan kebolehpasaran graduan dengan melaksanakan pelbagai program. Pada 5 Jun 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan PENJANA. Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi ini, Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melancarkan inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020 yang lalu.

Melalui inisiatif ini, lima skim diperkenalkan iaitu *Place & Train*, *B40 Development*, *SME Development*, *Industry Revolution 4.0* dan Gerak Insan Gemilang (GIG). Daripada keseluruhan skim tersebut, terdapat dua skim yang menyokong usaha kerajaan dalam menangani isu pengangguran di kalangan golongan belia akibat pandemik COVID-19 iaitu *Place & Train* dan Gerak Insan Gemilang. *Place & Train* memberi jaminan penempatan pekerjaan sekurang-kurangnya 12 bulan kepada pelatih sejurus menamatkan latihan. Setakat 24 Julai 2020, seramai 5,930 orang termasuk golongan belia telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan dengan bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM38.53 juta dengan tawaran gaji semula daripada RM1,800 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala skim Gerak Insan Gemilang (GIG)...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh Yang Berhormat? Yang Berhormat, silakan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, boleh saya membawa perhatian. DOSM ini, ia mengatakan bahawa pengangguran adalah berumur di antara 15 tahun hingga 24 tahun. Nombor satu, ia tidak masuk akal kerana di antara 15 tahun sehingga 24 tahun anak-anak kita yang sedang bersekolah, di universiti ataupun pengajian tinggi. Jadi, dari mereka mendapat angka ini? Saya mengatakan sedemikian kerana semasa saya menjadi Menteri, saya pun memberitahu kepada mereka, tetapi saya menunggu jawapan dan lepas itu kerajaan telah bertukar. Okay, itu nombor satu.

Nombor dua, *Place & Train* ini telah pun kita cuba dulu, lima tahun ke-10 tahun dulu dan ini gagal dengan serius di mana berjuta-juta ringgit telah digunakan dari wang rakyat, tetapi semua ini nampaknya tidak efektif. Adakah kerajaan telah membuat kajian yang mengatakan dengan kukuh bahawa ini perlu dan bahawa ini satu skim yang betul-betul boleh mengatasi pengangguran lebih-lebih di antara anak-anak- *the youth* dan juga lain-lain? Terima kasih.

Datuk Seri M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut pengangguran antara umur 15 tahun sehingga 24 tahun, kita perlu sebagai kerajaan prihatin, kita sebenarnya tidak boleh fokus kepada golongan yang berjaya. Kita terpaksa mengambil kira kedudukan golongan yang tercicir daripada arus pendidikan yang bermula daripada umur 15 tahun.

■1210

Sekiranya tidak, mungkin satu hari nanti akan jadi masalah sosial kepada negara kita. Maka, DOSM telah mengambil kira golongan yang tercicir termasuk daripada umur 15 tahun ke atas. Itu yang saya ingatkan.

Kedua, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Mantan Menteri Sumber Manusia. Daripada segi pendekatan kerajaan *place and train*- sebelum ini ada juga percubaan yang dilaksanakan oleh kedua-dua pihak kerajaan telah tidak berjaya. Maka kini kita telah mengambil pendekatan walaupun sebelum ini latihan kemahiran di peringkat sumber manusia hanya *train and place*.

Akan tetapi kini berubah kepada *place and train* dan kita tidak membazir dari segi peruntukan di mana kita telah mengambil pendekatan setelah diberikan peluang pekerjaan baru kita memberi sumbangan sebanyak 30 peratus dan *balance*-nya akan disalurkan kepada *training provider* hanya selepas memastikan yang telah dilatih itu dapat peluang pekerjaan di sektor-sektor yang tertentu yang di mana dia akan disahkan melalui pembayaran PERKESO. PERKESO akan menjadi agensi untuk kita supaya kita sahkan sama ada betul-betul yang diberi latihan itu kalau dapat peluang pekerjaan atau tidak. Sekiranya pelatih gagal ataupun *training provider* gagal maka *balance of the payment* tidak akan dibayar kepada *training provider*.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya. Macam mana SOCSO boleh mengendalikan perkara ini walhal itu tidak ada kena-mengena dengan *the youth*. Mereka hanya berkenaan dengan pihak yang telah digajikan. Maka itu tidak adalah di bidang kuasa mereka. Itu satu.

Kedua, mengenai angka yang sebelum ini saya kata antara umur 15 ke-24 tahun. Ini berbeza dengan statistik-statistik yang sedia diberi oleh International Labour Organization. Maka perlulah ia dikaji balik di mana kita *pluck from the thin air and we are the best in the world*? Akan tetapi tidak, mereka ada sistem yang sedia ada. Saya harap ia boleh diambil tindakan susulan dalam hal ini.

Datuk Seri M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebetulanannya apabila saya sebut peranan PERKESO. PERKESO akan menjadi agensi yang mengesahkan sama ada yang diberi latihan itu dapat peluang pekerjaan atau tidak, walaupun sebelum ini kita tidak ada agensi untuk mengesahkan sama ada yang diberi latihan itu dapat peluang pekerjaan atau tidak. Kini kita buat program *place and train*. Apabila dia sudah dapat peluang pekerjaan selepas diberi latihan, hanya kita boleh sahkan melalui agensi-agensi di bawah kementerian iaitu daripada PERKESO sama ada orang ini sudah dapat peluang pekerjaan, sedang mencarum kepada PERKESO ataupun tidak. *Just to certify whether you are being contributing for Perkeso or not. One of the ways to ensure that they have got a job.*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Muar.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu berapakah jumlah pengangguran belia yang terkini. Kerana dalam ucapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, Yang Berhormat Menteri memaklumkan berkenaan jumlah pengangguran pada suku pertama tahun ini. Berapakah jumlah pengangguran belia yang paling terkini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Bukit Mertajam Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya – mungkin satu cadangan berikutan apa yang telah dibangkitkan oleh saudara Yang Berhormat dari Ipoh Barat. Selain daripada pengangguran untuk belia berumur 15 sehingga 24 tahun, mungkin Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama KBS boleh juga melaporkan laporan dengan izin *not in education, employment and training* (NEET). Mungkin ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang demografi tersebut.

Keduanya, tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang *place and train, train and place*. Saya rasa mungkin apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan ialah meneruskan usaha yang telah diumumkan sebelum ini oleh Pakatan Harapan iaitu *Malaysia Kerja* di mana ada komponen Graduan Kerja yang memberikan mungkin boleh dikatakan subsidi kepada para graduan dan juga kepada majikan untuk mengambil graduan sebagai pekerja. Saya harap mungkin skim itu telah diperkenalkan sebelum wabak COVID-19 menjadi serius. Sekarang kita boleh gunakan skim yang sama dengan menaikkan kuantumnya- dulu kalau RM800 mungkin sekarang menjadi RM1,500.

Mungkin isu ketiga saya harap Yang Berhormat Menteri nanti akan menjawab juga bukan sahaja tentang *unemployment* ataupun pengangguran belia tetapi juga *underemployment* iaitu kadar guna tenaga tidak penuh yang saya bangkitkan dalam ucapan saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Yang Berhormat Menteri, boleh satu lagi Yang Berhormat Menteri supaya sekalian...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Susulan pertanyaan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat dan juga Yang Berhormat Muar. Dalam soal pengangguran belia, melalui kajian Institute of Southeast Asian Studies menyebut bahawa kalau pengangguran untuk Malaysia di kalangan belia ini enam kali- ganda berbanding dengan umur yang lain. Manakala kalau *average* ataupun purata dalam dunia ini sekitar tiga kali- ganda.

Jadi kalau boleh hendak menyusuli pertanyaan Yang Berhormat Ipoh Barat tadi bahawa kenaikan ataupun data yang menyebut bahawa hampir 290 ribu yang menganggur di antara 15 sehingga 24 tahun itu, boleh atau tidak kalau Yang Berhormat Menteri perincian lagi. Maksudnya pengangguran ini berlaku apabila mereka ini mencari kerja tetapi tidak dapat kerja. Itu takrifan yang digunakan sebagai *unemployment*. Jadi dalam isu ini maksudnya begitu ramai- mungkin mencecah hampir jutaan anak muda yang bawah umur 24 tahun ini yang sebenarnya mencari kerja- yang tidak dapat kerja yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sekitar 290 ribu orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hanya saya ada 45 minit izinkan saya meneruskan teks ucapan saya. Kebanyakan soalan yang telah dibangkitkan saya akan jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Jawab secara bertulis. Terima kasih.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, seterusnya sebelum saya beralih kepada isu yang lain. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai pelancaran satu program bersama Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan serta Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang dikenali sebagai Skim Perintisan Nasional.

Skim ini sememangnya selaras dengan matlamat Kementerian Sumber Manusia dalam memperkembangkan mutu perkhidmatan dengan menyediakan peningkatan latihan pekerja tempatan di bawah program *upskilling and reskilling* untuk meningkatkan keluaran tenaga mahir negara. Ia merangkumi sektor seperti teknologi maklumat dan komunikasi, *digital literacy*, Revolusi Industri 4.0, perkilangan dan pembuatan, logistik, hospitaliti, pemasaran, jualan borong dan runcit, pengurusan sumber manusia, pembinaan, khidmat kewangan dan insurans, *healthcare* dan lain-lain, dengan izin.

Di kesempatan ini juga saya ingin menzahirkan penghargaan saya kepada agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, PSMB, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan juga Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang sedia berkongsi maklumat berkaitan peluang latihan dan penempatan yang ditawarkan oleh majikan bagi penyertaan belia kita dari seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Johor Bahru dan juga Yang Berhormat Kalabakan mengenai peluang pekerjaan dan padanan kerja gaji dan sebagainya. Perkara ini sememangnya telah diambil tindakan oleh kerajaan melalui pelbagai inisiatif yang tersenarai di bawah beberapa buah pakej rangsangan ekonomi 2020. Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO memperkenalkan program insentif pengambilan pekerja- *hiring incentive*, dengan izin, dan bantuan mobiliti dan juga program latihan di bawah PENJANA.

Program ini bertujuan untuk merangsang pengambilan pekerja oleh majikan di samping itu meningkatkan kebolehpekerjaan seseorang pekerja melalui latihan ataupun latihan semula.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, selain daripada beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan untuk merangsang pengambilan pekerja oleh majikan seperti berikut:

- (i) Program *MyApprenticeship* di mana keutamaan diberi kepada graduan baharu atau *fresh graduate* atau pelajar lepasan sekolah. Mereka diberi bantuan sebanyak RM600 seorang;
- (ii) Program *I Am Malaysia* di mana merupakan program pengambilan pekerja tempatan;
- (iii) Program inisiatif pengambilan pekerja tempatan dari golongan orang kelainan upaya (OKU) dan peserta program *return to work* melalui PERKESO;
- (iv) melalui portal *MyJob* iaitu portal pekerjaan membantu majikan dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Menteri. Minta pencelahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh Yang Berhormat.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Meneliti daripada pandangan dan hujahan daripada Yang Berhormat Menteri, saya terpenggil di atas beberapa program yang telah dilakukan dan akan dilakukan. Namun, saya masih terkilan kerana kita ada satu akta yang membolehkan mereka yang terlibat terutama dalam COVID-19 ini yang telah pun diambil tindakan pembuangan, kerja sementara dan juga cuti tanpa gaji. Ini memberikan saya isyarat bahawa kita ada SIP dan SIP ini pula mendorong kepada tabungan yang kukuh untuk kita salurkan terus kerana itu ada dalam mekanismenya iaitu dipanggil 'bencana'.

■1220

Jadi saya cuba hendak memaklumi apa yang Menteri hujahkan ini. Adakah ia terlibat secara langsung dalam SIP dan dikaitkan dengan TVET? Ini kerana, Yang Berhormat Menteri, kita kena faham bahawa apabila keadaan ini berlaku, kemahiran itu diutamakan.

Dalam mekanisme SIP itu ada diletakkan sebagai melatih, memberikan kemahiran kepada pekerja yang telah dibuang atau mereka yang mempunyai masalah dengan bencana. TVET itu berperanan untuk memahirkan secara profesional untuk bersaing dengan pekerja asing yang melengkapkan seksyen 60, Akta Kerja 1955. Itu *applied*.

Keduanya, saya hendak memaklumkan dengan Yang Berhormat Menteri bahawa adakah keperluan kita cadangkan supaya wang daripada rangsangan ekonomi MoF itu disalurkan terus kepada SOCSO? SOCSO berperanan kerana SOCSO yang tahu data-data syarikat. Kalau kita serah kepada bank, bank akan menggunakan SOP-nya dan sudah barang tentu syarikat-syarikat SME ataupun IKS ini tidak mampu untuk meng-*apply* mekanisme yang diperlukan oleh bank.

Jadi, saya melihat bahawa keperluan SOCSO itu disalurkan terus daripada Menteri Kewangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Untuk dijadikan ia sebagai satu tabungan. Apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan pandangan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kapar, cukuplah.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Panjang sangat. Itu soalan, bukan ceramah. Silakan. Hendak jawab, jawab. Atau pun jawapan bertulis. Terpulung kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Ini adalah dasar, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat bukan Menteri hendak bagi dasar. Yang Berhormat, tanya sahaja soalan. Dasar- Menteri. Kecuali Yang Berhormat pindah belah sini...[*Merujuk kepada blok kerajaan*] [*Dewan ketawa*] Mungkin Yang Berhormat jadi Menteri. Terpulung kepada Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan semua isu yang dibangkitkan ini telah pun dibangkitkan sebelum ini dalam teks ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat, maka saya minta keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk saya meneruskan sehingga habis teks ucapan saya pada pagi ini. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit penjelasan, Yang Berhormat. Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terpulung kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri M. Saravanan: Saya bagi peluang sebab mantan Menteri Sumber Manusia. Dia seorang sahaja saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Beri peluang ya. Silakan Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai pekerja tempatan dalam program *MyApprenticeship* dan sebagainya. Saya hendak tahu, apakah kesedaran baharu oleh kerajaan bahawa pergantungan kepada pekerja asing adalah tidak sesuai? Adakah itu pandangan? Jika sedemikian, apakah proses untuk mengurangkan pergantungan tersebut? Itu nombor satu.

Nombor dua, saya semasa di sana, Yang Berhormat, kita sedang berbincang dan kita pun telah mengadakan satu *Independent Committee on Foreign Workers*, di mana mereka telah bercadang dan beri *opinion* mereka, di mana semua usaha, keputusan dan proses sedemikian iaitu pengambilan pekerja asing patut beralih dari Kementerian Dalam Negeri ke Kementerian Sumber Manusia.

Asasnya adalah, Tuan Yang di-Pertua, daripada 64 buah negara di dunia ini yang ada proses yang sama, 63 buah negara bidang kuasa ini adalah dengan Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi sebuah negara sahaja, Yang Berhormat pun boleh tahu, sebuah negara sahaja iaitu Malaysia sahaja di mana kuasa dia *divided*. Saya pun tidak faham kenapa ia perlu berulang alik.

Satu antaranya Kementerian Dalam Negeri mengatakan *security issues, as though in other countries, it is not the issue of security issues, it is also there*. Adakah kerana dorongan-dorongan yang lain di mana ini menyebabkan kuasa muktamad untuk meluluskan pekerja asing terletak di Kementerian Dalam Negeri?

Jadi persoalan saya- saya telah bangkitkan perkara ini yang sangat mustahak-adakah Yang Berhormat Menteri berani mengimplementasikan cadangan-cadangan *Independent Committee on Foreign Workers*? Di mana kali terakhir saya jawab di Parlimen bahawa ini adalah satu antara proses yang ingin kita buat. *There is a joint committee between co-Chair* antara Kementerian Sumber Manusia, dengan Kementerian Dalam Negeri. Apakah proses tersebut? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama mengenai pekerja asing. Kita dalam krisis ekonomi dan kelembapan ekonomi dan negara menghadapi pengangguran yang cukup kritikal. Maka, salah satu cara mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Ini secara tidak langsung akan menambahkan peluang-peluang pekerjaan untuk warga tempatan.

Oleh sebab itu, sebagai Menteri Sumber Manusia, saya telah mengumumkan bahawa tiada pengambilan pekerja asing sehingga hujung tahun dan sehingga kita buat *redeployment* dengan pekerja-pekerja asing yang sedia ada. Itu yang pertama.

Kedua, daripada segi soalan yang kedua mengenai peranan ataupun kedudukan Kementerian Sumber Manusia daripada segi memutuskan pengambilan pekerja asing. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk menangani isu-isu pekerja asing yang dipengerusikan oleh Menteri Kanan Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri sendiri telah memutuskan perkara-perkara ini dan beberapa langkah positif telah dan sedang pun diambil. Di mana Kementerian Sumber Manusia telah mula menguatkuasakan Akta 446 di mana memberi, membela nasib pekerja asing daripada segi kediaman, makanan dan penginapan dan kemudahan. Maka untuk mengendalikan atau menguatkuasakan Akta 446, kita tiada pilihan lagi kecuali segala pendaftaran berada di Kementerian Sumber Manusia. Itu yang pertama.

Kedua, Kementerian Sumber Manusia telah membuat pendekatan untuk mewajibkan pekerja asing. Setakat ini hanya 60 peratus pekerja asing mencarum untuk PERKESO daripada segi *safety net*. Maka, Kementerian Sumber Manusia telah membuat keputusan untuk mewajibkan semua pekerja asing 100 peratus untuk mencarum. Maka untuk memastikan mereka mencarum, kita perlu sekali lagi Kementerian Sumber Manusia perlu ada segala data untuk meluluskan pekerja asing.

Ketiga, kita lihat mengikut pendirian *International Labour Organization* (ILO). Sebagai kerajaan yang menguatkuasakan Akta 446, kita kena pastikan nasib pekerja asing dibela. Bererti, pekerja asing perlu dibayar *on time* dan sebagainya. Maka untuk melaksanakan ini, kita sedang dalam proses untuk mengamalkan *e-wages* di mana untuk sahkan pekerja asing dibayar. Bukan sahaja dibayar, dibayar pada masa yang tepat.

Maka untuk mengamalkan ketiga-tiga ini, daripada segi pendaftaran, platform perlu berada di Kementerian Sumber Manusia. Saya dengan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bekerjasama untuk merealisasikan aspirasi kerajaan untuk memastikan kita ada satu pendekatan yang selaras. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan. Kalau tidak dapat sekarang, secara bertulis pun tidak apa. Sangat penting. Minta izin.

Datuk Seri M. Saravanan: Okey.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih. Ada dua perkara. Pertama sekali, adakah Yang Berhormat Menteri dan kementerian akan menyokong pindaan SOP dalam isu *paid internship*? Di mana kini, semua *interns* dalam sektor kerajaan tidak kira dalam kementerian ataupun agensi, pertama, wajib dibayar. Kedua, pembayarannya akan meningkat daripada anggaran RM300 sebulan ke RM900 sebulan. Ini penting khususnya bagi *intern* bagi sektor luar bandar yang perlu melalui latihan amali supaya akhirnya mereka diberikan tempat dalam dunia pekerjaan.

Kedua, di mana kita telah pun berjaya meningkatkan kadar gaji minima sebelum ini. Kerajaan lepas menaikkan dari RM900 ke RM1,200 sebulan dan ada pelan untuk peningkatan sampai RM1,500 dalam tempoh masa dua ke-tiga tahun yang akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kedua-dua permintaan ataupun soalan ini melibatkan dasar, saya rasa saya perlu mengkaji secara mendalam sama ada kita boleh amalkan atau tidak. Saya akan bagi secara bertulis.

Selanjutnya berhubung dengan dakwaan oleh Yang Berhormat Kapar bahawa Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah PERKESO tidak berkesan. Ingin saya menyatakan bahawa PERKESO melalui program SIP telah menjalankan tanggungjawab dengan cukup berkesan dengan langkah-langkah positif yang saya akan terangkan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia sejak dua tahun lalu sebagai *economic stabilizer* dengan memberi bantuan kewangan segera, latihan semula serta pepadanan kepada pekerja yang terjejas akibat hilang pekerjaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar, bagi tahun 2020 sehingga 17 Julai 2020, kes kehilangan pekerjaan yang direkodkan oleh Sistem Insurans Pekerjaan adalah seramai 62,247 orang dan pembayaran sejumlah RM133 juta telah dibuat. Di samping itu, SIP telah berjaya menempatkan semula pekerjaan kepada seramai 12,714 orang sehingga Julai 2020.

Dalam masa yang sama, Sistem Insurans Pekerjaan melalui perkhidmatan pekerjaan dan portal *MyFutureJobs* dapat membantu majikan untuk mendapatkan calon pekerja yang diperlukan. Di samping itu, portal ini berfungsi sebagai platform dalam membantu mengisi pekerjaan bagi jangka masa sederhana dan panjang.

■1230

Selanjutnya, kepada cadangan Yang Berhormat Kapar supaya peruntukan PRIHATIN Rakyat yang disalurkan kepada pihak bank membantu IKS sepatutnya disalurkan kepada PERKESO yang mempunyai data syarikat yang lengkap dan senarai nama majikan yang mencarum dan boleh mengenal pasti syarikat yang membuat kerja, tidak membayar gaji dan mempunyai kemelut disebabkan COVID-19 yang diharapkan pembelaan. Pihak kementerian mengambil maklum dan merakamkan ribuan terima kasih atas keyakinan Yang Berhormat terhadap PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri. Minta Penjelasan sedikit. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak bagi?

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tebrau juga...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Berkenaan dengan SIP.

Datuk Seri M. Saravanan: Saya kena teruskan sebab semua jawapan ada di sini. Sebelum ini, Ahli-ahli Yang Berhormat sudah bangkitkan isu ini. Saya memang ada jawapan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Berkenaan dengan KPI SIP.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Sedikit sahaja. *It is a direct question.*

Datuk Seri M. Saravanan: Saya ada lagi sebanyak 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: *Only 30 seconds- 30 saat, boleh?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Datuk Seri M. Saravanan: Yang Berhormat Tebrau juga telah membangkitkan isu kehilangan pekerja dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan iaitu dengan menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] mulai pada 1 Januari 2018. Akta ini dikuatkuasakan untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan atau *loss of employment*, dengan izin.

Sistem insurans pekerjaan menawarkan dua jenis faedah iaitu faedah berbentuk kewangan dan faedah berbentuk pencarian pekerjaan iaitu elaun mencari pekerjaan bagi tempoh tiga hingga enam bulan tertakluk pada syarat kelayakan caruman, elaun bekerja semula awal, elaun pendapatan berkurang, elaun *pre*-latihan dibayar kepada penyedia latihan program *upskilling* dan *reskilling*, perkhidmatan pekerjaan dan kaunseling kerjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia akan terus memantapkan dan mempertingkatkan perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerja bagi memastikan warga pekerja bertugas dengan selamat, sihat, kondusif dan produktif. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh Barat, Bukit Bendera dan Johor Bahru, Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja ekonomi gig menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789]. Saya cukup yakin dan percaya melalui akta ini pekerja sektor ekonomi gig akan diberi perlindungan di bawah skim bencana kerja jika mereka ditimpa kemalangan atau mengidap penyakit berkaitan pekerjaan.

Ingin saya tekankan di sini selaras dengan aspirasi kerajaan, PERKESO sentiasa bersedia meningkatkan penyampaian perkhidmatan dengan memperluaskan jangkauan perkhidmatan agar sepadan dan lebih berkesan dengan norma serta kehendak pasaran tenaga kerja semasa. Malahan, inisiatif penambahbaikan serta usaha berterusan dapat dilihat apabila pada 5 Jun 2020, kerajaan telah mengumumkan Program PENJANA Gig melalui PENJANA bagi memberi perlindungan keselamatan sosial dan kebajikan golongan orang bekerja sendiri yang melibatkan aktiviti pekerjaan ekonomi gig.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Program Subsidi Upah dan Program Pengekalan Pekerjaan. Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kluang dan Yang Berhormat Alor Setar membangkitkan Program Subsidi Upah dan Program Pengekalan Pekerjaan meminta program-program ini dilanjutkan bagi tempoh enam bulan lagi bagi membolehkan majikan mengekalkan pekerjaan serta lebih tersasar.

Atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan telah memperkenalkan program inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi membantu pekerja yang terpaksa diberhentikan dan kehilangan pekerjaan serta membantu majikan agar mereka dapat mengekalkan kedaya tahanan perniagaan atau industri mereka daripada impak COVID-19. Inisiatif yang diperkenalkan adalah seperti berikut;

- (i) memperkenalkan *Employment Retention Program* (ERP) iaitu bantuan *immediate financial assistant*, dengan izin, sebanyak RM600 sebulan melalui majikan bagi setiap pekerja yang diminta bercuti tanpa gaji akibat penularan COVID-19. Sehingga 17 Julai 2020 sebanyak 37,906 permohonan majikan yang melibatkan sejumlah 340,275 orang pekerja telah diterima. Sebanyak 32,383 orang majikan dan 339,780 orang pekerja telah menerima manfaat menerusi ERP yang melibatkan bayaran sebanyak RM207.6 juta; dan
- (ii) memperkenalkan Program Subsidi Upah (PSU) untuk membantu majikan yang terkesan supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengekalkan pekerja yang hilang pekerjaan yang melibatkan pengagihan dana kerajaan berjumlah RM13.8 bilion.

Hari ini saya berasa agak lega dan gembira untuk melaporkan di Dewan yang mulia ini kerana hasil kerja keras pihak PERKESO sehingga 17 Julai 2020, di bawah Program Subsidi Upah bayaran sejumlah RM7.8 bilion telah berjaya menyelamatkan pekerjaan sejumlah 2.6 juta orang pekerja yang melibatkan sejumlah 314,423 orang majikan.

Manakala di bawah PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pakej rangsangan ekonomi telah berjaya menyelamatkan lebih sejumlah 2.5 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir sembilan juta orang rakyat serta memberi sokongan kepada lebih daripada 300 ribu buah syarikat.

Kepada Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kluang dan Yang Berhormat Alor Setar, Kementerian Sumber Manusia akan sentiasa memantau keadaan pasaran pekerjaan dan sebarang cadangan akan dibincangkan di bawah Jawatankuasa Pekerjaan Nasional bagi memastikan pekerja dan majikan akan terus dibantu dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tebrau telah membangkitkan isu mengenai Program Subsidi Upah yang tertunggak dan belum dibayar kepada majikan. Daripada segi pemantauan sehingga 17 Julai 2020, sebanyak 326,040 permohonan majikan telah diterima. Secara keseluruhannya sebanyak 314,420 iaitu 96 peratus permohonan majikan yang diterima dan telah diluluskan dan dibayar kepada majikan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Datuk Seri M. Saravanan: Manakala- biar saya habiskan dahulu Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey.

Datuk Seri M. Saravanan: Manakala, selebihnya melibatkan permohonan baharu dan dalam semakan menunggu maklum balas majikan dan dalam tindakan untuk bayaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 537 permohonan baharu yang sedang diproses dan sejumlah 848 permohonan sedang menunggu maklum balas daripada majikan. Kementerian melalui PERKESO sedang berusaha mempercepatkan proses bayaran apabila dokumen lengkap diterima. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, PERKESO telah berusaha melakukan yang terbaik walaupun berdepan dengan pelbagai kekangan.

Walau bagaimanapun, ia merupakan satu program cukup baharu. Kementerian Sumber Manusia sedar terdapat kelemahan dalam pelaksanaan Program Subsidi Upah terutamanya dalam penyalahgunaan oleh pihak majikan yang menerima subsidi ini. Kerajaan juga sedar betapa pentingnya penambahbaikan dalam mewujudkan mekanisme terbaik dalam pelaksanaan Program Subsidi Upah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, eksploitasi buruh kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu membanteras eksploitasi buruh kanak-kanak yang dibangunkan oleh Yang Berhormat Tebrau, Jabatan Tenaga Kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia telah menguatkuasakan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 dan (Pindaan) 2018 dengan berkesan.

Peruntukan di bawah Akta 350 telah menetapkan peraturan mengenai pekerjaan kanak-kanak dan orang muda tertakluk kepada syarat-syarat seperti umur, waktu bekerja, tempoh rehat dan sebagainya. Pemantauan secara berterusan juga oleh Jabatan Tenaga Kerja melalui pemeriksaan ke tempat pekerjaan dan menjalankan penyiasatan aduan yang diterima untuk memastikan pematuan Akta 350.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya data syarikat yang telah pun tutup semasa tempoh PKP.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan Yang Berhormat Subang mengenai data syarikat yang telah ditutup semasa tempoh PKP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac sehingga sekarang akibat pelaksanaan arahan pematuan prosedur pencegahan penularan COVID-19. Secara umumnya, terdapat rantai ekonomi yang terjejas dengan penularan wabak COVID-19 turut menjejaskan kitaran ekonomi negara dengan penutupan pelbagai operasi dan penutupan sepenuhnya syarikat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Yang Berhormat.

Datuk Seri M. Saravanan: Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia tiada ada maklumat spesifik syarikat-syarikat yang telah ditutup dalam tempoh PKP. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Pokok Sena?

Datuk Seri M. Saravanan: Saya tidak cukup masa Tuan Yang di-Pertua, ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak hendak bagi.

Datuk Seri M. Saravanan: Ya, biar habiskan. Saya belum sampai separuh lagi. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai rakyat Malaysia yang bekerja di *Singapore*. Tuan Yang di-Pertua, berhubung nasib 400 ribu orang rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura yang telah diberhentikan bekerja dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, pekerja-pekerja yang bekerja di luar negara adalah tertakluk kepada undang-undang perburuhan negara berkenaan.

Oleh yang demikian, pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura yang terlibat dengan pemberhentian perlu merujuk kepada *Ministry of Manpower* di *Singapore* untuk mendapatkan hak-hak pengajian yang berkaitan sekiranya diberhentikan. Walau bagaimanapun, sebagai Menteri Sumber Manusia, saya telah berhubung dan berbincang dengan *Minister of Manpower Singapore* mengenai nasib pekerja warga negara Malaysia yang bekerja di *Singapore* setakat ini. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya penyediaan, pangkalan dan pengumpulan data...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Sedikit Yang Berhormat, sedikit. Sambungan dalam perbahasan saya boleh? Itu satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh?

Datuk Seri M. Saravanan: Satu saja fasal wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Wah! Wah! Yang Berhormat Pokok Sena tidak boleh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tidak, tidak. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua saya ada bawaan ya. Kalau di Singapura ada rang undang-undang berkait dengan langkah sementara COVID-19, maka sebelumnya ada anggota Kabinet mengatakan akan diperkenalkan dalam sesi Julai rang undang-undang yang termasuk juga klausa *force majeure* supaya kontrak yang melibatkan pekerja itu mampu kita letak ke tepi sementara mengambil kira beban ekonomi. Saya hendak kepastian daripada KSM adakah akan dibawa rang undang-undang sedemikian? Mungkin KSM tahu. Disebut oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang ketika itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bro, Yang Berhormat, mesti adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: [Ketawa] Yang Berhormat. Tidak ada 'bro' dalam peraturan mesyuarat Yang Berhormat [Ketawa]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, okey, okey Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kalau Yang 'bro'-ada 'bro' kah? Peraturan mana Yang Berhormat ada 'bro'?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, okey. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak apa ya, maafkan dia.

Datuk Seri M. Saravanan: Soalan terakhir daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Salah okey. Silakan Yang Berhormat 'bro' Pokok Sena.

Datuk Seri M. Saravanan: Mantan Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, kita kawan punya. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi, Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa PERKESO telah pun mengeluarkan lebih daripada RM7 bilion untuk Program Subsidi Upah tetapi dalam masa yang sama, kenyataan Yang Berhormat Menteri sebelum ini seminggu atau dua minggu yang lalu, seramai 60 ribu lebih ataupun 65 ribu orang pekerja yang telah kehilangan pekerjaan.

Satu, saya hendak tahu jumlah angka yang terbaharu dan yang terkini jumlah mereka yang hilang pekerjaan. Seramai 65 ribu itu apa masalah mereka? Adakah kerana mereka tidak dapat Program Subsidi Upah- majikan itu tidak dapat Program Subsidi Upah ataupun majikan itu sendiri menutup terus operasi perniagaan mereka. Itu mohon penjelasan.

Datuk Seri M. Saravanan: Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh saya akan bincang dengan Yang Berhormat Menteri Undang-undang sama ada daripada segi menyelesaikan rang undang-undang itu.

Kedua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mengikut rekod PERKESO, seramai 60 ribu lebih pekerja telah kehilangan peluang-peluang pekerjaan yang melibatkan pelbagai masalah. Salah satunya, syarikat tidak beroperasi lagi dan kepelbagaian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya penyediaan pangkalan dan pengumpulan data mengenai cadangan Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Permatang Pauh, Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum berhubung saranan penyediaan pangkalan data dan pengumpulan data bagi pekerja ekonomi gig bagi pemantauan oleh kementerian ini.

Berkaitan kontrak pekerjaan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia juga mengambil maklum cadangan mengkaji perkara-perkara berkaitan kontrak pekerjaan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Alor Setar. Ingin saya menekankan di sini dengan tegas bahawa Kementerian Sumber Manusia amat komited dalam menjaga kebajikan kaum pekerja warganegara dan bukan warganegara melalui peruntukan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Ipoh Barat ingin mengetahui jumlah peserta yang dilatih oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan peruntukan yang terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Barat, berdasarkan statistik pada 1 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2020, jumlah bantuan kewangan yang diluluskan oleh PSMB berjumlah RM162.71 juta dengan bilangan tempat latihan yang diluluskan sebanyak 237,061 orang. Ini hanya melibatkan sumbangan daripada Levi majikan, bukan kewangan PSMB.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kalabakan meminta mewujudkan peluang pekerjaan yang baharu kepada penganggur supaya tidak mengambil pendekatan mudah dan bekerja sebagai penghantar makanan seperti *rider GrabFood* dan *Foodpanda* dengan izin. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kalabakan. Oleh yang demikian, seperti yang saya nyatakan sebentar tadi...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Kalabakan [Ketawa]

Datuk Seri M. Saravanan: Kalabakan, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah melancarkan inisiatif PENJANA HRDF yang menekankan kepada penempatan pekerjaan dan penjana pendapatan untuk rakyat Malaysia.

Satu daripada inisiatif tersebut adalah *place and train*. Menerusi inisiatif ini, seramai 40 ribu orang rakyat Malaysia akan mendapat manfaat daripada peruntukan sebanyak RM250 juta menerusi PENJANA. PSMB turut bekerjasama dengan para majikan yang dikenali sebagai *career partners* yang terdiri daripada syarikat-syarikat besar serta perusahaan kecil dengan menganjurkan sesi temu duga terbuka di Wisma HRDF yang telah bermula 15 Julai 2020.

Inisiatif ini diadakan secara mingguan dan telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada pihak majikan dan pencari kerja. Setakat 24 Julai 2020, sebanyak 17 buah syarikat telah menyertai sesi temu duga dan dengan menawarkan lebih 395 peluang pekerjaan yang memberi faedah kepada golongan pencari kerja.

Selain itu, untuk mewujudkan lebih banyak peluang penjaan, kerajaan memastikan inisiatif yang dilaksanakan tidak hanya terbatas kepada pekerja tetap sahaja tetapi juga turut meliputi sektor ekonomi *gig* yang memfokuskan kepada pekerjaan *freelancing*. Besar harapan saya dengan usaha yang kita laksanakan terutamanya apabila agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia kini giat turun padang mendekati rakyat bagi memastikan peluang pekerjaan dipenuhi oleh warga tempatan dan sekali gus mengelakkan kadar pengangguran meningkat akibat penularan wabak COVID-19.

Antara inisiatif tersebut ialah Program Siri Jelajah Karnival (Penjana Kerjaya) PERKESO yang dilancarkan di Tapah, Perak baru-baru ini. Program ini adalah kesinambungan usaha Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO dalam melaksanakan program ini untuk membantu rakyat mendapat peluang pekerjaan.

Untuk makluman semua, semenjak Penjana Kerjaya bermula pada 15 Jun 2020 sehingga 21 Julai 2020 seramai 6,758 orang majikan telah membuat pendaftaran bagi inisiatif pengambilan pekerja. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,959 orang majikan telah membuat pengambilan pekerja di mana 5,699 orang pekerja telah diambil bekerja menerusi inisiatif ini. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pengangguran.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, sedikit benda ini...

Datuk Seri M. Saravanan: Yang Berhormat, saya habiskan dan saya bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih kepada isu utama yang lain, biar saya menjawab dahulu pertanyaan Yang Berhormat Muar mengenai data pengangguran terkini, jabatan terkini- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa kadar pengangguran Malaysia telah meningkat kepada 5.3 peratus pada Mei 2020 berbanding dengan lima peratus daripada April 2020.

Untuk rekod, terdapat penurunan apabila bilangan penganggur pada Mei 2020 adalah lebih rendah berbanding peningkatan yang dicatatkan dari Mac ke April iaitu sebanyak 168,300 orang. Penurunan tersebut kemungkinan disebabkan oleh pelaksanaan pelbagai pakej rangsangan bagi mencapai sasaran tertentu di samping lebih banyak perniagaan yang dibenarkan beroperasi berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dalam bulan tersebut.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, ia satu bukti yang jelas menunjukkan bahawa kerajaan amat komited dalam menangani isu pengangguran dan peluang pekerjaan dan hak pekerjaan.

■1250

Bagi menjamin masa depan pekerja, pakej-pakej rangsangan ekonomi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dijangka akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dalam negara sekali gus berupaya serta mampu untuk mengekalkan pekerja dan pekerjaan. *Live and livelihood* Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada isu utama iaitu mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Seri M. Saravanan: Sedikit lagi- 10 minutes.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa sudah tamat. Yang Berhormat boleh bagi jawapan bertulis sebab hari ini kita ada lagi...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, boleh saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Lagi enam kementerian.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Merujuk kepada satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: ...Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri M. Saravanan: *Last chapter*. Dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak boleh bagi jawapan bertulis? Dua minit. Betul dua minit? Betul? Tidak hendak dua minit orang politik ya.

Datuk Seri M. Saravanan: Saya mengikut perintah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Boleh?

Datuk Seri M. Saravanan: Menurut perintah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Menurut perintah dua minit orang politik kah atau hendak bagi jawapan bertulis?

Datuk Seri M. Saravanan: Kerajaan Perikatan Nasional ikhlas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Jadi dua minit jawapan politik. Okey, silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, yang lain saya akan beri secara bertulis. Kita lihat hari ini negara menghadapi krisis kesihatan dan krisis ekonomi. Pendekatan Kerajaan Perikatan Nasional di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuktikan bahawa daripada segi tindakan, kita jauh berbeza daripada negara-negara lain dan kita telah membuktikannya daripada segi kedudukan kita sempat memerangi krisis ekonomi. Begitu juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Perikatan Nasional sedang mengambil langkah-langkah positif untuk memastikan kita sempat memerangi kelembapan ekonomi bukan hanya di... [*Rakaman kurang jelas*] ...Di seluruh negara.

Kementerian Sumber Manusia sebagai kementerian yang penting memainkan peranan-peranan penting untuk memastikan nasib warganegara Malaysia dibela secara keseluruhan. Saya bagi jaminan kepada Dewan yang mulia ini segala cadangan dan pandangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji secara mendalam dengan mengambil tindakan yang positif walaupun sebelum ini ada juga ada pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan sebelum ini, yang baik kita akan teruskan, yang kurang baik kita akan kaji semula dan menambahbaikkannya.

Dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menyertai dalam ucapan menjunjung kasih Tuanku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang ini saya menjemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 45 minit. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

12.52 tgh.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.

Pertama sekali saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah terutamanya kepada Yang Berhormat Pengerang kerana telah dilantik sebagai wanita pertama yang memegang jawatan Timbalan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat... [*Tepuk*] Pelantikan ini merupakan satu manifestasi kesungguhan kerajaan untuk memperkasakan peranan wanita di peringkat tertinggi dalam kerajaan. Seiring dengan hasrat Dasar Wanita Negara yang mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga berharap dengan pelantikan dan pengiktirafan ini akan mendorong semua pihak tidak kira sama ada di sektor awam mahupun swasta untuk melibatkan lebih ramai wanita sebagai pembuat keputusan kerana beberapa kajian juga mendapati ia menyumbang kepada tadbir urus organisasi yang lebih baik. Usaha-usaha begini wajar digalas bersama kerana ia merapatkan jurang gender antara lelaki dan wanita khususnya dalam aspek kepimpinan dan pembuat keputusan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Selain itu, saya juga ingin mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan, pertama, pasukan Talian Kasih yang bertugas 24 jam, tujuh hari seminggu menerima panggilan. Kedua, semua pegawai dan kakitangan Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Tiga, rakan agensi yang membantu pengagihan bakul makanan iaitu Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang bertungkus-lumus memastikan sebanyak 846,374 orang ketua isi rumah menerima bakul makanan yang diedarkan tanpa mengira cuaca buruk ataupun tidak, hujan ataupun panas ataupun jarak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi-agensi sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat terutama golongan yang terkesan semasa menjalani tempoh PKP dengan menyediakan pelbagai jenis bantuan. Selain daripada bakul makanan, inisiatif lain yang telah diperkenalkan semasa tempoh PKP juga antara lain iaitu mempercepatkan bayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan kewangan JKM yang sedia ada. Kedua, kita mempermudah permohonan bantuan kewangan melalui atas talian dan juga mengkaji semula bantuan secara automatik tanpa perlu menghantar borang kaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan sebanyak 19 pertanyaan, isu dan cadangan sepanjang sesi perbahasan kali ini. Izinkan saya untuk menjawab semua pertanyaan, isu dan juga cadangan mahupun pandangan tersebut berdasarkan Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Petaling Jaya atas keprihatinan terhadap sosioekonomi dan kebajikan rakyat khususnya selepas berlakunya insiden penularan wabak pandemik COVID-19 di Malaysia. Untuk makluman, pelaksanaan PKP telah memberi kesan yang mendalam daripada segi ekonomi dan juga sosial kepada rakyat kita. Pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan oleh kementerian dalam tempoh pemulihan ekonomi ini bagi meningkatkan ekonomi dan sosial serta kebajikan rakyat.

Antara inisiatif yang telah dijalankan dan masih diteruskan adalah seperti berikut. Pertama berasal daripada pengumuman PENJANA. Inisiatif pelan jana semula ekonomi negara, bantuan khas kepada pengusaha taska dan program bantuan tunai secara *one-off*, dengan izin, untuk kumpulan rentan khusus untuk ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu Di Rumah.

Bagi bantuan khas kepada pengusaha taska, sejumlah 1,785 permohonan telah disemak dan didapati lengkap adalah dengan nilai peruntukan sebanyak RM8.29 juta. Proses pembayaran kepada pengusaha taska yang telah diluluskan sedang dalam proses pembayaran.

Bagi program tunai untuk kumpulan rentan pula, berikut adalah merupakan perincian:

- (i) Ibu tunggal - sejak 19 Jun 2020 sehingga 31 Julai 2020 seramai 22,390 orang ibu tunggal telah menerima bantuan khas ibu tunggal yang melibatkan peruntukan sebanyak RM6.7 juta.
- (ii) Orang Kurang Upaya - sehingga 31 Julai 2020 sebanyak 185,713 orang penerima telah menerima manfaat dengan nilai peruntukan RM55.7 juta.
- (iii) Sukarelawan - sebanyak 1815 permohonan diterima sehingga 31 Julai 2020 dan kesemua permohonan telah diluluskan dengan nilai RM544,000.

Selain daripada itu, bantuan bakul makanan, bantuan tabung NADMA – COVID-19, agihan sebanyak 225,211 buah bakul makanan berjumlah RM25.2 juta telah diagihkan sehingga 31 Julai 2020. Peruntukan khas daripada Kementerian Kewangan bagi agihan 1,000 buah bakul makanan kepada B40 di setiap 222 kawasan Parlimen. Selain daripada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut menyelaraskan bantuan-bantuan daripada NGO yang berjumlah RM21 juta.

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa proaktif dan prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya yang melibatkan kumpulan sasar kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Permatang Pauh terhadap skop kerja kementerian ini khususnya di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kementerian menyambut baik cadangan Yang Berhormat tersebut dan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar selaras dengan perubahan sosial dan cabaran kehidupan masyarakat yang dinamik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang jam telah menunjukkan pukul satu tengah hari, saya menangguhkan mesyuarat sekarang dan akan bersambung semula jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Tuan Yang di-Pertua *mengira bilangan Ahli yang hadir*]

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, kira kuorum sekejap. Satu lagi?... Maaf, kita menunggu lagi seorang untuk cukupkan kuorum.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Tekan locenglah.

[Loceng dibunyikan]

[Lebih 26 orang Ahli hadir]

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum*, selamat tengah hari semua. Kita sambung penggulangan Menteri-menteri. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyambung penggulangan beliau dengan baki masa 37 minit 28 saat. Silakan.

2.35 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyambung kembali penggulangan perbahasan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyambut baik cadangan Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan juga Yang Berhormat Hulu Langat berkaitan kekurangan sumber manusia di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasaran selaras dengan perubahan sosial dan juga cabaran kehidupan masyarakat yang dinamik.

Bagi mendepani cabaran tersebut pelbagai inisiatif sedang dan telah diambil bagi memperkasakan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antaranya yang pertama, penstrukturan semula JKM melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat ibu pejabat, JKM negeri, pejabat kebajikan masyarakat daerah dan institusi di bawah pengurusan JKM, melibatkan fungsi beban tugas dan keperluan perjawatan. Cadangan penstrukturan semula JKM dijangka akan dikemukakan kepada JPA sebelum tamat tahun 2020.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengemukakan permohonan pemberian elaun khas kepada pegawai skim perkhidmatan yang terdiri daripada:

- (i) pembantu pembangunan masyarakat;
- (ii) penolong pegawai pembangunan masyarakat;
- (iii) pegawai pembangunan masyarakat; dan
- (iv) pegawai skim perubatan dan kesihatan, kader Kementerian Kesihatan.

Pegawai yang bertugas di pejabat JKM daerah bahagian jajahan dan institusi kebajikan diberi elaun khas setelah meneliti beban tugas serta peranan pegawai bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan teras seperti perlindungan, penjagaan, rawatan dan pemulihan kepada setiap kumpulan sasaran. Cadangan pemberian ini telah dikemukakan kepada JPA dan sesi naziran oleh Bahagian Saraan JPA ke institusi dan juga pejabat kebajikan masyarakat daerah di bawah JKM dijadualkan dalam bulan Ogos 2020.

Seterusnya, untuk mewujudkan pakar bidang khusus *subject-matter expert* (SME), dengan izin, sebagai pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Sedikit Yang Berhormat, sebelum pergi tajuk lain?

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih. Saya rujuk kepada peranan JKM. Yang Berhormat dalam perbahasan saya, saya bawakan juga masalah campur tangan politik kerana semasa tempoh PKP ada diperuntukkan bakul-bakul makanan diberikan kepada setiap kawasan Parlimen. Di Permatang Pauh lebih 1,000. *Alhamdulillah*, kita syukuri ternyata ramai yang jatuh di bawah kategori mudah miskin.

Akan tetapi, di pertengahan jalan sebelum saya meneruskan pemberian dengan kerjasama pegawai JKM telah datang surat daripada Yang Berhormat Nibong Tebal, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi bagi mengarahkan supaya bakul makanan tersebut diberikan menerusi wakil-wakil tertentu yang diputuskan oleh peringkat Kerajaan Persekutuan.

Saya mohon selepas ini, memandangkan ramai di luar sana memerlukan bantuan sebarang mungkin dan Ahli Parlimen, kami hendak teruskan kerja kami, kami bekerjasama dengan agensi sebelumnya, dengan JKM dengan baik.

Apa perancangan kementerian khususnya Yang Berhormat untuk memastikan punca kuasa berpusat dalam tangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan tidak ada lagi campur tangan politik yang akhirnya menggagalkan usaha untuk menghantar bakul-bakul makanan ini dalam tempoh masa yang diperlukan.

Saya mohon Yang Berhormat, saya boleh berikan surat tersebut. Saya tahu *it is- you know*, sudah terlewat tapi isunya memandangkan kita bercakap tentang usaha untuk memperkasakan lagi peranan JKM. Kita juga tidak mahu ada campur tangan politik. Mohon Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Terima kasih, Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Pertamanya, apabila kita menghadapi COVID-19, tiada siapa pun yang menduga. Ia bukan sahaja menyerang di Malaysia malahan di seluruh negara.

Pada ketika itu, apabila kita dapati ramai yang terjejas, maka di bawah kementerian saya, saya memohon kepada Kementerian Kewangan, *basis* permohonan itu adalah berdasarkan kepada Parlimen bukan kepada Ahli Parlimen. Ini yang banyak timbul kekeliruan kerana kita di Jabatan Kebajikan Masyarakat ini, kita cuma mempunyai 108 buah pejabat kebajikan masyarakat di setiap daerah.

■1440

Sedangkan sebagai contoh di Johor, kita cuma ada sejumlah 10 buah pejabat kebajikan daerah. Sedangkan kita ada ramai- mereka, rakyat yang terjejas. Oleh sebab itu, *basis* asas permohonan itu adalah berasaskan kepada beberapa jumlah Parlimen. Banyak kekeliruan yang ditimbulkan bahawa ia perlu diberikan kepada Ahli Parlimen dan sebagainya. Sedangkan ia diselaraskan oleh pejabat kebajikan masyarakat dengan kerjasama daripada pemimpin tempatan dan juga...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: ...Daripada NGO dan sebagainya. Terima kasih.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sedikit?

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ya.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin *me-respons* apa Yang Berhormat Permatang Pauh tadi sebutkan. Sebenarnya turut berlaku- kalau semangatnya atau rohnya itu untuk membantu setiap Parlimen, kita sebenarnya mungkin melihat- kita bersyukur kerana rakyat dalam Parlimen tersebut dibantu ya tetapi kita bercakap soal pelaksanaan.

Saya rasa di Kedah juga berlaku. Saya mungkin boleh dibantu oleh Ahli-ahli Parlimen yang lain kerana di kawasan juga- saya difahamkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia telah memanggil dan mengadakan satu pertemuan. Ini kerana, sehari sebelum itu, kita difahamkan benda itu akan diberikan pihak Parlimen.

Cumanya, apabila turun sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, selepas itu baru kita dapat *info* bahawa sumbangan sebanyak 1,000 *basket* makanan itu- bakul makanan, diberikan kepada ahli-ahli politik dalam Parlimen tersebut untuk menyerahkan. Akan tetapi, kami berlapang dada sahaja sebab yang paling penting adalah siapa yang memberi, menyampaikan, yang penting penerima yang layak. Jadi, sebab itu kita bangkitkan isu ini iaitu soal pelaksanaan. Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sedikit lagi...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Sedikit Yang Berhormat, saya hendak *recall* sedikit. Agak penting. Terima kasih, saya bukan apa, kerana separuh jalan bertukar tangan Yang Berhormat. Ini bukan agensi lain, saya rujuk kepada surat yang diberikan kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Saya faham sesetengahnya di bawah Kementerian Kewangan, ada banyak lagi kementerian lain mengawal selia pemberian bantuan, tetapi dalam hal ini kalau dahulu kerjasama agak jelas, senarai pun. Ini kerana, saya hendak pastikan kita tidak melakukan penyerahan sampai ada yang tertinggal. Itu sahaja.

Saya harap atas dasar itu tidak boleh ada kementerian lain yang mengganggu gugat tugas di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Lebih-lebih lagi apabila bercakap tentang JKM... [Tepuk]

So, saya faham agensi lain- saya pun tidak mempersoalkan, hanya saya pinta apabila bercakap tentang JKM, *we have been working so well with them, apolitically*. Saya harap tak hendaklah berlaku di mana pegawai merasa canggung, kekok hendak kerjasama dengan Ahli Parlimen di kawasan itu. Mohon ya Yang Berhormat...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya ingin...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit lagi Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ...Pengalaman saya di Kulai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, Padang Serai. Padang Serai.

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu Yang Berhormat Menteri beri laluan dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama sekali, saya hendak ucap terima kasih dan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana JKM dengan adil dan saksama telah mengagihkan bantuan di kawasan saya, di Perlis. Di Perlis bukan kawasan Permatang Pauh, di Perlis. Kita ucap terima kasih. Saya ingin bertanya- dan malah saya- masa itu kami terkejut kerana bantuan dapat diagihkan dengan cepat dan menyeluruh. Macam kawasan saya ada sebanyak 18 ribu buah rumah, 100 percent dapat, semua dapat. Ada orang yang ada duit tetapi tidak boleh beli barang. Jadi, saya ingin- kalau kerajaan PH memerintah, saya bimbang, saya mungkin tidak boleh buat apa yang dibuat oleh...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini fitnah ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ingin bertanya...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Fitnah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh, saya tidak ganggu kamu. Jangan ganggu saya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah usaha yang baik, yang dibuat oleh kementerian melalui JKM terutamanya akan diteruskan dengan hebatnya? Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri sedikit, Padang Serai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya Yang Berhormat Menteri, Kulai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai, Padang Serai Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Menteri, Kulai.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, terima kasih. Saya rasa saya perlu teruskan. Berkaitan bakul makanan ini, untuk makluman terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat dari Arau tadi dan Yang Berhormat Merbok.

Seperti yang kita sedia maklum, yang kita perlu bantu ini rakyat. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ada senarai- masih ada lagi yang memerlukan, saya minta untuk hantar senarai tersebut kepada pejabat kebajikan daerah masing-masing. Itu yang pertama.

Kedua, saya bersetuju juga tadi disebutkan supaya apabila kita buat semakan, kita tak hendak ada pertindihan *because* apabila diminta untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat ini menyelaraskan, bukan sahaja bantuan daripada kerajaan tetapi juga daripada NGO.

Maka, kami mempunyai senarai yang lengkap. Jadi, untuk kita penyelarasan supaya kita tidak mahu ada mereka yang berkecenderungan ini tercicir, okey. Jadi...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Kulai. Terima kasih. Saya setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa yang penting ialah rakyat dapat bantuan tersebut. Semasa tempoh PKP, rakyat tidak boleh tunggu. Mereka yang sudah tidak ada barang untuk masak, mereka tidak boleh tunggu lagi.

Oleh sebab itu, saya rasa aduan kita daripada pembangkang bakul makanan itu sudah sampai di kawasan kami. Senarai pun sudah ada dan pengagihan- sebelum campur tangan, kita memang bekerjasama secara rapat dengan JKM. Akan tetapi, secara tiba-tibanya di Permatang Pauh tarik *handbrake*, di Kulai tarik *handbrake*. Sama juga di Cheras. Sampailah mantan Menteri Besar Perak juga *complaint*, dia juga buat aduan di *Twitter* cakap bahawa barang sudah sampai di dewan tetapi tunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melantik penyelar.

Jadi, saya rasa ini kelewatan yang kita tidak boleh terima. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau- yang pentingnya ialah rakyat dapat bantuan tersebut, kenapa tidak boleh jalan secara terus dan perlulah tunggu sampai penyelar daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dilantik, barulah pengagihan bakul makanan itu boleh diteruskan? Berilah satu penjelasan kalau memanglah rakyat yang paling penting dalam isu ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Pertama, bantuan ... ini...

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, isu yang sama. Boleh saya tambah atau tidak?

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: ...tidak mencukupi untuk bagi kepada seluruh rakyat. Kita buat yang terbaik. Dalam keadaan begitu, dalam keadaan rakyat terjejas, maka yang kita bagi ini adalah sebahagian. Sebagai contoh tadi yang saya maklumkan pada awal pembukaan mukadimah tadi, kita sudah agihkan kepada seramai 846,000 orang ketua isi rumah... *[Tepuk]* Saya pasti ada juga yang mungkin tercicir ataupun terlepas pandang. Maka, di sinilah perlunya juga wakil-wakil rakyat kerana saya kira...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: ...wakil-wakil rakyat juga mempunyai bantuannya masing-masing untuk membantu rakyat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Seterusnya, antara lain tentang soalan yang...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, selalu bagi sama politik punya orang, itu yang jadi masalah.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Sebab yang ambil...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong, tolong, tolong. Kita ada *decorum* sedikitlah. Saya minta *decorum* sedikit, kalau Yang Berhormat Menteri tidak memberi laluan, kita jangan menyampuklah ya. Minta maaf, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Dalam kita untuk meningkatkan lagi perkhidmatan JKM, kita juga perlu meningkatkan profesionalisme perkhidmatan JKM menerusi praktis kerja sosial. Ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam menggubal Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial. Dalam hal ini, JKM memastikan praktis kerja sosial yang kompeten dapat diberikan dalam penyampaian perkhidmatan kebajikan sosial kepada kumpulan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Segambut turut membangkitkan berkenaan keperluan penambahan bilangan Pelindung Kanak-kanak. Kementerian menyedari bahawa tugas utama pelindung adalah berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001 bukan sahaja untuk menyelamatkan, melindungi, memulihkan dan mencegah penderaan atau pengabaian daripada berlaku. Malah, turut melaksanakan Pelan Kes Intervensi Penyeliaan Berterusan serta penilaian kes berteraskan kepentingan terbaik kepada kanak-kanak. Oleh yang demikian, kementerian telah mengangkat permohonan pertambahan bilangan Pelindung lantikan secara kontrak kepada JPA agar peningkatan keberkesanan khususnya dalam pengurusan kes perlindungan kanak-kanak dapat dicapai.

Untuk makluman Yang Berhormat, kes kanak-kanak tidak diketepikan sepanjang tempoh PKP dan JKM sentiasa memastikan kes kanak-kanak diberikan perhatian yang sewajarnya dan dapat dilindungi. Jika PKP dilaksanakan semula, perlindungan kepada kanak-kanak akan tetapi diutamakan kerana ia akan melibatkan proses yang panjang terutamanya dalam proses menyelamatkan, penempatan kanak-kanak dan juga pemantauan. Kementerian mengambil maklum dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan tersebut dan akan memastikan pengecualian diberikan kepada Pelindung dalam melaksanakan tugas tambahan sepanjang PKP. Seterusnya, Yang Berhormat Segambut juga ada...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, sini Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berkenaan dengan PKP, saya cuma ingin tanya, adakah kementerian ada satu *team* khas dengan izin, untuk memberi tumpuan kepada kes-kes melibatkan keganasan yang melibatkan kanak-kanak dan juga secara amnya melibatkan wanita?

■1450

Ini kerana kita lihat dalam surat khabar dan laman sosial, banyak juga kes melibatkan keganasan rumah tangga bukan sahaja melibatkan wanita, tetapi kanak-kanak telah berlaku semenjak pelaksanaan PKP.

Jadi, adakah cadangan untuk menubuhkan satu pasukan khas ataupun *hotline* untuk mangsa-mangsa membuat panggilan, meminta bantuan supaya pihak kementerian boleh menghubungi polis ataupun petugas-petugas JKM untuk respons kepada masalah-masalah ini sekiranya berlaku? Terima kasih.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Bila kita sebut tentang masalah isu keselamatan ini, dia tidak mengira sama ada waktu PKP ataupun tidak. Oleh sebab itu, dalam waktu PKP ini dan sepanjang masa, kita ada Talian Kasih yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Bukan itu sahaja, kita memahami dalam keadaan PKP itu, ada juga beberapa isu yang berkaitan dengan kemurungan yang juga kita telah buka kepada talian kaunseling, Tele-Kaunseling yang juga beroperasi selama 24 jam.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat juga, sepanjang dari tempoh Talian Kasih ini, dalam tempoh PKP ini, kami telah pun menerima sebanyak 62,299 panggilan di mana 59,359 ataupun 96.5 peratus adalah berkisar Bakul Makanan. Jadi, ini memang kita ada juga ya...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: ...Tim yang untuk bersama untuk memantau dan melihat serta menerima aduan ini.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sini Batu Kawan, sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengikut apa Yang Berhormat Menteri katakan tadi bahawa Talian Kasih- 15444 ya? Maaf, saya lupa.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Talian Kasih 15999. Jadi Yang Berhormat boleh beritahu kepada rakyat di Batu Kawan, nombor telefon Talian Kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ya, baik. Saya dah maklumkan. *Just* buat masa ini, fokus saya terhadap kenyataan Yang Berhormat Menteri buat bahawa tidak ada apa-apa masa atau tempoh bahawa Talian Kasih ini diberhentikan.

Akan tetapi, mungkin Yang Berhormat Menteri lupa bahawa untuk dua minggu, tiada apa-apa Talian Kasih yang telah dibuka pada masa tempoh PKP dan disebabkan itu, apabila mana-mana orang menelefon talian 15999 ini, ada dapat *recorded voice message* yang menyatakan semua talian akan *divert* kepada 999.

Pada masa itu, ramai daripada Ahli Parlimen di sebelah sini, ramai aktivis NGO dan juga masyarakat umum di sana telah pergi ke *social media*, telah *tagged* Yang Berhormat Menteri juga, telah *tagged* kementerian Yang Berhormat Menteri juga, telah *tagged* JKM juga untuk bertanya mengapa perkhidmatan Talian Kasih ini diberhentikan untuk dua minggu. Kalau kata betul ada kitaran keganasan rumah tangga yang meningkat dalam tempoh PKP, maka pada masa itulah keperluan untuk Talian Kasih dibuka, tetapi ditutup. Akan tetapi, selepas dapat hentaman yang teruk dalam media sosial, Yang Berhormat Menteri sendiri mengeluarkan kenyataan menyatakan, "*Oh, Talian Kasih sudah di reinstall*".

Saya ingin mendapatkan penjelasan, mengapakah perkara ini berlaku? Saya sendiri telefon. Saya pasti ramai Ahli Parlimen sini ada *call* untuk tengok betul atau tidak apabila orang buat laporan di *social media*. Saya mohon penjelasan dan juga jaminan perkara ini tidak akan berlaku lagi. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, maafkan saya. Oleh sebab itulah saya melontarkan soalan itu tadi kerana perkara ini telah pun menjadi perkara yang serius yang wajib diberi perhatian di mana selepas aduan dibuat dalam laman sosial dan kenyataan-kenyataan dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sini, barulah kita lihat bahawa perhatian diberikan dan talian ini dibuka semula.

So, Yang Berhormat Menteri, sekarang- Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penting. Yang Berhormat sekarang sudah beri jawapan sebagai seorang Menteri atas fakta yang tidak betul. *This is very important. This could be misleading the Dewan.* So, ini perkara yang saya- ini saya tak mahu bermain, kita tak mahu bermain politik. Ini isu kebajikan wanita dan kanak-kanak...

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, tidak ada. Kita tak main politik, kita hendak cakap perkara yang sebenar. Boleh saya jawab?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, silakan.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi, adakah betul talian itu telah ditutup?

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, terima kasih. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada sampai tutup dua minggu Talian Kasih. Saya tak ingat-sebab saya sendiri berada di kementerian ketika itu memastikan bahawa Talian Kasih ini dibuka dengan segera. Ini kerana pada hari pertama itu sahaja, kita ada buat penyelarasan bersama-sama dengan MKN untuk menggunakan satu *number* untuk segala urusan dalam waktu PKP di mana kita juga telah meminta supaya Talian Kasih ini terus dibuka. Saya rasa tak ada sampai dua minggu.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Rakaman suara menyatakan dua minggu, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Saya minta Yang Berhormat Batu Kawan untuk semak semula kenyataan tersebut. Terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Rakaman suara menyatakan dua minggu, 18 Mac hingga 31 Mac.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Dalam masa yang sama juga, kami menerima...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Rakaman...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kita benarkan Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan kerana persoalan telah dibangkitkan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Jadi kita telah pun- seperti yang saya maklumkan tadi, kenyataan itu tidak benar sampai dua minggu kerana kita telah pun memastikan bahawa Talian Kasih itu telah dibuka. Saya ada fakta-fakta- beberapa panggilan yang kita terima setiap hari.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Mengapa ditutup, mengapa ditutup, mengapakah ditutup?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa telah dijawab.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: No, Tuan Yang di-Pertua. Soalan itu belum dijawab lagi. Mengapakah ditutup, mengapakah diberhentikan?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat Menteri telah menjawab tadi mengatakan bahawa...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Mengapakah diberhentikan perkhidmatan dia?

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tidak. Ada benda yang tidak jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong dengar saya cakap sekejap, tolong. Saya rasa Yang Berhormat Menteri telah menjawab tadi. Terdapat percubaan untuk menyelaraskan kesatu *number* sahaja dan kemudiannya dibuka. Soalan itu telah dijawab. Yang Berhormat Menteri, tolong teruskan. Ada penambahan sedikit.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara tidak jelas.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, tidak jelas. Rakaman suara menyatakan 18 Mac hingga 31 Mac. Akan tetapi, ada...

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa...

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Ketika itu begitu ramai orang yang menelefon. Macam yang saya katakan tadi, 96 peratus berkisarkan tentang mereka yang terjejas. Jadi ketika itu kalau kita *compare*-kan panggilan-panggilan yang kita terima sebelum dan semasa PKP, jumlahnya begitu melonjak tinggi. Kita terima sebagai contoh pada bulan April, kita terima sampai 20,305 panggilan. Begitu juga untuk bulan Mac dan sebagainya...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Jika kita *compare* sebelumnya, hanya dalam sekitar dalam 4,000 panggilan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Setiawangsa belum sempat tanya lagi.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan penggulungan perbahasan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Masih tiada penjelasan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, maaf.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Sukacita dimaklumkan bahawa JKM salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak daripada semua aspek termasuk penyalahgunaan, penyesuaian, penderaan, diskriminasi, eksploitasi serta salah laku jenayah. Perkhidmatan bagi kanak-kanak ini diuruskan oleh Bahagian Kanak-kanak (BKK) di JKM.

Sistem penyampaian fungsi kanak-kanak sedia ada yang dilaksanakan oleh BKK JKM dicadangkan untuk dimantapkan dan distruktur semula bagi menyelaraskan semua fungsi yang dilaksanakan oleh jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan dengan kanak-kanak di Malaysia.

Cadangan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK) telah diterima melalui beberapa siri mesyuarat dan juga bengkel. Terdapat tiga fasa bagi cadangan penubuhan JPKK seperti berikut.

- (i) Fasa pertama – pengukuhan BKK JKM yang melibatkan pemusatan fungsi yang berkaitan dengan kanak-kanak secara dalaman JKM;
- (ii) Fasa kedua – penstrukturan semula BKK JKM yang melibatkan penggabungan beberapa bahagian lain bagi tujuan pemusatan fungsi dan pertambahan fungsi baharu berkaitan dengan kanak-kanak. Cadangan ini melibatkan naik taraf gred bagi Pengarah BKK; dan
- (iii) Fasa ketiga – penubuhan JPKK sebagai agensi baharu yang melibatkan pindaan akta-akta berkaitan bagi tujuan pemusatan fungsi berkaitan dengan kanak-kanak dari kementerian dan jabatan lain.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjelaskan- yang ini tentang Bantuan Khas Bakul Makanan yang banyak ditanya tadi yang telah pun saya jawab sebentar tadi.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, saya- Yang Berhormat Menteri, saya minta penjelasan mengenai Jabatan Pembangunan Kanak-kanak itu. Perbincangan telah dimulakan sebelum Kerajaan Perikatan Nasional masuk. Jadi, saya hendak tanya, cadangan-cadangan ini, bilakah ia akan diangkat dan menjadi satu realiti?

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Kita sedang bukan sahaja meneliti, tetapi cuba untuk menambah baikkan. Seperti laporan yang kita dapat, statistik jumlah kanak-kanak sekarang ini berjumlah 9.4 juta. Jumlah yang begitu ramai, 30 peratus daripada penduduk Malaysia. Jadi, sudah pasti apabila Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ini hendak diwujudkan, ia akan mengambil kira segala aspek berkaitan dengan kanak-kanak. Jadi, ini sedang diusahakan di peringkat kementerian dan, *insya-Allah*, sekiranya semuanya berjalan dengan baik, kita akan maklumkan kepada pihak JPA untuk penerusan daripada segi perjawatan dan sebagainya.

■1500

Okey, seterusnya tentang Bantuan Khas Bakul Makanan yang saya telah pun menjawab sebentar tadi. Selain daripada itu, adalah daripada Yang Berhormat Hulu Selangor yang menyuarakan pandangan supaya membantu usahawan ibu tunggal dan OKU terutamanya di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat...

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tadi saya ingatkan Yang Berhormat Menteri hendak jawab isu bakul makanan yang dibangkitkan oleh saya. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri kata sudah jawab, tapi saya hendak tanya penjelasan. Ini dalam perbahasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya mengenai bakul makanan ini. Memandangkan permintaan yang sangat tinggi untuk mendapatkan bantuan, saya lihat adalah lebih baik kalau PKP dilaksanakan semula lagi, kita kena dapatkan bantuan penyelarasan daripada semua Ahli Parlimen, tidak kira pembangkang ataupun kerajaan. Ini kerana di kawasan Parlimen masing-masing, kita tahu kawasan kita dan kita boleh bagi nama kerana rakyat cari kita untuk mendapatkan bantuan.

Keduanya, isu mengenai penyelarasan yang telah mendapat bakul makanan daripada JKM. Saya difahamkan walaupun *official*, jawapan rasmi tidak mengaku bahawa diberikan kepada penyelarasan politik di kawasan masing-masing, akan tetapi di dalam *Facebook* mereka, MCA Segambut, BERSATU Segambut, mereka paparkan gambar bakul makanan diterima oleh JKM. Jadi saya *tweet* Yang Berhormat Menteri, saya tidak dapat jawapan. Kemudian orang kata cari platform. Jadi saya cari platform. Saya tanya soalan ini dalam soalan Parlimen. Saya tanya berikan senarai penyelarasan yang telah mengedarkan bakul makanan. Masih tidak dapat jawapan.

Jadi saya lihat platform Parlimen tempat yang paling sesuai untuk kita mendapatkan jawapan. Kalau wang rakyat dibelanjakan, kita mesti mendapat jawapan kepada siapa bantuan ini telah disalurkan. Saya rasa kalau PKP dilaksanakan semula, tolong jangan berikan melalui parti politik. Kalau masih hendak menggunakan parti politik untuk mengagihkan bakul makanan, dapatkan bantuan daripada pembangkang juga. Kita ada banyak wakil politik di kawasan masing-masing yang boleh membantu, bukan sahaja BERSATU, MCA ataupun UMNO. Terima kasih.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan. Seperti yang saya maklumkan pada awal tadi bahawa apabila permohonan itu dibuat, ia diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah kerana mereka yang menerima banyak permohonan melalui Talian Kasih. Macam saya katakan tadi 96 peratus panggilan yang kita terima ini berkisarkan tentang bakul makanan.

Jadi, sudah pasti sebagai Menteri di mana JKM ini di bawah agensi saya, saya kena memikirkan bagaimana untuk menyalurkan bantuan ini melalui JKM. Ia juga melibatkan pemimpin tempatan. Pemimpin tempatan ini bukan sahaja Ahli Parlimen. Siapalah saya untuk minta peruntukan untuk Ahli Parlimen? Saya bukan ketua kepada semua Ahli Parlimen. Jadi, yang kita minta itu adalah berdasarkan kepada jumlah Parlimen... [*Dewan riuh*] Jadi saya berterima kasih kepada Yang Berhormat.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Yang Berhormat, kita Wakil Rakyat. Kita tahu jawapan ini jawapan rasmi. Akan tetapi *on the ground, reality*, Yang Berhormat Menteri, *on the ground*, pegawai JKM mendapat arahan daripada JKM pusat Putrajaya. JKM pusat Putrajaya mendapat arahan daripada Menteri. Kita tidak boleh sekarang salahkan pegawai JKM daerah yang kata.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri ada bagi arahan kah tidak? Kita hendak tahu adakah Menteri bagi... [*Berucap tanpa menggunakan pembesar*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bayan Baru, tolonglah. Kalau hendak mencelah tolong minta. Saya rasa Yang Berhormat, silakan.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Saya hendak ucap ribuan terima kasih atas cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Seperti yang saya maklumkan tadi kita telah edarkan sebanyak 846 ribu kepada mereka yang terjejas. Sekiranya Yang Berhormat ada lagi senarai mereka yang masih lagi terjejas dan memerlukan bantuan boleh hantar senarai itu kepada pejabat kebajikan masyarakat masing-masing. Terima kasih.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Hulu Selangor telah menyuarakan pandangan supaya membantu usahawan ibu tunggal dan OKU terutamanya di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM menyediakan bantuan kewangan berbentuk geran pelancaran berjumlah RM2,700 secara *One-Off*, dengan izin, kepada kumpulan sasar JKM yang terdiri daripada ibu tunggal dan OKU yang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan.

Selain daripada itu, JKM juga turut memperkenalkan program *2 Years Exit Programme* kepada penerima bantuan kewangan JKM yang masih produktif untuk menceburi bidang kemahiran dan keusahawanan. Program ini bertujuan untuk membantu penerima bantuan JKM terutama golongan ibu tunggal dan OKU untuk berdikari dan meningkatkan pendapatan, seterusnya dapat keluar daripada kemiskinan. *Program 2 Years Exit* ini juga menyediakan latihan dan kursus yang bersesuaian kepada penerima bantuan seperti latihan keusahawanan, bimbingan dan memberikan modal perniagaan secara percuma.

Dalam memastikan kelestarian projek dan peningkatan pendapatan peserta, JKM menetapkan hala tuju melalui bantuan dan juga kerjasama pihak NGO, swasta dan juga pelbagai agensi. Melalui kerjasama ini, kelompok peserta akan dibantu dengan intervensi yang berbeza mengikut keperluan mereka, sama ada daripada segi latihan, pembiayaan mikro kredit, khidmat sokong bantu dan sebagainya.

JKM turut menubuhkan Koperasi ProWell Berhad yang bertujuan sebagai platform kepada penerima bantuan yang aktif supaya terus berusaha dan mempertingkatkan pendapatan keluarga melalui bidang keusahawanan dan juga kemahiran.

Jabatan Pembangunan OKU juga melaksanakan program persiapan pekerjaan kepada mahasiswa OKU dan pelajar sekolah pendidikan khas untuk mendedahkan kepada mereka mengenai peluang-peluang keusahawanan sama ada secara maya ataupun nyata. Contohnya MDEC, *Malaysian Global Innovation and Creativity Center* (MaGIC) dan juga *Malaysian Technology Development Corporation*.

Di samping itu, jabatan ini juga turut bekerja sama dengan SME Corp dalam memberi tempat untuk pelaksanaan khusus bagi program Tunas Usahawan Belia Bumiputera OKU di DLPP Bangi sejak tahun 2018. OKU yang dipilih adalah dari *client* jabatan menerusi program geran pelancaran dan *2 Years Exit Programme* di bawah Bahagian Kebajikan Produktif JKM.

Selain daripada itu, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga sentiasa melaksanakan pelbagai program berkaitan pembangunan kapasiti dan salah satunya program Pusat Cakna Bangun Ekonomi ataupun nama singkatnya PACBE.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Menteri, minta laluan.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: PACBE yang dilaksanakan secara dalam talian dan juga konvensional menyasarkan golongan wanita daripada kumpulan B40 dengan matlamat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan tersebut, khususnya dalam bidang keusahawanan dan kewangan. Program PACBE bersifat pembangunan kapasiti dan tidak menyalurkan bantuan kewangan kepada peserta. Seramai hampir 100 ribu orang peserta wanita telah mengikuti program ini bagi tempoh Januari hingga Julai 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian kita juga bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain di mana sebagai contoh Kementerian Sumber Manusia juga menawarkan geran perniagaan sehingga maksimum RM100 ribu kepada usahawan OKU yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka di samping mengajukan OKU lain di bawah Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU.

Selain daripada itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga telah melancarkan Dasar Pembangunan Luar Bandar pada 27 Jun 2019 yang merupakan perancangan pembangunan luar bandar sehingga tahun 2030 dan pelan ini mengandungi 10- teras utama termasuk keusahawanan dan juga wanita.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan, Yang Berhormat Menteri, sedikit

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Saya tinggal masa tiga minit.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sedikit sahaja berkenaan OKU. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya mengapa banyak barang-barang keperluan asas di JKM ini masih tidak dapat, contohnya kerusi roda. Saya sudah minta selama satu bulan. *Stock* tidak ada, bagi jawapan macam itu. Oleh sebab kita perlukan benda-benda ini segera kepada orang yang perlu bantuan kerusi roda. Akan tetapi alasan, tidak ada *stock* sudah sebulan lebih. Bolehkan Menteri siapkan barang-barang. Ini keperluan rakyat. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya boleh bagi.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *You* bukan Menteri. Dia Menteri. Okey, Menteri jawab.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Saya tinggal dua minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

■1510

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, *just* sikit saja, sikit saja, 30 saat saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya berharap bagi pihak anak-anak berkeperluan khas ataupun OKU dan ibu bapa mereka, agar kementerian Yang Berhormat Menteri dapat membantu pihak KPM di dalam menjayakan *Zero Reject Policy* ataupun Dasar Penolakan Sifar untuk membawa seramai mungkin anak-anak OKU kembali ke sekolah dan masuk ke sekolah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Okey, terima kasih daripada Yang Berhormat "Bagan" Serai dan juga Yang Berhormat Simpang Renggam. Tentang aduan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat "Bagan" Serai...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, "Padang" Serai.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: *Sorry*, minta maaf, Yang Berhormat Padang Serai. Saya akan minta pihak JKM untuk membuat siasatan ya. Okey.

Kedua, tentang daripada Yang Berhormat Simpang Renggam tadi, kita memahami bahawa setiap manusia ini walaupun bagaimana keadaannya dan sebagainya, mereka perlu untuk mendapatkan pendidikan. Oleh sebab itu di bawah Kementerian Pembangunan Wanita ini, kita memang mengambil kira, memandang serius tentang isu pendidikan. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Segambut telah membangkitkan isu berkaitan kempen kesedaran mencegah pembuangan bayi. Untuk makluman, antara faktor utama berlakunya pembuangan bayi kehamilan yang tidak dirancang. Contohnya kehamilan luar nikah, lebih-lebih lagi yang melibatkan remaja. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan masalah krisis masyarakat seperti gejala sosial, isu pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga dapat dibendung melalui pelbagai saluran kempen kesedaran. Contohnya menggunakan media arus perdana seperti televisyen dan radio, media sosial serta bahan bercetak.

Kempen kesedaran terhadap isu pembuangan bayi tetap akan diteruskan dan dengan pelbagai kaedah melalui penayangan video pendek dan juga lain-lain media berkaitan untuk kesedaran ini. Kementerian akan menambah baik penerbitan bahan promosi bercetak seperti poster, *bunting*, dengan izin, sepanduk serta melaksanakan usaha sama dengan kementerian-kementerian lain dan juga bersama dengan NGO. Kita juga mengadakan usaha sama dengan Prasarana Malaysia melalui rangkaian pengangkutan awam dan fasiliti mereka bagi meningkatkan lagi kesedaran masyarakat terhadap isu pembuangan bayi.

Selain daripada itu, Kementerian Pembangunan Wanita juga terus mempromosikan Talian Kasih 15999 dan aplikasi *WhatsApp* Talian Kasih 019-2615999 melalui pelbagai saluran seperti di media arus perdana, papan iklan di lebuh raya utama dan di laman media sosial untuk mendapatkan maklumat atau maklum balas daripada masyarakat amnya.

Seterusnya, kementerian telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan merangka advokasi pencegahan serta menjalankan program-program kesedaran awam, khususnya kepada golongan remaja mengenai pendidikan reproduktif mereka. Dalam hal ini, kementerian berpendirian bahawa mencegah adalah lebih baik dari mengubati.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga terus komited untuk meneruskan usaha bagi menangani punca perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur 2020-2025. Pelan ini mengandungi pelbagai program dan tindakan yang akan dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi, untuk menangani enam faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca perkahwinan bawah umur. Program dan tindakan yang dirancang sepanjang tempoh lima tahun pelaksanaan pelan akan mencerminkan isu-isu yang merentas pelbagai sektor seperti perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan kesihatan dan juga kesedaran.

Bagi memastikan pelaksanaan pelan ini berjalan dengan lancar, maka satu Jawatankuasa PEMANDU yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha kementerian ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan pelan serta perkembangan program dan tindakan yang telah dirancang bagi setiap strategi di bawah faktor. Selain itu, jawatankuasa ini turut berfungsi sebagai platform untuk agensi pelaksana yang terlibat melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan. Jawatankuasa ini juga akan berkuat kuasa selama lima tahun sepanjang tempoh pelaksanaan pelan. Mesyuarat Jawatankuasa PEMANDU Bilangan 1 bagi tahun 2020 juga telah dirancang diadakan pada tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Segambut juga bertanya tentang isu keganasan rumah tangga semasa PKP. Satu sesi pertemuan telah diadakan bersama agensi kerajaan dan NGO seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia, JKM, syarikat telekomunikasi Maxis, *National Council of Women's Organizations Malaysia*, *Women's Aid Organization*, *AWAM*, *Asean Women Young Leaders* dan *Befrienders* pada 17 April 2020 bagi membincangkan isu data antara agensi serta peningkatan panggilan dan aduan berkaitan keganasan rumah tangga sepanjang tempoh awal PKP.

Susulan sesi pertemuan itu, kementerian ini telah mengambil beberapa tindakan dalam tempoh PKP seperti:

- (i) menyediakan material advokasi bagi meningkatkan kefahaman tentang tindakan, hak serta perkhidmatan dan perlindungan yang boleh diakses oleh mangsa keganasan rumah tangga;
- (ii) meningkatkan hebahan agar mangsa dan orang ramai melaporkan kes keganasan rumah tangga yang turut diuar-uarkan melalui sistem pesanan ringkas MKN; dan,

- (iii) membantu memastikan permohonan perlindungan melalui *Emergency Protection Order*, dengan izin, *Interim Protection Order* dan *Protection Order* boleh diakses oleh mangsa sepanjang tempoh PKP. Ini juga termasuklah mendapatkan kerjasama PDRM untuk memudahkan pergerakan mangsa semasa PKP untuk membuat laporan dan juga aduan.

Dengan mengambil kira semua isu pengendalian kes, penyelarasan data dan mekanisme pelaksanaan dalam tempoh PKP, Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang ditubuhkan pada November 2019, melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan NGO, telah bermesyuarat buat pertama kalinya pada 4 Jun 2020 bagi memperhalusi perkara-perkara tersebut, termasuk memperincikan isu penyelarasan data dan tindakan yang dilaksanakan oleh agensi berkaitan, dalam memastikan kes keganasan rumah tangga dikendalikan dengan lebih teratur, khususnya semasa PKP.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya berikan tiga minit lagi.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Kementerian juga akan mengadakan Bengkel Penyelarasan Data Keganasan Rumah Tangga antara agensi berkaitan dalam tempoh masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, maknanya soalan-soalan lain itu akan saya jawab secara bertulis. Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan serta cadangan ...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Penambahbaikan yang melibatkan kumpulan sasar di bawah kementerian ini. Kami menghargai segala cadangan dan teguran serta akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Rina binti Mohd Harun: Kerjasama dan sokongan yang ditujukan oleh semua Ahli Yang Berhormat terhadap beberapa inisiatif kementerian terutamanya dalam mengendali isu sumber manusia di JKM, masalah isu sosial, wanita, OKU, kanak-kanak dan keluarga, diharap dapat memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya. Kementerian juga akan teruskan usaha dan proaktif dalam mengendalikan semua situasi yang dihadapi. Semoga setiap niat dan tugas kita yang menjaga kumpulan sasar ini akan mendapat keberkatan dan balasan baik Allah SWT. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ingin mengambil satu lagi soalan?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, saya *just* hendak pastikan ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak ambil lagi satu soalan?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit saja.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Satu soalan juga daripada Yang Berhormat Sik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak benarkan lagi. Maaf.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Just* sekadar peringatan kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Maaf.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Takut Yang Berhormat Menteri tercicir isu ibu tunggal yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya, bukan ibu tunggal tetapi ibu tunggal. Ia sangat penting dan setakat ini belum lagi saya dengar ataupun apa usaha daripada kerajaan untuk mengenal pasti golongan ibu tunggal ini yang berstatus berkahwin tetapi suami telah tinggalkan mereka...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ataupun telah hilang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Jadi mereka ini golongan yang tidak mendapat bantuan daripada kerajaan semasa COVID. Jadi cadangan saya, pendaftaran untuk mengenal pasti ibu-ibu tunggal ini. Saya boleh terima jawapan bertulis.

Sekadar untuk maklumkan supaya Yang Berhormat Menteri tidak tercicir dalam jawapan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kini ingin menjemput, mempersilakan Menteri Pengajian Tinggi untuk menyampaikan penggulungan beliau. Silakan

■1520

3.20 ptg.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Yang di-Pertuan Agong dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengajian Tinggi.

Seramai 22 Ahli Parlimen dan sebanyak 35 isu telah dibangkitkan sepanjang perbahasan mulai 14 sehingga 29 Julai 2020 dan saya percaya semua isu yang dibangkitkan itu adalah didorong oleh keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memantapkan lagi bidang pendidikan tinggi negara. Saya akan memberi fokus untuk menjelaskan isu-isu dasar mengikut tema perkara-perkara spesifik dan operasi akan dirumuskan secara umum bagi menjimatkan masa. Walau bagaimanapun, semua isu yang dibangkitkan akan diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Dasar dan hala tuju KPT. KPT mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Simpang Renggam yang telah membangkitkan isu dasar dan hala tuju KPT, penyelarasan di antara KPM dan KPT seperti dasar OKU di IPT yang diterima masuk ke IPTA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dasar dan hala tuju pendidikan tinggi negara telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) untuk tempoh 10 tahun bermula tahun 2015 sehingga 2025. Pelan yang telah dibangunkan semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Yang Berhormat Menteri Pendidikan ini memberi penekanan kepada 10 lonjakan transformasi pendidikan tinggi negara iaitu:

- (i) graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang;
- (ii) kecemerlangan bakat;
- (iii) menghayati pembelajaran sepanjang hayat;
- (iv) graduan TVET yang berkualiti;
- (v) kemapanan kewangan;
- (vi) pemantapan tadbir urus;
- (vii) ekosistem inovasi;
- (viii) keunggulan global;
- (ix) pembelajaran dalam talian tahap global; dan
- (x) transformasi penyampaian pendidikan tinggi.

Dalam lima tahun lalu, pencapaian KPT mengikut lonjakan-lonjakan tersebut amat memberangsangkan. Ini termasuklah daripada segi pertambahan enrolmen pelajar dan peningkatan pengiktirafan global dalam pelbagai aspek seperti penerbitan, hasil penyelidikan, paten dan kualiti institusi serta kenaikan bilangan pelajar antarabangsa yang signifikan.

QS World University Rankings 2021 telah mencatatkan buat julung-julung kalinya lima buah universiti awam tempatan berada dalam kelompok 200 buah universiti terbaik dunia dan tiga buah universiti swasta yang berada di kelompok 500 buah universiti terbaik dunia. Universiti Malaya misalnya telah melonjak 11 anak tangga daripada kedudukan ke-70 pada tahun lepas ke kedudukan ke-59 pada tahun ini. Hakikatnya, pencapaian ini hasil daripada usaha gigih komuniti akademik di Malaysia, sumbangan sektor swasta dan pelaburan besar oleh pihak kerajaan sejak lebih daripada 10 tahun yang dahulu.

Dalam bidang TVET pula, sembilan buah politeknik menduduki 10 buah tempat teratas *ranking* institusi TVET di rantau Asia Pasifik oleh *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC). Antara aspek yang dinilai oleh APACC dalam penarafan ini termasuklah kolaborasi dengan industri, inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan dan kadar kebolehpasaran graduan. Ini menunjukkan bahawa pelan tersebut berjaya mengarusperdanakan bidang TVET di persada antarabangsa.

Namun begitu, kementerian menyedari bahawa usaha memperkasakan pendidikan tinggi negara perlu terus dilaksanakan agar mampu berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan semasa. Justeru, kementerian terus berusaha untuk menjajarkan PPPM (PT) dengan dasar dan hala tuju semasa kerajaan seperti Wawasan Kemakmuran Bersama dan Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Bidang pengajian tinggi juga harus responsif kepada impak yang dialami seperti daripada pandemik COVID-19. Salah satu bidang yang akan diberi keutamaan dalam hala tuju baharu kementerian pendigitalan pendidikan tinggi negara, penyediaan infrastruktur digital di IPT akan dipertingkatkan dalam meluaskan akses pendidikan, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta menyesuaikan pembelajaran mengikut keperluan pelajar. Di samping itu, kandungan digital ataupun e-kandungan akan ditambah baik serta penilaian alternatif yang bersesuaian dengan pembelajaran dalam talian juga diperkukuhkan.

Penyediaan ekosistem pembelajaran dalam talian secara global atau, dengan izin, *globalize online learning* memerlukan strategi yang menyeluruh serta mampan. Untuk itu, kementerian akan menumpukan kepada pemantapan kapasiti pensyarah, pengukuhan infrastruktur, peningkatan kompetensi pelajar dengan menggunakan aplikasi e-pembelajaran dan penyediaan infrastruktur siber yang mampan.

Tumpuan juga akan diberikan untuk membangunkan bakat dan potensi masa hadapan pelajar. Dalam usaha ini, kementerian akan menumpukan usaha menghasilkan graduan yang bukan hanya bermindakan pencari pekerjaan ataupun, dengan izin, *job seeker* sebaliknya menjadi pencipta pekerjaan ataupun *job creator* selepas ber-graduate. Pengukuhan integriti dan etika, daya tahan yang tinggi serta pembentukan ciri-ciri keusahawanan dan inovatif dan lestari akan terus menjadi agenda kementerian.

Selain itu, aliran pendidikan TVET turut diangkat sebagai aliran pendidikan pilihan utama pelajar. Usaha ini dilaksanakan melalui lima strategi pemerkasaan TVET iaitu:

- (i) pemantapan imej dan penjenamaan TVET;
- (ii) peningkatan kualiti kurikulum serta pengajaran dan pembelajaran;
- (iii) pengukuhan kolaborasi dengan pihak industri;
- (iv) pemantapan tadbir urus; dan
- (v) pelestarian sistem pembiayaan kepada graduan TVET.

Kesemua strategi ini dirangka untuk menghasilkan graduan TVET yang dapat memenuhi keperluan industri seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Saya hendak menjawab Yang Berhormat Simpang Renggam dahulu.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Selepas itu saya akan bagi laluan. Kementerian menghargai keprihatinan Yang Berhormat Simpang Renggam berkaitan cadangan mewujudkan satu Jawatankuasa Kerja Penyelarasan di antara KPM dengan KPT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mekanisme penyelarasan isu-isu di antara KPM dan KPT telah pun wujud melalui Mesyuarat Kluster Sosial yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan dan dianggotai oleh beberapa kementerian termasuk PKT. Platform ini akan digunakan secara optimum bagi menyelaraskan dan menyelesaikan isu-isu yang berbangkit antara kedua-dua buah kementerian.

Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga perkara saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Pertamanya tadi ada disebutkan tentang penerusan dasar sedia ada melalui *blueprint* Kementerian Pengajian Tinggi dan juga usaha untuk memperkenalkan pendigitalan. Cuma, soalan saya yang pertama, bagaimanakah pula dengan semangat yang telah dibawa untuk institut pendidikan tinggi kita iaitu universiti sebagai medan intelektual terbuka dan juga *university for society* yang telah diperkenalkan semenjak tahun 2018 dan telah memberikan banyak impak kepada masyarakat kepada universiti? Apakah akan diteruskan? Itu yang pertama.

Keduanya, tadi sebutkan tentang integriti. Dalam soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ada ditanyakan tentang bagaimana usaha KPT pada waktu ini berkaitan Akta 605.

■1530

Penambahbaikan bagi para akademik yang bukan hanya menjamin kebebasan mereka untuk bidang akademik, berkarya dan juga membuat pengkajian tetapi juga berkaitan dengan isu integriti, *plagiarism* dan juga isu *sexual harassment*, dengan izin, ataupun gangguan seksual.

Ketiga, saya ada menerima jawapan daripada KPT berkaitan dengan Jawatankuasa Penambahbaikan TVET yang mana jawapan daripada KPT saya terima sebentar tadi tidak mempunyai jawapan, begitu *vague*, dengan izin, ataupun ternganga begitu. Jadi, apa status Jawatankuasa Pemerkasaan TVET dan juga pelaksanaannya yang diketuai oleh Tan Sri Soh mewakili FMM.

Juga saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan jawatankuasa-jawatankuasa lain yang telah kita tubuhkan pada waktu yang lalu. Antaranya untuk menggabungkan antara AUKU dan juga 355 menjadikan satu akta yang lebih baik demi menjadikan institusi pendidikan kita ini bertaraf maju, antarabangsa, jawatankuasa integriti, jawatankuasa berkaitan *students union* dan lain-lain yang telah saya tanyakan sewaktu ucapan perbahasan tempoh hari. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Mengenai dasar-dasar, kita mengambil pendekatan bahawa apa yang baik kita sepatutnya teruskan. Beberapa buah dasar yang diperkenalkan semasa Yang Berhormat menjadi Menteri KPM juga ada diteruskan di dalam KPT.

Mengenai persoalan kedua kolaborasi saya hendak maklumkan bahawa kolaborasi bersama industri memang kita tekankan di dalam KPT sebab segala penyelidikan tidak akan terhasil kalau tidak ada kolaborasi bersama dengan industri.

Ketiga, 605 saya akan jawab kemudian sebab itu ada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam perbahasan. Jawatankuasa TVET pula sebab kita ada pengasingan kementerian. Ini bermaksud KPM pun ada TVET, KPT pun ada TVET tetapi nanti dalam jawapan saya, saya akan jawab secara terperinci.

Akan tetapi perbincangan itu sedang dibuat dan jawatankuasa Kabinet itu kita tengah meneliti untuk menubuhkan platform untuk menyelaras tadbir urus TVET yang lebih berkesan. Jadinya beberapa perkara lain nanti saya akan olah dan saya akan bahaskan di dalam...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan juga kalau boleh minta Yang Berhormat Menteri menyatakan usaha terkini KPT di dalam meningkatkan sitasi di kalangan para akademik kita. Ini kerana kita pernah usahakan dahulu untuk menggabungkan *technology big data* dan juga *artificial intelligence* demi meningkatkan sitasi para akademik kita. Apakah itu masih diteruskan juga? Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Seperti saya maklumkan tadi perkara yang baik kita akan teruskan Yang Berhormat. Saya tidak ada masalah untuk meneruskan segala dasar yang telah dimulakan semasa zaman Yang Berhormat jadi Menteri. Ada beberapa perkara yang saya hendak maklumkan bahawa beberapa perkara yang kita tengah jalankan sekarang penambahbaikan kepada apa juga jawatankuasa, dasar yang telah dimulakan semasa zaman Yang Berhormat.

Jadi saya teruskan jawapan saya. Mengenai Dasar Inklusif OKU di IPT sudah pasti ia akan diteruskan. Dasar ini penting bagi memastikan kemudahan dan sistem sokongan pendidikan yang berterusan dapat kita berikan kepada pelajar-pelajar OKU yang berjaya mendapat tempat di IPT. Sehingga 31 Disember 2019, jumlah keseluruhan pelajar OKU yang sedang mengikuti pengajian di universiti awam adalah seramai 672 orang.

Bagi memastikan keperluan mahasiswa OKU tidak terpinggir, satu sistem berasaskan web yang sedang dibangunkan dan dinamakan Projek Kerangka Kampus Inklusif meningkatkan kemasukan pelajar OKU ke universiti awam Malaysia ataupun *in short* MyU dan MyU-OKU sedang dibangunkan bertujuan untuk membantu universiti awam melaksanakan penilaian sendiri untuk menilai ketersediaan setiap universiti awam dalam mewujudkan kampus inklusif.

Ketersediaan universiti awam dinilai berasaskan instrumen untuk menerima kemasukan siswa OKU berteraskan tadbir urus, pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan sokongan dan *accessibility* dan ketersambungan persekitaran kampus. Dalam memastikan golongan OKU tidak terpinggir, universiti awam juga telah menyahut hasrat kementerian dengan menubuhkan Unit Perkhidmatan OKU yang berfungsi sebagai unit perkhidmatan dan sokongan khusus kepada pelajar dan kakitangan OKU di universiti berkenaan. Unit Perkhidmatan OKU ini melaporkan terus kepada naib-naib canselor di universiti masing-masing.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri sini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah, dahulunya kita telah wujudkan laluan khas untuk golongan OKU, untuk atlet sukan dan juga untuk pelajar-pelajar Orang Asli untuk masuk ke IPT.

Jadi saya hendak tahu untuk sesi baharu ini tahun 2020, berapa orang OKU yang dapat tawaran dan juga menerima tawaran itu melalui laluan khas. Bukan sahaja untuk golongan OKU tetapi juga untuk atlet sukan dan juga golongan Orang Asli. Saya minta maklumat ini daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: *Detail* maklumat itu saya akan minta pegawai siapkan dan saya akan maklumkan tetapi laluan khas itu tetap ada dan dalam waktu yang sama ia mempunyai minimum kredit dia hendak masuk ke universiti. Dasar-dasar itu tetap kita teruskan sebab kita tidak mahu ada sesiapa pun yang ketinggalan daripada mencapai pendidikan terutamanya pendidikan tinggi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Jelevu, Yang Berhormat Petaling Jaya telah membangkitkan berkenaan pembangunan graduan yang holistik dan seimbang merangkumi aspek keusahawanan dan peningkatan kemahiran serta kebolehpasaran graduan.

Kajian Pengesanan Graduan 2019 yang dilaksanakan oleh kementerian menunjukkan bahawa 189,543 orang graduan atau pun 63.5 peratus daripada 330,557 orang graduan tahun 2019 berjaya memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian mereka. Manakala 49,875 orang graduan atau 16.7 peratus sedang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Seramai 4,029 atau 1.3 peratus sedang mengikuti latihan untuk meningkatkan kemahiran. Seramai 13,943 atau 4.7 peratus telah menerima tawaran pekerjaan dan sedang menunggu penempatan. Manakala baki seramai 41,161 orang iaitu lebih kurang 13.8 peratus masih belum bekerja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dalam memastikan kebolehpasaran graduan ditingkatkan terutamanya pasca pandemik COVID-19, kementerian telah menggariskan empat strategi untuk dilaksanakan iaitu memantapkan pelaksanaan program, dengan izin, *reskilling* dan *upskilling*, memudahkan cara pelajar untuk melanjutkan pengajian, melaksanakan padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja dan meningkatkan pelaksanaan program-program keusahawanan.

Melalui pendekatan *reskilling* dan *upskilling*, graduan menguasai pengetahuan dan kemahiran tambahan selain daripada menerima pensijilan profesional untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran mereka. Bidang-bidang latihan yang diberi fokus adalah selari dengan bidang pekerjaan yang tinggi permintaannya. Seperti yang dilaporkan dalam 2020 *Emerging Jobs Report Malaysia*, seperti, dengan izin *eCommerce*, *robotic engineering*, *internet of things*, *artificial intelligence*, pengurusan dan kejuruteraan data.

Di samping itu latihan-latihan berkaitan *soft skill* seperti kepimpinan, komunikasi, keterampilan diri dan sebagainya turut dilaksanakan. Program-program ini dilaksanakan secara kolaborasi strategik dengan pelbagai agensi seperti HRDF di bawah Kementerian Sumber Manusia, MDEC, PUNB dan sebagainya.

Konsep latihan secara *place and train*, dengan izin, akan turut diberikan keutamaan di mana graduan akan ditempatkan di syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti untuk diberikan kemahiran sebelum diambil bekerja secara tetap.

■1540

Selain itu, bantuan kewangan juga ditawarkan kepada mereka yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Antara inisiatif tersebut adalah seperti *MyBrainSC*, Biasiswa Menteri Pengajian Tinggi dan bantuan kewangan pelajar OKU. Pihak kementerian juga telah mengemukakan cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan pelaksanaan Program *MyBrain15* atas kejayaannya ataupun *success stories MyBrain15* ini yang memberi penajaan kepada 56,910 orang pelajar.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah tersebut seramai 30,427 ataupun 53.5 peratus graduan telah berjaya menamatkan pengajian pasca siswazah. Manakala 26,483 orang pelajar masih lagi meneruskan pengajian. Dalam usaha mempelbagaikan lagi sumber pembiayaan kewangan kepada pelajar, kementerian turut bekerjasama dengan Yayasan Tenaga Nasional bagi menyediakan pembiayaan kewangan kepada pelajar yang berkelayakan melalui program *My Brighter Future*.

Untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan juga, kementerian turut melaksanakan proses padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja. Usaha ini dijayakan dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi portal *MyFutureJobs*. Di samping itu, kementerian turut menumpukan kepada usaha untuk menggalakkan pelajar terlibat dalam program keusahawanan.

Bagi tujuan tersebut Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 yang sedang dibangunkan akan menjadi dokumen rujukan utama pembangunan keusahawanan di IPT. Semakan terhadap kurikulum, program dan ekosistem keusahawanan secara keseluruhan di IPT turut dilaksanakan bagi memastikan impak program yang maksimum.

Yang Berhormat Kulai saya sudah ada maklumat Laluan Khas Kemasukan ke Universiti. OKU adalah seramai 186 orang, atlet sukan seramai 93 orang, Orang Asli seramai 273 orang dan B40 adalah seramai 37,811 orang. Ini maklumat yang saya dapat. Terima kasih.

Kementerian dengan kerjasama pihak TEKUN Nasional akan turut memperkenalkan sistem pembiayaan mikro kepada mahasiswa bagi membantu mereka mengembang dan meningkatkan perniagaan masing-masing. Pihak PUNB pula akan membiayai program-program keusahawanan berkonsepkan *mentor-mentee* untuk membolehkan bimbingan secara langsung daripada usahawan-usahawan yang telah berjaya.

Bagi memudahkan bakal graduan membangunkan kerjaya dan meningkatkan kebolehpasaran mereka, kementerian juga mengambil inisiatif membangunkan portal yang kita namakan *Graduates Reference Hub For Employment and Training* (GREAT). Ia satu sistem baharu yang sedang dibangunkan sekarang. Antara maklumat dan perkhidmatan yang bakal kita siapkan ataupun kita sediakan dalam portal sehati ini adalah seperti perkhidmatan padanan pekerjaan, permohonan untuk mengikuti program *reskilling* dan *upskilling*, permohonan kemudahan penajaan dan bantuan kewangan melanjutkan pengajian, perkhidmatan untuk mendapatkan kaunseling kerjaya dan *e-profiling*. Ia macam *one stop centre* juga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Krai telah menyentuh mengenai mekanisme pembayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Kerajaan telah melaksanakan penangguhan bayaran balik pinjaman kepada peminjam PTPTN selama enam bulan bermula 19 Mac sehingga 30 September 2020. Inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada 1.5 juta orang peminjam dengan jumlah bayaran balik yang ditangguhkan iaitu sebanyak RM750 juta.

Seperti yang kita sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Julai yang lalu telah mengumumkan pelanjutan tempoh moratorium pembayaran balik pinjaman industri bank selama tiga bulan lagi kepada peminjam-peminjam yang benar-benar memerlukan.

Sehubungan dengan itu, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan juga bersetuju untuk melanjutkan tempoh moratorium kepada peminjam PTPTN sehingga Disember 2020. Penangguhan ini akan melibatkan anggaran jumlah bayaran balik sebanyak RM375 juta. Ini bermakna jumlah keseluruhan anggaran penangguhan bayaran balik adalah sebanyak RM1.125 bilion.

Selain daripada itu, atas keprihatinan kerajaan bagi membantu meringankan bebanan bayaran balik peminjam, beberapa inisiatif juga telah diperkenalkan. Antaranya PTPTN bersama dengan PERKESO telah menganjurkan *Virtual Mini Job Hunt For PTPTN Borrowers* secara atas talian. Tujuan ia adalah untuk membantu peminjam mendapatkan peluang pekerjaan seterusnya berupaya membuat bayaran balik pinjaman mereka.

Keduanya pula, PTPTN juga membantu mengurangkan bebanan atau komitmen bayaran balik pinjaman dengan sentiasa terbuka untuk membuat rundingan bagi menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman sehingga umur 60 tahun dan menangguhkan bayaran balik pinjaman sehingga maksimum 24 bulan. Kerajaan yang bertanggungjawab serta prihatin akan sentiasa memastikan kebajikan serta permasalahan rakyat ditangani dengan sebaiknya. Pada masa yang sama perlu melindungi..

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Sumber yang ada agar sentiasa dalam keseimbangan dan kekal lestari. Yang Berhormat Muar.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya agak yakin bantuan itu akan banyak membantu meringankan beban anak-anak muda, khususnya mahasiswa kita. Cuma saya ingin minta penjelasan, beberapa minggu sebelum perubahan kerajaan melalui Gerakan Sheraton, Jemaah Menteri telah pun sebulat suara meluluskan skim PTPTN yang baharu di mana anak muda, khususnya daripada keluarga yang susah, yang baru tamatkan pengajian dan ada beban hutang PTPTN yang agak tinggi, hanya perlu membayar semula hutang PTPTN apabila gaji mereka mencecah RM4,000.

Skim pembayaran semula ini jelas akan membantu anak muda apabila mereka masuk ke dunia pekerjaan, mereka tidak akan dibebankan dengan hutang ini dan apabila mereka telah pun mencecah gaji yang mencukupi, apabila masa itulah mereka perlu membayar semula supaya akhirnya dapat membantu kerajaan secara keseluruhan.

Persoalan saya adakah kerajaan akan meneruskan skim ini kerana ia sepatutnya dibentangkan semasa bajet stimulus yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah Kerajaan Perikatan Nasional akan meneruskan skim PTPTN yang baharu, pembayaran semula apabila mencecah RM4,000? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Muar. Kita, kementerian mengambil kira situasi ekonomi dan kedudukan kewangan semasa. Kerajaan berpandangan bahawa pelaksanaan kaedah bayaran balik berdasarkan pendapatan ataupun, dengan izin, *income contingent repayment*. Ini ada jawapan juga yang telah kita berikan kepada Yang Berhormat Bangi. Belum selesai untuk dilaksanakan dengan mengambil kira jumlah bayaran balik berbanding jumlah pinjaman yang masih belum berbayar.

Walau bagaimanapun, seperti tadi dalam jawapan saya adalah berkaitan, maknanya kalau sekiranya peminjam tersebut dia tidak boleh membayar, dia boleh datang berunding bersama dengan PTPTN. Kaedah potongan gaji berjadual mengikut kadar ansuran bulanan sedia ada sebenarnya dikenal pasti satu kaedah yang lebih sesuai untuk dilaksanakan bagi memastikan proses kutipan bayaran PTPTN yang lebih mudah dan efisien.

■1550

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Muar, kerajaan akan sentiasa mengenal pasti pendekatan yang terbaik bagi bayaran balik pinjaman yang tidak membebaskan peminjam. Dalam waktu yang sama, kita tidak hendak bebaskan peminjam daripada segi *enforce* dia orang untuk bayaran balik *of certain amount* tetapi dalam waktu yang sama juga, kita akan menjaga juga kepentingan PTPTN. Jadinya, ia kena *balance*.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: [Bangun]

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Bangi dan Kulai. Dua orang.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Yang Berhormat Menteri, sebagai bekas Ahli Lembaga Pengarah PTPTN. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya dapat maklumat terkini berdasarkan pembayaran balik ini, saya memang mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas keprihatinan ini.

Akan tetapi pada masa yang sama juga, ada impak kewangan pada PTPTN. Bayaran balik satu tahun untuk PTPTN adalah lebih kurang RM2 bilion. Apabila bayaran ini ditunda, memang ada kesan daripada segi *borrowing* ataupun peminjaman. Jadi saya hendak tanya, apakah anggaran defisit yang akan dialami oleh PTPTN pada tahun 2020 akibat daripada rancangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan Pusat ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Bangi. Saya tidak ada maklumat sebab ia berkaitan dengan data dan fakta. Saya akan bagikan maklumat tersebut secara bertulis kepada Yang Berhormat Bangi.

Tuan Yang di-Pertua, pemerkasaan TVET dalam menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Betong, Yang Berhormat Petaling Jaya, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, Yang Berhormat Beaufort dan Yang Berhormat Cameron Highlands telah menyentuh mengenai usaha pemerkasaan dan mengarusperdanakan TVET bagi menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini, terdapat tujuh kementerian utama yang menawarkan program TVET di negara ini iaitu:

- (i) Kementerian Pengajian Tinggi;
- (ii) Kementerian Pendidikan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan;
- (iii) Kementerian Sumber Manusia;
- (iv) Kementerian Belia dan Sukan;
- (v) Kementerian Kerja Raya;
- (vi) Kementerian Pembangunan Luar Bandar; dan
- (vii) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Selain itu, terdapat juga beberapa kementerian lain yang turut menawarkan program TVET iaitu:

- (i) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya;
- (ii) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
- (iii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iv) Kementerian Dalam Negeri;
- (v) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dan
- (vi) Kementerian Pertahanan.

Keseluruhan institusi TVET negara adalah berjumlah 1,219 buah yang terdiri daripada 569 buah institusi TVET awam, 636 buah institusi TVET swasta dan 12 buah institusi TVET negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, trend kebolehpasaran bagi graduan politeknik dan kolej komuniti menunjukkan pencapaian melebihi 95 peratus bagi tempoh tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2017. Ini menunjukkan graduan TVET mempunyai daya saing yang tinggi dalam pasaran pekerjaan. Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa memastikan kualiti pelajar lepasan TVET menjangkau tahap standard yang ditetapkan.

Program-program pengajian yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti telah mendapat akreditasi daripada badan akreditasi seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan akreditasi dan profesional yang lain seperti Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC) di bawah Lembaga Jurutera Malaysia, *Malaysian Board of Technology* (MBOT), Lembaga Jurukur Tanah, Lembaga Arkitek Malaysia, *International Maritime Organization*, *Asia Pacific Accreditation dan Certification Commission* (APACC) dan sebagainya.

Agensi-agensi ini telah menetapkan standard piawaian akreditasi bagi program dan institusi TVET yang perlu dicapai dalam memastikan kualiti graduan yang dihasilkan berada pada tahap yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, penerapan nilai dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar aliran TVET dilaksanakan melalui penawaran kursus-kursus keusahawanan terutamanya keusahawanan digital. Melalui kursus keusahawanan ini, pelajar didedahkan dengan teknik pemasaran produk menerusi web dan *social media* selain kemahiran-kemahiran asas keusahawanan.

Di samping itu, pelajar juga didedahkan kepada amalan keusahawanan melalui aktiviti kokurikulum dengan menyertai Kelab Keusahawanan bagi melatih dan mengasah bakat mereka untuk berniaga. Pelajar turut digalakkan untuk menyertai pelbagai pertandingan dan program keusahawanan yang dianjurkan oleh agensi-agensi keusahawanan seperti MDEC, FAMA, SME Bank, CIMB Bank, MTDC, MiDEC dan pihak-pihak industri untuk memberi pendedahan kepada amalan perniagaan dan ilmu keusahawanan digital kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan dakwaan isu perkauman di Universiti Teknologi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh sedikit fasal TVET?

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita dimaklumkan bahawa rakyat dan pelajar lepasan SPM seramai 389,498 orang tahun 2019 ini, hanya 40 ke-43 peratus yang memasuki pengajian tinggi dan kemahiran tinggi. Bererti ada lebih 200 ribu orang lagi pelajar lepasan SPM yang sepatutnya boleh memasuki TVET.

Adakah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi 1,219 buah institusi TVET itu sudah mencapai kapasiti penuh atau kita boleh memasukkan lagi 200 ribu orang pelajar yang mungkin tercicir tidak masuk TVET ini? Kapasitinya bagaimana? Penuh ataupun tidak? Atau perlu ditambah lagi Institusi TVET di seluruh negara? Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Kebolehpasaran di institusi TVET ini adalah lebih kurang 80 peratus, Yang Berhormat Pontian, dan masih ada lagi kekosongan di mana itulah kita fokuskan mengenai penjenamaan semula TVET ini supaya ia tidak dilihat sebagai pilihan kedua. Proses itu masih lagi berjalan, masih lagi berlangsung dan *engagement* itu kita telah laksanakan dan sedang kita laksanakan juga, Yang Berhormat Pontian. Jadi, tidak ada masalah kalau sekiranya ada kekosongan di politeknik atau kolej komuniti, bermaksud pelajar-pelajar yang ingin memohon boleh memohon ke institusi TVET berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dakwaan isu perkauman di Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing (LUCT) yang telah dibangkitkan sekali lagi oleh Yang Berhormat Bangi, kementerian sentiasa memberi perhatian terhadap aduan yang telah diterima. Lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan kepentingan dan kebajikan pelajar terutamanya pelajar antarabangsa.

Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan surat tunjuk sebab untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak LUCT. Walaupun pihak LUCT telah membuat permohonan maaf, namun pihak kementerian masih meneruskan siasatan bagi mendapatkan maklumat yang lengkap sebelum keputusan lanjut dilaksanakan.

Kementerian tidak akan berkompromi dalam isu yang melibatkan perkauman, Yang Berhormat. Seksyen 89(1), Akta 555 juga jelas menyatakan bahawa keanggotaan IPTS hendaklah dibuka kepada semua orang tanpa mengira jantina, ras atau agama atau kelas. Pihak kementerian boleh mengenakan tindakan yang tegas ke atas mana-mana pihak termasuk pengurusan IPTS yang didapati bersalah dalam isu bersifat perkauman dan seumpamanya. Semua IPTS yang berdaftar di bawah Akta 555 perlu memberi fokus kepada penawaran program pengajian yang berkualiti.

■1600

IPTS juga memainkan peranan dalam membantu negara mempromosikan pendidikan tinggi swasta dengan menonjolkan *branding* dan imej negara yang dihormati di peringkat antarabangsa.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam ucapan saya dalam perbahasan saya, saya juga telah membangkitkan bukan sahaja isu *racism* di universiti tersebut tetapi juga ada beberapa *websites* dan juga *Twitter account* yang telah dedahkan perkara seperti *recruitment of admin staffs* untuk menjadi *lecturer* dan sebagainya.

Jadi, sekarang juga ada satu *podcast* yang telah dikeluarkan oleh salah seorang bekas *lecturer* ataupun bekas *employee* di LUCT ini. Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar tentang aduan dan juga tuduhan bukan saja tentang *racism* ini tetapi juga ada banyak aduan lagi yang ditujukan kepada universiti tersebut. Apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian termasuk menghantar MQA untuk membuat siasatan yang terperinci terhadap universiti ini?

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Saya maklum mengenai tuduhan-tuduhan Yang Berhormat Bangi sebutkan tadi. Seperti yang saya maklumkan tadi bahawa kementerian masih lagi meneruskan siasatan dan keputusan itu belum kita dapat lagi. Kita belum dapat apa-apa keputusan mengenai segala siasatan. Akan tetapi, Yang Berhormat jangan risau sebab siasatan itu akan dibuat secara *transparent* dan adil. *Insyallah*, kita akan cuba menyelesaikan apa juga masalah di IPTS terutamanya di LUCT seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Johor Baru, Yang Berhormat Bangi, Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Bayan Baru yang telah menyentuh mengenai proses pengajaran dan pembelajaran serta akreditasi terhadap program dan kursus akademi.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Baru berhubung penyediaan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran pelajar, saya ingin menegaskan bahawa kementerian amat komited dan menitikberatkan keperluan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di IPT. PdP telah diteruskan secara atas talian seawal bulan April 2020. PdP dalam talian ini dilaksanakan melalui pelbagai aplikasi seperti Microsoft Team, Meet, Zoom, WebEx dan sebagainya.

Selain itu, pensyarah turut menyediakan bahan pembelajaran yang boleh diakses oleh pelajar melalui beberapa buah platform dan kaedah seperti *Massive Open Online Courses*, *learning management system*, *YouTube* dan sebagainya. UA juga telah mengoptimalkan penggunaan kaedah *Open Distance Learning* sendiri untuk berkongsi bahan pengajaran serta menjalankan PdP atas talian. Inisiatif untuk menghantar bahan pengajaran secara pos juga dilaksanakan oleh universiti awam bagi memudahkan pelajar di luar bandar dan menghadapi masalah capaian internet, turut dilaksanakan oleh universiti awam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit lagi, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Di samping itu, kementerian dan universiti awam dengan kerjasama pihak komunikasi di negara ini telah mengambil langkah awal dengan menawarkan pakej internet mampu milik kepada pelajar dan kakitangan di universiti awam. Antara universiti yang terlibat adalah Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia Melaka dan Universiti Malaya yang telah menerima pakej khas data jalur lebar untuk membantu kelangsungan PdP di universiti masing-masing.

Berhubung dengan persoalan mengenai penganjuran kursus dalam talian secara percuma yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Saya ingin memaklumkan bahawa pelajar yang ingin mengambil kursus dalam talian yang ditawarkan melalui pelantar MOOC adalah tidak dikenakan bayaran kecuali bagi tujuan mendapatkan penganugerahan Sijil Kursus Malaysia MOOC juga boleh diberikan kredit. Perkara ini telah dijelaskan dalam Garis Panduan Pindah Kredit MOOC yang dikeluarkan oleh agensi kelayakan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat sudah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Terdapat- saya habis...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Boleh? Ringkas saja Yang Berhormat Menteri. Lembah Pantai. Ringkas.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Tidak apalah Yang Berhormat Lembah Pantai...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saja jumpa, saya jumpa nanti. Saya jumpa nanti.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Sebab Tuan Yang di-Pertua sudah mengadap sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta gulung Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Terdapat juga universiti awam yang menyediakan kemudahan...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: UM, UM, UM.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: ...pemindahan, pemindahan kredit MOOC di antara universiti awam bagi kursus yang telah diambil melalui pelantar MOOC. Sebagai contoh, Universiti Teknologi Malaysia membenarkan pelajar memilih pembelajaran dari mana-mana pelantar MOOC yang diiktiraf oleh UTM bagi tujuan pemindahan kredit MOOC seperti ADeC dan Coursera.

Berikutan isu akreditasi di IPTS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bangi. MQA merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan jaminan kualiti bagi semua program yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS. Dasar semasa menetapkan bahawa, setiap permohonan penawaran program oleh IPTS perlu melalui penilaian akreditasi oleh MQA sebelum disyorkan untuk kelulusan pengendalian program oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Yang lain-lain saya akan jawab secara bertulis...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Secara bertulis.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: ...Tuan Yang di-Pertua, bagi menjimatkan waktu. Ada beberapa perkara lagi yang tidak dapat saya sentuh tetapi saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih banyak kepada semua Yang Berhormat dan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan untuk menjawab semua perbincangan dalam tempoh masa 45 minit.

4.07 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mewakili MAFI yang diamanahkan untuk menjamin bekalan makanan negara supaya sentiasa mencukupi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seramai 26 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara berkaitan kementerian ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu berkenaan sektor padi dan beras diikuti sektor pertanian dan nelayan dan tidak kurang juga menyentuh berkenaan isu berkaitan agromakanan yang bersifat setempat terutama pada kawan Parlimen masing-masing. Bagi menjawab isu-isu sebagaimana yang dibangkitkan, suka saya mengkategorikan isu-isu tersebut seperti berikut:

- (i) isu berkaitan dasar dan perancangan MAFI. Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Batang Lepar, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan isu Dasar Agromakanan Negara dan sekuriti makanan;
- (ii) kebergantungan kepada import makanan dan angka sebenar *import bill*;

- (iii) adaptasi IR4.0, *Internet of Things* dan SDG dalam industri pertanian;
- (iv) usaha sama MAFI dan MEDAC;
- (v) menarik minat anak muda dalam sektor agromakanan;
- (vi) kebergantungan industri pertanian kepada pekerja asing; dan
- (vii) cadangan perluasan tanah pertanian tanaman agromakanan.

Isu Dasar Agromakanan Negara dan sekuriti makanan, IR4.0, IoT dan SDG. Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Batang Lupa, Yang Berhormat Betong dan Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan isu berkenaan Dasar Agromakanan Negara, sekuriti makanan serta aplikasi IR4.0, IoT dan SDG dalam pertanian yang mengaitkannya dengan perancangan semasa kementerian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SDG merupakan asas yang amat digunakan dalam penggubalan Dasar Agromakanan 2.0 yang sedang dalam proses kajian. Matlamat yang berkaitan dengan SDG juga akan dijadikan *guiding principles* dalam penyediaan dasar tersebut supaya pembangunan sektor pertanian dan makanan akan dilihat daripada perspektif yang lebih holistik merangkumi aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar selaras dengan konsep pembangunan mampan- *sustainable development*.

MAFI juga giat menjalankan pengintegrasian teknologi pertanian moden seperti penggunaan robot, agrobotik, penderiaan pertanian tepat, penggunaan dron, penggunaan data pertanian, aplikasi berasaskan internet dan model kilang tanaman

■1610

Bagi tujuan ini, pemberian bantuan berbentuk insentif yang bersesuaian kepada para petani seperti Skim Pembiayaan Mekanisasi dan Automasi dengan dana berjumlah RM5.79 juta di bawah Agrobank bagi perolehan peralatan dan sistem mekanisasi dan automasi seperti jentera dan traktor turut disediakan sebagai satu bentuk galakan.

Isu kebergantungan kepada pekerja asing dan tarikan minat anak muda dalam industri pertanian. Yang Berhormat Jelebu membangkitkan isu kebergantungan industri pertanian kepada pekerja asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi sektor pertanian hanyalah 140,000 orang atau 7.30 peratus berbanding lebih dua juta orang pemegang PLKS yang merupakan pekerja asing berdaftar di negara kita. Jumlah ini secara relatifnya adalah kecil berbanding dengan sektor-sektor yang lain.

Walau bagaimanapun, usaha untuk mengurangkan lagi nisbah pekerja asing kepada pekerja tempatan dalam sektor pertanian tetap diteruskan dari waktu sebelum bermulanya pandemik COVID-19 lagi. Antaranya dengan menggalakkan golongan muda menyertai bidang pertanian seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan di bawah program Agropreneur Muda, menggiatkan usaha mempromosi pengaplikasian teknologi tinggi, penggunaan automasi dan mekanisasi serta mewujudkan modul latihan yang bersesuaian, selaras dengan keperluan sektor pertanian bagi menggantikan penggunaan tenaga pekerja asing.

Isu kebergantungan kepada import makanan, import bil, peluasan tanah pertanian. Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri sekejap. Tentang PLKS.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi pencerahan tentang isu kebergantungan pekerja asing. Kita setuju bahawa perlu dikurangkan pekerja-pekerja asing. Akan tetapi pada hakikatnya, terutamanya kita tahu bahawa selepas berlakunya COVID-19, ramai pekerja dihantar balik ke negara masing-masing termasuk juga nelayan, yang awak-awak dihantar balik. Mereka sekarang tidak dapat kembali ke Malaysia.

Maka dalam industri perikanan menghadapi masalah yang sangat serius iaitu kekurangan pekerja untuk bekerja di atas kapal-kapal dan juga pekebun-pekebun sayur di mana automasi dan sebagainya, ia ada *limit*-nya. Ia tidak dapat- *it's still a very labour intensive sector*. Maka mereka memohon supaya Yang Berhormat Menteri untuk *look into the matter*, untuk menyelesaikan masalah pekerja-pekerja asing di sektor pertanian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, isu ini telah pun diangkat ke pengetahuan pihak MKN dan SOP yang berkenaan sedang diambil tindakan. Apa pun pendekatan yang diambil oleh kerajaan adalah bergantung juga kepada SOP yang dikeluarkan oleh negara asal nelayan-nelayan ini. Jadi ia sedang ditangani di peringkat Majlis Keselamatan Negara.

Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan mengenai kebergantungan negara kepada import makanan. Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan item makanan seperti ayam, ikan dan sayuran dalam mencapai tahap sara diri hampir 100 peratus. Sebenarnya, Malaysia hanya mengimport beberapa item makanan seperti sediaan daging, cili, kubis serta beberapa item sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana yang tidak *economical* untuk ditanam di negara kita bagi kegunaan domestik.

Negara juga terpaksa mengimport beberapa item seperti gandum, keratan ayam dan kelapa untuk kegunaan pihak industri makanan bagi hasil produk berasaskan agromakanan. Ada di antara hasil produk ini yang akan dieksport kembali dan seterusnya mengurangkan jurang imbalance dagangan negara. Sehubungan dengan itu, persepsi bahawa negara terlalu bergantung kepada import makanan adalah tidak tepat.

Bagi menjawab pertanyaan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Menteri, sini Hulu Selangor.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, Yang Berhormat Hulu Selangor.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih jawapan yang diberikan. Apakah perancangan Kementerian untuk kita memodenkan sektor pertanian dan juga yang penting kita untuk memastikan keselamatan makanan yang diimport? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Hulu Selangor.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Secara terperinci, dasar ataupun pendekatan kerajaan, Kementerian dalam sektor makanan telah diolah dan akan diolah oleh dasar agro makanan dan juga dasar agromakanan luar. Tentu sekali penumpuan kepada automasi, mekanisasi seperti yang saya katakan tadi penggunaan dron, *precision farming* merupakan pendekatan-pendekatan yang diharapkan akan meningkatkan pengeluaran hasil makanan negara dan seterusnya akan bertindak sebagai memastikan bahawa sekuriti makanan negara terus terjamin.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri sedikit ya, tentang kebergantungan kepada import makanan. Kita tahu bahawa umumnya kita mengimport RM50 bilion makanan agro *food* dari luar negeri. Pada masa yang sama kita pun eksport juga *processed food* RM30 billion. So, *balance of trade is about RM20 billion*.

Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang satu statistik yang terbaru daripada *Audit Report 2018* Siri Ketiga di mana kita tahu bahawa mengikut rekod MAQIS, sebenarnya import kita dari luar negara melalui MAQIS sebenarnya lebih kurang RM170 bilion satu tahun. Jadi, ia ada *discrepancy between* rekod MAQIS dengan Jabatan Statistik. Jadi, adalah perlu untuk kita tahu sebenarnya kita hendak tanya Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian, apakah statistik sebenarnya kerana adanya rekod MAQIS itu yang tepat tetapi Jabatan Statistik itu kita tidak pasti statistiknya itu datang dari mana ya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, isu ini telah pun dibahaskan Yang Berhormat. Jawapan kepada pertanyaan itu adalah terdapat perbezaan antara data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan data yang dikeluarkan oleh MAQIS. Saya dimaklumkan Yang Berhormat, apa pun perbezaan yang berlaku tetapi data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia itu merupakan data yang diguna pakai secara rasmi.

Saya dimaklumkan bahawa ketaksamaan data ini disebabkan perkara import dengan perkara *intention to import*. Jadi dimaklumkan bahawa data daripada MAQIS melibatkan data import dan juga data *intention to import*. Jadi data perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan data yang rasmi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri saya Cuma hendak bantu Yang Berhormat Menteri kerana *intention to import* setahun RM237 bilion. Akan tetapi yang import kalau Jabatan Perangkaan Malaysia itu RM50 bilion. Akan tetapi jauh berbeza terlalu besar. RM50 bilion *versus* RM237 bilion. Jadi ini perkara yang perlu tengok kerana kalau kita hendak buat polisi ini, ia kena berdasarkan kepada angka yang betul ya.

Jadi saya takut, mungkin ada beberapa jenis, contohnya lembu kita import dari Australia ataupun Thailand masa lembu kecil, okey. Ia masuk ke Malaysia tetapi selepas itu ia dibesarkan dan dijual, dikira lembu Malaysia. Sebenarnya ia diimport. Mungkin perkara-perkara ini masih perlu diperincikan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Saya setuju bahawa apa pun data harus melambangkan *reflection of the real situation*. Jadi tentu sekali perkara ini akan disemak dan didalami secara mendalam oleh pihak kementerian.

Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru dakwaan bahawa keluasan bertanam- *planted area* bagi industri agromakanan adalah terlampau kecil iaitu hanya kira-kira 600 ribu hektar atau lapan peratus daripada keseluruhan lapan juta hektar jumlah guna tanah pertanian dan mencadangkan ia diluaskan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, keluasan bertanam yang direkodkan bagi aktiviti-aktiviti agromakanan adalah seluas 700 ribu hektar tidak termasuk aktiviti akuakultur. Keutamaan MAFI bagi memastikan bekalan negara terus terjamin adalah dengan meningkatkan produktiviti per hektar dengan penggunaan teknologi dan kaedah moden seperti yang saya telah maklumkan tadi. MAFI juga akan memanfaatkan 130,000 hektar tanah terbiar yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Pertanian bagi menambahkan keluasan bertanam agromakanan secara berperingkat dan mampan tanpa merosakkan alam sekitar.

Isu usaha sama MAFI dengan MIDEK. Bagi menjawab Yang Berhormat Kinabatangan yang bertanya adakah terdapat sebarang bentuk kerjasama antara MAFI dan MEDAC. Adalah dimaklumkan bahawa MAFI sedang bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi MEDAC dalam memfokuskan kepada pemodenan aktiviti pertanian ke arah ekonomi berpendapatan tinggi bagi usahawan dan koperasi melalui aktiviti berikut:

■1620

- (i) pelaksanaan projek pertanian berimpak tinggi;
- (ii) pengembangan aktiviti pertanian melalui industri sokongan dan program vendor serta pembiayaan;
- (iii) kolaborasi latihan berinovasi dengan menekankan kemahiran usahawan dan koperasi dalam bidang pertanian; dan
- (iv) integrasi pemasaran produk dan perkhidmatan menerusi platform digital.

Isu kedua, isu semasa. Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan isu-isu, pertama, status bekalan makanan ketika COVID-19 dan lambakan hasil tani ketika PKP. Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Bayan Baru membangkitkan isu kecukupan bahan makanan ketika tempoh PKP dan juga isu lambakan hasil sehingga menyebabkan harga keluaran petani jatuh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAFI memantau status bekalan makanan secara harian sehingga hari ini. Daripada data yang diperolehi bermula daripada awal tempoh PKP hingga kini, didapati bekalan makanan dalam negara adalah mencukupi dan stabil. Isu kekurangan stok makanan di kedai dan pasar raya, lebih-lebih lagi premis yang jauh dari bandar ketika tempoh awal PKP adalah berpunca daripada masalah pengedaran daripada rantaian pengeluaran hingga ke peringkat peruncit, bukannya masalah kekurangan pengeluaran bahan makanan.

Penurunan harga di peringkat ladang ketika PKP pula sebenarnya telah berjaya diatasi dengan belian pada harga lantai. Sebagai contoh, Pusat Operasi FAMA Jerantut telah membuat belian sayur dan buah sebanyak 101 metrik tan dengan nilai RM122 ribu sepanjang tempoh PKP dan PKP yang lepas. Harga lantai yang ditawarkan untuk belian timun misalnya, 70 sen per kilogram bagi petani yang telah menandatangani *forward agreement* di bawah Program Ladang Kontrak MAFI. Keberkesanan langkah ini dapat dilihat apabila harga timun telah meningkat kepada RM2 per kilo selepas tempoh PKP dan PKPB.

Isu perikanan dan nelayan. Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Batu Sapi dan Yang Berhormat Dungun membangkitkan isu-isu berkaitan dengan sektor pertanian dan nelayan.

Sebagai penjelasan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang yang membangkitkan masalah kerosakan AIS dan memohon pengecualian yuran lesen *Apparatus Assignment* (AA), adalah dimaklumkan bahawa projek pemasangan *Automatic Identification System* (AIS) merupakan salah satu usaha dalam mengurus sumber secara mampan melalui kaedah pemantauan pergerakan *vessel*/ pukat tunda yang beroperasi di Zon B. Pemasangan alat AIS ini telah disempurnakan pada 17 November 2019 dan akan tertakluk di bawah tempoh jaminan selama tiga tahun tertakluk kepada terma-terma yang ditetapkan.

Alat-alat yang dipasang akan sentiasa dipantau serta diperbaiki berdasarkan laporan yang telah diterima. Bagi alat-alat yang telah dilaporkan rosak, syarikat akan membuat pemeriksaan dan siasatan di lapangan untuk mengesahkan sama ada alat tersebut masih di bawah jaminan atau sebaliknya. Kegagalan di bawah tempoh jaminan ini akan disahkan sama ada berlaku vandalisme atau kerosakan yang disengajakan. Pengesahan ini akan dibuat bersama-sama syarikat dan pemilik *vessel*/ di pangkalan berkaitan.

Sebelum setiap alat AIS dikonfigurasi dan dipasang di atas *vessel*, semua alat AIS perlu didaftarkan lesen Penguntukan Radas atau *Apparatus Assignment* (AA) di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Setiap alat AIS yang diberikan nombor *Maritime Mobile Service Identity* (MMSI), Jabatan Perikanan telah membayar lesen AA ini selama tiga tahun sehingga 31 Disember 2019. Manakala bermula tahun 2020, pemilik perlu membayar sendiri lesen AA ini di SKMM seperti yang diperuntukkan. Cadangan pengecualian pembayaran lesen AA seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang adalah di bawah bidang kuasa SKMM.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang cukup jelas. Hanya saya hendak minta apabila turun ke padang, Jabatan Perikanan terutamanya, AIS ini hendak kena tengok betul-betul. Memang mungkin sudah habis tempoh. Bila habis tempoh, dia kena bayar duit sendiri. Jadi kalau boleh, cari jalan untuk meringankan beban nelayan. Jadi, sekarang ini lesen bawah SKMM pun kena bayar. Jadi, rosak pun kena bayar, lesen pun kena bayar. Jadi kalau ini tidak diatasi, takut berjuta yang kita telah belanja akan habis begitu sahaja. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, seperti saya katakan bahawa pengeluaran lesen ini di bawah bidang kuasa SKMM dan tentu sekali niat untuk mengadakan AIS ini adalah untuk mengawal sumber terutama perikanan di Zon B. Jadi, apa pun, Yang Berhormat, kita akan mengkaji bagaimana untuk membantu nelayan-nelayan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Akan tetapi, penggunaan sistem ini adalah penting dalam industri perikanan. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, penguatkuasaan terhadap nelayan-nelayan ada dua buah agensi. Satu, Jabatan Perikanan dan satu, APMM. Jadi, masalah yang saya terima aduan ialah mereka yang ditangkap oleh Jabatan Perikanan akan ditawarkan kompaun, tetapi kalau ditangkap oleh APMM, mereka akan didakwa di mahkamah.

Jadi di bawah undang-undang Persekutuan, Perkara 8, semualah mesti diadili saksama. Jadi dalam keadaan ini di mana kedua-duanya mereka ini nelayan, tetapi undang-undang yang diguna pakai tidak sama. Jadi daripada jawapan bertulis yang saya terima yang menafikan ada perbezaan layanan, memang jawapan itu tidak tepat. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh beri jawapan, memang ada yang ditawarkan kompaun, ada yang tidak ditawarkan kompaun tetapi terus didakwa di mahkamah. Harap dapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Sila.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, seperti yang dimaklumkan, Yang Berhormat telah pun mendapat jawapan daripada kementerian mengenai perkara ini. Apa pun, pelanggaran kepada kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 tentu sekali di bawah *jurisdiction* Jabatan Perikanan dan juga APMM. Jadi, saya tidak tahu *what are the other laws that apply to* nelayan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksud saya, di kawasan saya ada nelayan kerana dikatakan melanggar mana-mana undang-undang ditawarkan kompaun dan selepas bayaran kompaun dibuat, mereka dilepaskan. Akan tetapi, mereka ada lain nelayan yang dikatakan melanggar undang-undang tidak ditawarkan kompaun tetapi didakwa di mahkamah.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksud saya di mahkamah ini, kalau didakwa di mahkamah didapati bersalah, botnya akan disita dan dilucutkan hak, *will be confiscated*. Biasanya bayaran denda yang dikenakan jauh lebih daripada kompaun yang ditawarkan. Jadi di kawasan yang sama, nelayan diberi layanan yang tidak sama. Kalau di bawah APMM biasanya didakwa terus tanpa kompaun. Jadi saya hendak dapat satu jaminan semua nelayan dilayan dengan adil daripada segi undang-undang. Tidak boleh ada pilih kasih mana undang-undang hendak dipakai terhadap nelayan-nelayan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, seperti saya katakan, bahawa semua kesalahan perikanan adalah tertakluk kepada Akta Perikanan 1985. Apa pun, saya akan menyiasat kes-kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Isu bantuan tunai dan juga peralatan kepada nelayan. Sebagai makluman Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Tanjong Manis dan Yang Berhormat Batu Sapi, bagi meringankan beban nelayan menghadapi kenaikan kos sara hidup, kadar bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) dinaikkan dari RM200 kepada RM250 sebulan bagi pemilik vessel Zon A dan pekerja awak-awak Zon A, B, C dan C2.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, sebanyak RM51 juta telah disalurkan kepada kira-kira 34 ribu orang nelayan. Di samping itu, program-program bantuan lain masih diteruskan seperti:

- (i) subsidi minyak petrol;
- (ii) Insentif Hasil Tangkapan Ikan;
- (iii) Projek Khas Perumahan Nelayan;
- (iv) Skim Perlindungan Insurans Nelayan;
- (v) Dana Nelayan;
- (vi) Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan; dan
- (vii) program pembangunan pelan peningkatan B40 nelayan melalui Program Tanaman Kontan.

■1630

Selain itu, LKIM juga telah diluluskan peruntukan sebanyak RM15 juta melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) di bawah program dana khas persatuan nelayan. Penyaluran dana tersebut adalah di antara RM100 ribu hingga RM200 ribu kepada 103 buah persatuan nelayan yang melibatkan skop projek seperti peralatan penangkapan ikan, ternakan akuakultur, pemasaran dan pemprosesan hasil ikan yang turut memanfaatkan golongan nelayan secara langsung.

Isu pencerobohan nelayan asing. Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Papar dan Yang Berhormat Bintulu berkenaan dengan isu pencerobohan nelayan terutamanya dari Vietnam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perikanan memainkan peranan dalam pengurusan perikanan melalui pemantauan, kawalan dan pengawasan- *monitoring, control and surveillance*, di perairan perikanan Malaysia selaras dengan instrumen antarabangsa 1995 iaitu *FAO: Code of Conduct for Responsible Fisheries*.

Antara langkah penguatkuasaan terhadap isu pencerobohan nelayan vessel nelayan asing adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan operasi penguat kuasa secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan di antara Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perikanan, Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Laut dan Polis Marin;
- (ii) mengintegrasikan maklumat antara sistem pemantauan *Automatic Identification System* (AIS) di bawah pengendalian DOF dan sistem pengawasan laut di bawah APMM;
- (iii) mengenakan hukuman dan denda yang lebih berat melalui pindaan Akta Perikanan 1985;
- (iv) mempergiatkan aktiviti pemantauan pencerobohan vesel nelayan asing melalui sukarelawan perikanan, Rakan Cop dan pasukan sukarelawan maritim; dan,
- (v) menggalakkan penggunaan Aplikasi Kesedaran, Keselamatan, Komuniti Maritim (K3M), Talian MERS 999 dan *Fisheries Communication and Monitoring Centre* dalam kalangan nelayan bagi melaporkan aktiviti-aktiviti pencerobohan dan lain-lain kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

Kerajaan juga telah meminda Akta Perikanan 1985 pada tahun lepas dan salah satu pindaan menaikkan denda maksimum bagi vesel penangkapan ikan asing yang menceroboh perairan perikanan Malaysia daripada RM1 juta kepada RM6 juta bagi nakhoda dan bagi tiap-tiap anggota kru dari RM100 ribu kepada RM600 ribu. Mana-mana vesel penangkapan ikan asing ini yang telah didakwa dan disabit kesalahan di mahkamah, akan dilupuskan dan dijadikan sebagai tukun tiruan. Dari tahun 2006 hingga kini, sebanyak 356 buah vesel telah pun ditenggelamkan sebagai tukun tiruan di perairan negara.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sejak hukuman dinaikkan daripada RM1 juta ke RM6 juta untuk taikong dan dari RM100 ribu kepada RM600 ribu untuk awak-awak, berapakah antara mereka yang didakwa di mahkamah sudi bayar dan tidak memilih untuk dipenjarakan?

Ini kerana daripada pengalaman saya sebagai peguam, sebelum itu, dengan RM1 juta pun, maksimum dia, biasanya mereka akan di denda RM100 ribu atau RM200 ribu untuk taikong dan awak-awak di masa yang lampau, RM100 ribu itu mereka di denda RM20 ribu, RM30 ribu, nelayan-nelayan ini sudah pun sudi pergi ke penjara enam bulan, satu tahun daripada membayar denda yang begitu tinggi. Jadi bagi saya, menaikkan denda itu tidak berkesan atau mendatangkan hasil. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sejak hukuman dinaikkan, berapakah yang sudi bayar dan berapakah yang sudi masuk penjara untuk tempoh lanjutan yang lebih?

Lagi satu perkara yang saya ingin bangkitkan ialah dengan menaikkan denda dan juga menghapuskan kapal-kapal negara lain, apakah tindak balas dari negara-negara jiran seperti Vietnam, Indonesia terhadap bot-bot kita? Ini kerana nelayan-nelayan kita senantiasia mengadu apabila mereka ditangkap oleh penguat kuasa asing, mereka terpaksa cuba beri rasuah ataupun mencari jalan supaya tidak ditangkap oleh penguat kuasa negara lain kerana tindakan mereka pun sangat tegas. Ini kerana kita bertindak tegas terhadap nelayan mereka begitulah tindak balasnya. Apakah respons daripada negara-negara lain terhadap nelayan kita yang ditangkap oleh penguat kuasa-penguat kuasa negara lain?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, sebarang pencerobohan nelayan kita ke negara asing, subjek kepada undang-undang dan penguatkuasaan negara berkenaan.

Soalan mengenai berapa ramai nelayan yang telah ditangkap ini yang sudi bayar denda, saya akan jawab itu secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan respons kepada persoalan yang berbangkit berkait dengan pencerobohan nelayan-nelayan asing. Cumanya kalau kita lihat jawapan yang sentiasa diberikan ialah tentang rondaan-rondaan yang dilakukan oleh agensi-agensi yang terlibat. Akan tetapi ia tidak sangat memberikan kesan yang mengurangkan pencerobohan ini.

Jadi apa kata kalau dilihat kepada keperluan adanya kawalan-kawalan berpusat yang melibatkan pusat-pusat kawalan tetap di tengah laut. Saya difahamkan ada platform-platform minyak yang tidak lagi digunakan oleh PETRONAS. Kalau boleh dijadikan sebagai satu asas kawalan berpusat bagi agensi-agensi yang terlibat supaya ia menjadi suatu yang boleh menggerunkan pencerobohan nelayan-nelayan asing. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sila.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, menjadi kenyataan bahawa negara kita ini mempunyai sumber perikanan yang kaya walaupun kita mempunyai Akta Perikanan yang agak keras dan ketat serta ada aktiviti operasi-operasi penguatkuasaan yang dilakukan oleh agensi-agensi penguatkuasaan negara. Namun kita masih lihat bahawa aktiviti penangkapan ikan daripada nelayan negara asing daripada sumber perikanan kita masih berleluasa sehingga sekarang. Saya ingin katakan bahawa banyak operasi yang dijalankan tetapi masalah pencerobohan nelayan asing masih berlaku di kawasan perairan perikanan negara kita.

Cadangan untuk menjadikan platform-platform yang tidak digunakan sebagai *stop centre* bagi penguatkuasaan merupakan satu cadangan yang boleh diambil kira oleh agensi penguat kuasa.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, boleh dapat satu lagi penjelasan?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tentang nelayan-nelayan negara kita dan juga nelayan negara lain yang menangkap ikan di kawasan bertindih antara negara. Itu menjadi suatu masalah besar kerana nelayan kita yang menangkap ikan di kawasan perairan bertindih ini dikatakan telah menceroboh, katakan di perairan negara Indonesia. Begitu nelayan-nelayan negara Indonesia yang menangkap ikan di kawasan bertindih ini dikatakan telah melanggar ataupun mencerobohi kawasan perairan Malaysia.

Jadi, ini menjadi masalah besar bagi ramai nelayan yang senantiasanya timbul berkali-kali. Harapan saya sudahkah Malaysia dengan Indonesia terutamanya telah mencapai satu kata sepakat dulu. Adakah ia akan diteruskan sekarang iaitu mana-mana nelayan yang ditangkap di kawasan perairan bertindih ini, diberi amaran untuk balik ke negara mereka dan bukannya ditangkap dan didakwa dan disita atau dilucutkan kapal mereka dan didenda di Malaysia? Ini tadi sudah kata boleh sampai RM6 juta untuk taikong dan untuk awak-awak RM600 ribu. Begitu di Indonesia, undang-undang dia begitu ketat. Jadi, bolehkah Menteri bagi satu jawapan yang jelas kepada nelayan-nelayan tentang kawasan perairan bertindih ini?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, perkara yang sama. Kalau kita tengok Indonesia, mereka sebenarnya sangat agresif mempertahankan bot-bot nelayan mereka. Jadi kita di Malaysia dengan Indonesia ada kawasan-kawasan *dispute*, di mana perkara ini tidak akan selesai dalam jangka masa yang pendek. Sederhana pun mungkin puluh-puluh tahun pun tidak boleh selesai. Akan tetapi Indonesia dia mengambil satu ketegasan di mana kalau ada bot-bot nelayan yang menceroboh kawasan mereka, mereka akan agresif tarik ke Indonesia dan jalankan tindakan.

■1640

Begitu juga apabila bot-bot nelayan masuk kawasan kita, Indonesia dia punya APM, Indonesia. Pihak Indonesia berkuasa, Indonesia. Dia akan masuk untuk bantu nelayan mereka. Akan tetapi sikap Malaysia ini kurang. Yang Berhormat Menteri KDN ada di sini.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, ringkaskan Yang Berhormat untuk berucap.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya nampak bahawa kesungguhan APM untuk *protect our borders and protect our fishermen*, itu kurang. Saya harap bahawa ada ketegasan apabila nelayan kita- dia *follow rules*. Diikut ini adalah *borders* yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi apabila mereka masuk ke kawasan tersebut, Indonesia jalankan tindakan tetapi APMM tidak pergi pertahankan bot nelayan kita.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: So, dia rasa teraniaya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat ada tinggal sebanyak 10 minit.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, tinggal sebanyak 10 minit sahaja. Yang Berhormat, isu yang dibangkitkan itu merupakan isu yang Yang Berhormat sendiri tahu ketika berada sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri di kementerian. Jadi, tentu sekali Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa unit penguatkuasaan *the agencies* penguatkuasaan APMM, Polis Marin, Jabatan Perikanan dan agensi yang lain menjalankan tugas sepenuh hemah dan sepenuh tanggungjawab.

Walau bagaimanapun, tentu sekali pencerobohan-pencerobohan masih berlaku. Nelayan-nelayan asing masih datang dan menceroboh kawasan perikanan kita. Saya ingin katakan bahawa agensi penguatkuasaan negara ini akan terus memantau sumber perikanan daripada dicerobohi oleh negara rakyat asing.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat. Saya menyokong penuh jawapan Yang Berhormat. Ini terpulang kepada penguat kuasa agensi-agensi yang begitu banyak. Saya hendak cadang satu sahaja. Agensi ini biar ada tempat yang agak baik. Saya hendak cadang kalau boleh di Kuala Selangor. Ada sebuah kompleks LKAN yang hendak pada anak '*gajah putih*'. Saya hendak cadang kompleks itu serahlah kepada perikanan supaya ia jadikan satu unit baharu iaitu *task force* perikanan di sebelah utara Selangor. Saya harap Yang Berhormat boleh luluskan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Kita akan- saya mengambil cadangan Yang Berhormat dan akan meneliti perkara yang dibangkitkan.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Bintulu yang *concerned* dan prihatin dan sentiasa prihatin terhadap masalah pencerobohan nelayan di Sarawak mengenai bidang kuasa MAFI dan APMM dalam isu pencerobohan nelayan, jabatan perikanan akan melaksanakan rondaan bersama secara berterusan di zon EEZ Malaysia. Kementerian juga sedia bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya terdapat aduan berkaitan penyalahgunaan kuasa dan integriti dalam kalangan penguat kuasa.

Isu cadangan buka semula permohonan lesen nelayan. Menyentuh isu cadangan membuka semula permohonan lesen nelayan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Setiu, yang mengaitkannya dengan musibah enam orang nelayan tanpa lesen yang tidak layak mendapat pampasan dari Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan. Dimaklumkan aktiviti penangkapan ikan dengan menggunakan peralatan bot, *vesse/*, sampan adalah tertakluk di bawah Akta Perikanan 1985 dan peralatan serta *vesse/* hendaklah dilesenkan.

Lesen sampan hendaklah dikeluarkan kepada nelayan tulen. Walau bagaimanapun, kementerian bersedia membuka semula permohonan lesen baharu Zon A bagi satu tempoh yang akan ditentukan. Pada masa yang sama, akan mengadakan proses pemutihan yang berterusan bagi memastikan hanya nelayan tulen yang berada dalam sektor pertanian. Kuota lesen ini juga akan mengambil kira keupayaan daya tampungan sesuatu kawasan serta status sumber perikanan yang sedia ada.

Isu cadangan Ko-Nelayan sebagai agensi pelaksana MAFI. Menyentuh cadangan mengangkat Ko-Nelayan sebagai agensi pelaksana MAFI agar penyelarasan penyaluran peruntukan pembangunan antara negeri dan Persekutuan yang melibatkan sektor perikanan dan masyarakat nelayan dapat dibuat mengikut keutamaan terutama di Sabah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Papar.

Dimaklumkan bahawa LKIM merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menyelaraskan penyaluran peruntukan pembangunan yang melibatkan sektor ini di Sabah. Selaras dengan fungsi LKIM Perkara 4(1), dan 4(2) Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971. Permohonan ini juga tidak dipertimbangkan kerana Ko-Nelayan merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah kerajaan negeri Sabah.

Isu pengeluaran lesen laut dalam yang tidak terkawal. Menjawab Yang Berhormat Papar sekali lagi ditegaskan bahawa pelesenan *vesse/* penangkapan ikan tempatan dikeluarkan secara terkawal dan diberikan kepada pengusaha yang benar-benar tulen.

Pada masa ini, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia telah menurunkan kuasa kepada Pengarah Perikanan Negeri Sabah melalui seksyen 3(4), Akta Perikanan 1985 bagi pengeluaran lesen *vesse/* dan peralatan penangkapan ikan laut dalam.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Setiu minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Apakah mekanisme yang digunakan oleh kementerian dalam menentukan ketulenan nelayan yang membolehkan lesen nelayan yang dibuka semula tadi?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Tentu sekali berkaitan dengan cara-cara yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, nelayan tulen mesti pergi laut, mesti menangkap ikan, ada peralatan ikan, ada bot ikan dan sebagainya yang menjadi SOP bagi pengeluaran lesen seperti yang sedia ada.

Isu berkaitan industri padi dan beras. Isu yang dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen Tanjong Karang, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Parit dan juga Yang Berhormat Jerai.

Menjawab semua Yang Berhormat Sungai Petani yang mempersoalkan berkenaan masa depan industri padi. Dimaklumkan bahawa pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi merencanakan penanam padi. Ketika ini, terdapat beberapa pelan tindakan kerajaan seperti berikut:

- (i) Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM) atau dikenali sebagai *soil profiling*. Program ini adalah untuk penggunaan baja dan kapur berdasarkan keperluan tanah yang berbeza mengikut kawasan;
- (ii) pendekatan di bawah Sawah Berskala Besar (SBB) iaitu penglibatan entiti swasta dan rangkaian penanaman padi dan pengeluaran beras;
- (iii) penggunaan sumber air secara *conjunctive* iaitu secara bersepadu dan penanam padi;
- (iv) perluasan kawasan jelapang padi dan pengoptimuman kawasan jelapang sedia ada dengan menambahkan kawasan-kawasan terbiar;
- (v) penerokaan kawasan baharu dalam kawasan permohonan pertanian bersepadu;
- (vi) penggunaan benih padi sah yang berkualiti;
- (vii) penggunaan teknologi moden;
- (viii) penglibatan golongan muda dalam rangkaian penanaman padi dan beras.

Isu makanan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian ingin memaklumkan bahawa MAFI komited untuk meningkatkan pengeluaran beras sehingga tahap sara diri mencecah sejumlah 75 peratus. Walau bagaimanapun, MAFI tidak terlibat dalam inisiatif gedung makanan negara seperti yang dibangkitkan. Inisiatif ini keterlibatan pihak RISDA, FELDA dan FELCRA sahaja.

Bagi menjawab Yang Berhormat Sik, MAFI menyokong cadangan Yang Berhormat untuk memberi tumpuan lebih kepada padi organik termasuk penglibatan import organik serta baja dan racun.

Berhubung dengan cadangan untuk membuka bebas pengimportan beras daripada Yang Berhormat...

Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya.

Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Batang Lupar ingin merakamkan di sini jutaan terima kasih Yang Berhormat kerana meneruskan jelapang padi di Batang Lupar. *Insyaa-Allah* dengan jelapang padi Batang Lupar, kita boleh sampai SSL 75 peratus atau lebih. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih Yang Berhormat...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat, sedikit. Sik.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: ...Kementerian akan melihat semua jelapang padi yang berpotensi apatah lagi kawasan-kawasan padi yang telah dibangunkan di bawah IDA akan terus diperkasakan bagi keselamatan makanan negara.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri. Sik ada sedikit persoalan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan untuk kita memulakan langkah mengurangkan penggunaan baja kimia dan racun serangga untuk kita meningkatkan baja organik ini. Cadangan saya ini juga disebut dalam itu ialah bagaimana kementerian melihat membantu petani yang menghadapi masalah kesihatan akibat penggunaan racun dan bahan kimia yang berlebihan iaitu skim takaful ataupun insurans kesihatan kepada petani.

Jadi, perkara ini kalau dapat dilaksanakan oleh pihak kementerian memberikan satu lonjakan besar kepada kebajikan lebih seramai 57 orang petani yang mereka ini berusia lebih 60 tahun yang sedang mengusahakan khususnya pertanian padi dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sik.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, kita akan melihat cadangan Yang Berhormat. Berhubung dengan cadangan- saya berbalik kepada itu. Berhubung dengan cadangan untuk membuka pengimportan beras daripada Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Jerai dan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

■1650

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, konsesi BERNAS akan berakhir pada Januari 2021. Buat masa ini, pihak kementerian bersama-sama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) sedang dalam proses perundingan bagi memuktamadkan terma-terma serta syarat-syarat perjanjian baharu. Dalam hal ini, kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya kepada perkara-perkara berikut:

- (i) menilai prestasi BERNAS dalam melaksanakan konsesi sebelum ini termasuk penilaian berdasarkan *key performance indicator* yang dibangunkan;
- (ii) mengkaji aspek perundangan termasuk perjanjian-perjanjian lain yang masih berjalan yang telah ditandatangani oleh BERNAS dengan kerajaan;
- (iii) mengkaji implikasi kos dan keupayaan kerajaan memandangkan kos pelaburan tinggi yang diperlukan dalam mengurus industri padi dan beras;
- (iv) mengkaji keberkesanan dasar *single gatekeeper*;
- (v) memastikan pelaksanaan obligasi sosial yang lebih berkesan termasuk menambah jumlah simpanan *stockpile* beras negara bagi tujuan keselamatan makanan negara; dan
- (vi) mewujudkan satu *oversight body* bagi memantau pelaksanaan obligasi sosial BERNAS.

Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Pengimportan Tunggal diperkenalkan pada tahun 1973 untuk menjamin keselamatan makanan negara. Sebelum itu, pengimportan beras dilakukan oleh beberapa orang pengimport. Disebabkan krisis beras negara pada tahun 1973, pengimport-pengimport tersebut enggan membawa masuk beras ke negara kerana khuatir akan kerugian. Disebabkan tindakan ini, Malaysia ketika itu menghadapi krisis beras negara.

Sejak Dasar Pengimport Tunggal Beras dilaksanakan, negara tidak pernah menghadapi krisis bekalan negara hingga sekarang.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Mohon celahan sedikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini *injury time* ya. Terima kasih atas jawapan terhadap soalan yang saya bangkitkan.

Perjanjian penswastaan BERNAS dengan kerajaan ini sudah ditandatangani sejak tahun 1996 dengan beberapa obligasi BERNAS. Menilai jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, kementerian baru dengan kerjasama UKAS sedang menilai prestasi syarikat BERNAS. Maknanya sekarang sudah bulan tujuh, bulan lapan, bulan sembilan, bulan 10, bulan 11, bulan 12. Kita ada lima bulan sahaja lagi sebelum konsesi BERNAS tamat.

Apakah Yang Berhormat boleh memberi satu jawapan yang jelas, ada *clarity*, dengan izin, apakah sebenarnya kerajaan sudah pun ada rancangan untuk melanjutkan lagi tempoh konsesi BERNAS memandangkan tempoh berbaki cuma lima bulan untuk buat kajian prestasi, untuk kaji aspek perundangan?

Saya tahu BERNAS pun ada tuntutan dengan kerajaan ratusan juta. Soal aset yang digunakan, soal nak kaji implikasi kos pada kerajaan. Kalau nanti penilaian itu membawa kepada kerajaan benar-benar hendak buka pasaran import misalnya, dia akan melalui proses tender, memakan masa.

Apakah Yang Berhormat boleh memberikan satu jawapan yang lebih jelas bahawa dalam tempoh lima bulan, hal yang sedang dilakukan itu tidak memungkinkan kalau berlaku nanti penamatan serta-merta ke atas BERNAS, itu akan berlaku *crash landing* yang akan menjejaskan? Bagaimanakah reaksi Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan konsep *single gatekeeper* ini. Saya ingin katakan bahawa pada peringkat ini peringkat untuk memuktamadkan syarat-syarat dan terma-terma perjanjian lanjutan BERNAS sebagai *single gatekeeper* bagi pengimportan beras negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Untuk tempoh berapa lama lagi, Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Akan ditentukan kelak.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Akan ditentukan kelak?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terhadap cadangan yang saya kemukakan, sekurang-kurangnya untuk *speciality rice*. Supaya tidak dibolot oleh sebuah syarikat sahaja. Buka kepada beberapa buah syarikat lagi yang punya keupayaan supaya harga menjadi lebih kompetitif dan rakyat boleh menikmati kualiti beras yang lebih baik. Apakah ia satu *blanket* begitu juga untuk BERNAS?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Tentu sekali perbincangan di peringkat ini adalah untuk menjaga kepentingan semua pihak, kepentingan pengguna, kepentingan industri, kepentingan rakyat Malaysia, kepentingan keselamatan makanan negara. Apatah lagi ketika COVID ini, apatah lagi COVID menyebabkan *the global food chain* akan terganggu. Menimbang semua perkara ini, sebab itu kerajaan memutuskan untuk melanjutkan konsep *single gatekeeper* ini.

Pada peringkat ini, saya ingin katakan bahawa kerajaan, MAFI dan juga UKAS sedang dalam proses untuk memuktamadkan terma-terma dan perjanjian-perjanjian baharu dalam konsesi yang akan ditandatangani.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat, Yang Berhormat Menteri. Minta rumuskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit. Saya cakap benda ini ya, Yang Berhormat. Pertama, saya akan menyokong kerajaan untuk meneruskan konsesi monopoli kepada BERNAS kerana syaratnya ialah BERNAS mesti menjaga industri tempatan. Dahulu industri tempatan rugi, import untung. Jadi, dia tampung. Jadi, kadang-kadang mereka hanya cakap tentang import beras. Mereka mula lupa tentang industri beras tempatan yang mesti dipertimbangkan bersama.

Saya menyokong. Cuma, apa yang disarankan oleh kawan-kawan itu supaya BERNAS ini disenaraikan semula dalam pasaran saham sebab dulu BERNAS dipunyai oleh banyak orang termasuk koperasi, LPP, MADA dan sebagainya. So, sekarang ini kita minta disenaraikan semula. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat supaya di antara syarat yang akan dikenakan nanti supaya BERNAS ini disenaraikan semula dan tidak dipegang oleh seseorang?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, untuk konsesi 10 tahun lalu..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Menteri...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: ...Terdapat lima obligasi sosial yang terpaksa dipertanggungjawabkan kepada BERNAS dan telah dilaksanakan oleh BERNAS. Untuk perbincangan tempoh akan datang ini, tambahan kepada obligasi sosial akan dibuat terhadap BERNAS untuk memenuhi tanggungjawab mereka sebagai *single gatekeeper*.

Antara obligasi sosial baharu yang sedang dibincangkan sekarang pengurusan nutrien tanah sawah yang akan dibagi peruntukan oleh BERNAS, mengurus sistem maklumat padi dan beras yang melibatkan integrasi sistem yang ada, menyumbang kepada dana skim bantuan insurans petani dan sebagainya. Ini merupakan antara obligasi-obligasi sosial yang akan dikenakan kepada BERNAS yang sedang dalam perbincangan pada ketika ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Baik, Menteri. Menteri.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Menteri, masa dah tamat. Saya dah bagi lebih...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, Menteri. Kalau kita teruskan dengan monopoli BERNAS, keadaan yang sama akan berlaku di mana 300 ribu orang petani sawah yang selalunya *complaint* tentang monopoli tersebut. Kita tahu bahawa betul, kita nak teruskan dengan obligasi, itu tidak dipertikaikan untuk membantu lima obligasi sosial yang patut dijalankan. Akan tetapi, benda ini kalau kita- walaupun kita buka pasaran kepada dua buah syarikat, duopoli, itu pun boleh dilaksanakan. Satu lagi adalah *single gatekeeper*. Itu saya setuju. Kita perlu ada *single gatekeeper*. Akan tetapi, peranan *single gatekeeper* itu boleh dilakukan oleh *joint committee* atau yang diterajui oleh kerajaan. Tidak semestinya kena bagi kepada monopoli BERNAS.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Oleh sebab itu, Yang Berhormat, saya ingin katakan bahawa...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak perlu bagi kepada...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Sudah habis masa, Yang Berhormat. Saya ingin katakan bahawa keprihatinan Yang Berhormat, *your concern* itu adalah merupakan *concern* kerajaan. Oleh sebab itu saya katakan bahawa ada terma-terma dan syarat-syarat yang lebih ketat yang perlu ditunaikan oleh BERNAS dalam *extension* sebagai *single gatekeeper*.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi Menteri sudah kata adakan monopoli *continue* kepada BERNAS. Betul tak Menteri?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: *Your concern is our concern also*. So, Yang Berhormat, kita menilai semua ini tetapi keselamatan makanan negara daripada segi keupayaan untuk menyediakan beras, mengadakan import beras berkekalan, *availability of rice* adalah merupakan antara faktor yang lebih besar yang dilihat oleh kerajaan sebelum membuat keputusan untuk meneruskan *single gatekeeper* ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Single gatekeeper means equal to BERNAS* lah.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat, saya diminta oleh Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, saya nak minta *last, last question*. Berapa lama akan dilanjutkan? Agaknya berapa lama?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Akan ditentukan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tempoh 30 tahun.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tempoh 30 tahun, 25 tahun?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Dalam proses perbincangan pada ketika ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak mempunyai masa...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, minta sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila rumuskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini fasal benih padi, benih padi.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Saya akan menjawab secara bertulis, Yang Berhormat. Saya mempunyai 50 pages, semua soalan itu ada jawapan dalam nota ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Benih padi tak boleh jawab? Ini kawan-kawan saya penanam padi sedang melihat saya bertanya soalan berkenaan padi.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Sudah habis masa, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia akan bagi jawapan secara bertulis.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, saya sahkan bahawa Yang Berhormat Arau ada bertanya perkara-perkara yang dibangkitkan.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Okey, Setiu pun ada soalan, pertanyaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat boleh bagi tak petang ini untuk saya jawab dalam *YouTube* ya?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, jawapan itu akan diberi secara bertulis. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada semua. Mohon semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Kementerian ini..

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit. Hendak tanya berkenaan...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: ...Mana-mana jawapan, pertanyaan yang tidak dijawab akan dijawab secara bertulis. Segala teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dijadikan sebagai panduan dalam merancang dasar Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan. Saya beri lebih 10 minit tadi masa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menjawab segala perbincangan yang telah dibangkitkan. Masa, 45 minit.

■1700

5.00 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada seramai 45 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Diraja 2020 di Dewan yang mulia ini. Antara lain telah menyentuh portfolio berkaitan Kementerian saya, Kementerian Dalam Negeri.

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya juga merafak sembah menjunjung kasih atas Titah Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI semasa Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Hulu Langat. Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Padang Serai dan juga Yang Berhormat Tanjong Manis bertanyakan mengenai status cadangan dan pembangunan infrastruktur yang melibatkan agensi-agensi di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Seperti projek pembangunan balai-balai baharu, pembangunan kompleks ICQS, pembaikan premis-premis PDRM sedia ada serta penambahan aset-aset agensi Pasukan Gerakan Udara PDRM dan juga AADK di seluruh negara. Kesemua pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut saya ingat oleh sebab ia merupakan yang spesifik bagi kawasan masing-masing, akan saya jawab secara bertulis kepada mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Langat bertanyakan mengenai cadangan pemberian insentif tambahan kepada RELA. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sebagai menghargai pengorbanan yang diberikan oleh petugas Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), kerajaan telah bersetuju dengan pemberian elaun khas petugas COVID-19 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 sebanyak RM200 dibayar secara *one-off* kepada 6,435 orang pegawai dan anggota RELA.

Selain daripada itu, mulai 1 Januari 2020 kadar elaun anggota RELA lain-lain pangkat telah ditingkatkan daripada RM6 sejam kepada RM8 sejam. Anggota RELA berpangkat penyelia ditingkatkan daripada RM7.80 sejam kepada RM9.80 sejam. KDN dari semasa ke semasa akan mengkaji pewujudan elaun-elaun baharu dan semakan semula kadar elaun sedia ada anggota RELA mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Selaras dengan pemberian insentif ini, peranan anggota RELA juga turut dipertingkatkan sebagai mata dan telinga kerajaan di peringkat akar umbi dalam menyalurkan maklumat-maklumat dan membantu pihak berkuasa untuk menangani isu kemasukan pendatang tanpa izin dan lain-lain aktiviti penyeludupan di sepanjang sempadan darat negara.

Bagi isu-isu berkaitan dadah, Yang Berhormat Muar telah bertanyakan berkenaan cadangan menyalahgunakan kesalahan penyalahgunaan dadah dan kajian keperluan pengemaskinian pendekatan-pendekatan berkaitan pemulihan dadah selaras dengan keperluan semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, dadah masih merupakan musuh nombor satu- negara. Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang telah saya pengerusikan pada 21 Julai 2020, telah meneliti cadangan penyalahgunaan kesalahan penyalahgunaan dadah dan bersetuju bahawa satu dasar pengalihan penyalahgunaan dadah dari hukuman penjara ke program rawatan dan pemulihan dadah perlu dilaksanakan.

Ini bertujuan untuk meningkatkan akses mendapatkan rawatan dan pemulihan dadah bagi mereka yang memerlukan supaya mereka dapat kembali kepada masyarakat. Mesyuarat tersebut juga bersetuju supaya dapat pengalihan ini diperhalusi dalam akta baharu yang dikenali sebagai Akta Penyalahgunaan Dadah dan *Substance* bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Cadangan akta ini sedang dirangka dan akan dimuktamadkan untuk diangkat bagi persetujuan Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat Raub berkaitan bantuan kepada NGO yang menjalankan rawatan pemulihan penagihan dadah, KDN melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa aktif menjalin kerjasama dan memberi sumbangan kepada NGO yang bersama-sama dengan kerajaan menangani masalah penagihan dadah. Pada tahun ini sehingga Julai, sebanyak RM3,994,220 diluluskan untuk disalurkan kepada 87 NGO yang menjalankan program pencegahan, rawatan dan pemulihan. Pada masa ini AADK sedang memproses permohonan berjumlah RM1,114,390 daripada lapan NGO yang akan disalurkan dalam masa terdekat.

Seterusnya, Yang Berhormat Permatang Pauh telah bertanyakan berkenaan status pelaksanaan reformasi penjara oleh Jabatan Penjara Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan program penempatan banduan di luar penjara bagi menjalani hukuman dan pemulihan melalui sistem parol atau Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dan program re-integrasi penghuni industri dan juga Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL).

Dalam masa yang sama juga Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia telah menyediakan kerangka reformasi sistem penjara yang menggariskan penambahbaikan skop pengupayaan atau *empowerment* kakitangan, aspek layanan, keselamatan dan re-integrasi. KDN dan Jabatan Penjara Malaysia akan memastikan perancangan di bawah reformasi ini diperhalusi sebelum ia dilaksanakan bagi memastikan ia selamat dan kondusif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Setiu bertanyakan berkenaan inisiatif kementerian dalam mengekang kemasukan PATI. Bilangan PATI yang ditangkap di Hulu Selangor, bilangan PATI yang telah dihantar pulang dan juga tindakan ke atas majikan yang mengajikan PATI dan juga kemasukan PATI semasa majlis solidariti melibatkan Yang Berhormat Pekan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa komited dalam memastikan isu keberadaan PATI di dalam negara dapat ditangani secara berkesan dengan mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan di seluruh negara.

Sepanjang tahun 2017 sebanyak 16,737 operasi telah dilaksanakan dengan tangkapan seramai 48,464 orang PATI.

Pada tahun 2018 pula sebanyak 14,724 operasi telah diadakan dengan tangkapan seramai 48,372 orang PATI dan pada tahun 2019 sebanyak 17,536 operasi dengan tangkapan seramai 51,300 orang PATI. Manakala pada tahun 2020 bagi tempoh 1 Januari hingga 23 Julai 2020 sebanyak 4,615 operasi telah dilaksanakan dengan tangkapan seramai 18,092 orang PATI.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan secara bersepadu, pihak kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memperkukuh kawalan kemasukan warganegara asing ke dalam negara melalui beberapa tahap kawalan dan saringan yang ketat seperti berikut. Pertama, kuasa yang diberikan kepada pegawai imigresen di pintu masuk untuk menyemak beberapa kriteria seperti kesahihan dokumen perjalanan, pas atau permit, tujuan kemasukan dan sejarah kemasukan ke Malaysia sebelum menentukan keberadaan warga asing di Malaysia.

Kedua, tapisan awal dan saringan keselamatan ke atas semua warganegara asing yang memasuki Malaysia menggunakan sistem pangkalan data yang berintegrasi dengan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti semakan melalui senarai syak- *suspect list*, dan pengambilan data cap jari biometrik dan semakan butiran biodata serta dokumen perjalanan melalui *Stolen And Lost Travel Documents System* (SLTD) yang dibangunkan oleh Interpol.

■1710

Ketiga, pengambilan maklumat biometrik warganegara asing untuk kemasukan ke dalam negara untuk rekod JIM.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri ada pencelahan.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh bagi laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hendak bagi laluan sekarang kah bila?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sekejap, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak bagi. Biar dihabiskan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Selain daripada itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, JIM telah melaksanakan tindakan pengusiran dan penghantaran pulang PATI ke negara asal bagi membendung isu penjumlahan PATI di negara ini.

Bermula 1 Januari hingga 24 Julai 2020, JIM telah menghantar pulang seramai 20,297 orang tahanan PATI ke negara asal masing-masing. Tindakan penghantaran pulang ini melibatkan antara lainnya seramai 5,613 orang warganegara Indonesia, 3,990 orang warganegara Myanmar, 2,664 orang warganegara Bangladesh, dan selebihnya warganegara daripada beberapa buah negara lain.

Bagi kesalahan majikan yang dikesan mengajikan PATI, tindakan undang-undang boleh diambil di bawah Akta Imigresen 1956/63, yang mana majikan akan didakwa di bawah empat kesalahan utama iaitu di bawah seksyen 55A untuk kesalahan membawa masuk PATI secara tidak sah ke dalam negara, seksyen 55B untuk kesalahan mengaji bukan warganegara yang tidak memiliki satu pas yang sah, seksyen 55E untuk kesalahan membenarkan PATI masuk dan tinggal di premis dan juga seksyen 56(1)(d) untuk kesalahan untuk melindungi PATI.

Di samping itu, majikan juga boleh didakwa di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) (Pindaan 2010). Untuk maklum Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen telah mendakwa seramai 980 orang majikan pada sepanjang tahun 2018. Seterusnya dakwaan seramai 1,052 orang majikan pada tahun 2019. Manakala, pada tahun 2020 iaitu sehingga 30 Jun 2020 seramai 261 orang majikan telah didakwa di mahkamah atas pelbagai kesalahan imigresen tersebut. Silakan Yang Berhormat Beruas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tahu bahawa masalah PATI ini merupakan satu masalah telah ditinggalkan sejak lama dulu daripada masa Barisan Nasional masih menjadi kerajaan. Daripada tinjauan, dianggarkan lebih kurang seramai 4 juta di negara kita dan juga daripada tinjauan negara kita masih memerlukan pekerja asing untuk beberapa sektor terutamanya pembinaan, perladangan ataupun sektor yang memerlukan tenaga pekerja asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalannya?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi, soalan saya, memang pemutihan telah dibuat beberapa kali tetapi pemutihan yang dulu dibuat gagal kerana kerajaan hanya membuka satu sahaja pusat pemutihan iaitu di Putrajaya. Jadi, ramai majikan ingin mendaftarkan pekerja-pekerja mereka tidak sempat. Soalan saya ialah, adakah kerajaan bersedia untuk membuka semua pejabat imigresen untuk melaksanakan satu pemutihan yang menyeluruh kerana ramai PATI ini atas banyak sebab tidak dapat melanjutkan permit mereka secara sah?

Oleh sebab kita memerlukan mereka dan mereka yang sudah ada di sini, kenapakah tidak kita membuat pemutihan secara menyeluruh di semua imigresen dan di semua pejabat di seluruh negara supaya kita ada pekerja asing yang sah dan boleh bekerja secara bebas dan juga baik untuk syarikat-syarikat yang memerlukan mereka?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tajuk yang sama, Yang Berhormat Menteri. Tajuk yang sama, Padang Serai.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat boleh saya?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih, Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya, berapa lama kah seseorang PATI itu akan ditahan dan dihantar pulang ke negara asal? Pertama.

Kedua, mengapa semasa mereka berada dalam penjara, pada masa itu tidak buat urusan untuk mereka dihantar pulang, terpaksa mereka pergi- apabila keluar dari penjara mereka kena tahan di imigresen dan ia makan masa yang panjang. Ini menyebabkan banyak kita keluarkan duit untuk mereka.

So, saya berharap- dalam masa dalam penjara itu kita perlu cepatkan dia punya proses untuk hantar pulang ke negara asal. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat boleh saya tambah soalan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tambah sikit sahaja, Jempol keja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Petaling Jaya dahulu.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih, apa yang saya faham ialah ini berkenaan dengan isu pelarian yang mana mereka juga memegang pas di bawah UNHCR dengan izinnya. Akan tetapi, di Selayang, mereka dihalau keluar dari rumah sewaan. So, apa status berkenaan dengan pelarian yang ada dokumen di bawah UNHCR tapi dokumen itu dinamakan PATI juga.

Kedua, ialah bolehkah kita mengkaji semula status Malaysia berkenaan dengan pelarian kerana mereka berada di sini sudah beberapa tahun dan tidak ada akses kepada pendidikan, kerja dan juga *social security*, dengan izin? Saya harap isu-isu mereka dapat dikaji semula oleh kerajaan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sikit tambah Jempol. Tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyebut lebih daripada seramai 20 ribu orang warga asing telah pun dihantar. Soalannya masih sama, tapi saya menyatakan adakah ada yang mendapat *calling visa*? Oleh sebab sekatan hari ini tidak boleh bekerja asing masuk? Adakah dari depoh yang ada, boleh kita putihkan ataupun menggunakan tahanan di depoh ini untuk menjadikan ia pekerja yang diputihkan.

Keduanya, tentang parol yang disebut tadi. Maknanya tempoh yang dibagi adalah lebih kurang- yang boleh diluputkan daripada jenayah, contohnya dia telah melalui proses untuk bekerja di industri dalam tempoh pemantauan tersebut dia berlaku baik dan senarainya dikeluarkan daripada mereka yang diklasifikasikan sebagai mereka yang dalam jenayah? Mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akhir sekali Yang Berhormat, pertama saya ucap tahniah sebab Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah berjaya menyelesaikan banyak benda. Akan tetapi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat fasal UNHCR. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa kehadiran UNHCR di negara ini meragukan?

Pertamanya, kita patutnya membenarkan kad UNHCR ini dikeluarkan dari depoh imigresen. Akan tetapi, dia benarkan *walk-in*- yang dibenarkan untuk orang datang mengambil kad UNHCR di Jalan Bukit Petaling, di pejabat mereka.

Jadi, semasa orang ini datang mengambil kad UNHCR, dia tidak ada apa-apa dokumen. Bagaimana dia boleh bergerak dalam negara ini dan kita benarkan bergerak dalam negara ini tanpa dokumen, selepas itu kita keluarkan kad UNHCR.

Jadi, apakah kerajaan akan menyiasat kehadiran UNHCR ini? Apa hak mereka untuk mereka mengeluarkan kad ataupun mereka hanya dibenarkan mengeluarkan kad UNHCR ini setelah dibenarkan oleh Kementerian Dalam Negeri, bukan memandaimandai sendiri. Nombor satu.

Nombor duanya, adakah kad UNHCR yang dikeluarkan daripada negara lain iaitu negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Thailand yang dikeluarkan di sana? Kenapa mereka diberi pengiktirafan untuk hadir di sini sekali lagi.

Jadi, saya minta Yang Berhormat supaya menyiasat kedudukan UNHCR ini supaya mereka tidak meragukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jelaskan beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Pertamanya tentang pemutihan. Saya hendak jelaskan bahawa saya belum pernah mengumumkan ada proses pemutihan yang akan kita lakukan sebab dalam waktu yang sama kita juga perlu pekerja-pekerja. Ada waktu dalam tempoh COVID-19 ini yang mungkin pas pekerjaan itu telah pun tamat. Yang itu okey, kita boleh bagi *consideration* kerana mereka masih lagi ada dalam negara dan tidak boleh pulang dan sambung semula. Itu memang kita bagikan mengikut *case-by-case*.

■1720

Akan tetapi, kalau kita hendak mengumumkan pemulihan keseluruhannya, saya ingat tidak adil kerana Yang Berhormat Beruas sendiri pun sudah beritahu, pemutihan ini sudah banyak kali berlaku. Sebabnya, sebab semua mengikut apa Yang Berhormat Beruas maklumkan kepada saya. Tunggu sahaja. Jangan risau duduk di Beruas, menyorok diam-diam. Sampai masa ada pemutihan, bawa keluar balik. Ini yang kita takut. Jadi sebab itu, kita hendak melakukan secara yang terbaik. Biar kita tentukan yang hanya kita rasa benar-benar memerlukan kedudukan mereka dalam negara ini, mengikut pengesahan daripada imigresen dan majikan sahaja, yang akan kita lakukan *case-by-case*.

Untuk kita buat pemutihan di seluruh negara, saya sudah kata tadi, kalau mereka sudah ada kad, sudah ada permit untuk bekerja, tidak timbul lagi pemutihan. Kalau hendak orang baharu ini, kes lain. Kes yang kita hendak halau sekarang ini mereka yang tidak mempunyai dokumen yang sah. Yang Berhormat sendiri pun tadi beritahu, mula-mula ada kata empat juta. Jadi, Yang Berhormat nak empat juta *undocumented* ataupun memerlukan supaya *reduce the number*? Kita tidak tahu sama ada empat juta ataupun sebaliknya.

Saya hendak maklumkan, yang ada dokumen hari ini hanya lebih kurang dua juta. Yang kata ada lagi dua juta itu datang daripada mana? Ini hanyalah anggapan semata-mata. Saya hendak maklumkan, banyak operasi yang telah pun kita lakukan.

Setiap kali apabila kita tangkap, peratusan daripada operasi mereka- contohnya kalau kita jumpa, buat siasatan terhadap 10 ribu orang, selalu yang kita dapat hanya lebih kurang 1,000 atau 2,000 orang daripada 10 ribu itu yang tidak ada dokumen. Maknanya, tidak sampai pun 15 ataupun 20 peratus setiap kali kita lakukan.

Ini membuktikan bahawa kalau kita sudah ada 2 juta, *the most* orang yang tidak ada dokumen, PATI, saya menjangkakan daripada statistik operasi yang kita lakukan hanyalah mungkin 15 atau 20 peratus. Kalau kita ada 2 juta, mungkin ada 300 ribu lagi yang tidak ada dokumen.

Dalam waktu kita melakukan operasi dalam waktu COVID-19 ini, ramai yang telah pun kita tangkap dan kita usir mereka kembali dan kita menjangkakan mereka yang tidak ada dokumen dalam negara ini mungkin tidak sampai pun 300 ribu orang. Jadi, kalau itu boleh kita kurangkan, *insya-Allah*, masalah sosial nanti tidak akan timbul lagi. Apa yang pastinya, saya sudah jelaskan tadi, segala seksyen kesalahan yang dilakukan sama ada daripada majikan, daripada PATI itu sendiri yang menyalahi undang-undang Jabatan Imigresen Malaysia, akan pasti kita tangkap dan kita usir.

Saya hendak menjawab apa Yang Berhormat Padang Serai memaklumkan bahawa mengapa lambat sangat kita menghantar mereka pulang. Saya hendak maklumkan, sebenarnya ada bermacam-macam isu yang timbul. Pertama, apabila kita kata *undocumented* ini, ini menyebabkan masalah kita. Pertama, kita akan bekerjasama dengan *embassy* yang ada hendak maklumkan, "*Ini orang engkau*", dia kata, "*Bukan orang aku*". Tidak ada dokumen yang menunjukkan dia ini orang mana. Yang susahnyanya kita.

Jadi sebab itu, segala itu harus kita lakukan. Kadang-kadang ia mengambil masa. Mereka yang sudah ditangkap, dimasukkan ke dalam penjara contohnya, tidakkan dia duduk penjara lama-lama. Sudah tentu apabila keluar *undocumented*, kita masukkan dalam depoh untuk memastikan dia orang daripada mana. Ini semua kita lakukan mengikut prosedur yang ada. *Alhamdulillah*, segala prosedur ini dapat kita lakukan sebaik mungkin. Penambahbaikan daripada semasa ke semasa, Jabatan Imigresen akan lakukan untuk memastikan PATI dalam negara kita ini akan berkurangan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Bolehkah menyampuk?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tadi yang mencelah ramai, biar saya jawab yang ramai dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab soalan yang lima tadi, yang lima Yang Berhormat itu.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Mencelah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya bagi...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sebab saya tidak dengar Sabah disebutlah.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Betul. Selepas ini saya bagi. Selepas ini saya bagi Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bagi saya membalas tadi...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Beruas sudahlah, Yang Berhormat Beruas sudah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar nanti ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jawapan tadi tidak menyelesaikan masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Beruas. Bagi...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau PATI ini semua didaftarkan, kerajaan pun dapat banyak duit levi. Mungkin sampai berbilion-bilion Ringgit iaitu RM2 bilion, RM1 bilion, RM2 bilion setahun.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey, saya jawab.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Juga sekarang masalahnya ialah...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey, saya jawab.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jawapan tadi tidak menyelesaikan masalah PATI di Malaysia.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *All right.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Hakikatnya, ramai orang asing yang PATI ini kalau cedera ataupun tidak boleh pergi ke hospital, kesian. Mereka pun manusia. Nanti Indonesia membantah cara kita melayan warga mereka...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang saya hendak...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Bagi Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Cara.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sudahlah. Sudah, sudah, duduk.

[Pembesar suara dipadamkan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Beruas, saya bagi peluang Yang Berhormat Menteri. Saya sudah bagi peluang kepada yang bertanya, sekarang ini minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab satu persatu. *Orkan* balik, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: *Mike, mike.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Switch on* dahulu.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya hendak menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya tadi tentang kedudukan mereka yang ada kad UNHCR. Mereka yang ada kad UNHCR ini sesuatu yang kadangkala kita sendiri pun tidak faham. Sepatutnya angka itu sudah pun statik, tetapi ia makin lama makin meningkat. Ini yang menimbulkan masalah dalam negara kita.

Begitulah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau, mengapa tidak kita- kerana ia amat meragukan tentang UNHCR ini, kita ambil tindakan terhadap perjanjian kita. Ini akan kita serahkan ke Wisma Putra untuk mereka mengambil tindakan dan seterusnya akan kita kaji semula kedudukan mereka dalam negara kita... *[Tepuk]*

Tentang masalah mereka juga merupakan manusia yang patut kita bantu, saya bersetuju kita bantu. Akan tetapi, biarlah mereka itu mempunyai status yang benar-benar, dokumen yang kita sendiri boleh terima hakikatnya. Itu yang sepatutnya kita lakukan...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Akan tetapi, ada *timeline* kah untuk mengkaji semula status itu, ada *timeline* kah?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sepatutnya semalam, tetapi kita tidak boleh hendak buat semalam. Maksud saya, ia sepatutnya sudah tahun-tahun sebelum ini juga sepatutnya telah diselesaikan. Akan tetapi, oleh sebab yang saya kata tadi angka itu masih lagi tidak statik, ia makin lama makin banyak, ini menyebabkan masalah itu timbul daripada semasa ke semasa. *Insya-Allah*, saya akan berbincang bersama dengan Wisma Putra untuk memastikan masalah status UNHCR ini...

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Minta mencelah.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya minta pencelahan?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar, Kangar.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Satu lagi. Satu lagi yang belum saya jawab iaitu Yang Berhormat Jempol tentang parol penjara. Ini sudah lepas, sudah masuk topik PATI, tetapi tidak apalah.

Parol ini memang kita akan bincang untuk memastikan supaya mereka yang tidak berisiko tinggi itu akan kita berikan kaedah-kaedah baharu untuk banduan yang berlesen. Maksudnya, dia boleh kita benarkan dua minggu keluar balik kampung, cari kerja, balik semula. Itu akan kita perhatikan untuk memastikan inilah dia *reform* yang akan kita lakukan untuk memastikan mereka ini sudah boleh bercampur gaul dengan masyarakat di luar sana. *Insya-Allah*, akan kita pertingkatkan lagi program ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Permatang Pauh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Permatang Pauh dulu.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: ...Dahulu ya, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan berkait dengan segala sokongan untuk reformasi penjara. Saya minta penjelasan sedikit tentang dasar kementerian dan juga kerajaan tentang proses pemulihan penagihan dadah, pemilikan dan juga penggunaan dadah. Kerana apa? Ini dibangkitkan oleh peringkat Majlis Penyalahgunaan Bahan Terlarang Malaysia, Datuk Izhar.

Walaupun AADK diberikan peruntukan, kadangkala kita pun tidak pasti sama ada mereka mendukung sepenuhnya bahawa ketagihan itu adalah satu *an addiction*, dadah ini merupakan satu ketagihan. Jadi, mohon mungkin boleh diperincikan tentang dasar *what the position taken by the government with regards to this?* Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar minta sedikit.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Permatang Pauh, saya hendak menjelaskan- tadi sudah maklumkan bahawa apa yang kita ingin lakukan adalah- ya, saya jelaskan sekali lagi kepada Yang Berhormat bahawa buat masa ini, kita memang bekerjasama dengan NGO untuk memastikan orang-orang ini dapat kita berikan status pemulihan yang lebih baik dari semasa ke semasa melalui program-program yang akan kita lakukan.

Cuma, kalau mereka dahulu dianggap sebagai penjenayah, sekarang ini kita cuba dengan akta yang baharu yang akan kita bawa nanti, cadangannya adalah untuk dirangka dan dimuktamadkan dengan secepat mungkin iaitu Akta Penyalahgunaan Dadah dan Substan bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) kerana ia perlukan bukan hanya daripada segi rawatan dan pemulihan, tetapi hendak menentukan dadah dan substan yang digunakan itu. Barulah kita boleh merawat mereka.

■1730

Ini yang akan kita tingkatkan. Itu telah saya jelaskan tadi. Sila Yang Berhormat.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Mohon, mohon celah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih. Saya Kangar, ya.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Sandakan, Sandakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon juga, Sik.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, saya berkaitan dengan isu pendatang asing tanpa izin. Dalam perbincangan saya, saya juga menyentuh tentang isu ini yang mana saya mencadangkan kerjasama rapat antara kementerian dan juga kedutaan-kedutaan kerana kita tahu bahawa berdasarkan beberapa kes misalnya tangkapan terhadap pegawai kerajaan yang terlibat dalam isu ini. Kita juga ada isu tentang penderaan terhadap pekerja asing.

Jadi, kita juga mesti mengambil kira tentang nasib pekerja-pekerja yang mungkin *innocent* tidak tahu tetapi terperangkap dalam satu sistem yang saya tafsirkan sebagai satu bentuk perhambaan moden.

Jadi, ini juga mesti diambil kira dalam memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat lah walaupun sudah tentu bukan semua kes yang sebegini. Mungkin kita boleh adakan satu sistem di mana pekerja-pekerja asing ini mesti mendaftarkan keberadaan mereka di negara kita kepada kedutaan mereka dan juga kita mesti- tadi bila Yang Berhormat Menteri jawab tentang menghantar balik itu bagi saya adalah satu tindakan akhir tetapi proses-proses yang sebelum tindakan akhir itu bagi saya perlu diperkemas.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya banyak lagi...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, Sik ada sikit soalan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya banyak lagi isu yang ingin saya jelaskan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri, Sandakan mohon celah.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Biar saya jelas dulu beberapa isu dan boleh saya benarkan nanti ya.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Menteri, Kimanis lagi lepas itu boleh atau tidak?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan- eh! Sorry. Tuan Yang di-Pertua, dia marah saya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya tidak sedar. Berkaitan- nanti.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kimanis minta dulu, Kimanis minta dulu.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri, Sandakan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya belum jawab Yang Berhormat Beaufort punya isu tentang- ini saya jawab tentang PATI, pekerja tanpa izin, bukan pendatang.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Isu Kimanis dulu ya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Ya.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Lepas ini saya bincang tentang kedudukan mereka yang masuk tanpa izin yang duduk lama seperti di Sabah. Itu akan kita bincangkan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri, tentang pekerja ini pun.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ya.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sebab saya pernah melalui satu program di Bangkok satu ketika dahulu, di mana saya tengok ada usaha negara luar untuk memburukkan negara kita apabila mereka yang bekerja ini membawa anak-anak mereka yang datang, keluarga mereka tanpa izin dalam negara kita. Apabila mereka tidak dapat kononnya melanjutkan pelajaran dan sebagainya, kita dilihat sebagai tidak baik, negara kita Malaysia. Jadi, ini pun perlu ditengok. Kita tidak boleh benarkan yang kita diburukkan di peringkat antarabangsa, sedangkan mereka ini datang ke negara kita tanpa izin dengan membawa keluarga mereka. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya bersetuju. Ini yang masalah kita iaitu masalah persepsi di luar sana. Cerita kita masalah seperti Yang Berhormat Beruas bangkitkan tadi, pemutihan-pemutihan. Mereka yang kita putihkan ialah pekerja, yang anak-anak dan cucu-cicit dia tidak diputihkan lagi.

Oleh sebab itu, saya hendak kalau boleh kita tangkap mereka, hantar pulang dulu. Semua sudah pulang, kemudian dia hendak patah balik tidak apa, tanpa keluarga mereka... *[Tepuk]* Itu yang akan kita lakukan. Jangan kita buat dengan hanya lihat apa yang ada di depan mata kita. Apa yang sebenarnya masalah ini masalah yang lebih besar. Bukan hanya setakat pekerja tetapi juga keluarga mereka.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Beaufort tetapi akan kita ambil tindakan yang sewajarnya bagi menentukan dalam masa yang terdekat, semua mereka sudah pun dihantar pulang, *then only* dia boleh dibenarkan masuk. Bukan pemutihan sewenang-wenangnya dilakukan dalam negara, menyebabkan keluarga-keluarga mereka juga nanti menjadi masalah yang lebih besar di masa hadapan. Yang Berhormat Kimanis, yes.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri, Sandakan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik pun hendak juga sikit penjelasan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kimanis, Kimanis dulu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ini isu PTI juga, pendatang asing tanpa izin ya. Saya ingin menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri pun sudah maklum bahawa orang Sabah, rakyat Sabah sangat fobia sebenarnya dengan apa juga langkah kerajaan untuk menyelesaikan isu PTI. Baru-baru ini, kita ada cadangan PSS umpamanya sudah dibatalkan dan *alhamdulillah* tetapi cara itu sebenarnya sudah...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey, kalau isu itu nanti saya jawab.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ada ya?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ya.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Okey, saya akan bangun semula.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua- ini Yang Berhormat Sandakan, saya jawab dulu, nanti boleh ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon juga Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, Puan Yang di-Pertua, Dato' Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Belum kahwin.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *Sorry*. Berkaitan dakwaan- oleh sebab itu saya tukar cepat-cepat Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Kadang-kadang tersasul bila tengok pakai *face mask* itu nampak beza. Berkaitan [*Ketawa*] Berkaitan dakwaan pertambahan kemasukan pendatang asing PATI...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Aih*, lawak sakan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Khususnya dari negara Myanmar semasa majlis solidariti yang dianjurkan pada tahun 2016 sebagai contoh, kementerian mendapati tiada peningkatan jumlah kemasukan warganegara Myanmar yang drastik direkodkan berdasarkan statistik oleh Jabatan Imigresen.

Ahli Dewan yang mulia, KDN sentiasa komited dalam usaha menangani kemasukan PATI ini. Justeru itu, kementerian sedang di peringkat akhir perancangan untuk memperkenalkan Pelan Holistik Penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin yang akan diterajui oleh Jabatan Imigresen. Pelan yang akan dilaksanakan untuk tempoh lima tahun dari tahun 2020 hingga tahun 2025 ini, merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan banjir PATI di negara ini dengan melibatkan kerjasama strategik antara pelbagai kementerian dan agensi termasuk melalui pemerkasaan operasi penguatkuasaan.

Pelan holistik ini akan memberi penekanan khusus terhadap kerjasama komprehensif antara Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), termasuk juga penglibatan kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI bagi menangani masalah PATI secara menyeluruh.

Berkait dengan isu yang sama, Yang Berhormat Libaran ada bertanyakan mengenai keberkesanan pelaksanaan Ops Benteng dalam membendung kemasukan PATI. Saya hendak maklumkan, kerajaan telah melancarkan ops ini bermula dari 1 Mei 2020 dan merupakan satu operasi yang dikendalikan di bawah *National Task Force* melibatkan agensi penguatkuasaan yang diketuai oleh Angkatan Tentera Malaysia dan juga PDRM, APMM dan beberapa buah agensi yang lain. Ini adalah untuk mengekang penyeludupan PATI ke negara ini. Sepanjang tempoh Operasi Benteng ini, kita telah pun menangkap sebanyak 3,597 tangkapan telah dilakukan oleh agensi penguatkuasaan melalui *national task force* ini.

Selain daripada itu, tangkapan juga melibatkan seramai 25 orang pegawai penguat kuasa terdiri daripada 18 orang pegawai polis, lima orang anggota tentera dan dua orang pegawai imigresen. Hal ini menunjukkan bahawa kita amatlah tidak berkompromi atas isu ini dan akan kita lakukan daripada semasa ke semasa untuk memastikan Ops Benteng ini mencapai matlamatnya.

Yang Berhormat Tuaran telah bertanya mengenai tindakan yang telah diambil oleh kementerian melalui Laporan Ketua Audit Negara berkaitan ketiadaan rekod tarikh keluar masuk pelancong-pelancong China pada tahun 2018. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan bahawa antara strategi penguatkuasaan yang sedang dan akan terus diambil oleh kementerian ini adalah melaksanakan operasi bersasar atau *targeted operation* terhadap PATI mengikut kategori keberadaan, pekerjaan, taburan serta *threats* yang lain.

Kita akan bekerjasama melalui apa yang telah pun saya katakan tadi bersama dengan agensi-agensi yang ada termasuklah Jabatan Pendaftaran Negara untuk memastikan sesiapa sahaja yang tinggal di sini tanpa dokumen, *insya-Allah*, dengan operasi keseluruhan ini, dapat kita tangkap mereka dan dapat mengurangkan walaupun ada mereka yang tinggal di sini tanpa izin seperti apa yang dikatakan dalam report audit tersebut.

Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Kinabatangan dan juga Yang Berhormat Putatan bertanya berkenaan status kad IMM13 dan juga penubuhan jawatankuasa tertinggi bagi menangani isu pendatang asing tanpa izin di Sabah. Saya hendak jelaskan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, susulan daripada syor Suruhanjaya Siasatan Diraja, atau *Royal Commission of Inquiry* mengenai pendatang asing di Sabah, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS).

■1740

Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab untuk mengkaji dan berbincang isu berkaitan pendatang dan orang asing di Sabah. Bagi cadangan agar IM13 digunakan untuk menggantikan kad burung-burung dan sijil banci yang dipegang oleh pendatang dan orang asing di Sabah, ia sedang diperhalusi secara strategi dan akan diteliti sama oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh JKPWAS dan cadangan strategik pendokumentasian warga asing di Sabah menggunakan sesuatu dokumen keimigresenan sedia ada seperti IM13 adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada. Hal ini adalah amat penting bagi membolehkan kita menentukan sesiapa sahaja yang ada sama ada di Sabah atau di seluruh negara dapat kita usir ke negara asal dengan dokumen yang lebih baik dari semasa ke semasa.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Sedikit Yang Berhormat Menteri, Kimanis.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ya.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan tentang isu IM13. Jadi saya minta satu komitmen daripada kerajaan, kita hendak satu penyelesaian yang tuntas untuk menyelesaikan PTI di Sabah ini Yang Berhormat Menteri. Saya cukup yakin dan percaya kerajaan pada hari ini mempunyai komitmen yang cukup tinggi untuk cuba menyelesaikan masalah PTI di negeri Sabah. Itu sebabnya pada PRK Kimanis lalu, mereka tolak kerajaan pimpinan Warisan yang kerjasama dengan Pakatan Harapan waktu itu untuk memperkenalkan dokumen PSS.

Seorang Ahli: ..A/a, cerita lainlah.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Itu tidak baik dan tidak betul. Jadi makanya pada hari ini saya ingin memuji dan meminta kepada Kerajaan Perikatan Nasional yang mempunyai komitmen yang cukup tinggi, untuk menyelesaikan masalah PTI di negeri Sabah.

Kedua, oleh sebab isu PTI ini Yang Berhormat Menteri mempunyai satu isu yang besar di negeri Sabah, apa kata satu pendekatan diperkenalkan oleh kerajaan untuk membuat satu *progress report* atau laporan kemajuan semasa untuk menyelesaikan masalah PTI ini. Ini cukup penting oleh sebab isu ini cukup besar. Kita tidak mahu lagi kesilapan Pakatan Harapan diulang dalam kerajaan pada hari ini. Terima kasih banyak.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Boleh saya tambah? Kalabakan sikit.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Beaufort, sila.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Beaufort lagi.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Ya, kerana ini ada satu masalah yang amat-amat genting dan kritikal bagi kami di Sabah. Saya dengar apa Yang Berhormat Menteri jawab tadi tetapi masih belum berpuas hati. Fasal ini memang orang-orang Sabah sentiasa bercakap tentang ini. Mana *group* sahaja akan bercakap tentang masalah ini. Jadi ia perlu ditangani dengan sebaik mungkin dan dengan secepat-cepatnya.

Masalahnya sekarang ini, saya belum nampak bagaimana ia akan ditangani. Walaupun saya ucap terima kasihlah atas usaha Yang Berhormat Menteri datang ke Sabah menengok jalan-jalan tikus dan sebagainya. Akan tetapi jalan-jalan tikus ini masih terus lagi dimasuki, dibolosi dan ini akan menjadi masalah besar kepada kami. Apakah cara yang terbaik perkara ini dapat diselesaikan?

Kami takutlah nanti ada pula yang mengadakan pejabat-pejabat khas, membawa borang, ada pula lambang parti lagi di situ dan sebagainya. Jadi kami nanti bimbang, kami jadi kecil sahaja orang Sabah ini sebenarnya orang Malaysia ini. Orang yang datang dari lain tempat tidak tahu di negara mana pula yang akan ramai dalam negeri kami di Sabah ini.

Ini adalah amat-amat membimbangkan. Saya tidak tahu kepada saudara kalau daripada Yang Berhormat Kalabakan ini tidak bimbang kah saya tidak tahu. Akan tetapi kami bimbang sangat. Setiap hari kami bimbang, anak-anak kami bimbang, orang kampung kami bimbang kerana mereka ada di mana-mana.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Sandakan mohon mencelah.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Kamu tidak tahu, kami yang tahu.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Putatan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Saya sambung. Kalabakan sedikit. Kalabakan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, tunggu Yang Berhormat Menteri bagi kebenaran.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Menteri, Kalabakan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Sandakan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Menteri, Kalabakan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Siapakah Yang Berhormat Menteri? Sekejap-sekejap.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sabar, sabar.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sabar, sabar. Sekejap Yang Berhormat Kalabakan. Sabar, sabar sekejap.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Isu ini sepatutnya diselesaikan masa Pakatan Harapan memerintah.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Kalabakan, nanti sekejap. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua waktu saya dah hendak habis. Kalau macam ini caranya, kita tak habis jam 6 petang. Apa semua boleh saya benarkan sebab...

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Sandakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ya, sekejap. Yang Berhormat sekejap, Yang Berhormat Menteri tengah tanya saya.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh tambah lagi saya 10 minit, boleh saya benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri, sanggup hendak jawab semua isu mereka Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya bukan hendak sanggup jawab semua. Ini sebab masalah kita masalah warganegara, warga ISIS. Saya ingat patut saya jawab yang itu dahulu. Jadi kalau boleh, kalau soalan yang sama Yang Berhormat Sandakan, saya ingat tidak payahlah. Biar saya jawab apa yang telah pun dibangkitkan di Sabah. Yang Berhormat Sandakan juga menimbulkan soalan yang sama. Jadi biar saya jawab dahulu. Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Macam ni Yang Berhormat Menteri. Saya bagi sampai pukul 6 petang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Kemudian Yang Berhormat Menteri tak boleh sempat jawab, jawab jawapan bertulis. Akan tetapi saya silakan keputusan Yang Berhormat Menteri untuk mana-mana Yang Berhormat bertanya. Silakan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey, saya berikan Yang Berhormat Sandakan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adalah tadi Yang Berhormat Menteri beritahu IM13 yang diumumkan pada 5 Jun 2020 masih sedang diperhalusi. Akan tetapi soalan saya siapakah yang boleh yang berhak untuk memohon IM13 ini sebab ini merupakan satu pas pelarian daripada 30 tahun yang lalu, tetapi kenapa selepas 30 tahun, kementerian masih mahu mengisukan pas pelarian. Adakah ini akan boleh menolong menangani isu PTI di Sabah? Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak menjelaskan IM13 ini hendak maklumkan kepada semua termasuk Yang Berhormat Kalabakan. Saya hendak maklumkan sebenarnya IM13 ini kita dah tidak isu dah lagi. Kerajaan Perikatan Nasional tidak akan mengeluarkan lagi kad IM13.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Jadi Yang Berhormat Menteri, apakah dokumen akan diisukan sekarang?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Itu kerajaan dulu.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Tadi Yang Berhormat Menteri akan memperhalusi IM13? Jadi, tetapi sekarang tidak akan?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Duduk-duduk, saya hendak jelaskan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Apakah dokumen yang akan dikeluarkan?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya hendak maklumkan bahawa...

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Duduklah Yang Berhormat Kalabakan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Ini yang saya hendak jelaskan supaya Yang Berhormat Kalabakan, kalau rasa Perikatan Nasional baik, ikutlah kami... *[Tepuk]*

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: *Confirm* tidak baik. Itulah saya tidak ikut *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Confirm* terbaik.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sebab itu, Yang Berhormat Kimanis dah kita menang kerana kedudukan Kerajaan Perikatan Nasional yang agak lebih baik untuk kita... *[Dewan riuh]*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: UMNO tidak *join* PN. Kalau baik kenapa UMNO tidak mahu *join*?

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya hendak jelaskan, IM13 ini tidak pun kita keluarkan lagi. Hal ini hanya masalah di negeri Sabah.

Apa yang menjadi masalah yang berderet-deret orang hendak berdaftar ini bukan IM13, tetapi dokumen lain yang kita tidak tahu siapa yang ingin dikeluarkan dalam zaman kerajaan Warisan, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Akan tetapi kenapa masa itu 15 Jun 2020 masih diumumkan IM13?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Maka sebab itu saya mengambil tindakan, untuk memastikan tidak ada lagi dokumen yang lain selain yang telah pun ada.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Kita hendak selesaikan ini supaya sesiapa sahaja yang tahu mereka tidak ada mempunyai dokumen tetapi tinggal di negeri Sabah, cepat-cepatlah pulang ke negara asal kerana kita akan buat operasi besar-besaran.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Ya, hantar balik secepat mungkin. Hantar balik secepat mungkin.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri, jadi adakah cadangan IM13 yang diumumkan pada 15 Jun 2020 ditarik balik? Adakah maksud itu?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya tak pernah pun mengumumkan akan memberikan penambahan. Saya kata hendak mengkaji semula.

Seorang Ahli: Tahniah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Kita hendak mengkaji semula...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Belum *confirm*, apakah *answer*? Apakah dokumen?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Dengarlah dulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kalabakan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: *Answer*?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *All right*, Yang Berhormat Sandakan saya jawab. Saya negara umumkan bahawa tidak ada lagi kita isu IM13. Saya beritahu kepada rakyat Sabah mereka yang ada kad burung-burung, banci semua itu, kad banci. Saya hendak tengok kedudukan mereka. Apakah sama dengan status dengan IM13 yang telah pun kita keluarkan? Kita tidak mahu sesiapa mengeluarkan kad-kad yang baharu, yang seperti Yang Berhormat Kalabakan mahukan. Itu kita tidak akan kita lakukan sama sekali.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Putatan. Yang Berhormat Menteri, Putatan, satu lagi.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Masalahnya Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Seputeh pula bertanyakan mengenai isu pekerja asing Bangladesh, Md Rayhan Kabir. Saya hendak maklumkan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penahanan individu yang dikehendaki iaitu oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Md Rayhan Kabir dibuat pada 24 Julai 2020.

■1750

Subjek seterusnya direman di bawah seksyen 51(5)(b) Akta Imigresen bagi tempoh 14 hari dan ditempatkan di depot tahanan Imigresen Putrajaya untuk tujuan siasatan lanjut. Selaras dengan seksyen 9(1)(c) Akta Imigresen, JIM telah membatalkan pas lawatan kerja sementara subjek dan notis pembatalan PRKS subjek telah diserahkan kepada majikan subjek pada 13 Julai 2020. Susulan itu, siasatan juga sedang dijalankan ke atas majikan tersebut.

Kementerian ini menegaskan bahawa mana-mana majikan atau warga asing yang melakukan kesalahan bertentangan dengan peruntukan Akta Imigresen dan undang-undang sedia ada boleh diusir pulang ke negara asal.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Yang Berhormat,

Puan Teresa Kok [Seputeh]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Hendak jelas apa? Rayhan Kabir sudah disiasat dan kita akan hantar pulang kerana melakukan kesalahan.

Puan Teresa Kok [Seputeh]: Kenapakah hantar dia pulang tetapi kerajaan tidak siasat atas aduan dia yang dikeluarkan dalam dokumentari *Al Jazeera* itu? Oleh sebab perkara ini, *Al Jazeera* diserbu oleh pihak penguat kuasa. Kami hendak tahu, kenapakah ini dilakukan? Kalau ada TV stesen yang mewawancara dia...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Serbu, serbu. Jangan peduli.

Puan Teresa Kok [Seputeh]: ...Dan dia beritahu apa yang berlaku, apakah salah dia? Apakah kesalahan dia?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Baik, terima kasih. Saya hendak jelaskan bahawa Ketua Pengarah Imigresen di bawah seksyen 9 boleh mengambil tindakan terhadap mana-mana warga asing yang kita rasa *unwanted* dalam negara kita. Itu adalah penjelasan saya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Itu tidak menjawab soalan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Akan tetapi, itu tentang *Al Jazeera*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Teruskan, Menteri. Teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri, sambung.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Yang Berhormat, satu lagi. Putatan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Menteri, sambung.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Menyentuh kepada aspek kebajikan anggota polis...

Puan Teresa Kok [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri tidak jawab langsung apakah kesalahan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Seputeh, Menteri tidak layan. Biarlah dia habis dia punya perbincangan.

Puan Teresa Kok [Seputeh]: Ini sebenarnya yang menjejaskan imej negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak apalah. Yang Berhormat Menteri berilah jawapan bertulis. Yang Berhormat Seputeh, tidak boleh paksa.

Puan Teresa Kok [Seputeh]: Menjejaskan imej Jabatan Imigresen dan imej Yang Berhormat Menteri juga.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat, Yang Berhormat pernah jadi Menteri. *Check* balik seksyen 9 Akta Imigresen. Kita boleh hantar sesiapa sahaja yang bukan warganegara yang kita rasa *not wanted*. *He is not wanted in this country*. Sesiapa sahaja. Jadi, kita boleh ambil tindakan terhadap mereka.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri,

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua- nanti, nanti. Nanti sekejap. Menyentuh kepada aspek kebajikan anggota polis, antara cadangan penambahan anggota polis seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Kota Samarahan dan Yang Berhormat Jerantut, PDRM pada masa ini telah menetapkan keutamaan perancangan tahun 2020-2021 untuk menyediakan kajian cadangan pengukuhan pertambahan perjawatan balai polis kategori E. Ia tertakluk kepada dasar semasa kerajaan, garis panduan dan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan dan kawalan saiz perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Pontian pula memohon maklum balas daripada Kementerian sama ada pasukan STAGG, STAFOC dan STING akan ditubuhkan semula atau sebaliknya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PDRM telah menjalankan kajian ke atas penubuhan semua skuad taktikal khas tersebut. Menerusi keputusan kerajaan yang telah diumumkan pada Julai 2018, kerajaan telah memutuskan supaya ia dibubarkan demi memastikan tidak berlakunya pertindihan fungsi jabatan-jabatan PDRM sedia ada.

Oleh yang demikian, kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan semula skuad taktikal khas tersebut.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit, Menteri. Saya difahamkan oleh Yang Berhormat Bagan Datuk bahawa dengan kewujudan STAGG, STAFOC dan STING, beliau menyebut pada ketika itu kadar jenayah turun 42 peratus. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini dan keberkesanan kewujudan tiga unit elit polis yang berkaitan?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *Alhamdulillah*, sebab sudah turun dan semua pun sudah berjalan baik dan tidak lagi perlukan tindakan khas tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Seterusnya, Yang Berhormat Kapar bertanya...

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Menteri, boleh bertanya?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Nanti. Tanya fasal? Nanti. Saya menjawab pertanyaan mengenai kajian semula mekanisme baharu skim perkhidmatan polis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, terdapat tiga skim perkhidmatan pegawai rendah polis dalam Polis Diraja Malaysia iaitu skim PRP dan konstabel, PRP dan konstabel Orang Asli dan PRP dan konstabel sokongan. KDN pada masa ini sedang dalam peringkat kaji semula ketiga-tiga skim ini bagi tujuan penambahbaikan untuk memastikan skim-skim ini mempunyai kemajuan kerjaya, menarik, berdaya saing. Kajian akan melihat kebolehlaksanaan penggabungan ketiga-tiga skim ini menjadi satu skim yang lebih baik.

Yang Berhormat Kapar turut bertanyakan berkenaan kajian semula kesamarataan perjawatan dan skim perkhidmatan pegawai penjara dan anggota keselamatan yang lain. *Alhamdulillah*, buat masa ini kita telah pun mengkaji dan menjalankan tindakan yang akan kita ambil untuk melaksanakan kajian pelaksanaan skim perkhidmatan bersepadu pegawai penjara dan semua pegawai-pegawai yang ada di Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat Segambut telah bertanyakan mengenai syarat dan kelayakan perkhidmatan juru iring polis. Saya hendak maklumkan juru iring polis ini ada prosedur yang tertentu, SOP yang hanya diberikan kepada orang-orang kenamaan yang tertentu sahaja.

Walau bagaimanapun, beberapa orang- kenamaan yang lain daripada, pertama, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan, Duli Yang Maha Mulia Sultanah-sultanah, Tuan Yang Terutama dan isteri, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota dan Raja Muda, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri, semua ini selain daripada mereka *on case-by-case basis*, dengan izin, mengikut keperluan semasa akan kita lihat dan kita berikan mengikut keperluannya.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya minta penjelasan?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Papar dan Yang Berhormat Dungun bertanyakan mengenai tindakan kementerian dalam menangani pencerobohan nelayan asing- tadi juga dibangkitkan- dari Vietnam di perairan negara. Sejauh mana kementerian bercadang untuk menambah baik aset Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KDN melalui semua agensi tersebut memandang serius akan isu pencerobohan bot nelayan asing di perairan negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. KDN melalui APMM telah melancarkan operasi bersepadu yang dikenali secara Ops Naga dengan penglibatan pelbagai agensi secara khusus bagi menangani ancaman pencerobohan bot nelayan asing.

Saya ingin maklumkan sehingga Julai 2020, sebanyak 120 bot nelayan asing telah ditahan daripada 4,995 buah bot yang diperiksa melalui Ops Naga Timur ini. Operasi ini masih lagi diteruskan sehingga kini.

Manakala bagi Ops Naga yang turut dilaksanakan di perairan Semenanjung Malaysia, sejumlah 8,057 pemeriksaan telah dilaksanakan dan kita bersama dengan semua agensi telah- daripada jumlah tersebut, sebanyak 151 tangkapan bot nelayan asing Vietnam telah dilakukan. Manakala sehingga kini, sebanyak 108 pengusiran telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kita. Silakan.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai perkhidmatan *outrider* tadi, orang kenamaan yang mempunyai hutang cukai kepada negara dan juga kalau mereka telah disabitkan, adakah mereka masih boleh mempunyai keistimewaan menggunakan perkhidmatan *outrider*? Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin mengajukan soalan. Di sini Jelutong.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak menanyakan berkenaan bila polis membuka peluang pekerjaan baharu. Bekas-bekas tentera yang tidak mendapat pencen, kalau semasa Menteri Pertahanan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang lalu mempertimbangkan supaya bekas-bekas tentera yang tidak berpencen yang mempunyai kemahiran boleh diterima sebagai anggota polis. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya ajukan soalan? Berkenaan dengan- *I am waiting from just now. Thank you very much.* Saya pun telah mengajukan beberapa perkara iaitu berkenaan dengan kes Adib. Saya telah tunggu dan *now your injury time.* Saya kurang pasti sama ada Yang Berhormat akan jawab. Akan tetapi soalan saya adalah berkenaan dengan isu yang dibangkitkan tadi. *Never mind, it's okay.* Saya ambil maklum...

■1800

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Bahawa tindakan telah diambil oleh pihak imigresen. Akan tetapi berkenaan *Al Jazeera*, kenapakah stesen itu diambil tindakan?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey Yang Berhormat Jelutong, saya hendak jelaskan tadi bahawa apa pun...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *We are going back to the Barisan time when Malaysiakini was also acted upon.*

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Adakah kita berbalik kepada *the "Dark Ages"*? Ini stesen TV yang menyiarkan sesuatu rencana. Sama ada benar atau tidak, ini seolah-olah mencengkam kebebasan media masa.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *All right* Yang Berhormat Jelutong, biar saya jawab. Sila duduk.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tadi Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Pertama, saya hendak jawab Yang Berhormat Gerik tadi menanyakan tentang bekas-bekas tentera yang boleh diambil bekerja dan sebagainya. Kita akan lihat semula akan cadangan tersebut. Tentang *outrider* tadi saya hendak maklumkan, saya sudah maklumkan tadi selain daripada mereka yang telah saya umumkan, yang lain *case-by-case*, kalau dikira perlu akan kita diberikan juga.

Kepada soalan Yang Berhormat Jelutong saya hendak pastikan bahawa jawapan yang akan saya jawab, kalau saya tidak boleh menjawab di sini akan saya jawab secara bertulis dan kepada...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri bagi *chance*...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Cuma isu Adib itu...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Banyak perkara yang ingin saya jelaskan tetapi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Cuma isu Adib itu isu penting.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Menteri, tadi janji bagi saya peluang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebagai seorang Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, isu Adib Yang Berhormat tahu isu yang dipermainkan. Sangat hangat dibicarakan, dibahaskan oleh semua Yang Berhormat di sebelah sana. Saya hairan kenapa perkara itu tidak dijawab sehingga sekarang.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenapakah Kerajaan Perikatan Nasional tidak prihatin tentang nasib Adib dan keluarganya sehingga sekarang? Tidak dijawab, kenapakah?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya hendak menjawab tapi kerana Yang Berhormat punya perangai macam ini, saya tidak boleh jawab sehingga masa sudah habis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan, tidak. Saya telah sabar dan menunggu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa PH memerintah, PH diam saja fasal ini... *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kerana apa Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang hendak cuba jadi hero.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *I have been waiting patiently since just now.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dulu tidak perjuangkan pun kes Adib.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *We need answer.*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Yang Berhormat, saya hendak menjawab tetapi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Janganlah jadikan Adib ini bahan main politik Perikatan Nasional. Dulu masa pembangkang diperhangat-hangat dibahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Betull!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sekarang sehingga sekarang tidak dijawab oleh kementerian, kenapakah?

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Menteri, hal surat beranak.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri pun belum jawab...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Sebab itulah saya sudah bagi tahu tadi banyak perkara hendak saya jawab.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Perbahasan saya ialah tentang insiden...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Banyak perkara yang saya hendak jawab termasuklah saya sudah maklumkan kad pengenalan, kewarganegaraan, Adib. Akan tetapi belum sempat bangun, sudah buat perangai macam ini sehinggakan saya tidak boleh hendak jawab... *[Dewan riuh]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bukan perangai, kita persoal.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kita bagi lebih masa.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bukan perangai, kita persoal.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, insiden 12 Mei 2020 dekat Dewan Undangan Negeri... *[Dewan riuh]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Jangan tuduh...

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menjawab...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, tolonglah dengan segala hormatnya, jangan berperangai angkuh di dalam Dewan yang mulia ini... *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Bagi Menteri jawablah...

Seorang Ahli: Tarik balik, tarik balik tuduhan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik perkataan angkuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong.

Seorang Ahli: Tarik balik Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order*, tarik balik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Apakah yang Yang Berhormat Jelutong cakap?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jelutong, tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong, tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *What is wrong with that?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Do not use the word...*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *You just need to answer the question in the House.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order 36(6).*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik perkataan 'angkuh'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Can I, can I explain this?*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarik balik perkataan angkuh... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, no.* Jangan, saya kata...

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Berniat jahat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah yang PH buat untuk memperjuang kes Adib?

[Pembesar suara dimatikan]

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Jangan cuba jadi hero...
[*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *What's wrong with that?*
[*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, tidak apalah. Saya hendak maklumkan, saya cakap benda yang benar. Dalam teks saya nombor 79, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Kuala Krai bertanyakan mengenai status siasatan kes kematian arwah Adib... [*Dewan riuh*] Bukan saya tidak hendak jawab, saya hendak jawab tetapi oleh sebab sudah tidak ada masa. Ini menyebabkan saya...

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya bukan angkuh, saya bercerita yang benar. Kalau Yang Berhormat Jelutong tidak kacau, ramai tidak kacau. Mungkin saya boleh...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak kacau? Manakah kacau Yang Berhormat Menteri?

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Menteri sudah habis ataupun hendak bagi jawapan bertulis ataupun jawapan lisan?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Boleh saya jawab satu perkara yang paling mustahak.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Iaitu isu kewarganegaraan. Satu sahaja yang saya hendak jawab ini. Yang lain saya akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap Yang Berhormat Menteri. Apa dia *point of order* Yang Berhormat Segambut.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: *Point of Order 99*. Saya minta petua daripada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan tambahan masa kepada KDN kerana semua Ahli Parlimen tunggu lama, isu-isu penting. Masa 40 minit memang tidak cukup untuk KDN. KDN agensi yang sangat berat. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua berikan lebih masa kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat Menteri habis 5.45 petang. Saya yang tambah tadi 15 minit. Mungkin Yang Berhormat tidak perasan. Jadi saya minta maaf sebab ada lagi dua kementerian dan esok pun kita ada banyak lagi kementerian. Ikut *standing order* prosedur kita, Yang Berhormat Menteri boleh jawab secara bertulis. Ini semua Yang Berhormat Menteri-menteri yang lain sudah jawab, membuat keputusan yang sama walaupun dalam zaman PH.

Jadi kita kena menghormati masa, *we have to be fair*, dengan izin, untuk semua. Jadi Yang Berhormat Menteri hendak sambung atau jawapan bertulis?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Kalau begitu saya...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta satu...

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya akur dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak minta satu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *To be fair.* Saya ingat yang paling penting kes Adib. Baca saja kes Adib. Jadi semua tunggu. Saya pun tunggu. Ini adil. Itu saja saya minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Menteri, ini permohonan. Terpulang pada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya akur dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua bahawa saya hanya jawab kes Adib ini sahaja.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya minta tambah lagi satu. Insiden di Dewan Undangan Negeri Perak pada 12 Mei.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Beruas... *[Dewan riuh]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya pohon kerana itu sangat penting untuk seluruh orang negeri Perak sedang menunggu.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Surat beranak, surat beranak Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Apa tindakan kementerian terhadap kerajaan negeri yang menceroboh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Menteri, surat beranak, kewarganegaraan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: ...Dan hendak angkat keluar Speaker Dewan Undangan Negeri. Mesti ada jawapan... *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *All right, all right.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Harap satu jawapan diterima.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kewarganegaraan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: *It's not that I don't love* Yang Berhormat Beruas *more but I love* Yang Berhormat Jelutong *more. So, I have to,* saya kena jawab.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *[Ketawa]* Bagi gaduh lagi *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *The love is mutual, it's mutual. Thank you...* *[Dewan riuh]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Jadi... *[Ketawa]*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, isu Anisah juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri, sekejap.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Pegawai kastam yang mati dirempuh tonto.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Semua, Yang Berhormat Menteri.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Arwah Anisah juga Yang Berhormat Menteri. Saya ada bangkitkan yang mati di Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Batu Kawan tidak dijemput.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Pegawai kastam yang dirempuh tonto.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Saya hendak maklumkan beginilah. Begini, kalau semua polis *report* saya hendak jawab, saya ingat lima hari pun tidak habis.

Jadi saya pilih satu oleh sebab ini isu yang telah pun lama dibincangkan, bukan hanya dalam Parlimen ini tetapi juga di seluruh negara. Biar saya jelaskan untuk kepentingan semua orang. *Insyah-Allah* selepas ini kita akan buat keputusan yang lebih baik untuk kita pastikan tidak timbul lagi soalan dalam Parlimen. *Insyah-Allah*.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, bijak Yang Berhormat Menteri kita.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Mahkamah Koroner Shah Alam yang bersidang pada 27 September 2019 telah memutuskan punca kematian anggota bomba Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kasim, bukanlah disebabkan kemalangan tetapi disebabkan perbuatan jenayah oleh dua orang atau lebih suspek berdasarkan... *[Tepuk]*

Berdasarkan keputusan tersebut, PDRM telah menjalankan siasatan berdasarkan arahan Pejabat Peguam Negara dan mengumpul bukti-bukti yang ada untuk dikemukakan semula kepada pihak pendakwa. Kertas siasatan telah dirujuk semula ke Jabatan Peguam Negara pada 23 Julai baru-baru ini dengan cadangan-cadangan seperti berikut:

- (i) menuduh 12 orang suspek di bawah seksyen 143 Kanun Keseksaan... *[Tepuk]* yang merusuh dan menyerang jentera bomba;
- (ii) mengadakan inkues semula untuk siasatan lanjut jika dipersetujui oleh Peguam Negara di bawah peruntukan seksyen 339(2) Kanun Prosedur Jenayah.

Terima kasih. Yang lain itu saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Dan kita pun berpuas hati.

[Pembesar suara dimatikan]

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekarang ini saya menjemput Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sediakan Yang Berhormat Menteri.

6.09 ptg.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]: *Assalamualaikum warahmatullahi taala warbarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa 45 minit. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Dalam bahasa Melayu klasik, dia tidak ada puan. Tuan Yang di-Pertua boleh digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terlebih dahulu bagi pihak KKMM, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya 25 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam memberikan pandangan yang menyentuh kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas.

■1810

Izinkan saya memberikan maklum balas berkaitan perkhidmatan telekomunikasi, internet dan jalur lebar yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Lubuk Antu, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Johor Bahru dan Yang Berhormat Lembah Pantai. Sebahagiannya saya akan jawab di sini Tuan Yang di-Pertua, sebahagiannya, oleh sebab dia *detail* tentang beberapa perkara saya akan jawab secara bertulis.

Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Papar dan Yang Berhormat Setiawangsa, kementerian ini sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar dengan menggunakan pelbagai teknologi termasuk talian tetap dan mudah alih di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman, agar mereka menerima perkhidmatan telekomunikasi yang baik dan stabil serta dapat mengatasi jurang digital.

Susulan pengalaman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), negara menyaksikan peningkatan penggunaan internet untuk menyokong pendidikan dan perniagaan dalam talian. Sehingga Jun 2020, antara inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara ialah seperti berikut; Pertama, sebanyak 1,689 buah menara yang telah dilaksanakan bagi penyediaan liputan jalur lebar mudah alih, manakala 173 buah menara sedang dalam tahap pelaksanaan. Kesemua menara ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama tahun 2021.

Kedua, pelaksanaan penaiktarafan sebanyak 3,324 alat pemancar komunikasi di menara-menara sedia ada ke perkhidmatan 4G, sedang dilaksanakan. Sehingga kini sebanyak 99.8 peratus telah siap dan beroperasi.

Ketiga, pemasangan rangkaian gentian optik ke menara-menara di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sehingga kini sebanyak 2,406 kilometer gentian optik telah dipasang sebagai rangkaian teras bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G.

Keempat, penyediaan perkhidmatan jalur lebar talian tetap yang mana sebanyak 146,040 sambungan telah disediakan. Daripada jumlah ini, sebanyak 114,143 sambungan atau 78 peratus telah dilaksanakan di kawasan luar bandar. Manakala, sebanyak 31,897 sambungan atau 22 peratus telah dilaksanakan di kawasan perumahan kos rendah di seluruh negara bermula sejak tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan daripada beberapa orang saya akan sebutkan nanti merujuk perkara yang sama:

- (i) bab menara; dan
- (ii) alat pemancar komunikasi di menara.

Jawapan kami ialah- berkaitan tentang berapa yang telah sedia ada? Berapa sedang dinaiktarafkan? Berapa yang baharu sedang dibina? Ini melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat Johor Bahru yang akan kami hantar secara bertulis.

Selain daripada itu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, inisiatif penaiktarafan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik yang melibatkan seramai 133,724 orang pelanggan sedia ada di seluruh negara sedang dilaksanakan dalam tempoh dua tahun ini. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan. Ingin juga dimaklumkan bahawa pemberian mana-mana projek di bawah inisiatif Penyediaan Perkhidmatan Pejagat (PPS) perlulah mengikut tatacara yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002.

Bagi masalah-masalah kualiti dan liputan internet yang rendah, SKMM memerlukan maklumat yang lebih spesifik mengenai jenis rangkaian, pemberi perkhidmatan dan kawasan yang mempunyai masalah tersebut bagi menjalankan pemantauan lanjut. Bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, pihak kerajaan telah melaksanakan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan Projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara. Sehingga kini, lebih daripada 639,676 sambungan telah tersedia manakala sebanyak lebih 38,781 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap berperingkat pada tahun ini.

Daripada jumlah tersebut, lebih 48,450 sambungan telah siap di Sabah dan lebih 31,741 sambungan di Sarawak. Manakala terdapat 924 sambungan di Sabah dan 4,236 sambungan di Sarawak masih dalam peringkat pelaksanaan. Pihak SKMM akan menjalankan kajian yang lebih terperinci berkaitan kualiti perkhidmatan di kawasan yang dinyatakan. Pengujian rangkaian akan dilaksanakan oleh pihak pemberi perkhidmatan dalam masa terdekat untuk mengenal pasti kawasan yang bermasalah sebelum tindakan susulan dapat diambil untuk menambah baik liputan dan kualiti perkhidmatan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, spektrum- bagi menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat Lembah Pantai, pelaksanaan pengagihan spektrum di negara ini adalah tertakluk kepada rangka kerja yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan perundangan *subsidiary* yang relevan termasuklah Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000. Spektrum sumber negara yang terhad dan oleh itu pengagihan spektrum perlu dibuat dengan cekap bagi memastikan penggunaan sumber tersebut dibuat dengan optimum dan mendatangkan hasil yang paling menguntungkan kepada negara dan rakyat serta manfaatnya akan dapat dinikmati oleh rakyat melalui perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Sekiranya pengagihan dibuat tanpa kajian yang menyeluruh, dikhuatiri berlaku pembaziran sumber yang seterusnya memberi kesan kepada hasil negara. Pelaksanaan pengagihan jalur spektrum.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri, mohon mencelah.

Dato' Saifuddin Abdullah: Untuk, izinkan saya habiskan perenggan ini dahulu.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Okey.

Dato' Saifuddin Abdullah: Pelaksanaan pengagihan jalur spektrum untuk perkhidmatan jalur lebar serta perkhidmatan 5G- sedang dikaji semula dengan mengambil kira pengagihan spektrum sedia ada yang melibatkan sektor telekomunikasi negara.

Ini adalah penting untuk memastikan perkhidmatan jalur lebar sedia ada kepada rakyat dapat dipertingkatkan di samping menaik taraf perkhidmatan yang telah disediakan dengan menggunakan rangkaian teknologi terkini.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Daripada Sibuti Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengaitkan berkenaan tentang perkhidmatan jalur lebar luar bandar. Kerajaan Sarawak ada memohon untuk mendapatkan lesen ISP luar bandar. Adakah pihak kerajaan akan mempertimbangkan permohonan tersebut dan adakah permohonan itu akan bertindih dengan program yang telah dirancang oleh Kerajaan Persekutuan?

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ada pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang kebetulan salah satu portfolio di bawah seliaannya ialah berkaitan telekomunikasi. Kita ada beberapa persetujuan. Walaupun saya tidak dapat menjawab spesifik soalan Yang Berhormat tetapi menuju ke arah itu, persetujuan yang telah dicapai ialah;

Pertama- terdahulu daripada itu saya telah menulis kepada beliau dan mendapatkan seorang wakil kerajaan Sarawak duduk sebagai anggota *commissioner* dalam SKMM dan CEO Sarawak Multimedia Authority (SMA) diletakkan sebagai anggota *commissioner* SKMM dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri juga bersetuju supaya seorang wakil daripada SKMM duduk di dalam *Board* SMA.

■1820

Kerajaan Negeri Sarawak kelihatan begitu komited kerana sejak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sekarang menjadi Ketua Menteri, antara langkah pertama yang beliau lakukan ialah mempunyai sebuah kerangka yang cukup komprehensif yang dinamakan, kalau saya tidak silap, Digital Sarawak. Demikian maksudnya.

Jadi, hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam hal ini bertambah akrab. Saya kira apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu akan menjadi salah satu perkara yang kami bincangkan.

Untuk memastikan ketulusan dalam pengagihan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Dana USP), sesi pengauditan telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara antara Ogos sehingga Disember 2018. Skop pengauditan meliputi perbelanjaan bagi tahun 2016 sehingga Jun 2018. Hasil daripada pengauditan tersebut, pihak Audit berpandangan bahawa secara keseluruhannya projek tersebut telah dilaksanakan dengan baik mengikut, dengan izin, *notification of approval* yang ditetapkan dan dipantau oleh SKMM.

Pada masa ini, kementerian dan SKMM sedang mengadakan sesi perancangan melalui Makmal Infrastruktur Digital Negara yang telah bermula pada 13 Julai yang lalu dan akan berlangsung sehingga 14 Ogos ini. Ia dilakukan bersama pihak industri dan pelbagai agensi kerajaan untuk mengenal pasti lokasi berpenduduk di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan menggunakan pelbagai teknologi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua- sekejap. Jurucakap Parti Keadilan Rakyat untuk multimedia, silakan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih. Untuk komunikasi sebenarnya, tetapi tidak mengapalah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan spektrum sebelum ke isu USP. Saya ingin tahu, apa daripada tiga frekuensi, 700 megahertz, 900 megahertz dan 2,600 megahertz, jangkaan pendapatan kepada kerajaan sekiranya dibuat secara *open tender*? Ini kerana ada yang beranggapan satu frekuensi itu katakanlah 700 megahertz, mungkin boleh menjana sehingga antara RM1 bilion dan RM2 bilion kepada pihak kerajaan. Itu pertama. Kedua, adakah apa-apa jangka masa yang boleh Yang Berhormat Menteri umumkan berkenaan dengan isu spektrum ini?

Berkenaan dengan isu USP, adakah Yang Berhormat Menteri boleh memaklumkan kepada Dewan jumlah dana yang ada setakat hari ini? Ini sebagai contoh. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada jawab soalan tentang isu penggunaan dana USP untuk membeli *scanner* bagi mengenal pasti mereka yang mempunyai sama ada pornografi ataupun bahan-bahan pedofilia di beberapa buah tempat, contohnya di lapangan terbang. Adakah boleh digunakan USP untuk kegunaan ini? Mohon penjelasan. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang berkaitan dana USP oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, sebahagiannya saya sudah janji dahulu untuk jawab secara bertulis ketika soalan lisan.

Berkaitan penggunaan USP itu, dia ada tiga cara penggunaan itu. Saya akan lihat balik bagaimana ia boleh digunakan. Kalaupun tidak di situ, misalnya SKMM ada menyediakan sejumlah dana untuk *research*, untuk kajian. Itulah juga dana yang digunakan misalnya untuk kita melantik *Multimedia University* membuat kajian tentang keperluan atau tidak kita mempunyai sebuah akta yang khusus bagi menangani *cyber bully* dan sebagainya. Akan tetapi, saya akan lihat dan saya akan jawab secara bertulis khusus untuk USP itu.

Berkaitan dengan *coverage* ini, dia ada dua perkara di sini yang berkaitan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali ialah tentang penambahbaikan dasar-dasar di bawah SKMM. Ada dua- sebelum itu, premis penambahbaikan itu. Premis penambahbaikan ialah mengenal pasti dasar-dasar untuk memperoleh *queuing* semasa penyesuaian terhadap kebiasaan baharu akibat COVID-19.

Saya bagi contoh yang *real*. Semasa PRK Chini, kita dapati bahawa sekiranya sesuatu perkara dan sekiranya *telco* itu bekerjasama dalam keadaan yang tertentu dengan fasilitasi SKMM, dalam masa dua minggu dapat dilakukan penambahbaikan untuk capaian *internet* di kawasan tersebut. Itu bukan model yang menguntungkan dan *sustainable*, tetapi saya hendak mengatakan sekadar bahawa ada waktunya dengan cara-cara urusan yang tertentu, ia boleh dilakukan.

Saya sambung yang tadi. Premis itu, satu, *queuing*. Kedua, pada masa yang sama merancang dan melaksanakan program-program tertentu dengan mengikut urutan prioriti dan secara mapan untuk jangka masa panjang. Di sini ada dua perkara besar. Satu ialah soal infrastruktur. Kita ingin meningkatkan liputan infrastruktur jalur lebar yang lebih luas dan yang lebih baik di kawasan *urban* dan *suburban* dan meningkatkan liputan infrastruktur jalur lebar yang lebih luas dan lebih baik di kawasan luar bandar dengan mengoptimalkan apa yang sedia ada.

Itu yang saya selalu katakan, kita hendak optimumkan 4G buat masa ini. Akan tetapi, tidak bermakna kita tak nak buat 5G kerana yang 5G itu soalnya ialah persediaan kita dan kita melihat kepada pasaran kita yang sangat *fragmented*. Kita antara negara yang agak uniklah. Dengan penduduk yang hanya seramai 32 juta, kita ada lebih kurang sedozen atau lebih pemain. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah suatu keadaan yang *sustainable*. Ini antara perkara yang kita lihat.

Oleh sebab itu, kita harus memperbaiki strategi yang saya katakan tadi, pengalihan spektrum untuk memastikan penggunaannya yang optimum. Jadi, kita nilai semula jalur lebar yang sedia ada dan kita ingin mengurangkan, walaupun tidak menamatkan, isu-isu seperti *squatting* ataupun menara yang *not lighted* dan sebagainya. Jadi, itu perkara yang sedang kita lihat.

Khusus yang disebutkan Yang Berhormat tadi tentang sama ada 900 megahertz, 1,800 megahertz, 2,100 megahertz, 2,600 megahertz dan kemudiannya 700 megahertz, dia ada dua perkara yang harus dilihat. Satu ialah dia punya *coverage*, liputan dia itu. Sejauh mana liputannya itu, dikira pula dengan kos yang perlu ditanggung oleh pemain-pemain industri dan juga kos yang harus ditanggung oleh rakyat. Jadi, kita melihat itu antara perkara yang sedang dibincangkan dalam makmal yang saya sebutkan tadi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Anggaran jangka masa?

Dato' Saifuddin Abdullah: Okey, saya fikir selepas 14 Ogos, kita boleh dapat gambaran tentang *timeline*, kalau boleh saya sebutkan, dengan izin. Walaupun tidak lengkap, paling kurang kita boleh- misalnya untuk menara, untuk alat-alat telekomunikasi yang di menara itu kita tahu *timeline*-nya. Akan tetapi, saya faham, Yang Berhormat maksudkan tadi ialah bila agaknya kita boleh dapatkan *100 percent* capaian misalnya 4G dan bila sebenarnya kita boleh betul-betul *roll out* 5G. Terima kasih.

Izinkan saya memberi maklum balas berkaitan kandungan penyiaran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Muar dan Yang Berhormat Seputeh. Untuk makluman Yang Berhormat Padang Terap, ketika ini terdapat sembilan buah stesen televisyen swasta yang dipantau oleh SKMM yang terdiri daripada lima buah stesen bebas udara- *free to air*, tiga buah stesen langganan berbayar dan sebuah stesen tanpa langganan.

KKMM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan menyediakan program pendidikan yang kandungannya disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Sejak 6 April 2020, ia disiarkan selama dua jam sehari iaitu sejam pagi dan sejam tengah hari melalui saluran TV Okey yang dimiliki oleh Jabatan Penyiaran Malaysia atau RTM menggunakan saluran percuma *myFreeview*.

Di samping itu, Astro juga turut menyediakan program pendidikan sendiri melalui saluran-saluran khusus seperti Tutor TV UPSR, Tutor TV PT3, Tutor TV SPM sebagai langkah CSR mereka. Manakala stesen televisyen yang lain walaupun tidak mempunyai saluran pendidikan khusus, ada juga menyiarkan program dokumentari yang mempunyai informasi agama dan ilmiah termasuk rancangan kanak-kanak yang mempunyai nilai-nilai murni.

■1830

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sedar pendidikan anak-anak pelapis generasi akan datang tidak boleh diabaikan. Selaras dengan pengumuman penutupan sekolah yang lalu kerana COVID-19, Kementerian Pendidikan serta Kementerian Pengajian Tinggi meletakkan penekanan khusus untuk pembelajaran digital. Ada di kalangannya yang juga dibantu sedikit sebanyak oleh pusat-pusat internet di bawah seliaan SKMM. Menerusi program pembelajaran digital, para pelajar terutama yang berada di kawasan luar bandar dan kurang mendapat liputan, mampu mendapat akses kepada kandungan pendidikan berkualiti yang selaras dengan sukatan pelajaran Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Libaran serta Yang Berhormat Seputeh, aktiviti penerbitan dokumentari dilesenkan melalui lesen pengeluaran di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan perlu memohon Surat Perakuan Penggambaran tujuh hari sebelum memulakan sesuatu penggambaran.

Saya hendak sebut, kaveat ini undang-undang lama yang sedang kita mula semak. Ini Yang Berhormat Kluang, saya jawab yang ini betul-betul. Dulu saya sudah jawab. Saya jawab lurus sahaja. Yang Berhormat- tanya, saya jawablah tetapi selepas itu jadi benda lain. Tidak apalah, reda [Ketawa]

Pada masa ini, FINAS telah mengeluarkan lesen pengeluaran kepada empat kumpulan syarikat media tempatan iaitu Kumpulan Media Prima Berhad, Kumpulan MEASAT Broadcast Network Systems Sendirian Berhad (Astro), AlHijrah Media Corporation (TV AlHijrah) dan TM Net (unifi TV).

Sehingga Julai 2020, FINAS telah mengeluarkan sejumlah 121 Surat Perakuan Penggambaran seperti berikut; untuk Astro, 46; untuk TV3, 27; dan untuk TV AlHijrah, 48. Manakala kelulusan siaran sesebuah video dokumentari yang diterbitkan adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri. Bidang kuasa FINAS hanya menjurus kepada aktiviti perfileman iaitu pengeluaran, pengedaran dan pemameran seperti termaktub dalam seksyen 22(1), Akta FINAS 1981. Susulan...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Bagi saya habiskan ini dulu. Susulan daripada kenyataan media pada 24 Julai 2020, Jemaah Menteri bersetuju untuk kerajaan tidak menyekat kebebasan peribadi individu dalam media sosial seperti- ini saya ulang ayat Yang Berhormat Kluang, *TikTok*, *YouTube* serta lain-lain [Ketawa] Kementerian melalui FINAS kini sedang mengemas kini, menambah baik dan memperkasa Akta FINAS 1981 yang telah berusia hampir 40 tahun. Ini bertepatan dengan perkembangan teknologi dan ekosistem media serta trend semasa industri kreatif termasuklah platform di media sosial.

Hal yang saya tidak sebut masa saya menjawab Yang Berhormat Kluang sebelum ini pada 17 Jun 2020, yakni sebelum kita bersoal jawab dalam Dewan yang mulia ini, saya telah pun mengatakan yang KKMM sedang menyemak undang-undang yang di bawah seliaan KKMM termasuklah Akta FINAS. Itu yang saya kata tadi, masa itu Yang Berhormat bertanya lurus, saya pun jawab lurus sahaja. Selepas itu saya redalah [Ketawa]

Bagi mana-mana syarikat penerbitan dari luar negara yang ingin melakukan penggambaran di Malaysia, mereka perlu mendapatkan kelulusan daripada Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) iaitu dengan melantik syarikat tempatan yang mempunyai lesen pengeluaran filem FINAS yang aktif serta sah sebagai penaja tempatan.

Sebelum itu saya hendak sebut lagi kaveat Tuan Yang di-Pertua ini, Akta FINAS yang lama, yang sedang kita semak dan ingin kita pinda. Terdapat beberapa undang-undang yang ada hubungan secara langsung dan secara tidak langsung dengan bab filem. Contohnya dokumentari, adakah sesuatu rakaman video itu sebenarnya dokumentari seperti yang tercatat dalam Akta FINAS atau ia berbentuk pengumpulan berita, dengan izin, *newsgathering*.

Di samping itu, terdapat juga isu berkaitan hak cipta yang bukan di bawah Akta FINAS tetapi di bawah Akta Hak Cipta 1987. Memandangkan isu ini komplekslah maka Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk meminda Akta FINAS. Jadi tadi saya bagi Yang Berhormat Kluang dulu.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya jelas iaitu pertama, Jemaah Menteri sudah setuju bahawa Akta FINAS yang sudah lapuk ini perlu dipinda. Jadi kenapa sekarang guna Akta FINAS ini terhadap syarikat Al Jazeera International Sendirian Berhad? Ini soalan pertama.

Kedua, kita tahu Perbadanan FINAS ini adalah untuk menggalakkan penggambaran dan sektor bidang perfileman di negara kita. Jadi khasnya, perfileman untuk filem, tetapi sekarang diguna untuk sektor berita, bidang berita. Sama ada berita itu pun dimasukkan ke dalam perfileman ini walaupun kita tahu mana-mana pun boleh dimasukkan sebagai perfileman. Saya sekarang ambil diari video saya, *vlog* saya pun boleh jadi dokumentari perfileman. Jadi maksudnya terlalu luas, tafsiran terlalu luas

Sekarang, kalau kita guna undang-undang ini luar dari bidang perfileman yang tradisi itu, apakah implikasi itu? Implikasi ini terlalu serius iaitu saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh, jangan guna undang-undang yang diakui terlalu *outdated* buat masa sekarang. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ya soalan Yang Berhormat, mengapa baru sekarang. Ya lah, 20 bulan dulu Kerajaan PH tidak buat apa pun.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang Berhormat Menteri, kita pun tidak guna undang-undang yang lapuk ini terhadap bidang berita.

Seorang Ahli: Ya betul.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kluang harus ingat bahawa ia ada beberapa peraturan. Saya tidak fikir ia melibatkan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Sebagai contoh, bagi syarikat TV tempatan, mereka perlu mendapatkan lesen yang di bawah satu lagi peraturan di bawah MCMC atau SKMM iaitu *Content Applications Service Providers* (CASP). Jadi saya kata tadi, FINAS tadi, walaupun bunyinya luas, tetapi kita tidak pernah pun menguatkuasakan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan oleh mereka yang lain.

Jadi beginilah, apa yang penting ialah 20 bulan Kerajaan PH tidak buat apa-apa pun untuk pinda Akta FINAS. Pada 23 Julai, Yang Berhormat Kluang bertanya kepada saya, saya jawab dan petang itu saya buat penjelasan. Keesokan paginya iaitu 24 Julai, Kabinet kerajaan pentadbiran Perikatan Nasional buat keputusan jamin kebebasan media, jamin semua orang boleh guna. Kita tidak ganggu daripada segi hak kebebasan peribadi dan umum akan pinda Akta FINAS, Yang Berhormat. Dengan 20 bulan...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Jadi kenapa hendak guna undang-undang ini sebelum pindaan?

Dato' Saifuddin Abdullah: Isunya dalam masa 20 jam Kerajaan PN telah buat keputusan... *[Tepuk]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Lepas kena kritik.

Dato' Saifuddin Abdullah: Selama 20 bulan PH tidak buat apa. Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tidak. Kenapakah guna undang-undang untuk bidang perfileman ini kepada bidang berita? Kenapakah salah guna?

Dato' Saifuddin Abdullah: Yang Berhormat ...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri menjawab soalan. Jadi saya rasa kita perlu hormati beliau mempunyai lantai percakapan. Kita mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk meneruskan ucapan beliau. Terima kasih, terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan saya...

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak beri laluan. Maaf, maaf.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Bagi jawapan saja. Jangan sebut Pakatan Harapan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tentang Al Jazeera, tadi Menteri Dalam Negeri menggulung, Yang Berhormat tidak hendak tanya dia. Oleh sebab itulah isunya apabila berlaku situasi seperti yang melibatkan Al Jazeera, yang ditembak, cuma FINAS.

Saya sudah sebutkan tadi ada beberapa persoalan dan ada beberapa undang-undang lain yang juga berkaitan. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, memberi maklum balas berkaitan Yang Berhormat Kluang juga dan Yang Berhormat Libaran yang membangkitkan isu tentang kebebasan media.

Kerajaan komited untuk menegakkan kebebasan media. Pada masa yang sama, terdapat beberapa undang-undang yang bertujuan memelihara keselamatan negara, menjaga hubungan baik dengan negara-negara lain, menjaga ketenteraman awam atau prinsip moral serta mengelakkan perbuatan fitnah. Antara undang-undang yang berkaitan dengan media, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hasutan 1948, Akta Media Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan Akta Hak Cipta 1987.

■1840

Saya hendak sebutkan kaveat di sini Tuan Yang di-Pertua, *“Tidak bermakna bahawa semua ini akan kekal selama-lamanya, Kerajaan Perikatan Nasional juga komited untuk membuat penambahbaikan meminda akta-akta di mana ada kerosakan ataupun kelemahan yang nyata”*.

Kementerian saya, melalui Jabatan Penerangan Malaysia membuat identifikasi pengamal media berdaftar tempatan dan antarabangsa melalui pengeluaran kad perakuan media yang wajib ditunjukkan bagi membuat liputan majlis, program rasmi kerajaan atau sebarang program di dalam negara.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri...

Dato’ Saifuddin Abdullah: Kad ini sah ini untuk digunakan...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai masih menunggu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Dato’ Saifuddin Abdullah: ...Perlu diperbaharui setiap dua tahun bagi pengamal media tempatan dan satu tahun bagi pengamal media antarabangsa. Sehingga kini sebanyak 4,805 buah kad media ini telah diluluskan dan dicetak dari Januari 2019 sehingga Jun 2020. Jabatan Penerangan mengambil inisiatif menaik taraf sistem permohonan kad media ini diperluaskan secara dalam talian kepada agensi media tempatan dan antarabangsa. Walau bagaimanapun, permohonan daripada media antarabangsa perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Luar Negeri terlebih dahulu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri...

Dato’ Saifuddin Abdullah: Berhubung tindakan ke atas laporan *Locked Up in Malaysia’s Lockdown* oleh sebuah media asing yang berlaku sewaktu PKP tempoh hari, berdasarkan aduan yang telah diterima, kementerian melalui SKMM telah memulakan proses siasatan terhadap pemegang lesen beberapa buah syarikat penyiar tempatan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atas kemungkinan gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Kes ini dalam siasatan dan seperti yang saya sebutkan tadi, bukan hanya Akta FINAS, Akta Komunikasi dan Multimedia, ada undang-undang lain dan ada isu-isu lain yang terlibat dalam hal yang demikian.

Berkaitan dengan Majlis Media Malaysia juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kluang, matlamat awal penubuhan Majlis Media Malaysia adalah untuk memastikan media di Malaysia mempunyai kebebasan dalam menyampaikan maklumat dan sebagai sebuah badan adjudikasi yang akan mengawal selia aduan yang diterima daripada orang awam berkaitan media dan bagi menggerakkan usaha tersebut, satu Jawatankuasa sementara telah ditubuhkan pada 16 Januari 2020.

Kementerian telah memberi tempoh masa tambahan untuk jawatankuasa sementara ini menyiapkan laporannya. Kini, kementerian telah pun menerima draf akhirnya dalam bahasa Inggeris juga sedang diterjemahkan dalam Bahasa Melayu. Sebaik kerja-kerja tersebut selesai, satu pertemuan antara kementerian akan diadakan dengan jawatankuasa tersebut.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato’ Saifuddin Abdullah: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sebenarnya berbalik kepada isu penambahbaikan Akta FINAS. Saya difahamkan ada tiga buah lesen yang perlu- yang boleh diperoleh untuk berkaitnya, dengan izin, *production, distribution, exhibition*.

Adakah benar satu-satu syarikat hanya boleh memegang dua daripada tiga buah lesen tersebut sebab ada difahamkan rakan-rakan yang membikin filem tidak boleh ada aspek monopoli mana-mana satu buah syarikat kerana ada yang mereka difahamkan ada syarikat yang mempunyai tiga buah lesen serentak. Itu satu.

Kedua, saya tertarik dengan apa yang disebut oleh mantan Pengerusi FINAS, saudara Hans Isaac dalam satu *Facebook post* yang berkata, “*Bukan sahaja Akta 244, Akta FINAS yang perlu ditambah baik tetapi juga Dasar Perfileman Negara*”. Adakah Yang Berhormat Menteri ada apa-apa pandangan tentang mungkin secara keseluruhan bila kita lihat Yang Berhormat Menteri ada sebut kita hendak lihat filem Malaysia menang Oscar dan sebagainya? Boleh mungkin beri pandangan. Terima kasih.

Dato’ Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai yang itu antara perkara yang sedang kita kaji tetapi secara tepat boleh dua sahaja daripada tiga yang itu saya akan jawab secara bertulis. Kita mengambil kira banyak pandangan walaupun kita belum menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji Akta FINAS tetapi kita telah menerima banyak pandangan daripada ramai penggiat seni dan izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, memetik misalnya Zain Azli.

Zain Azlee adalah seorang *journalist*...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Zan Azlee.

Dato’ Saifuddin Abdullah: Ya, *sorry*, Zan Azlee, fatbidin.com. Beliau seorang wartawan juga seorang pembuat filem dokumentari, seorang penulis dan juga seorang ahli akademik. Saya ingat pada 3 Ogos yakni semalam, beliau menulis sebuah artikel di *Malaysiakini* yang sangat baik. Tajuknya, dengan izin, ‘*Suggestions for the Minister to Amend the FINAS Act*’. Saya tahu beliau pun kritik saya hebat juga.

Akan tetapi saya fikir ini antara tulisan yang baik, yang awal mencadangkan beberapa perkara untuk diambil kira ketika kita membaiki ataupun meminda Akta FINAS. Termasuklah soal perbezaan antara video dan filem. Kemudian menentukan misalnya lesen yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, jenis lesen dan pemberian lesen itu, dengan izin, kalau saya bacakan, “*certification is not determined by the content*”. Ini perkara yang sangat *fundamental* kerana yang dirisaukan oleh Zan Azli dan saya rasa ramai juga ialah soal bagaimana kalau sesuatu peruntukan itu, dengan izin, *open to abuse*. Ini perkara-perkara yang kita ambil kira dengan serius sekali.

Izinkan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato’ Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, saya ada bangkit isu ini.

Dato’ Saifuddin Abdullah: Izinkan saya untuk *address* berkaitan buli siber yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato’ Saifuddin Abdullah: Saya ada tujuh minit setengah lebih sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kawan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi ini penting kerana Al-Jazeera kenapa KKM hari ini pergi menyerbu pejabat...

[*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Tolonglah. Yang Berhormat Menteri, tidak bagi laluan, maaf.

Dato’ Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi Al-Jazeera ini. Ada undang-undang, ada pihak penguat kuasa tetapi sebab Ahli Yang Berhormat asyik *dok* tanya-tanya, saya hendak sebut beginilah. Ini bukan jawapan undang-undang, ini jawapan politik.

Kita harus ingat, hubungan simbiosis yang sudah terjalin akibat COVID-19 antara *frontliners* dengan rakyat itu umpama- apa dia? Kalau saya menyayangi orang lain umpama saya menyayangi diri saya sendiri. Apabila ada orang asing mengusik *frontliners* ini yang dalam peribahasa Melayu, kalau tidak faham, ‘*cubit peha kiri, peha kanan terasa*’... [*Tepuk*] Kena faham itu, Yang Berhormat.

Bab undang-undang tadi sudah dijawab. Ini hendak tanya-tanya ini sudah jadi politik dan saya bagi jawapan politik.

Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi ini menjejaskan imej negara dan imej Yang Berhormat Menteri dan...

Dato' Saifuddin Abdullah: Siapa, siapakah yang menjejaskan imej negara? Dokumentari itu atau siapa?... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*]

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat..

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita ini sebagai wakil rakyat hendak berpolitik pun biarlah berpada-pada. Izinkan saya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan ini berpolitik. Kenapakah kerajaan tidak siasat? Al-Jazeera kata mereka pernah tanya kerajaan tetapi kerajaan tidak bagi jawapan kepada mereka...

[*Pembesar suara dimatikan*]

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Untuk menjawab soal buli siber yang dibangkitkan oleh...

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak seru sedikit, sekarang sudah pukul 6.48 petang. Kita letih, jadi kepala pun senang naik berang. Saya rasa kita kena ada *decorum* sedikit. Kita persilakan Yang Berhormat Menteri menghabiskan hujahan beliau. Kalau ada masalah-masalah lain ditulis soalan itu, saya rasa mesti Yang Berhormat Menteri akan menjawab secara bertulis. Ya, dipersilakan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya isu terakhir tentang kes tersebut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, hendak *allow*?

Dato' Saifuddin Abdullah: [*Menunjukkan isyarat tangan*]

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tentang buli siber, saya hendak sebut ringkas sahaja. Kita telah melantik *Multimedia University* dengan kerjasama *CyberSecurity Malaysia* dan SKMM untuk menjalankan penyelidikan khusus berkaitan keperluan jika ada untuk digubal undang-undang anti buli siber. Kajian ini dijangka selesai pada hujung tahun.

Yang Berhormat Lanang bertanya tentang sambutan Hari Malaysia Tahun 2020.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Saifuddin Abdullah: Ia masih ditetapkan untuk diadakan pada 16 September di Sib, Sarawak kecuali ada- saya faham isu COVID-19 yang sedikit naik di negeri Sarawak.

Akan tetapi, setakat hari ini, keputusan kita...

■1850

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Masih akan meneruskan perkara ini di Sarawak. Yang Berhormat Batu Kawan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Saya ucapkan terima kasih sebab bukan saya sahaja, ramai Ahli Parlimen dalam Dewan ini sebelum ini juga pernah membangkitkan isu keperluan satu akta baharu untuk menangani isu gejala *cyberbullying*.

Kita lihat *best practices* daripada negara-negara lain, walaupun mereka ada telah menjenayahkan beberapa elemen di dalam atas talian, yang boleh digunakan contoh dalam kanun keseksaan di negara-negara tersebut, tetapi satu akta khas penting kerana ia dapat meliputi pelbagai bentuk gangguan, pelbagai bentuk, dengan izin, *stalking* atau menghendap.

Pada masa yang sama, dalam perbahasan yang saya bangkitkan, isu ini adalah berkaitan dengan seorang budak perempuan yang telah membunuh diri, seorang mangsa *cyberbullying*. Akan tetapi, saya rasa, kalau Yang Berhormat Menteri kata, “*Sekiranya ada keperluan*”, saya rasa, dengan izin, *that is already on the wrong footing. There is a need and it is an urgent need why we need an act for cyberbullying.*

Jadi, saya harap fokus universiti dan juga *stakeholders* yang lain, dengan izin, boleh saya juga cadangkan kalau kita melibatkan NGOs, CSOs wanita seperti *Women's Aid Organization*, AWAM, JAG, *Sisters in Islam* dan juga yang bekerja dengan kanak-kanak. Kerana ini adalah *cyberbullying* untuk dewasa tetapi kita kena fokus juga elemen-elemen yang *target* kanak-kanak yang di bawah umur 18 tahun.

Jadi, saya harap bukan kita tunggu akhir tahun apabila keputusan daripada siasatan itu ataupun tinjauan tersebut tetapi keperluan yang ada *and we can focus on it rather than see if we need it or not. We do need it, Mr. Minister.* Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mendahului Kabinet. Oleh sebab itu, saya guna perkataan yang itu tetapi saya faham maksud Yang Berhormat dan saya setuju dengan *concern*, dengan izin, Yang Berhormat dan teman-teman yang lain. Kita berharap bila sampai hujung tahun itu, ia bukan sahaja ia menyatakan keperluannya, bahkan arahan saya ialah supaya sekurang-kurangnya draf pertama akta itu boleh dibincangkan, ya. Perkataan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, ini tinggal satu minit 41 saat, Tuan Yang di-Pertua...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit saja.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tidak apalah, seminit, tidak apa. Saya jawab yang—saya ada dua dan tiga lagi perkara. Saya ada dua perkara pokok lagi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ada perkara penting yang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri ini.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Beberapa saat sahaja, Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sedikit saja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh ya? Pontian ya? Pontian.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya bagi Yang Berhormat Pontian. Saya bagi Yang Berhormat Pontianlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey. Saya telah menimbulkan perkara yang penting pada saya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai nasib lebih kurang 1,000 orang staf JASA di bawah KKMM. Saya difahamkan yang tetap ada sebanyak 300 orang dan yang kontrak ada sebanyak 800 orang. Kontrak itu diberhentikan dan saya mencadangkan agar mereka dihidupkan semula dan diambil semula bekerja. Itu perkara yang pertama berkenaan JASA.

Kedua ialah industri kreatif. Sebagai contoh ialah nasyid. Ia perlu dipromosikan di peringkat antarabangsa dan adakah akan dibuat oleh kementerian bersama kerjasama dengan JAKIM, misalnya? Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan JASA, Kerajaan PH pada 23 Mei 2018 telah memutuskan supaya JASA dibubarkan berkuat kuasa serta-merta. Sehubungan itu, Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia pada masa itu mengambil maklum dan bersetuju dengan keputusan kerajaan supaya semua pegawai lantikan kontrak Gred 22 dan ke atas ditamatkan kontrak selaras dengan pembubaran JASA.

Kementerian ini juga pada masa itu telah melaksanakan pembayaran ganjaran kepada pegawai lantikan kontrak yang terlibat mengikut kadar yang ditetapkan dalam pekeliling yang berkuat kuasa. Pada rekod saya, kementerian ini telah mengeluarkan surat bertarikh 30 Ogos 2018 memaklumkan penamatan kontrak ke atas 776 orang berkuat kuasa mulai 15 Oktober 2018.

Kerajaan telah membuat ketetapan supaya pegawai-pegawai lantikan kontrak kumpulan pelaksana Gred 19 dan ke bawah dikekalkan berkhidmat dalam perkhidmatan awam dengan diberi penempatan semula.

Seramai 83 orang telah dibuat penempatan semula di Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan Jabatan Penerangan Malaysia berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2018 dan tarikh tamat tempoh kontrak adalah pada 31 Disember 2020.

Pada masa ini, kerajaan sedang mengkaji semula fungsi dan peranan beberapa buah agensi termasuklah JASA. Kerajaan juga telah menerima cadangan-cadangan. Saya menerima memorandum tebal daripada bekas-bekas petugas JASA yang sekarang ini memang tidak menentulah haluan mereka kerana mereka hilang pekerjaan. Mujurlah ada beberapa orang atau beberapa buah negeri yang *absorb*, dengan izin, mereka dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang bersesuaian. Pejabat Menteri Besar Pahang misalnya, mengambil lebih kurang 50 ataupun 51 orang. Kerajaan sedang meneliti sebaik-baiknya idea untuk penubuhan semula dan/atau penjenamaan baharu JASA. Semua ini sedang diteliti untuk pertimbangan kerajaan.

Soalan yang kedua Yang Berhormat, memang kita hendak menaiktarafkan industri kreatif menjadi ekonomi kreatif. Oleh sebab itu, kita tubuhkan pasukan petugas. Saya sebagai pengerusi dan Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya sebagai pengerusi bersama, kita akan melihat keseluruhan komponen dan sub-komponen yang dimaksudkan sebagai industri kreatif.

Satu daripadanya yang agak tidak diberikan perhatian oleh kerajaan sebelum ini...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat, boleh saya...

Dato' Saifuddin Abdullah: Bukan tidak bagi perhatian langsung tetapi agak terpinggir ialah nasyid. Pada minggu lalu, saya telah ada mesyuarat dengan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan kita telah bersetuju supaya kita mempromosi semula nasyid dan, *insya-Allah*, kita akan menganjurkan anugerah nasyid peringkat kebangsaan yang betul-betul bermutu dan berprestij.

Dengan izin Tuhan, mudah-mudahan setahun selepas kita menganjurkan anugerah nasyid peringkat kebangsaan yang baharu itu atau yang diberi nafas baharu kepada yang telah sedia ada selama ini, kita mengadakan anugerah nasyid peringkat antarabangsa supaya- Malaysia sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sudah pun dianggap-ini saya sebut berlapis. Sudah pun dianggap ramai daripada dunia luar sebagai, dengan izin, *the home for or the home of 'contemporary nasyid'*. Ini bukan panggilan yang kita mendakwa tetapi panggilan yang diberikan oleh peminat-peminat nasyid di seluruh dunia. Kita akan cuba memartabatkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada— saya beri lagi dua minit, ya.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal satu. *Media City*, saya kena jawab Yang Berhormat Lembah Pantai. Ini betul-betul di tengah-tengah kawasan Lembah Pantai. Jawapannya mungkin kalau ini, nanti saya akan jawab bertulis sikit. Akan tetapi, saya hendak sebut beginilah.

Kita tahu projek *Media City* untuk Jabatan Penyiaran Malaysia yakni RTM melalui kaedah Kerjasama Awam Swasta (PPP), okey. Ada *list* satu, ada *list* dua. *List* satu telah siap. Fasa 1 di bawah *list* satu telah siap sepenuhnya dan peralatan telah digunakan sejak 11 Mac 2019. Kemudian, pelaksanaan Fasa 2 di bawah *list* dua sudah siap sebanyak 93 peratus dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 28 Disember. Sudah siap nanti, kita ajak Yang Berhormat untuk ziarah. Akan tetapi, ada tertangguh di sana sini. Misalnya, Fasa 3, pelaksanaan projek telah mencapai sebanyak 81.5 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2021. Projek *Media City* terganggu kerana PKP sekejap dan telah mula beroperasi mulai 18 Mei.

Saya bagi Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini sebab Angkasapuri ini dalam kawasan Lembah Pantai, saya kena jaga. Jadi, salah satu isu yang saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan perhatian, saya difahamkan projek ini ada *land swap* yang mana ada kawasan yang ada sebuah surau yang kami panggil 'surau papan' yang saya harap dan saya sudah maklumkan kontraktor dan juga pemaju, *please*, jangan sentuhlah, kalau boleh. Memang dalam kawasan itu.

Kedua, rakan-rakan di RTM bangkitkan, sambil tunggu fasa-fasa ini siap, beberapa perkara seperti masalah lif contohnya diberikan sedikit perhatian. Di menara utama pun, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu, kadang-kadang ada masalah lif di situ.

■1900

Tidak betul kalau hanya waktu PKP, sebelum ini saya difahamkan ada pertukaran kontraktor, *the main contractor* CCC kalau tak silap saya daripada China dan ada mengakibatkan masalah sikitlah. Jadi itu sahaja. Terima kasih.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat Menteri boleh saya tambah soalan? Saya rasa adakah peruntukan atau tindakan yang akan diambil oleh MCMC tentang isu wanita meningkatkan kesedaran tentang keganasan terhadap wanita dan juga *child pornography* dalam media, bukan hanya sosial media tetapi dalam TV dan radio. Itu adalah penting kalau kita hendak menghapuskan keganasan wanita dan kanak-kanak. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ini saya gulung sekalilah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ya benar, dia kontraktor utama yang dilantik untuk Media City ialah syarikat Media City Development Sdn. Berhad (MCDSB) dan telah menamatkan kontrak dengan kontraktor utama iaitu China State Sdn. Berhad. dan telah lantik kontraktor utama lain iaitu Ideal Range Sdn. Berhad. Jadi kenapa lambat dan sebagainya, itulah Yang Berhormat pun faham apa yang berlaku tetapi saya ambil maklum tentang surau papan yang disebutkan itu dan nanti saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat bertanya tentang ya, saya sebut tadi *cyberbully* tetapi sebenarnya kita tengok keseluruhan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua seminit sahaja. Kita sedang melihat struktur *governance cyber security* kebangsaan secara keseluruhan yang melibatkan pelbagai agensi selain daripada KKMM sebagai kementerian yang bertanggungjawab. Kita juga harus melibatkan lebih rapat lagi kerjasama dengan JPM, KDN, MinDef dan sebagainya dan ada beberapa buah organisasi yang lain. Kita melihat bukan sahaja saya kata tadi *cyberbully* tetapi juga soal *harassment*, soal *fraud* dan beberapa perkara yang lain. Jadi kita ambil kira semua perkara itu dan *cyberbully*...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang penting ialah keganasan terhadap wanita.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ya, saya dengar *loud and clear*, dengan izin, Yang Berhormat. Saya faham sangat Yang Berhormat dan beberapa orang rakan, itu pun Yang Berhormat Batu Kawan tak bangun tetapi saya tahulah, kenal lama. Yang Berhormat Seputeh, dia tak minat sangat isu ini, dia minat isu lain. Akan tetapi Yang Berhormat Petaling Jaya, Yang Berhormat Batu Kawan ini kawan-kawan lama, Yang Berhormat Kluang pun saya tahu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, Jelutong, Jelutong.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ha! Yang Berhormat Jelutong pun minat isu wanita?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukan. Satu soalan, satu soalan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tak apa, saya habiskan dulu 30 saat. Yang ini Tuan Yang di-Pertua, ini kawan-kawan lama memang sangat *passionate* bab ini. Saya ambil kira dan apabila kita buat libat urus, saya akan libatkan Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Ya, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat...

Dato' Saifuddin Abdullah: Ini *last* ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, saya cuma ingin tanya kalau tak silap saya sejak kebelakangan ini sebelum berita disiarkan, lagu-lagu patriotik dimainkan. Akan tetapi sejak kebelakangan ini saya telah mengikuti berita ini secara langsung tetapi tidak ada kelihatan lagu-lagu patriotisme ini dimainkan untuk kita menerapkan sifat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Cuma soalan saya adalah adakah dasar ini akan diteruskan oleh Yang Berhormat dan kementerian? Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita memang memberi penekanan yang khusus soal patriotisme ini, saya akan periksa soal kurang lagu atau banyak lagu.

Pokok pangkalnya memang kita akan tingkatkan kandungan di televisyen dan radio yang berkaitan dengan patriotisme terutamanya kerana tahun ini ialah ulang tahun ke-50 Rukun Negara.

Rukun Negara diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos, 50 tahun yang lalu. Kita merayakannya pada tahun ini dan Perdana Menteri telah mengumumkan supaya Pendidikan Rukun Negara tidaklah semesti sebagai suatu subjek baru tetapi akan ditingkatkan penghayatannya di sekolah, di universiti dan di kalangan masyarakat dengan secara yang lebih sistematik dan strategik dan menugaskan Kementerian saya dan Kementerian Perpaduan Negara untuk bekerjasama untuk melaksanakannya. Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tak apalah Tuan Yang di-Pertua, bagi saya habislah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Ini isu yang tadi Yang Berhormat Menteri sentuh mengenai isu Yang Berhormat Petaling Jaya juga bangkitkan. Sekiranya *paperwork*, dengan izin, semua lulus dan keputusan ataupun kajian daripada universiti dibentangkan dalam Kabinet dan Kabinet bagi *green light*, boleh kami dapatkan komitmen Yang Berhormat Menteri untuk lobi untuk mendapat peruntukan daripada Kementerian Kewangan agar benda ini tidak ditangguhkan. Banyak kajian telah dibuat untuk banyak Kementerian untuk banyak isu sosial tetapi kadang-kadang ada kekangan kewangan, maka sebab itu projek-projek, saranan dan cadangan itu tidak boleh *kick-off*.

Seperti yang Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab semalam, teknologi untuk kita belajar dari Australia bagaimana untuk kita mencegah *pedophile* seperti Richard Huckle, sekali lagi beliau menyatakan tidak ada peruntukan, hendak minta Kementerian Kewangan untuk pertimbangkan. Jadi memandangkan kalau isunya dalam tangan Kementerian Kewangan, maka saya harap Yang Berhormat Menteri akan lobi bersama dengan ahli-ahli Kabinet yang lain untuk pastikan peruntukan diberikan secepat mungkin supaya kami tidak perlu bangkitkan lagi dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: *Insyallah* Tuan Yang di-Pertua, kita akan buat lebih dari lobi [*Ketawa*] Ya, kita tahu dia serius, *joke aside* dengan izin. Kita perlu lakukan dan kita carilah jalan yang terbaik untuk melaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh mengenai peranan Kementerian saya. Kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan termasuk menghantar jawapan-jawapan bertulis terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa Kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia. Akhirnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

7.07 mlm.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: *Ismail Rahmani Rahim. Alhamdulillah*, sekarang giliran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menggulung bahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Insyallah saya akan menjawab beberapa perkara yang menyentuh hal dasar dan ia juga akan merentas semua isu yang dibawa oleh beberapa Ahli Parlimen. Jadi saya harap boleh dengar penjelasan saya di peringkat dasar ini untuk lebih faham mengenai soalan-soalan yang telah diberikan okey.

Jadi untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ada enam perkara atau enam topik yang telah dibahaskan iaitu:

- (i) perumahan;
- (ii) kerajaan tempatan;
- (iii) kebombaan;
- (iv) kesejahteraan bandar;

- (v) pengurusan sisa pepejal; dan
- (vi) perkhidmatan perbandaran.

Untuk isu-isu perumahan ada seramai 15 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Tanjong Malim, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Kampar dan Yang Berhormat Kuching.

Jadi untuk Yang Berhormat Pontian, tidak berada di sini tetapi namun demikian saya hendak menjelaskan kerana Yang Berhormat Pontian menyentuh tentang isu dasar. Jadi saya hendak yang lain yang ada di dalam Dewan ini yang membangkitkan isu perumahan untuk mendengar dasar-dasar ini dan ia dengan secara tidak langsung akan menjawab soalan Yang Berhormat.

So, untuk pengetahuan Yang Berhormat Pontian dan semua Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semenjak tahun 2018 telah mengeluarkan dua buah dasar iaitu pertama, Dasar Perumahan Negara yang mana di sini memberi panduan tentang pembinaan rumah dan sebagainya... *[Menunjukkan sebuah buku]*

Akan tetapi isu yang terbaru di sini yang telah kita tambah ialah isu untuk pembangunan semula Tuan Yang di-Pertua. Maknanya ada polisi untuk pembangunan semula kepada bangunan-bangunan ataupun projek-projek perumahan yang sudah 30 tahun ke atas, yang sudah usang dan sudah lusuh. Kita ada tambahan di dalam Dasar Perumahan Negara 2.0.

Untuk satu dasar yang baru yang kita juga telah gubal pada tahun 2018 adalah Dasar Rumah Mampu Milik. Ini atas kesedaran bahawa kita melihat rumah-rumah *low cost* atau rumah-rumah PPR yang telah dibina adalah bersaiz yang kecil. Kita lihat keperluan untuk memberikan kriteria-kriteria yang baru dalam pembangunan rumah mampu milik khususnya untuk mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, yang dulu dan sekarang telah ditingkatkan kepada RM4,360 ke bawah iaitu golongan B40.

■1910

So, dalam Dasar Perumahan Mampu Milik ini, ia tertera- apakah ciri-ciri rumah mampu milik yang dengan ia kita hendak cuba menaikkan taraf hidup golongan B40 ini. Dimulakan dengan saiz rumah tidak boleh kurang daripada seluas 900 kaki persegi. Kalau dibandingkan yang ada sekarang adalah paling besar 750 kaki persegi. So, itu satu iaitu daripada saiz rumah selain daripada segi kemudahannya, daripada segi pembiayaannya dan juga daripada segi akses kepada kawasan-kawasan yang strategik yang berdekatan dengan pembinaan perumahan B40 ini.

KPKT mengambil berat tentang lokasi pemilihan rumah-rumah mampu milik ini kerana kita lihat bahawa ada isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Malim mungkin, kerana isu rumah-rumah mampu milik ini terletak jauh, jadi membebankan rakyat daripada segi kos untuk *traveling* serta *transportation* dan sebagainya. Jadi, sebab itu bila kita menentukan tapak rumah mampu milik ini yang telah diberikan oleh kerajaan negeri, kita tidak sewenang-wenangnya menerimanya dan terus membina rumah. Kita pastikan kita pergi *check the location*, memastikan bahawa ia adalah dalam kedudukan yang strategik dan yang ada *infrastructure*, so ia memudahkan mereka untuk berurusan untuk membuat urusan harian. Jadi, ini menjadi kriteria.

Sekiranya tapak itu kita dapati tidak sesuai, maka kita akan minta kerajaan negeri untuk menggantikan tapak yang lebih sesuai sampai kita mendapati tapak yang kita rasa itu adalah yang sesuai sangat sekali untuk membina rumah mampu milik ini. Jadi, antara isu-isu tentang harga rumah. Dalam Dasar Rumah Mampu Milik ini, ada juga ketetapan yang telah kita beri berkaitan panduan untuk harga-harga rumah di tempat-tempat bandar. Jadi, ia berdasarkan *median income of the populations* setempat dengan izin. So, jadi di situ juga ada dasar dan ada juga panduan harga-harga rumah ini.

Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]: *[Bangun]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Jadi, kalau saya lihat di sini adalah daripada RM100 ribu hingga ke RM300 ribu, *not more than*- tidak lebih daripada RM300 ribu. Jadi, yang paling rendah sekali saya lihat adalah harga sejumlah RM94,000 di kawasan luar bandar di Kelantan.

So, ini h garis panduan yang telah kita tetapkan untuk rumah mampu milik. So, di peringkat KPKT, kita tidak akan membina rumah yang kecil daripada 900 kaki persegi. Baru-baru ini 11 buah tapak telah diluluskan oleh Kabinet, iaitu tapak rumah PPR yang telah kita *upgrade* dengan kita telah naikkan taraf mengikut kriteria rumah mampu milik untuk keselesaan pemilik-pemilik daripada kalangan B40. Ia juga termasuk kemudahan awam seperti tadika, taska, surau ataupun tempat sembahyang, bilik pengurusan jenazah, taman permainan, dewan serbaguna, bilik pengurusan mayat *non-Muslim*, semuanya kita tetapkan dalam kita punya kriteria tender untuk memastikan bahawa semua kemudahan ini dilengkapi dengan sempurna.

Saya ingat jangan tanya saya soalan dulu. Sekiranya ada soalan suruh catat, saya sudah habis nanti boleh kita *refer*. *It is because* mungkin saya akan *cover* soalan itu dalam saya punya ucapan ini. Jadi, untuk bagaimana kita hendak mengawal harga rumah ini, KPKT juga sedang menggubal dasar *Residential Tenancy Act* yang mana ia akan mengambil kira kepentingan *landlord* dan juga kepentingan *tenant* dengan izin. Ini juga akan dapat mengawal harga dan agar *landlord* tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga, mengusir dan sebagainya. Jadi, ini juga antara perkara yang kita akan dapat mengawal harga sewa rumah untuk penyewa-penyewa rumah dalam negara.

Selain daripada itu, setakat ini juga KPKT telah menyelaraskan- ada yang bertanya sama ada kita boleh mampu untuk menyediakan rumah untuk rakyat Malaysia. Sudah tentu KPKT berusaha untuk menyediakan sebanyak rumah yang mungkin. Itu juga tertakluk kepada tanah yang ditawarkan oleh kerajaan negeri sekiranya ia bersesuaian.

Namun demikian, selepas tahun 2018, agensi perumahan selain dari Jabatan Perumahan Negara di bawah KPKT, agensi perumahan PR1MA, SPNB dan PPAM juga telah diletakkan di bawah pemantauan KPKT. So, dengan ini kita dapat selaraskan satu polisi yang mana rumah-rumah yang dibina oleh PR1MA, SPNB dan PPAM akan sama dengan Jabatan Perumahan Negara iaitu rumah mampu milik yang harganya tidak lebih daripada RM300,000 dengan kriteria-kriteria yang seperti saya sebutkan dalam buku Rumah Mampu Milik ini.

Jadi, ini boleh menambahkan lagi unit-unit rumah untuk kita bina. Jadi, kalau kita lihat 11 projek telah diluluskan untuk dikeluarkan tender dan juga ada 27 juga *parcels of land* di bawah PR1MA dengan izin, dan ada juga tanah-tanah TOD juga yang kita akan gunakan untuk pembinaan. Ini tidak termasuk juga Bandar Malaysia yang telah menjanjikan sejumlah 10 ribu unit rumah mampu milik. Jadi, saya harap dengan adanya pembinaan rumah-rumah ini akan dapat memberi peluang kepada rakyat Malaysia, di kalangan B40 terutamanya untuk memiliki rumah. Dalam skim yang kita ada juga dalam perumahan kita skim pembelian, skim sewa dan skim *Rent-to-Own*. So, ada tiga skim yang mana KPKT laksanakan.

Akan tetapi, buat masa ke depan KPKT, *insya-Allah* dengan Dasar Rumah Mampu Milik ini, KPKT akan hanya membina rumah untuk disewa sahaja. Mungkin diberikan pengecualian kepada mereka yang tidak mampu untuk boleh berterusan tinggal di situ tetapi mereka yang mampu selepas lima tahun kita dapat akan dapat berpindah ke rumah yang lebih besar dan lebih selesa, bila keluarga mereka lebih stabil dan sebagainya. Jadi, ini antara perkara-perkara yang dibawa dalam pembaharuan dalam KPKT dalam isu pembinaan perumahan untuk B40 dan M40.

Seterusnya saya ingin- walaupun Yang Berhormat Port Dickson tidak ada, Yang Berhormat Tanjong Malim ada, Yang Berhormat Parit ada? Membawa isu tentang audit. Saya juga meneliti audit perumahan ini dan saya juga mendapati bahawa ada isu-isu teknikal dan isu-isu *administrative* yang saya tidak boleh nafikan yang harus diperkemas, yang harus dinaiktarafkan, yang harus dipantau dan yang harus ditukarkan cara-cara menguruskannya. Namun demikian, ada juga isu-isu yang baik, yang ada sebab yang munasabah yang tidak dapat dilaksanakan, maka ada isu-isu kelewatan dan sebagainya. Jadi, ada sembilan projek perumahan yang telah dibangkitkan dalam audit ini, namun demikian, KPKT telah berjaya untuk membina sebanyak 342 projek perumahan. Jadi, yang ini hanya ada sembilan sahaja dan *insya-Allah* kami *recognize*, kita iktiraf teguran...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: ...Yang dibuat oleh...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon sikit pertanyaan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: ...Laporan audit dan kita akan perbaikinya, *insya-Allah*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Mohon berkaitan dengan rumah PPR ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Kasi saya habis dulu perumahan, nanti *you* catat dulu, okey. Jadi, yang ini saya harap Yang Berhormat Tanjong Malim dan Yang Berhormat Parit untuk rekod kita iktiraf tentang kelemahan di peringkat *contract administration*, itu kita lihat. Akan tetapi, daripada segi pengisian, daripada segi pemilihan, daripada segi pelaksanaan...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *[Bangun]*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: ...Penawaran, ini dijalankan dengan baik. Yang Berhormat Tanjong Malim *jot down first*.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Okey.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Okey, *thank you*. Untuk isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Sandakan dan Yang Berhormat Batu Sapi. Isu mengenai perumahan mampu milik di negeri Sabah. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah ini, rumah mampu milik di Sabah adalah yang kedua terbanyak yang kita bina, iaitu di Sabah. So, jadi kita ada Program Perumahan Rakyat, sebanyak 39 projek. Program Perumahan Penjawat Awam sebanyak 2,656 unit, Skim Perumahan Mampu Milik sejumlah 1,833 unit, Perumahan PR1MA 8,963 unit dan program perumahan di bawah SPNB 12,870 unit, Rumah Mesra Rakyat 1,480 unit.

So, *in total* kalau dekat Sabah kita telah melaksanakan projek sebanyak 39 projek. Ketika ini sejumlah 31 projek sudah dibangunkan yang melibatkan sebanyak 21 ribu buah rumah dan tujuh lagi projek dalam pembinaan iaitu PPR Ulu Pirasan Kota Belud, PPR Sapagaya Lahad Datu, PPR Pitas, PPR Kampung Kionsom Inanam, PPR Tagasan Semporna, PPR Gayang Tuaran dan PPR Jalan Tunku Lahad Datu dan PPR Kampung Batu Putih Fasa 2 Sandakan Sabah.

So, dengan ini kita melihat bahawa kita Kerajaan Pusat tidak mengetepikan pembinaan perumahan mampu milik untuk rakyat negeri Sabah terutamanya pada golongan yang berpendapatan rendah. Begitu juga ada pelaksanaan MyHome di Sabah. Program-program ini juga dilaksanakan di negeri Sabah.

■ 1920

Untuk seterusnya, saya ingin menjawab tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Hulu Langat tentang perumahan yang- Yang Berhormat Hulu Langat ada? Hulu Langat kerana di pinggir Kuala Lumpur dan Batu di dalam Kuala Lumpur, menanyakan sama ada adakah perumahan yang dibina- adakah kita akan bina banyak lagi rumah di Wilayah Persekutuan rumah PPR ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Batu yang ada di dalam Dewan ini, projek terakhir kita bina projek Sentul Murni pada tahun 2018. So, ketika ini tidak ada lagi. Selepas tahun 2018, tidak ada lagi projek yang kita kendalikan dan kita serahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk terus membina Residen Wilayah. Jadi, seterusnya mungkin boleh dapat maklumat daripada Menteri Wilayah Persekutuan. So, *in total*, dengan izin, kita telah membina sebanyak 27 program projek rumah PPR di Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Kampar dan Yang Berhormat Bandar Kuching. Ada Yang Berhormat Kampar dan Yang Berhormat Bandar Kuching? Yang Berhormat Bandar Kuching ada. So, mereka menanyakan tentang *HOC campaign* yang mana bila *HOC campaign* kita laksanakan pada tahun 2019, kita memberikan diskaun kepada perumahan-perumahan PR1MA. Ada aduan-aduan yang dibuat oleh pembeli-pembeli awalnya tentang harga rumah yang mereka tidak dapat nikmati dengan diskaun yang telah kita laksanakan kemudiannya.

Jadi, ada kumpulan yang mengambil kes ini ke mahkamah dan kita biarkan ia ditetapkan di mahkamah. Akan tetapi, ada kumpulan yang telah datang bersama untuk berbincang dengan KPKT yang mana tidak akan teruskan ke mahkamah, KPKT telah berunding dengan mereka. Di Semenanjung ya. KPKT telah berunding dengan mereka. Projek-projek perumahan ini ada dua tiga sahaja projek yang berminat datang ke KPKT dan kita telah berikan cadangan-cadangan untuk penyelesaian.

Untuk Kuching, memang Kuching pun minta tidak boleh datang ke Kuala Lumpur, minta kami ke Kuala Lumpur. Kita dah bagi tarikh tetapi tidak dapat disempurnakan.

Lepas itu dengan isu COVID-19 dan sebagainya, jadi *insya-Allah*, kita akan pergi ke Kuching dan melihatkan apakah isu sebenarnya dan kita akan membincangkan cadangan untuk penyelesaian, *insya-Allah*. Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, terima kasih. Boleh tanya sikit lagi, Yang Berhormat Menteri? Sikit, sikit. Sebenarnya- terima kasih...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *Let me finish the perumahan issue first.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, okey, boleh.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Untuk Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Tebrau menanyakan tentang tempat-tempat setinggan merupakan punca utama pencemaran sungai dan banjir kilat. Isu sungai dan banjir kilat ini isu di bawah Jabatan Perparitan dan Saliran. So, bukan di bawah KPKT. KPKT cuma di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan ada lah buat projek kecil-kecil untuk membina dan menaik taraf longkang.

Untuk Yang Berhormat Johor Bahru. Ada Yang Berhormat Johor Bahru? Yang Berhormat Johor Bahru bertanya tentang Pangsapuri Desa Dato' Hajah Hasnah, Pangsapuri Desa Melayu dan Pangsapuri Desa Jaya tentang status projek ini. Minta maaf, projek ini bukan di bawah kendalian KPKT tetapi di bawah kendalian kerajaan negeri. So, minta susul dengan kerajaan negeri.

Yang Berhormat Sekijang bertanya tentang projek Tunku Abdul Rahman, Segamat, Johor yang dibangunkan dan dimajukan oleh Vital Landscape Sdn erhad. Vital Landscape Sdn Berhad satu projek *private* yang mana projek telah terbengkalai yang mana kerajaan ataupun KPKT tidak ada kuasa untuk menyelamatkannya. Jadi, kita harus ikut proses mahkamah dan seterusnya untuk proses *white knight*. Akan tetapi, ketika ini tidak ada *white knight* yang berminat untuk menyelamatkan projek ini.

So, itu semua isu perumahan. Ada yang tidak tersentuh? Silakan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Dari Sibuti, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ada. Tanjong Malim.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, Yang Berhormat Tanjong Malim dulu.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Boleh? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana memberi peluang untuk mencelah. Cuma, saya ingin menghargai bahawa kementerian telah pun mengaku bahawa ada kelemahan daripada segi pelaksanaan projek. Saya cuma nak minta pandangan kementerian, ada kelemahan dalam pelaksanaan projek memang biasa. Akan tetapi, kalau ada masalah yang kelewatan yang melampau sangat, saya rasa kementerian harus memberikan satu penyelesaian. Saya beri contoh Lembah Subang 2 yang projek *Rent-to-Own*. Patutnya siap tahun 2005 tetapi lambat 1,550 hari iaitu lebih daripada empat tahun...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, *can I just stop? Because I know why you are going into the details. I have covered in the answer just now, overall answer...*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *But you did not...*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *We are going to look into it. We are going to improve the system. We are going to...*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Look into it is not good enough*, Yang Berhormat Menteri...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *We are going to improve the system.*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya. Boleh atau tidak kita tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *In my capacity*, dalam kapasiti saya, saya melihatkan ini satu perkara yang serius.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *It is a very serious matter. So, saya tidak akan...*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sebab, selepas kelewatan itu...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *No. It is taken and understood that it is a serious matter and we will handle this and, insya-Allah, we will polish this and to make sure that this thing would not happen anymore... [Tepuk]*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *I think looking into it is not enough because saya bangkitkan dalam...*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *That's the answer already and that's the details of it- Subang and all those things. There are nine projects, okay. Yang Berhormat Bandar Kuching, please.*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sekurang-kurangnya, Tuan Yang di-Pertua, perlu ada satu langkah apa yang akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Malim, saya rasa Yang Berhormat Menteri telah memberikan jawapan. Perkara itu sedang dilihat dan diteliti. Saya rasa satu solusi akan tercapai.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Dan kita kena ada satu mekanisme. Itu yang- okey.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tebrau, tebrau.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang meneliti jawapan tersebut dan saya berterima kasih. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan datang ke Kuching secepat yang mungkin dan kita boleh makan laksa bersama-sama.

Saya cuma hendak bawa satu isu tentang PR1MA tersebut. Ia bukan sahaja aduan daripada pembeli awal, tetapi pembeli awal ini juga alami beberapa masalah seperti ada beberapa mereka sejak September 2017, mereka telah menandatangani S&P tersebut tetapi sampai sekarang, tiga tahun lebih, mereka belum dapat kunci untuk *property* mereka. Itu satu. Malah, ada yang terpaksa membayar *maintenance fee* walaupun kunci belum dapat. Bagi saya, sepatutnya mereka mula bayar *maintenance fee* itu selepas mendapat kunci. Jadi, saya harap kerajaan dapat meneliti isu ini. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Tebrau boleh?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Bandar Kuching, *can give me the exact project? If you don't have...*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: PR1MA @ Bintawa Riverfront.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Oh, Bintawa.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bintawa ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Bintawa, *we have-* kita akan lancarkan. Sudah siap dan kita akan buat pelancaran, *but because of COVID-19, we can't do that.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *So now another time, Sarawak pun quarantine now, jadi kita problem.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Akan tetapi, kenapakah mereka memaksa bayar *maintenance fee*?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Memang Bintawa *is in my list. In the- yes, because I think they have already awarded the keys to them.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Belum, belum. Belum dapat kunci tetapi kena bayar *maintenance fee*. Itulah yang saya rasa pelik. Mungkin dapat kunci dulu, baru bayar *maintenance fee* tersebut. Itu sepatutnya adil.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *All right, all right, okay. I know about this because Bintawa is in my list for me to go down and untuk launch dan saya akan melihatkan perkara ini, insya-Allah.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bila, Yang Berhormat Menteri?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *Bilakah? I don't know whether Sarawak I can go in now. I can't go into Sarawak now, right? Because of COVID-19.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Oh, *anytime, anytime.* Boleh, boleh.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *Never mind, it's okay. We will go down, insya-Allah. All right.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebräu]: Tebräu, Tebräu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Yes, Tebräu.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebräu]: Saya ucap terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri sudi menjawab dan akan komited untuk membina lebih banyak lagi rumah yang mampu milik. Jadi, soalan saya adalah pada zaman Pakatan Harapan, Yang Berhormat Menteri masih Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga. Masa itu sudah janji akan bina sebanyak 100 ribu buah rumah mampu milik. Adakah itu masih berjalan? Itu soalan.

Kedua, saya berharap dengan Yang Berhormat Menteri pun sudah berkata rumah yang lama dibina zaman dahulu tidak sesuai kerana kecil, sekarang akan bina lebih sesuai, besar sedikit. Akan tetapi, saya berharap kualitinya tidak akan terjejas kerana saya meneliti dan sudah dapat banyak kawasan PPR, kualitinya teruk kerana tidak pantau dengan baik pada masa pembinaan. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan komited untuk memastikan bahawa perumahan yang dibina dari tahun 2018 ke atas rumah yang berkualiti dengan *QLASSIC system* dan sebagainya untuk pemantauan, untuk diaudit dan sebagainya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sedikit, Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga, *insya-Allah*, akan meneruskan azam untuk membina rumah sebanyak 100 ribu setahun dan kita lihat bagaimana selepas 10 tahun kemudian, *insya-Allah*.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebräu]: Okey, terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sedikit, Yang Berhormat Menteri. Berkenaan tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang masalah pemberian tanah di peringkat negeri. Sebelum ini, kerajaan yang sebelum, Kerajaan Pakatan Harapan, mungkin kita ada wujud sedikit *miscommunication* antara *Federal* dan juga *state*.

■1930

Adakah Yang Berhormat Menteri akan memperbaharui rundingan antara negeri dan juga Kerajaan Negeri Sarawak supaya kita dapat meneruskan projek perumahan rakyat. Adakah dasar kementerian telah memasukkan program pembinaan rumah panjang? Ini kerana memandangkan rumah panjang merupakan salah satu bentuk *lifestyle* di negeri Sarawak.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih. Saya sebagai Menteri KPKT dahulu dan sekarang tidak akan menganaktirikan mana-mana negeri dalam membina rumah. So, jadi *insya-Allah*.

Mengenai rumah panjang, memang satu ketika dahulu waktu kerajaan lama, saya telah membuat satu pengumuman untuk menggubal dasar rumah panjang, memandangkan 52 peratus penduduk Sarawak duduk di rumah panjang. Jadi ada keperluan untuk buat sebuah dasar. *Insya-Allah*, kita akan cuba laksanakan ini.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri, adakah jawatankuasa yang dicadangkan pada kerajaan yang lepas akan diteruskan bagi Kerajaan Perikatan Nasional?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Jawatankuasa itu belum lagi dibentuk tetapi baru bermula di peringkat Jabatan Perumahan.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh? Terima kasih. Saya ucap tahniahlah kepada kementerian yang telah pun mewujudkan Dasar Perumahan Negara. Akan tetapi hanya beberapa persoalan saya hendak tanya dan saya juga sangat setuju bahawa rumah sekarang kena 900 kaki. Itu memang dirancang dari dahulu. Hanya yang saya hendak tanya, berapa harganya bila 900 kaki? Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat kata tadi rumah mampu milik. Ada atau tidak perbezaan di antara rumah mampu milik dengan rumah PPR? Kalau dulu rumah PPR kita sedia maklum, kita hanya jual RM35 ribu sahaja. Adakah kategorinya untuk rumah PPR ini?

Ketiganya Yang Berhormat, apa juga fasal perumahan ini ialah tapak. Tadi Yang Berhormat kata, minta tanah kerajaan. Apakah Yang Berhormat yakin kerajaan negeri boleh menyediakan tanah? Sebagai contoh, 11 buah tapak Yang Berhormat kata hendak dibuat ini, ada berapa di dalam negeri Selangor? Adakah Kerajaan Negeri Selangor sebagai contoh bersedia menyediakan tapak ini?

Akhir sekali, mengenai projek di Sungai Tinggi. Ini projek Yang Berhormat sedia maklum. Yang Berhormat pun saya tengok hari itu diraikan oleh Tan Sri Vincent Tan, Berjaya Group ini. Dia sudah bagi tanah untuk dibuat rumah. Akan tetapi sampai sekarang, saya tengok rumah itu masih belum lagi dibuat. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ini soalan terakhir saya jawab mengenai isu perumahan kerana saya ada tinggal 19 minit sahaja.

Okey mengenai harga ini, harga mediannya dibuat berdasarkan daripada tiga-*annual income times three times. That will be the median price of the house of that area.* Berdasarkan pendapatan setempat, kali 12 kali tiga tahun. *That will be the price of the house.* Ada detil dalam ini... [Menunjukkan dokumen berkaitan] Kalau nanti- Yang Berhormat Tanjong Karang boleh lihat ya.

Jadi untuk tapak, kita terima, ada beberapa buah tapak tetapi tapak yang tidak sesuai. Akan tetapi kalau Yang Berhormat bertanya tentang Selangor, Selangor tidak perlu memberikan tanah kepada kita kerana Selangor sendiri telah banyak membuat projek Rumah Selangorku dan sebagainya, jadi mereka mempunyai prioriti untuk projek mereka. Jadi kita boleh *leave Selangor independent to do their housing.*

Mengenai Sungai Tinggi ini, memang tanah Berjaya telah diserahkan untuk membina untuk pekerja-pekerja estet. So ketika itu lewat sedikit kerana kita meminta Berjaya- kerana Berjaya berminat untuk mendirikan, membina rumah itu. Akan tetapi KPKT tetap untuk memastikan bahawa projek ini harus di-*tender out*. Jadi *now* kita sudah dapat surat daripada Berjaya, *I think* bulan lepas untuk menyatakan bahawa mereka setuju untuk di tender. Jadi proses tender juga akan dilaksanakan untuk Sungai Tinggi ini, *insya-Allah*. Ini dalam Tanjong Karang, bukan? *Your area right?* Okey.

Jadi saya hendak teruskan kepada isu kedua iaitu kebombaan. Kebombaan- Yang Berhormat Jerlun tidak ada tetapi *he is asking important question*. Akan tetapi saya akan jawab bertulis lah. Untuk kebombaan, tadi isu mengenai Adib, KDN sudah menjawab. Saya hendak memberikan sedikit penjelasan mengenai kes Adib ini. KPKT di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia komited, berazam untuk memastikan bahawa ada pembelaan untuk arwah Adib dan keluarga... [Tepuk] Ini memang kita punya tekad.

Jadi, dari awal lagi KPKT, apabila selepas kematian Adib pada 25 Disember, saya dipanggil oleh *Deputy IGP* untuk memberikan penjelasan tentang kematian Adib, bagaimana Adib meninggal. Dalam taklimat yang diberikan kepada saya, dia memberi satu rumusan yang sangat *simplistic* bahawa arwah Adib meninggal kerana kemalangan. Saya tidak setuju selagi saya kata tidak ada bukti ada orang yang lihat, ada orang yang nampak, maka saya tidak setuju.

Malam itu juga saya telefon Yang Berhormat Menteri KDN untuk mengadakan satu mesyuarat sebelum mereka hendak membuat *press statement* tentang kematian Adib. Jadi saya telah minta dengan Yang Berhormat Menteri KDN ketika itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempengerusikan satu mesyuarat, memanggil semua, dengan forensiknya, dengan bombanya, dengan polisnya dan dihadiri juga oleh *IGP* dan *Deputy IGP* ketika itu. Dalam mesyuarat itu, kami daripada pihak bomba tidak boleh menerima teori yang telah diberikan oleh pakar forensik ini. Jadi oleh itu kami berbincang *a few hours* dan kita *decide* untuk membuat inkuies.

Jadi ini satu tahap pertama yang kita telah perjuangkan agar kematian Adib ini dapat pembelaan, dengan adanya inkues. Selepas ada inkues, kita lihat bahawa keputusan yang telah diberikan koroner bahawa ia bukan satu kemalangan tetapi satu jenayah. Jadi pihak KPKT juga di bawah kerajaan baharu membangkitkan isu ini dalam Kabinet dan telah bersetuju oleh KDN untuk membuka semula, untuk menyiasat semula saksi-saksi yang telah dipanggil dahulu.

So, tadi kita sudah dengar apa jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dan itulah seterusnya dan *in fact*, mereka yang dipanggil untuk menjadi saksi ketika ini atau kali kedua ini, akan digunakan sistem poligraf juga untuk memastikan bahawa apa yang disebut atau apa keterangan yang diberikan adalah yang benar.

So itu mengenai- *and then* pampasan yang telah dapat oleh keluarga Adib adalah sebanyak RM450 ribu. Sebanyak RM102 ribu daripada orang awam dan yang lainnya daripada skim-skim yang ada dalam bomba, Koperasi Bomba, Kumpulan Wang Kebajikan Bomba, Kesatuan Pekerja Bomba, Skim Takaful, ex-gratia, ganjaran terbitan. Ini semua yang lain itu adalah daripada skim-skim dari Jabatan Bomba dan Penyelamat. Jadi inilah penerangan tentang kes Adib...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan. Tentang bomba. Padang Serai.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Nanti, nanti. Saya tidak jawab lagi, duduk. *You* dengar dulu, saya habis jawab bomba- *Yang Berhormat Padang Serai not in the list ...*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *Yes not in the list but I just want to ask about...*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Saya- untuk bomba, saya ada terima Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Julau. So, jadi Yang Berhormat Padang Serai, sila duduk.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, kita mahu sebut semua Yang Berhormat Menteri...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Sila duduk dahulu, sila duduk dahulu.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Semua Yang Berhormat Menteri dalam satu. Kita ada 15 minit, macam mana kita hendak masuk ...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak beri laluan. Maaf ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Membawa isu pili bomba. KPKT cuba sebaik mungkin di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk menambahkan pili-pili bomba dan kita memang akui bahawa pili-pili bomba masih tidak mencukupi. *Insyallah*, kita akan tambahkan di seluruh negara.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, saya ada sikit.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Kangar, *no*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya ada sebut fasal pili bomba.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Batu Niah, 1 Jun 2020 telah mula beroperasi.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya sebut tentang pili bomba tidak ada air.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Pili bomba, saya sudah sebut, kita akan pasang lebih banyak lagi pili bomba.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kita hendak pili bomba yang ada air.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Tekanan air adalah di bawah jabatan dan KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat menggunakan *tankers* untuk memberi bantuan kepada rakyat.

Untuk Yang Berhormat Jerantut bertanya fasal Bomba Kuala Tahan. Yang Berhormat Jerantut ada? *I think* saya kena *skip* sebab tinggal 15 minit sahaja.

Yang Berhormat Johor Bahru tentang- Yang Berhormat Johor Bahru pun tidak ada. Tentang *fire certificate*.

Yang Berhormat Tanjong Manis, *are you there*, dengan izin. So, saya akan memberi jawapan bertulis.

Yang Berhormat Batu Sapi?

Yang Berhormat Tangga Batu? Okey Yang Berhormat Tangga Batu menyatakan tentang tekanan air. Tekanan air ini di kawasan itu adalah di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran, bukan di bawah bomba dan kita akan bekerjasama dengan Jabatan Air Melaka.

Yang Berhormat Julau, ada ya? Yang Berhormat Julau membangkitkan bahawa di Julau tidak ada balai bomba. KPKT telah mewujudkan satu lagi kategori balai bomba kelas E. Kita telah *identify*, mengenal pasti 108 buah lokasi yang sepatutnya ada akan dibina...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri...

■1940

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Dapat kita bina balai bomba kelas E. Namun demikian, Julau tidak termasuk di situ. Akan tetapi tidak mengapa, oleh sebab Yang Berhormat Julau sudah tanya saya akan meminta Pengarah Bomba Negeri Sarawak untuk turun ke Julau dan bersama dengan Yang Berhormat untuk melihat sama ada- apakah keperluannya. Balai bomba ini diwujudkan kerana ia untuk dibina di kawasan-kawasan terpencil, di pulau-pulau yang mana apabila berlakunya kebakaran, tidak mudah untuk bomba daripada *mainland* untuk ke kawasan-kawasan ini.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Okey, yes Yang Berhormat Tangga Batu.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tentang tekanan air yang kejam ada, kejam rendah, kejam tinggi itu mengenai masalah perumahan iaitu di Pangsapuri Langkawi di DUN Klebang. Jadi selalu tekanan air itu, bukan masalah paip bomba itu. Bomba saya tanya tentang polis bantuan bomba yang mana mereka menginginkan kemudahan yang sama macam pegawai bomba sepenuh masa seperti pinjaman perumahan kah, jadi nasib mereka, mereka persoalkan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ya, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu kerana prihatin dengan pegawai bomba bantuan. Akan tetapi pegawai bomba bantuan ini adalah di bawah skim pelantikan yang berbeza di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1998 [Akta 341]. Jadi tidak boleh kita memberi mereka *benefits* seperti pegawai bomba yang tetap. Namun demikian, bila ada kekosongan kita akan serapkan pegawai bomba bantuan ini untuk mendapatkan jawatan tetap.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sedikit Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri. Bomba- saya ingat bomba itu sukarela barangkali yang dimaksudkan. Bomba sukarela. Saya ingat nak tanya satu sahaja. Dahulu, kita sudah umum bahawa elaun bomba sukarela ini sekarang RM6 sejam dan kita ada bersetuju dahulu kita hendak bagi RM8 sejam. Bilakah boleh dilaksanakan dari RM6 ke RM8 sejam untuk elaun bomba sukarela? Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Tanjong Karang, pegawai bomba bantuan yang dibayar RM6 satu jam dan kita minta dinaikkan RM2 selaras dengan *uniform group* yang lain. So, jadi ini dalam proses untuk kita bawa ke Kabinet.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan tentang pili bomba. Ini adalah berkaitan tentang banyaknya berlaku kebakaran rumah panjang kebelakangan ini di Sarawak. Juga Yang Berhormat Menteri pernah menjawab berkenaan tentang penglibatan wanita di dalam anggota bomba. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri kalau Yang Berhormat Menteri dapat pergi turun ke Sarawak supaya menggalakkan satu program di mana rumah-rumah panjang ini ramai golongan wanita melibatkan diri dengan sukarelawan wanita bomba di rumah panjang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Itu memang tugas saya. Saya sudah melawat hampir 100 buah balai bomba dan saya menyampaikan mesej untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita kerana ada pekerjaan-pekerjaan yang memerlukan kepakaran orang perempuan dalam membuat kaunseling, dalam menyantuni anak-anak dan orang perempuan dalam trauma dan sebagainya. Ini memang kita laksanakan.

Akan tetapi saya hendak sebut juga, pasukan bomba sukarelawan yang banyak telah dibentuk di seluruh negeri Sarawak. Saya tidak ada angkanya di sini tetapi saya ingat dalam 200 lebih di Sarawak. Sudah ada pasukan bomba sukarela dan mereka telah berjaya. Ada empat rekod yang saya dapat di sini bahawa bomba sukarela ini sendiri mampu memadamkan api di empat buah rumah panjang ini di Saratok, di Kanowit- dua di Saratok; di Katol, Kerangan dan juga Rumah Panjang Kampung Ensegei.

So, pasukan bomba sukarelawan ini dilatih dan diberikan kelengkapan asas dan juga alat pemadam api dan mereka mampu untuk menyekat api dari menyebarkan dan dapat memadamkan api di peringkat awal. Jadi saya amat menggalakkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan pasukan bomba sukarelawan dan pasukan bomba komuniti.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan. Kawasan saya bomba ini, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat Menteri, Julau. Penjelasan sekejap.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan. Bomba di kawasan saya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Julau. Yes, Yang Berhormat Julau.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berterima kasih kepada jawapan tadi. Saya ada hendak buat satu cadangan untuk- tadi Yang Berhormat Menteri ada kata Dasar Rumah Panjang. Jadi, ada satu isu yang penting adalah *fire insurance* kerana masa sekarang kalau rumah panjang hendak buat insurans kepada api atau *fire insurance*, ada banyak masalah kerana tiada *specs* semua. So, saya harap ini boleh dimasukkan ke dalam kajian nanti ya. Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *Insya-Allah* kita akan teliti aspek kebakaran untuk dalam Dasar Perumahan Rumah Panjang ya. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang isu...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, belum *public line* Yang Berhormat Menteri. Bomba.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Apa dia Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta tolong sedikit Yang Berhormat Menteri. Jangan marah. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya bomba di kawasan saya, Parlimen Padang Serai. Rancangan Malaysia Kesebelas sudah lulus tetapi sampai hari ini tidak ada bomba di situ. Tolong jawab Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jangan marah. Kita sayang sama *you*.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Rancangan- fasal Yang Berhormat Padang Serai tidak tanya, jadi bila soalan ini tidak ada...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Bukan Yang Berhormat Menteri. Kita- topik banyak.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Tak apa, tak apa. Jangan buang masa, jangan buang masa. Duduk. Okey jadi *insya-Allah rolling*- RMKe-11 akan dilaksanakan dan ada *Rolling Plan 1, 2, 3*. So, jadi kita lihat di mana. Kalau sudah ada diluluskan, *insya-Allah* akan dibina.

Okey, seterusnya kesejahteraan bandar. Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Tampin ada membawa isu. Ada Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Tampin? Tidak ada. Okey.

Untuk seterusnya- Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Sri Gading ada?... *[Disampuk]* Tidak ada. *All right.* Yang Berhormat Tangga Batu. Yang Berhormat Seputeh mengenai permohonan perkhidmatan perbandaran. Okey, Yang Berhormat Seputeh ada, Yang Berhormat Tangga Batu tidak ada.

Yang Berhormat Seputeh bertanya tentang semasa PKP ini kita- di peringkat Persekutuan telah meluluskan untuk kegunaan gim dan juga kolam renang di apartmen-apartmen dan di kondominium-kondominium. Akan tetapi Yang Berhormat Seputeh tak boleh pergi gim dan tak boleh pergi mandi kerana JMB-nya tidak meluluskan untuk Yang Berhormat Seputeh pergi.

Jadi memang Yang Berhormat Seputeh, bidang kuasa JMB- JMB mempunyai kuasa untuk menentukan apakah yang boleh dibuat dan tak boleh dibuat di dalam apartmen itu. Jadi mungkin Yang Berhormat Seputeh boleh berunding dengan pihak JMB, Yang Berhormat Seputeh kan Ahli Parlimen, jadi Yang Berhormat Seputeh boleh *sponsor*-kah, *lifeguard* kah, *whatever* untuk membantu Yang Berhormat Seputeh berenang, okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Sini, saya lihat yang ini SOP ini sektor pengurusan strata berkenaan dengan *common property*. Apa yang tertulis di sini ialah *facility* yang terdapat di dalam harta bersama boleh digunakan tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh kerajaan. Jadi saya pergi tanya pengurusan JMB di kondo saya, dia kata mereka tunggu SOP daripada Yang Berhormat Menteri. Itu sebab saya bangkit di sini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Kita ada SOP, jadi dia boleh lihat di dalam portal kita yang di bawah KPKT. Yang Berhormat Seputeh boleh lihat. Kalau tidak nanti kita buat secara bertulis kepada Yang Berhormat Seputeh untuk memberikan SOP itu. Okey, terima kasih.

Seterusnya saya menyentuh tentang kerajaan tempatan ya, okey. Sebelum saya menyentuh isu yang mengenai ini- saya hendak menyentuh tentang kuil di Alor Setar, Kedah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong kerana isu ini harus diberi penjelasan. Walaupun isu ini dibawa untuk Menteri Perpaduan, tetapi ia tidak berkaitan dengan isu perpaduan. Isunya mengenai isu tapak kuil itu yang sepatutnya telah berpindah- diminta untuk berpindah pada tahun 2014.

So, jadi kerana pengusaha ataupun operator kuil itu tidak mahu pindah, dan baru-baru ini baru keluar daripada Majlis Bandaraya Alor Setar dan juga pejabat tanah untuk mereka berpindah. Operator kuil yang pertama telah pindah ke lokasi tanah yang telah diberi oleh kerajaan negeri. Akan tetapi kerana kuil itu tidak dirobohkan lagi atau tidak dipindahkan atau ditutup, maka ada kumpulan yang kedua pula yang mengambil kesempatan untuk *operate* kuil itu.

Jadi oleh itu mereka telah membawa perkara ini ke mahkamah, tetapi sudah menarik balik pada 26 Ogos kes ini. Jadi tidak ada kes lagi. Cuma saya hendak ingatkan Yang Berhormat Jelutong- *I hope we put in the Hansard because* Yang Berhormat Jelutong tidak harus mengeluarkan *statements* yang mengapi-apikan seolah-olah Kerajaan Negeri Kedah mendiskriminasikan kuil ataupun *temple* Cina dan harus meneliti, harus matang mencari sebabnya. Sebagai Ahli Parlimen dan wakil rakyat, kita mencari sebabnya dahulu. Bukan terus menuduh dan ini tidaklah baik untuk keharmonian kaum dalam negara kita. So, saya harap kawan-kawan yang ada- Yang Berhormat Tanjong Malim, *please inform* Yang Berhormat Jelutong ya.

■1950

Yang Berhormat Kangar membangkitkan tentang... *[Disampuk]*

Tuan Sabri bin Aziz [Jerai]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: ...kerajaan tempatan...

Tuan Sabri bin Aziz [Jerai]: Dari Kedah ini. Jerai.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Okey.

Tuan Sabri bin Aziz [Jerai]: Saya mohonlah Yang Berhormat Padang Serai yang ada dalam Dewan kita ini, pada petang ini supaya menarik baliklah kata kerajaan Kedah perangai macam Israel. Mohon.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Oh, Yang Berhormat Padang Serai ada ya? Saya ingatkan tadi di situ. Rupanya di sini. Okey. Boleh Yang Berhormat Padang Serai tarik balik? Tuan Yang di-Pertua boleh tarik balik kerana telah mengeluarkan kata-kata...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya tidak mengatakan PAS ini Israel.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: ...yang apa yang mengancam...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya tidak- *check Hansard*, tengok.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: ...menimbulkan...

Tuan Sabri bin Aziz [Jerai]: Dalam *Hansard* kata kerajaan dari Kedah perangai macam Israel.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tiada, tiada, tiada. Orang yang merobohkan tempat ibadat dianggap sebagai lebih teruk dari Israel. Itu perkataan saya. Kalau *you* mahu tuduhkan *you* sendiri, itu bukan masalah saya. Okey? Saya tidak tuduh PAS. Saya katakan sesiapa yang merobohkan tempat-tempat ibadat dianggap lebih teruk dari Israel. Itu perkataan saya. *Check Hansard*. Itulah...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Tidak apa. Oleh sebab saya kesuntukan masa, Tuan Yang di-Pertua saya minta buat *ruling*.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...Kena *follow Hansard*.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Mungkin boleh semak dan buat *ruling*.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya pun hormati PAS bukan saya mahu tuduh macam itu.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Point of order*.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada di sini pada waktu itu. Biar saya *check Hansard*. Ya, izinkan saya *check Hansard* dan saya akan ambil tindakan yang sewajarnya setelah saya *check Hansard*.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Point of Order* 13. Cukup bilang bagi Majlis Mesyuarat dan Jawatankuasa bagi sesebuah Majlis Mesyuarat hendaklah mengandungi 26 orang Ahli dengan tidak termasuk Pengerusi. Saya rasa hari ini belum-tidak ada 26 orang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Allah, sudah hendak habis dah. Apa lah *you*.

Tuan Yang di-Pertua: Bentara tolong ambil kiraan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Okey. Saya ingat Yang Berhormat Tanjong Malim pun tahu kawan-kawan dia dekat luar. Okey. *All right*. Jadi, Yang Berhormat Kangar tentang...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Satu. Semua kena ada dalam Dewan ini. 26.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: *So, how...*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ini Tuan Yang di-Pertua kena buat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bilang seramai 22. Saya rasa. Berapa? Bentara boleh tolong bilang?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini publisiti murah lah. Sudah mahu habis masa. Lagi mahu panggil kuorum?

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, ada yang berada di surau sedang sembahyang. Sembahyang maghrib.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sekarang waktu- Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ini bukan publisiti. Ini adalah *point of order* Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Tanjong Karang, ini adalah *point of order*.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Karang hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ada pengalaman macam ini. Dahulu saya lupa tahun bila, waktu maghrib selalu dipanggil kuorum. Kawan-kawan kita sedang sembahyang maghrib.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Dahulu apa? Tahun lepas pun *you* orang buat macam itu.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak apa lah.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Dahulu apa?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita tidak panggil masa sembahyang maghrib lah.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tahun lepas pun *you* orang bangkitkan *Point of Order* 13.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat tahu tak waktu sembahyang maghrib? *[Menuding jari]*

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Bukan waktu maghrib.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Kita- boleh kita bunyi loceng seminit? Setiausaha.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ada 24 Ahli?... Ada berapa, ada 24 Ahli ya? Tidak cukup 26 Ahli? Oleh sebab, tidak cukup saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri sama ada untuk memberi jawapan lisan kepada yang selebihnya dan kita tangguh sahaja sehingga pukul 10 esok. Masa untuk Yang Berhormat Menteri pun sebenarnya tinggal sebanyak dua minit sahaja.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Masa tinggal dua minit sahaja pun kena tangguh.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kena tambahlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pastikan besok jangan bagi peluang langsung dia orang bertanya soalan. Tidak adil.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Jawab bertulis lah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Sebenarnya...

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Tuan Willie anak Mongin]: Ada masuk lagi ini... *[Menunjuk ke blok kerajaan]* BN ada masuk lagi. Cukup 26 kuorum. Okey, jangan balik dahulu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Jawapan bertulis.

Tuan Willie anak Mongin: Saya ada beli cermin ini. Saya hendak suruh sebelah sana cermin diri dahulu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Esok, jangan bagi PH mencelah. Jangan bagi. Yang Berhormat Menteri jawab esok jangan bagi...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Satu isu lagi tetapi saya jawab dahulu Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Kangar membangkitkan tentang isu anjing-anjing liar yang terbiar. KPKT hanya bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen. Jadi, anjing-anjing tidak berlesen kita boleh tangkap lah dan kita minta... *[Disampuk]*

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Biar saya jawablah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: KPKT boleh tangkap dan letak dalam sangkar. Akan tetapi, akta haiwan ini adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, bukan di bawah KPKT. Jadi, mereka yang akan buat keputusan sama ada hendak buat apa dengan anjing yang telah ditangkap itu. Kita juga ada melibatkan NGO-NGO untuk datang untuk *adopt* anjing-anjing ini. Akan tetapi, mungkin tidak cukup lagi NGO-NGO yang ke depan. Jadi, saya harap Yang Berhormat Kangar boleh jadi *champion* lah untuk tambahkan lagi NGO-NGO untuk ambil anjing-anjing yang terbiar ini. So, itu satu...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Isu yang saya bawa itu ialah penguat kuasa PBT.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ya, penguat kuasa PBT hanya boleh tangkap dan bersangkar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Berdasarkan SOP.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ya, SOP. Itu kes terpencil yang mungkin Yang Berhormat Kangar lihat seolah-olah ada tidak kepatuhan. Akan tetapi, insya-Allah penguat kuasa akan bertindak. Akan tetapi, saya setuju kalau kita boleh-Yang Berhormat Kangar boleh tambahkan lagi banyak NGO. Saya hendak buat lebih *structured*.

Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]: Boleh saya mencelah. Tebrau mencelah tentang isu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Okey, saya...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Apa yang saya cadangkan ialah...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Saya hendak pergi ke isu yang terakhir...

Tuan Yang di-Pertua: Kita sebenarnya telah habis masa untuk Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi, sayangnya banyak masa yang kita buang kerana perkara-perkara yang kita buat itu, saya tidak tahulah sama ada bermotifkan politik, bermotifkan yang tidak baik atau apa. Kalau kita tidak buang masa, kita sudah habis. Sekarang hendak pukul lapan malam. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri. Saya beri sehingga pukul lapan malam. Kemudian, kita tangguhkan. Sebab semua orang pun sudah letih sebenarnya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Ya, saya juga hendak menyentuh hal ini kerana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Tanjong Karang. Tidak dibangkitkan oleh sebelah sana. Akan tetapi, namun demikian saya ingin membuat satu ketetapan di sini bahawa mengenai *local government election*. KPKT saya sebagai Yang Berhormat Menteri yang menjaga kerajaan tempatan rasa komited untuk memperhebatkan, memperkasakan dan membudayakan kerajaan tempatan kerana isu-isu yang bersabitkan memerlukan keputusan dari kerajaan negeri. Ia membantutkan *empowerment* kepada PBT.

Jadi, oleh sebab manifesto untuk membuat *local government election* manifesto daripada Kerajaan Pakatan Harapan bukan daripada Kerajaan Perikatan Nasional maka ia tidak menjadikan keutamaan kepada Kerajaan Perikatan Nasional... [Tepuk] So, tetapi namun demikian *alhamdulillah* saya sudah ada *engagement* dengan *backbenchers* dan mereka memahami isu-isu yang telah saya bangkitkan dan mereka juga bersetuju untuk kita meminda akta yang ada untuk kita memperkukuhkan agar PBT-PBT boleh menguatkuasakan perkara-perkara seperti pelantikan Ahli Majlis dan juga cukai. Sekian, terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jawapan Yang Berhormat Menteri ini juga baguslah macam Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga. *Very good*. Bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu 5 Ogos 2020.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat malam.

[Majlis mesyuarat ditangguhkan pada pukul 8 malam]